

**KAEDAH PENGGUNAAN SUMBER HUKUM DALAM  
BERFATWA OLEH MAJELIS PERMUSYAWARATAN  
ULAMA (MPU) ACEH**

**AMIRUDDIN MUHAMMAD JAMIL**

**SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**2015**

## **Kebenaran Mengguna**

Dalam menyerahkan tesis ini, sebagai memenuhi keperluan pengajian ijazah Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju supaya pihak perpustakaan UUM mengedarkan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan, keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya, atau, semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini, untuk tujuan pemerolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu, pengiktirafan kepada saya dan UUM seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini.

Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau lain kegunaan, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, boleh dibuat dengan menulis kepada:

Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences  
UUM College of Arts and Sciences  
Universiti Utara Malaysia

## Abstrak

Kaedah penggunaan sumber hukum yang tetap adalah penting dalam amalan berfatwa. Dalam konteks Aceh, Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh merupakan institusi yang berotoritas dalam pengeluaran fatwa. Namun begitu, MPU Aceh tidak mempunyai suatu kaedah yang standard dan jelas dalam penggunaan sumber hukum. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti kaedah penggunaan sumber hukum dalam Islam di samping mengkaji proses pengeluaran fatwa oleh MPU Aceh. Seterusnya untuk mengenal pasti amalan kaedah penggunaan sumber hukum oleh institusi tersebut. Kaedah yang digunakan adalah melalui analisis kandungan. Analisis ini menggunakan teks-teks fatwa, dokumen-dokumen dan hasil temu bual bagi menghasilkan kaedah penggunaan sumber hukum MPU Aceh. Hasil kajian mendapati bahawa sekalipun MPU Aceh tidak mempunyai suatu kaedah penggunaan sumber hukum yang tetap dalam berfatwa, namun pada kenyataannya sudah wujud kaedah penggunaan sumber hukum dalam pengamalannya. Kaedah tersebut ialah dengan cara merujuk kepada al-Quran, al-Sunnah, ijmak, qiyas, *masālih mursalat*, *sad zarā'i* dan *'urf*. Selain itu, hasil kajian juga mendapati institusi tersebut merujuk pendapat para ulama muktabar, *qawā'id fiqhiyyat* dan undang-undang sedia ada di Aceh. Oleh itu, dapatan kajian boleh dijadikan suatu garis panduan kepada pihak MPU Aceh untuk merangka satu kaedah penggunaan sumber hukum yang tetap, dan dapat memudahkan proses pengeluaran sesuatu fatwa.

**Kata kunci:** Kaedah Penetapan, Sumber Hukum, Ijtihad, Fatwa, Mufti

## Abstract

The procedure of using fixed sources of Islamic law is highly important in the fatwa (religious edict) practice. In the context of Aceh, Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) is an institution which has the authority to issue fatwas. However, the Aceh MPU has no standard and clear method in using the sources. Therefore, this research aims to analyse the method in using/deriving sources of law in Islam and the processes of issuing fatwas by the Aceh MPU. Furthermore, this study identifies/examines the method of deriving Islamic law sources by the institution.

This research applies qualitative method through content analysis. Fatwas, documents and interviews are analyzed in order to produce a method of derivation of sources of Islamic law at the MPU. The findings show that even though MPU does not have a fix procedure in using the sources for issuing fatwas, there is a method already used by MPU in practice. The method is refer to the Al-Quran, Sunnah, *ijmak*, *qiyas*, *masālih mursalat*, *sad zarā'i* and *'urf*. Moreover, this study has found that this institution refers to prominent scholars, *qawā'id fiqhiyyat* and the existing laws in Aceh. This research can be used as guidelines for Aceh MPU to design a standard method of using sources of Islamic law and will ease the process of issuing fatwas.

**Key word:** method of istinbat, source of law, ijtihad, istinbat, fatwa, Mufti

## Penghargaan

Syukur Alhamdulillah, dengan nama-Mu yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Segala puji dan kesyukuran saya panjatkan kehadiran Allah S.W.T. di atas limpahan rahmat dan kurnia-Nya sehingga tesis ini dapat disempurnakan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih yang tak terhingga saya sampaikan kepada kedua-dua penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Kamarudin Ahmad dan Dr. Mohd. Akram b. Dato' Dahaman @ Dahlan yang telah memberikan bimbingan, sokongan dan tunjuk ajar. Sesungguhnya perhatian yang mereka berikan amatlah membantu dan tak terhingga nilainya dalam menyempurnakan kajian ini.

Seterusnya, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam usaha menjalankan kajian ini. Ucapan penghargaan terutamanya kepada semua responden, iaitu para pimpinan dan anggota MPU Aceh serta pegawai-pegawai di pejabat Sekretariat MPU Aceh. Terima kasih yang setinggi-tingginya juga saya rakamkan buat para sahabat dan kawan-kawan yang telah memberikan semangat dan dorongan yang sangat bermakna kepada saya, semoga Allah S.W.T membalas kepada mereka dengan ganjaran dan kebaikan yang setimpal.

Jutaan terima kasih kepada Ibunda tercinta (Umi Salamah Ishak) dikau menjadi sumber inspirasiku. Rentetan do'a sentiasa dicururkan buat ayahanda (Muhammad Jamil) yang telah lebih dulu berpulang ke rahmatullah, semoga arwah beliau sentiasa dicurahkan dengan rahmat dan keampunanNya. Kepada Ibunda mertua (Salbiah Abd. Rasyid) sekalung terima kasih di atas do'a, sokongan dan bantuan yang diberikan terutamanya kepada isteri dan anak-anak yang ditinggalkan bersamamu, semoga kesabaran dan jasa-jasamu diberi ganjaran yang selayaknya oleh Allah S.W.T.

Teristimewa buat isteri yang tercinta (Rika Salfiani Sulaiman) dan kedua cahaya mata yang tersayang (Salwa dan Bilal Azkiya) yang sentiasa bersabar dari kejauhan suami/ayah yang meninggalkan kampung halaman dalam usaha menyelesaikan kajian ini, segala pengorbanan, kesabaran dan ketegaran kalian amat tinggi nilainya.

Akhir sekali kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghasilkan kajian ini, segalanya didahulukan dengan segunung penghargaan dan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**Amiruddin Muhammad Jamil**  
**804705**

## Senarai Kandungan

Kebenaran Mengguna	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Senarai Kandungan	vi
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xi
Panduan Transliterasi	xii
Senarai Singkatan	xiii
Statut dan Enakmen	xiv

### **BAB SATU: PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan Masalah	2
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Ulasan Karya	7
1.5.1	Kitab dan Kajian Tentang Fatwa Secara Umum	7
1.5.2	Kitab-Kitab Yang Memperkatakan Tentang Sumber Hukum	9
1.5.3	Kajian Lepas Yang Berkaitan dengan MPU Aceh	10
1.6	Metodologi Kajian	12
1.6.1	Metode Pengumpulan Data	12
1.6.2	Metode Penganalisan Data	14
1.7	Skop Kajian	16
1.8	Definisi Konsep	17
1.8.1	Kaedah	17
1.8.2	Penggunaan	18
1.8.3	Sumber Hukum	18
1.8.4	MPU Aceh	18
1.8.5	Fatwa	19
1.9	Kerangka Teoritikal	19

1.10	Kepentingan Kajian	20
1.11	Kesimpulan	21

## **BAB DUA: KAEDAH PENGGUNAAN SUMBER HUKUM DALAM BERFATWA**

2.1	Pendahuluan	22
2.2	Pengertian Fatwa	22
2.2.1	Pengertian Fatwa Dari Sudut Bahasa	23
2.2.2	Pengertian Fatwa Dari Sudut Istilah	24
2.3	Kedudukan Fatwa Dalam Islam	26
2.4	Kaedah Penggunaan Sumber Hukum Dalam Berfatwa	29
2.4.1	Zaman Rasulullah s.a.w	30
2.4.2	Zaman Sahabat r.a	34
2.4.3	Zaman Tabiin dan Tabi Tabiin	39
2.4.4	Zaman Imam-Imam Mujtahid	41
2.4.4.1	Imam Abu Hanifah	44
2.4.4.2	Imam Malik bin Anas	46
2.4.4.3	Imam Syafi'i	47
2.4.4.4	Imam Ahmad bin Hanbal	48
2.4.5	Zaman Taqlid	48
2.4.6	Zaman Sekarang	53
2.5	Sumber Hukum dan Kedudukannya	58
2.5.1	Al-Quran	58
2.5.1.1	Pengertian Al-Quran	58
2.5.1.2	Kedudukan Al-Quran Sebagai Sumber Hukum	61
2.5.2	Al-Sunnah	61
2.5.2.1	Pengertian Al-Sunnah	61
2.5.2.2	Kedudukan Al-Sunnah Sebagai Sumber Hukum	62
2.5.3	Ijmak	64
2.5.3.1	Pengertian Ijmak	64
2.5.3.2	Kedudukan Ijmak Sebagai Sumber Hukum	65
2.5.4	Qiyas	67
2.5.4.1	Pengertian Qiyas	67
2.5.4.2	Kedudukan Qiyas Sebagai Sumber Hukum	69

2.5.5	Istiḥsān	70
2.5.5.1	Pengertian Istiḥsān	71
2.5.5.2	Kedudukan Istiḥsān Sebagai Sumber Hukum	72
2.5.6	Maṣāliḥ Mursalaṭ atau Istiṣlāḥ	74
2.5.6.1	Pengertian Maṣāliḥ Mursalaṭ	74
2.5.6.2	Kedudukan Maṣāliḥ Mursalaṭ Sebagai Sumber Hukum	75
2.5.7	Urf	76
2.5.7.1	Pengertian ‘Urf	76
2.5.7.2	Kedudukan ‘Urf Sebagai Sumber Hukum	77
2.5.8	Sad Zarā’i‘	79
2.5.9	Qawl Al-Ṣaḥābī	81
2.5.10	Syar‘ Man Qablanā	82
2.5.11	Istiṣḥāb	83
2.6	Kesimpulan	85

## **BAB TIGA: PERKEMBANGAN FATWA DI ACEH**

3.1	Pendahuluan	88
3.2	Fatwa Dalam Sejarah Aceh	88
3.3	MPU Aceh	95
3.3.1	Sejarah Penubuhan MPU Aceh	95
3.3.1.1	Awal Mula Penubuhan	95
3.3.1.2	Dikuatkuasakan dengan Undang-undang	96
3.3.1.3	Perubahan Nama	98
3.3.2	Landasan Hukum dan Kedudukan MPU Aceh	106
3.3.3	Struktur Organisasi MPU Aceh	108
3.3.4	Majelis Syuyukh MPU Aceh	110
3.3.5	Anggota MPU Aceh	111
3.3.6	Prosedur Pengeluaran Fatwa	114
3.3.7	Perjalanan Mesyuarat DPU	117
3.3.8	Sumber Hukum	119
3.4	Kesimpulan	121

## **BAB EMPAT: ANALISIS KAEDAH PENGGUNAAN SUMBER HUKUM OLEH MPU ACEH**

4.1	Pendahuluan	122
4.2	Fatwa MPU Aceh 2006-2010	122
4.3	Proses Penetapan Fatwa	125
4.4	Analisis Kaedah Penggunaan Sumber Hukum Oleh MPU Aceh Berdasarkan Beberapa Fatwa Terpilih Dari Tahun 2006-2010	126
4.4.1	Fatwa tentang “Administrasi Kependudukan ( <i>Al-Idarah As-Sukkaniyah</i> -Pencatatan Sipil)”	130
4.4.2	Fatwa tentang “Pupuk Bokashi”	137
4.4.3	Fatwa tentang “Hukum memperjual-belikan babi/anjing serta memakan harganya haram apalagi digunakan untuk Ongkos Naik Haji (ONH)”	141
4.4.4	Fatwa tentang “Berijtihad bagi yang mampu hukumnya adalah boleh, malah dalam keadaan tertentu hukumnya menjadi wajib”	147
4.4.5	Fatwa tentang “Titi Sirathal Mustaqim tidak ada”	152
4.4.6	Fatwa tentang “Ajaran Mengenal Tuhan baru dianggap sah dengan cara memfanakan wujud dan sifat”	157
4.4.7	Fatwa tentang “Manusia berasal dari Allah”, dengan menggu- nakan dalil: <i>إنا لله وإنا إليه راجعون</i> (Surah Al-Baqarah, ayat 156)	162
4.4.8	Fatwa tentang Nikah Siri	168
4.4.9	Fatwa tentang Terorisme	177
4.4.10	Fatwa tentang Penguatan Ekonomi dan Praktek Multi Level Marketing (MLM)	191
4.5	Kesimpulan	201

## **BAB LIMA: PENUTUP**

5.1	Pendahuluan	204
5.2	Rumusan dan Kesimpulan	206
5.3	Cadangan	209
5.4	Penutup	212
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	213

## **LAMPIRAN**

## Senarai Jadual

Jadual 1.1: Langkah dan Perkara Proses Penganalisisan Data	15
Jadual 2.1: Senarai Jenis Sumber Hukum dan Namanya	87
Jadual 3.1: Susunan Kepengurusan Komisi Ifta'	96
Jadual 3.2: Senarai Nama Anggota Majelis Syuyukh	110
Jadual 4.1: Senarai Fatwa MPU Aceh tahun 2006-2010	122
Jadual 4.5: Kesimpulan Kaedah Penggunaan Sumber Hukum Oleh MPU Aceh	203

## Senarai Rajah

Rajah 3.1: Carta Struktur Organisasi MPU Aceh

109

## Panduan Transliterasi

### Konsonan

Huruf Arab	Traskripsi	Huruf Arab	Transkripsi
ء	,	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sy	ي	y
ص	ṣ	ة	ṭ
ض	ḍ		

Dalam sistem vocal ‘Arab ada vocal pendek, ada vocal panjang dan diftong:

Vokal Pendek	Vokal Panjang	Diftong
َ (Fathah) a	آ : ā	او : aw
ُ (dammah) u	و : ū	اي : ay
ِ (kasrah) i	ي : ī	ي : iy/ī

Berdasarkan Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, cetakan 1988.

## Senarai Singkatan

a.s	<i>'Alayh al-Salam</i>
D.I	Daerah Istimewa
D.T.O	Ditandatangani oleh
DI/TII	Darul Islam/Tentara Islam Indonesia
DPRA	Dewan Perwakilan Rakyat Aceh
DPRD	Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
DPU	Dewan Paripurna Ulama
H	Haji
Hj	Hajjah
MAIBKATRA	Majelis Agama Islam Buat Kebaktian Asia Timur Raya
MASYUMI	Majelis Syura Muslimin Indonesia
MPU	Majelis Permusyawaratan Ulama
MUI	Majelis Ulama Indonesia
NAD	Nanggroe Aceh Darussalam
NU	Nahdlatul Ulama
Panmus	Panitia Musyawarah
PERDA	Peraturan Daerah
PERGUB	Peraturan Gubernur
PERTI	Persatuan Tarbiyah Islamiyah
Pesindo	Pemuda Sosialis Indonesia
PNS	Pegawai Negeri Sipil
PRI	Pemuda Republik Indonesia
Prov.	Provinsi
PUSA	Persatuan Ulama Seluruh Aceh
r.a	<i>radiyallah 'anh</i>
s.a.w	<i>Sallallahu 'Alaihi wasallam</i>
S.W.T	<i>Subhānahu wata'āla</i>
SK	Surat Keputusan
t.t	Tanpa Tahun; Tanpa Tempat.
Tgk.	Teungku (berasal dari perkataan tuanku)

## **Statut dan Enakmen**

Peraturan Daerah (PERDA) Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nombor 1/1966 tentang Pedoman Dasar Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Surat Keputusan (SK) Gubernur Kepala Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor: 038/1968, bertarikh 18 Julai Tahun 1968.

Surat Keputusan Gubernur Kepala Daerah Istimewa Aceh, Nomor: 17.a/II/1966, tanggal 15 April 1966 tentang kepengurusan Majelis Permusyawaratan Ulama dan kepengurusan Komisi Ifta'.

Surat Keputusan Gubernur Kepala Daerah Istimewa Aceh Nomor: 26/Kpts/II/1967, tanggal 13 Mei 1967.

Surat Keputusan (SK) Gubernur Kepala Daerah Istimewa Aceh Nomor: 437/1974 tanggal 26-8-1974.

Surat Keputusan Gubernur Kepala Daerah Istimewa Aceh, Nomor: 451.7/1754/1982.

Surat Keputusan Gubernur Kepala Daerah Istimewa Aceh, Nomor: 451.7/483/1993 tanggal 30 Oktober 1993.

Undang-undang Negara Republik Indonesia Nomor 44 Tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Peraturan Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh (Qanun) Nomor 5 Tahun 2000 tentang Pelaksanaan Syari'at Islam.

Peraturan Daerah (PERDA) Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 3 Tahun 2000 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

PERDA Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 43 Tahun 2001 tentang Perubahan Pertama atas PERDA Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 3 Tahun 2000 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja MPU Aceh.

Peraturan Menteri Dalam Negeri Republik Indonesia Nomor 18 Tahun 2008 Tentang Organisasi dan Tata Kerja Sekretariat Lembaga Keistimewaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

Peraturan Gubernur (PERGUB) Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 33 Tahun 2008 tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Sekretariat Lembaga Keistimewaan Aceh.

Undang-undang Negara Republik Indonesia Nomor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh.

Peraturan Tata Tertib MPU Aceh No.1 Tahun 2001.

Surat Keputusan Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh Nomor: 903/007/SK/2009

Qanun Aceh Nomor 2 Tahun 2009 Tentang MPU Aceh.

Surat Keputusan Gubernur Aceh Nomor 451.7/314/2010 tentang Pengukuhan Pengurus Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh Periode 2010-2012.

# **BAB SATU**

## **Pengenalan**

### **1.1 Pendahuluan**

Mufti dan institusi fatwa merupakan perkara yang sangat penting dalam sesebuah negara Islam. Peranannya dalam menentukan atau menetapkan hukum Islam sebagai panduan hidup umat Islam memang tidak dapat dinafikan, lebih-lebih lagi dalam suasana dunia yang semakin berkembang dan muncul persoalan baru yang dihadapi oleh umat Islam (Awang Abdul Aziz, 1998: 157).

Antara perkara yang perlu diberi perhatian berhubung mufti dan institusi fatwa ialah berkaitan penggunaan sumber hukum. Kekeliruan dalam penggunaan sumber hukum bukan sahaja boleh menjejaskan sesebuah institusi fatwa, malahan ia boleh mengelirukan umat Islam dalam memahami dan mengamalkan syariat Islam. Sebagai contoh ialah fatwa yang mengharuskan perempuan mendedahkan auratnya dihadapan orang yang bukan mahramnya pada majlis persandingan (kenduri) (Al-Qāsimī, 1986: 8). Sumber hukum apakah sebenarnya yang telah diguna pakai untuk mengeluarkan fatwa seperti ini ?

Mewujudkan sesebuah panduan yang tetap berkenaan kaedah penggunaan sumber hukum dalam berfatwa merupakan sesuatu perkara penting. Selain bertujuan untuk memudahkan proses pengeluaran fatwa, ianya juga dapat mengelak daripada berlakunya kecelaruan dalam penggunaan sumber hukum tatkala hendak mengeluarkan sesebuah fatwa. Sebaliknya ketiadaannya boleh menghambat proses pengeluaran fatwa, bahkan boleh menghalang pengeluarannya.

Sepanjang sejarah perundangan Islam, para ulama tidak pernah mengabaikan persoalan kaedah penggunaan sumber hukum. Sejak zaman Rasul s.a.w menyelusuri zaman sahabat dan para ulama terbilang sehinggalah ke zaman kini didapati wujud kepelbagaian dalam metode ini. Walaupun terdapat perselisihan yang kecil mereka tetap bersepakat meletakkan al-Quran dan sunnah Rasul s.a.w sebagai resos utama dalam berfatwa (Abdul Monir Yaacob, 1998: 25-26; Mohd. Akram, 2005: 2).

Dewasa ini, setiap institusi fatwa mempunyai kaedah tersendiri dalam penggunaan sumber hukum sebelum mengeluarkan fatwa. Malahan semua metode atau kaedah tersebut telah ditetapkan dalam undang-undang. Buktinya, di Malaysia setiap negeri mempunyai metode masing-masing dalam merujuk sumber-sumber hukum sebelum mengeluarkan fatwa (Mohd. Akram, 2005: 3).

## **1.2    Penyataan Masalah**

Aceh adalah sebuah provinsi (negeri) di Indonesia yang diberi kebebasan oleh Pemerintah Indonesia untuk menjalankan undang-undang syariat Islam. Pemerintah Aceh dengan peruntukan undang-undang memberi kuasa dan kepercayaan penuh kepada Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh sebagai satu-satunya institusi yang sah dan dikuatkuasakan dengan undang-undang untuk bekerja dalam perkara yang berkaitan dengan fatwa. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam fasal 5, ayat 1, Qanun Aceh nombor 2 tahun 2009 tentang MPU Aceh, iaitu:

“ MPU Mempunyai kewenangan:

- a) Menetapkan fatwa terhadap masalah pemerintahan, pembangunan ekonomi, sosial budaya dan kemasyarakatan;
- b) Memberikan arahan terhadap perbezaan pendapat dalam masalah keagamaan baik sesama umat Islam maupun antar umat beragama

lainnya”.

Undang-undang ini menjelaskan bahawa yang berkuasa dalam menetapkan dan mengeluarkan fatwa di Aceh hanyalah MPU Aceh. Selain itu segala permasalahan dalam kehidupan masyarakat Aceh yang berkaitan dengan agama Islam akan diminta penyelesaiannya kepada MPU Aceh. Dalam hal ini MPU Aceh berkewajipan memberikan fatwa dengan sejelas-jelasnya. Dengan kata lain MPU Aceh berkewajipan memberi penjelasan, fatwa, saranan dan cadangan terhadap permasalahan-permasalahan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat Aceh.

Seterusnya, jika diteliti keseluruhan kandungan undang-undang tersebut didapati bahawa tidak ada sesuatu kaedah penggunaan sumber hukum tertentu untuk MPU Aceh sebagai panduan dalam mengeluarkan fatwa. Sebaliknya, MPU Aceh diberi kepercayaan dan kebebasan sepenuhnya untuk menentukan sendiri hal-hal yang berkaitan dengan proses perbahasan, mesyuarat dan lainnya, termasuk proses penetapan atau pengeluaran fatwa. Sepertimana yang disebutkan dalam fasal 38 ayat 3, Qanun nombor 2 tahun 2009 tersebut, iaitu:

“Tatacara pelaksanaan persidangan dan rapat-rapat akan diatur lebih lanjut dalam Peraturan Tata Tertib MPU”

Maksud daripada *tatacara pelaksanaan persidangan dan rapat-rapat* ialah segala kerja-kerja MPU Aceh diserahkan sepenuhnya untuk diatur sendiri (dengan peraturan tata tertib MPU), termasuk di dalamnya proses penetapan dan pengeluaran fatwa.

Merujuk kepada “Peraturan Tata Tertib MPU”, tidak terdapat mana-mana bab atau pun fasal yang menyatakan dengan jelas berkaitan kaedah penggunaan sumber

hukum dalam berfatwa secara bertulis dan dikuatkuasakan untuk dijadikan sebagai panduan dalam berfatwa. Yang ada hanyalah cara pengambilan keputusan (pada setiap persidangan atau perbahasan), iaitu pengambilan keputusan ditetapkan dalam mesyuarat bermufakat berdasarkan suara majoriti (lebih dari setengah), sepertimana yang dinyatakan pada bab VII (Pengambilan Keputusan)<sup>1</sup>.

Keadaan ini tidak sepatutnya berlaku pada sebuah institusi fatwa yang telah sekian lama wujud di bumi Aceh, bahkan ianya merupakan pusat rujukan hukum Islam terhadap setiap permasalahan yang berlaku ditengah-tengah masyarakat Islam di Aceh. Terlebih lagi Aceh sebagai satu-satunya negeri di Indonesia yang menjalankan undang-undang syariat Islam.

Antara persoalan yang timbul ialah fatwa tidak dapat dikeluarkan terhadap sesuatu permasalahan yang memerlukan fatwa, sepertimana pengakuan daripada ketua MPU Aceh bahawa terdapat permasalahan yang memerlukan kepada fatwa, namun tidak dikeluarkan (Temu bual dengan Prof. Dr. Muslim Ibrahim, 3-12-2010).

Sekiranya sumber hukum yang digunapakai dalam amalan berfatwa sudah jelas, maka sudah pasti tidak ada hambatan atau alasan untuk tidak mengeluarkan fatwa. Mengingat setiap permasalahan dalam Islam memerlukan kepada penyelesaiannya, dan penyelesaian terhadap sesuatu permasalahan mestilah merujuk kepada sumber penyelesaiannya, iaitu sumber hukum Islam.

---

<sup>1</sup> Fasal 35, ayat 1-3, Peraturan Tata Tertib MPU Aceh no.1 tahun 2001.

Jika kita merujuk kepada sejarah perundangan Islam, terdapat kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai oleh setiap generasi Islam sepanjang zaman. Misalannya zaman para Sahabat r.a, kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan hukum ialah merujuk kepada al-Quran. Jika dengan merujuk kepada al-Quran permasalahan belum terungkaikan, mereka akan merujuk kepada al-sunnah, dan apabila setelah merujuk kepada keduanya tidak terdapat penyelesaiannya, mereka akan berijtihad sendiri (Abū Zahrah, t.t: 232-234; Zaydān, t.t: 119-120; Al-Mallah, 2001: 59).

Demikian juga generasi Islam selepas mereka, seperti para Imam mazhab yang empat, mereka memiliki kaedah penggunaan sumber hukum tersendiri dalam menggali sesuatu hukum atau fatwa. Malahan dewasa ini setiap institusi fatwa memiliki kaedah penggunaan sumber hukum tersendiri dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa, sepertimana yang telah disentuh pada perbahasan sebelumnya.

Jelas daripada pernyataan di atas menunjukkan keperluan kepada satu kajian yang menyeluruh dilakukan. Kajian tersebut adalah usaha untuk menjelaskan satu bentuk kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai oleh MPU.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Perbahasan dalam sesebuah kajian akan terarah dan fokus jika permasalahannya jelas. Oleh itu, perlu dilakukan penetapan masalah-masalah pokok dan penting untuk mendapatkan pemecahan. Berdasarkan kepada permasalahan yang timbul sepertimana yang telah disentuh pada pernyataan masalah sebelumnya, terdapat beberapa permasalahan utama yang menjadi persoalan dalam kajian ini, iaitu:

1. Sumber hukum apakah yang diguna pakai dalam berfatwa dalam Islam ?
2. Bagaimanakah proses perbincangan dan pengeluaran fatwa oleh MPU Aceh sebagai badan yang berkuasa fatwa di Aceh ?
3. Sumber hukum apakah yang diguna pakai dalam berfatwa oleh MPU Aceh ?

Soalan-soalan ini merupakan permasalahan utama bagi kajian ini. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan bagi mengetahui berkenaan pendekatan sumber hukum yang diambil dan digunapakai oleh institusi tersebut.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat beberapa tujuan yang ingin dicapai dalam kajian ini antara lain ialah:

1. Mengkaji sumber hukum yang diguna pakai dalam berfatwa dalam Islam.
2. Meneliti proses perbincangan dan pengeluaran fatwa oleh MPU Aceh sebagai badan berkuasa fatwa di Aceh.
3. Mengkaji sumber hukum yang diguna pakai dalam berfatwa oleh MPU Aceh.

## 1.5 Ulasan Karya

Perbahasan dan penelitian berkaitan fatwa, institusinya serta hal-hal berkenaan, secara umumnya merupakan sebahagian daripada kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para ulama dan para sarjana Islam terdahulu dan juga semasa. Kajian-kajian yang telah dijalankan meliputi pelbagai permasalahan sama ada secara umum atau secara khusus.

Secara umumnya topik perbincangan berkaitan kajian-kajian lepas dapat dibahagi kepada tiga, iaitu: kajian tentang fatwa secara umum, kajian tentang sumber hukum dan kajian lepas berkaitan MPU Aceh.

### 1.5.1 Kitab dan Kajian Tentang Fatwa Secara Umum.

Kitab-kitab yang membahas berkaitan fatwa secara umum antaranya ialah: *Ādāb al-Fatwa* karangan Imam al-Nawāwī (1988), kitab *al-Aḥkām Fī Tamyīz al-fatwa Min al-Aḥkām* karangan Imam al-Qarāfī (1995) dan kitab *al-Faqīh Wa al-Mutafaqqih* karangan al-Khatīb al-Baghdādī (1996). Terdapat juga sebuah kitab karangan Imam Ibn Qayyim Al-Jawziyyah (1423 H) iaitu kitab *A'lām al-Muwaqqi'īn 'An Rab al-'Ālamīn* di mana hampir sebahagian kandungannya membincangkan tentang fatwa.

Bagi menyambung usaha ulama terdahulu, ulama zaman sekarang juga telah menulis beberapa buah kitab yang merupakan penambahan atas konsep asal serta menyusunnya dengan susunan yang lebih mantap seperti kitab *al-Fatwa Fī al-Islām* karangan Jamal al-Dīn al-Qāsimī (1986), dan kitab *Mabāhith Fī Aḥkām al-Fatwa* karangan Dr. Amir Sa'īd al-Zibārī (1995). Muḥammad Sulaimān Abd Allah al-

Asyqar (1976) juga telah menulis sebuah kitab tentang fatwa yang bertajuk *Al-futyā wa manāhij al-iftā'*.

Terdapat sebuah kitab hasil usaha sarjana Islam zaman kini yang memaparkan mengenai perkembangan fatwa dan metodenya dari dulu hingga kini, iaitu kitab *al-Fatwa: Nasy'atuhā Wa Taṭawwuruhā-Uṣūluhā Wa Taṭbīqātuhā* karangan Syaikh Hussin Muḥammad Al-Mallah (2001). Namun, isi kandungan kitab-kitab berbahasa arab ini secara umumnya lebih menitikberatkan persoalan asas fatwa yang meliputi definisi, kedudukan, metode fatwa secara umum dan beberapa perkara yang berkaitan dengan mufti.

Melihat perkembangan keilmuan tentang fatwa di Malaysia, terdapat beberapa karya yang telah dihasilkan berkenaan dengan fatwa. Antaranya ialah kajian yang bertajuk *Fatwa Dalam Perundangan Islam* oleh Osman Ishak (1981) dan buku yang bertajuk *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*, yang telah disunting oleh Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid (1998).

Selain itu, terdapat juga secara khusus kajian yang mengemukakan tentang metode fatwa. Kajian-kajian itu merupakan desertasi-desertasi pada peringkat sarjana. Antaranya ialah *Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dalam mengeluarkan fatwa-fatwa: Kajian dari tahun 1985-1995* oleh Alias bin Azhar (2001) di Universiti Malaya.

Fokus kajian dalam desertasi beliau memberi penekanan kepada sejarah perkembangan institusi fatwa dan pengaruh taqlid dalam pembentukan fatwa. Kajian

tersebut juga mengupas eksistensi institusi fatwa di Malaysia secara umumnya dan institusi fatwa Kedah khususnya. Kemuncak kajian ini adalah menganalisis beberapa fatwa terpilih yang telah dikeluarkan oleh jawatan kuasa fatwa Kedah, dengan kesimpulan tentang metode Jawatankuasa Fatwa ialah menggunakan dua pendekatan dalam memutuskan fatwa, iaitu, pertama: bertaqlid kepada mazhab secara mutlak, kedua: *bertaqlīd* kepada prinsip-prinsip hukum yang terdapat dalam perbendaharaan fiqh aliran mazhab Syafi'i, di samping menggunakan metodologi pendekatan *talfīq* (Alias bin Azhar, 2001: 78).

Selanjutnya, terdapat juga satu karya ilmiah iaitu Metode fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: kajian berasaskan fatwa-fatwa tahun 1990-2000 oleh Mohd Akram bin Dahaman @ Dahlan (2005) di Universiti Malaya. Desertasi ini memberi fokus pada kewujudan institusi fatwa negeri Perlis, mengkaji metodologi fatwa institusi fatwa berkenaan serta menganalisis beberapa fatwa terpilih sehingga melahirkan suatu kesimpulan bahawa metodologi yang diterapkan oleh Jawatankuasa fatwa Negeri Perlis menggunakan pendekatan *Ahl al-Sunnat wa al-Jama'at* dengan tidak terikat dengan satu-satu mazhab, tetapi tetap menggunakan semua pendapat dan pandangan daripada mazhab-mazhab sebagai panduan (Mohd Akram, 2005: 173).

### **1.5.2 Kitab-Kitab Yang Memperkatakan Tentang Sumber Hukum**

Kitab-kitab yang memperkatakan berkaitan sumber hukum, antaranya ialah: kitab *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* karangan Wahbah Al-Zuhaylī (1986), kitab *Ilm Uṣūl al-Fiqh* karangan Abd Wahhāb Khallāf (t.t.), kitab *Uṣūl al-Fiqh*. Muhammad Abū Zahrah (t.t). Antara isi kandungan kitab-kitab tersebut ialah membahas sumber hukum dan membahagikannya kepada dua bahagian, iaitu sumber hukum yang disepakati para

ulama (*Maṣādir al-Aḥkām al-Syar'iyyaṭ al-Muttafaq 'alaihā*) dan sumber hukum yang tidak disepakati para ulama (*Al-Adillaṭ al-Mukhtalaf Fīhā*). Selain itu, kitab-kitab tersebut juga membicarakan pandangan para ulama berkaitan penggunaan sumber hukum dan kedudukannya.

Terdapat juga beberapa kitab lain yang membicarakan berkaitan sumber hukum secara umum, antaranya ialah kitab *Maṣādir al-Tasyrī' al-Islāmī Fī Mā Lā Naṣṣa Fīh* karangan Abd Al-Wahhāb Khallāf (1993), kitab *Al-Madkhal li Dirāsaṭ al-Syarī'aṭ al-Islāmiyyaṭ* karangan Abd Al-Karīm Zaydān (t.t), kitab *Al-fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* karangan Wahbah Al-Zuhaylī (1985), kitab *Maṣādir al-Tasyrī' al-Islāmī* karangan Abbās Shoman (2000), kitab *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyaṭ* karangan Muhammad Abū Zahrah (t.t), kitab *Mu'ālim Uṣūl al-Fiqh 'Inda Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah* karangan Muḥammad Ibn Husain Ibn Hassān Al-Jīzānī (1996), kitab *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī* karangan Mannā' Al-Qaṭṭān (2001), kitab *Khullāṣaṭ Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī* karangan Abd Al-Wahhāb Khallāf (t.t.). Secara umumnya, antara isi kandungan kitab-kitab ini membicarakan sumber-sumber hukum yang telah digunapakai oleh para ulama dalam menggali hukum-hukum syarak, termasuk juga dalam amalan berfatwa.

### **1.5.3 Kajian Lepas yang Berkaitan dengan MPU Aceh**

Terdapat beberapa kajian sebelumnya yang telah dijalankan berkaitan MPU Aceh, antaranya ialah kajian telah dijalankan oleh Husni (2000) yang bertajuk *Metode Istinbat MUI Aceh (Suatu Kajian Terhadap Penyelesaian Kasus-Kasus Dalam Komisi Fatwa)* di IAIN Ar-Raniry Banda Aceh. Kajian ini difokuskan pada metode *istinbath* hukum MUI Aceh, yang berhasil disimpulkan bahawa MUI Aceh

menggunakan pola penalaran *bayani*, *ta'lili* dan *istishlahi* dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa (Husni, 2000: 78).

Terdapat juga satu kajian yang bertajuk *Legislasi<sup>2</sup> Hukum Islam Di Era Modern (Tinjauan tentang Peranan MPU dalam Pembuatan Qanun Syari'at Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam)* di IAIN Ar-Raniry Banda Aceh yang dijalankan oleh M. Samir Fuady (2007). Perbahasan kajian ini ditumpukan pada peranan MPU Aceh dalam perancangan dan pembuatan kanun Syari'at Islam di Aceh. Hasil kajian menyimpulkan bahawa pengangkatan (perbincangan) dan purifikasi<sup>3</sup> (penyelesaian) sesuatu masalah sehingga menjadi kanun bukan oleh MPU, akan tetapi oleh kalangan akademik, inisiatif<sup>4</sup> legislator<sup>5</sup> dan institusi dinas<sup>6</sup> terkait (Fuady, 2007: 87).

Masih banyak lagi karya-karya ilmiah yang telah dijalankan oleh sarjana-sarjana Islam sebelum ini yang berkaitan dengan fatwa dan institusinya. Namun sejauh penelitian pengkaji belum terdapat suatu kajian yang terfokus pada kaedah penggunaan sumber hukum MPU Aceh dalam berfatwa. Oleh itu, suatu kajian yang terperinci perlu dilakukan terhadap kaedah penggunaan sumber hukum MPU Aceh dalam berfatwa supaya sebarang penemuan dan hasil kajian dapat diaplikasikan demi kebaikan institusi tersebut.

---

<sup>2</sup> Bermaksud: penyusunan undang-undang (Salim, 2002:848)

<sup>3</sup> Bermaksud: penyucian: pembersihan (Salim, 2002:1209)

<sup>4</sup> Bermaksud: usaha yang mula-mula (Salim, 2002:569)

<sup>5</sup> Bermaksud: perancang undang-undang (Salim, 2002:848)

<sup>6</sup> Bermaksud: 1. pecahan dari pekerjaan umum yang menangani hal-hal tertentu; jawatan. 2. Semua hal yang berhubungan dengan instansi pemerintah (Salim, 2002:355)

## 1.6 Metodologi Kajian

Tidak dapat dinafikan bahawa metode kajian merupakan salah satu perkara penting dalam melakukan sesuatu penyelidikan. Melihat dari sudut datanya<sup>7</sup>, kajian ini tergolong kedalam jenis kajian kualitatif<sup>8</sup>. Oleh itu, sepanjang kajian ini dijalankan akan menggunakan beberapa metode bagi mengumpul segala maklumat dan data. Antara metode yang digunakan ialah:

- a) Metode Pengumpulan Data.
- b) Metode Penganalisan Data.

### 1.6.1 Metode Pengumpulan Data

Secara umumnya semua data yang terlibat dalam kajian ini terbahagi menjadi dua, iaitu data primer<sup>9</sup> dan data sekunder<sup>10</sup>. Data daripada sumber data seperti dokumen yang diperoleh daripada pejabat MPU Aceh, seperti teks fatwa dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dikategorikan sebagai data primer. Manakala data yang diperoleh daripada sumber data lain dikategorikan sebagai data sekunder, iaitu data sampingan dan pelengkap data primer. Kajian ini menggunakan beberapa kaedah berikut dalam mengumpulkan data, iaitu:

---

<sup>7</sup> Data kualitatif ialah data yang abstrak (*intangible*) atau tidak terukur seperti ingin menjelaskan; tingkat nilai kepercayaan terhadap rupiah menurun, citra perusahaan kurang baik, harga-harga sembako stabil, dan pelayanannya kurang memuaskan bagi pelanggan (Ruslan, 2006: 28-29)

<sup>8</sup> Penyelidikan kualitatif menggunakan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan, persepsi, ciri-ciri, simbol, perasaan atau apa sahaja yang boleh menjelaskan fenomena. Fakta atau maklumat dalam konteks data kualitatif boleh juga dalam bentuk angka tetapi angka yang sudah tepat atau telah siap diproses seperti perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Negara. Sumber bagi data kualitatif adalah dalam bentuk bertulis seperti buku, laporan, fail, akhbar, diari, manuskrip, surat atau catatan peribadi dan sebagainya (Idris Awang, 2009: 26).

<sup>9</sup> Merupakan data yang diperoleh secara langsung daripada objek penelitian perorangan, kelompok, dan organisasi (Ruslan, 2006: 29).

<sup>10</sup> Data dalam bentuk yang sudah jadi (tersedia) melalui publikasi dan informasi yang di keluarkan di berbagai organisasi atau perusahaan, termasuk majalah jurnal, khusus pasar modal, perbankan, dan keuangan (Ruslan, 2006: 30).

- a) Kaedah Kepustakaan
- b) Kaedah Temu bual

a) Kaedah Kepustakaan

Melalui kaedah ini, pencarian maklumat banyak terfokuskan di perpustakaan bagi mendapatkan maklumat yang benar dan tepat, terutamanya yang berkaitan dengan kaedah penggunaan sumber hukum disepanjang sejarah Islam yang telah dilakukan oleh para ulama terdahulu dan kontemporari. Seterusnya, segala maklumat yang diambil sama ada berkaitan definisi, sejarah dan sebagainya. Kaedah ini diaplikasikan pada semua bab, terutamanya bab dua yang melibatkan perbincangan berkaitan fatwa, kaedah penggunaan sumber hukum dan kedudukannya.

Bagi keperluan hal tersebut di atas, beberapa perpustakaan sama ada di Aceh mahupun di Malaysia telah dikunjungi. Di Aceh perpustakaan-perpustakaan yang digunakan ialah Perpustakaan MPU Aceh, perpustakaan A. Hasjmi, Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri (IAIN Ar-Raniry/sekarang UIN Ar-Raniry), dan Perpustakaan Awam negeri Aceh. Sementara di Malaysia pula antara perpustakaan yang dikunjungi ialah Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM), Perpustakaan Universiti Utara Malaysia (UUM), Perpustakaan Kolej Islam Insaniah (KUIN), dan Perpustakaan Universiti Malaya (UM).

Selain itu, penggunaan sumber maklumat dalam bentuk digital, seperti kitab-kitab Arab turut digunakan. Terdapat kepelbagaian sumber maklumat dalam bentuk digital yang boleh dimuat turun daripada laman web, seperti [www.al-mostafa.com](http://www.al-mostafa.com), [www.waqfeya.com](http://www.waqfeya.com), [www.bib-alex.com](http://www.bib-alex.com) dan lainnya.

b) Kaedah Temu bual

Kaedah temu bual juga turut digunakan bagi mendapatkan maklumat, khususnya maklumat yang tidak didokumentasikan. Kaedah ini menggunakan prosedur temu bual secara tidak berstruktur<sup>11</sup>. Beberapa soalan yang telah disediakan diajukan kepada beberapa orang responden yang dipilih untuk ditemu bual. Kaedah ini sangat berguna terutama dalam hal yang berkaitan dengan proses perbincangan permasalahan yang menghasilkan sesebuah fatwa dan metode sumber hukum institusi tersebut. Antara responden-responden yang ditemu bual ialah mereka yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran fatwa, bermula daripada permasalahan yang diajukan kepada MPU Aceh hingga fatwa dikeluarkan.

### **1.6.2 Metode Penganalisan Data**

Bagi menganalisis data yang telah dikumpul, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Metode ini sangat sesuai untuk digunakan dalam kajian ini memandangkan fokus kajian diberi tumpuan ke atas teks-teks fatwa yang dikeluarkan oleh MPU Aceh. Asal-usul kaedah analisis kandungan ialah semata-mata untuk mengesan apa yang terkandung dalam teks, sepertimana yang dinyatakan oleh Asiah Sarji (Asiah Sarji, 1999: 22).

Terdapat enam langkah bersifat umum yang diutarakan para ilmuwan kaedah analisis kandungan, ia boleh digunakan untuk menguruskan data secara kuantitatif, dan boleh juga digunakan untuk menguruskan data kualitatif. Langkah-langkah tersebut ialah, pertama: mengenalpasti permasalahan kajian; kedua: memilih sampel dan memberi

---

<sup>11</sup> Mengajukan soalan yang tidak diiringi jawapan pilihan untuk dipilih oleh responden. Ia bermaksud, responden diberi kebebasan untuk menjawab soalan terbuka menurut minat dan pengetahuan sendiri (Sulaiman Masri, 2005:64)

definisi kepada konsep-konsep terpilih; ketiga: membaca dan merekodkan isi kandungan mengikut peraturan yang objektif; keempat: menentukan skor-skor yang dipilih; kelima: membandingkan skor-skor yang diperolehi; keenam: memberi interpretasi hasil kajian berdasarkan konsep dan teori tertentu (Asiah Sarji, 1999: 23).

Proses penganalisan dalam kajian ini sentiasa disandarkan kepada tajuk dan permasalahan kajian yang dijalankan. Hal ini bertujuan agar tidak lari daripada tujuan penyelidikan. Atas dasar ini, teks-teks fatwa terpilih yang dikeluarkan oleh MPU Aceh dianalisis secara teliti dengan memberi fokus kepada sumber hukum yang digunakan dalam menghasilkan sesebuah fatwa. Sumber-sumber hukum yang terdapat dalam setiap teks fatwa dirumuskan sebagai sebuah kesimpulan yang terhasil daripada proses penyelidikan ini.

Jadual berikut mempernyatakan penggunaan langkah-langkah daripada kaedah tersebut dalam menganalisis setiap fatwa:

Jadual 1.1

*Langkah dan Perkara Proses Penganalisan Data*

<b>Bil.</b>	<b>Langkah</b>	<b>Perkara</b>
1	Mengenalpasti permasalahan kajian	Kaedah penggunaan sumber hukum yang diguna pakai oleh MPU Aceh merupakan permasalahan kajian ini
2	Memilih sampel dan memberi definisi kepada konsep-konsep terpilih	Sampel kajian ialah sepuluh fatwa yang dipilih dari tahun 2006 hingga 2010
3	Membaca dan merekodkan isi kandungan mengikut peraturan yang objektif	Setiap fatwa yang terpilih dibaca satu persatu dengan memberi tumpuan kepada sumber hukum dan dalil, serta merekodkannya sesuai

		dengan objektif kajian
4	Menentukan skor-skor yang dipilih	Setiap sumber hukum atau dalil yang terdapat dalam setiap fatwa direkodkan sebagai skor analisis
5	Membandingkan skor-skor yang diperolehi	Melakukan perbandingan antara satu fatwa dengan fatwa lainnya dari segi penggunaan sumber hukum berdasarkan skor-skor yang diperolehi
6	Memberi interpretasi hasil kajian berdasarkan konsep dan teori tertentu	Memberi penilaian terhadap rumusan berkaitan kaedah penggunaan sumber hukum oleh MPU Aceh yang terdapat pada sepuluh fatwa yang terpilih berdasarkan konsep dan teori penggunaan sumber hukum disepanjang sejarah perundangan Islam.

### 1.7 Skop Kajian

Perbahasan dalam kajian ini hanya difokuskan kepada kaedah penggunaan sumber hukum oleh MPU Aceh dalam berfatwa. Hal-hal lain yang tidak ada kaitan dengan penggunaan sumber hukum tidak dibahas dalam kajian ini. Ini dimaksudkan agar kajian ini lebih terfokuskan pada satu permasalahan saja, iaitu kaedah penggunaan sumber hukum. Dengan harapan agar hasil yang tercapai lebih maksimum.

Manakala wilayah penyelidikan ini ialah provinsi Aceh, sebagai satu-satunya negeri di Indonesia yang diberi kebebasan untuk menjalankan undang-undang syariat. Seterusnya masa yang ditentukan untuk kajian dijalankan ialah dari tahun 2006 hingga tahun 2010. Pemilihan tempoh masa ini berkaitan erat dengan proses pengumpulan fatwa. Kajian hanya dapat memastikan fatwa dapat dikumpulkan dari tahun 2006. Manakala fatwa-fatwa tahun sebelumnya terhalang pengumpulannya

oleh musibah tsunami akhir tahun 2004 yang menenggelamkan ibu pejabat MPU Aceh. Seterusnya, tahun 2010 merupakan masa bermulanya kajian dijalankan.

## **1.8 Definisi Konsep**

Pada sesebuah kajian akan lebih mantap perbahasannya jika dilengkapi dengan penghuraian terhadap beberapa istilah yang kerap diguna pakai dalam kajian tersebut. Oleh itu, pada bahagian ini akan mempernyatakan berkenaan dengan beberapa istilah yang sering digunakan dalam kajian ini. Istilah-istilah tersebut ialah:

- a) Kaedah
- b) Penggunaan
- c) Sumber hukum
- d) MPU Aceh
- e) Fatwa

### **1.8.1 Kaedah**

Kaedah bermaksud cara atau peraturan membuat sesuatu (terutamanya yang bersistem atau biasa) (Kamus Dewan, 2010: 653). Menurut Kamus Bahasa Indonesia pula, kaidah bermaksud aturan yang tentu (Kamus Bahasa Indonesia, 2008: 615). Dalam kajian ini metode bermaksud cara atau kaedah yang digunakan oleh MPU Aceh dalam merujuk kepada sumber hukum dalam mengeluarkan fatwa.

### **1.8.2 Penggunaan**

Menurut Kamus Dewan, kata ‘penggunaan’ bermaksud perihal (perbuatan, kegiatan, dll) menggunakan sesuatu atau pemakaian (Kamus Dewan, 2010: 489). Maksud penggunaan dalam kajian ini ialah pemakaian atau pemilihan sumber hukum oleh MPU Aceh dalam berfatwa.

### **1.8.3 Sumber hukum**

Sumber bermaksud asal, mula atau punca (Kamus Dewan, 2010: 1541). Manakala hukum bermaksud peraturan yang dibuat oleh sesuatu kekuasaan (negara dan lain-lain), adat yang dianggap mesti dipatuhi, undang-undang (Kamus Dewan, 2010: 549). Dalam kajian ini penggunaan perkataan ‘sumber hukum’ membawa maksud asal mula sesuatu ketentuan atau peraturan yang ditetapkan oleh syarak. Dalam penggunaan istilah Arab dikenali dengan perkataan “*al-adillat al-tasyrī*’ atau *al-maṣādir al-tasyrī*’ ”.

### **1.8.4 MPU Aceh**

MPU ialah singkatan daripada Majelis Permusyawaratan Ulama. MPU ialah sebuah institusi atau badan yang berkuasa untuk mengeluarkan fatwa di Aceh, yang berkedudukan di ibu negeri Aceh, iaitu Banda Aceh. Manakala Aceh adalah sebuah provinsi (negeri) di negara Indonesia. Nama atau sebutan kepada negeri Aceh pernah berlaku perubahan. Antaranya ialah negeri *Daerah Istimewa Aceh* (D.I. Aceh), *Nanggroe Aceh Darussalam* (NAD). Namun perkataan Aceh tidak pernah hilang dan tetap kekal.

### 1.8.5 Fatwa

Fatwa ialah sebuah nama atau istilah yang digunakan untuk memperjelaskan sesuatu hukum syarak kepada orang yang bertanya tentangnya. Perkataan fatwa berasal dari bahasa Arab, iaitu *futya* atau *fatwa*. Perkataan tersebut telah popular dikalangan umat Islam sebagai sebuah nama yang digunakan untuk menjelaskan hukum syarak.

### 1.9 Kerangka Teoritikal

Kajian ini ialah mengkaji metode sumber hukum yang digunapakai MPU Aceh dalam mengeluarkan sesuatu fatwa. Oleh itu, kerangka teoritikal kajian ini ialah sumber hukum yang terdapat dalam sepanjang sejarah perundangan Islam, iaitu sumber hukum yang terdapat dalam kitab-kitab *uṣūl al-fiqh* atau kitab-kitab seumpamanya, seperti kitab *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Al-Zuhaylī, 1986), *ʿIlm Uṣūl al-Fiqh* (Khallāf, t.t), *Uṣūl al-Fiqh* (Abū Zahrah, t.t), *al-Madkhal Li Dirāsah al-Syarīʿah al-Islāmiyyah* (Zaydān, t.t.), *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah Fī al-Siyāsah Wa al-ʿAqāʾid Wa Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhiyyah* (Abū Zahrah, t.t), *Maṣādir al-Tasyrīʿ al-Islāmī* (Shoman, 2000), *Maṣādir al-Tasyrīʿ al-Islāmī Fī Mā Lā Nassa Fī hī* (Khallāf, 1993), *Tārīkh al-Tasyrīʿ al-Islāmī* (Al-Qaṭṭān, t.t), *Khullāṣah Tārīkh al-Tasyrīʿ al-Islāmī* (Khallāf, t.t), *Muʿālim Uṣūl al-Fiqh ʿInda Ahl al-Sunnah Wa al-Jamāʿah* (Al-Jīzānī, 1996) dan lainnya.

Secara tegasnya, sumber hukum yang dijadikan sebagai acuan bagi mengkaji metode penggunaan sumber hukum MPU Aceh ialah sumber hukum yang terdapat dalam aliran mazhab yang beraqidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamāʿah* sahaja, sama ada sumber hukum yang disepakati para ulama mahu pun sumber hukum yang tidak disepakati oleh mereka. Dengan demikian, kajian ini sama sekali tidak menyentuh

sumber hukum selainnya, seperti sumber hukum yang terdapat dalam mazhab syi'ah atau seumpamanya.

### **1.10 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dapat memberi sumbangan kefahaman kepada masyarakat tentang peranan fatwa dalam Islam serta metode pengambilan sumber hukum yang diikuti oleh ulama sampai sekarang. Melalui kajian ini juga, masyarakat dapat mengetahui dengan lebih terperinci proses sesuatu fatwa sebelum diputuskan dan dikeluarkan terutama dalam perkara berkaitan sumber hukum. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu masyarakat dalam memahami dengan lebih jelas hukum sesuatu fatwa serta penghujahannya.

Manakala bagi pihak yang bersangkutan dalam mengeluarkan fatwa iaitu Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh, kajian ini amat bermanfa'at bagi menilai kembali tentang proses pengeluaran fatwa dalam segala aspek terutama kaedah penggunaan sumber hukum. Dengan mengetahui keunggulan dan kelemahan dalam kajian ini, pihak yang bersangkutan dapat memantapkan dan menambahbaikkan lagi institusi fatwa agar lebih berwibawa dan menjadi tempat rujukan utama dalam segala permasalahan yang berkaitan dengan agama.

Oleh itu, dengan kajian ini diharap sedikit sebanyak dapat memberi beberapa maklumat penting sebagai cadangan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mengukur standar dan tahap yang telah dicapai bagi sesuatu fatwa. Dengan kajian ini juga, diharapkan dapat memberi input yang baharu bagi memutuskan suatu fatwa yang kukuh dan kuat penghujahannya, serta lebih berwibawa. Seterusnya dapat

diterima dan diamalkan oleh umat Islam pada hari ini yang semakin luas wawasan dan tinggi tahap keilmuannya.

### **1.11 Kesimpulan**

Fatwa merupakan salah satu cara untuk menyampaikan sesuatu hukum syarak kepada umat Islam di Aceh. Ia juga satu cara untuk memecahkan permasalahan dalam kehidupan masyarakat Aceh terutamanya yang berkaitan dengan syariat Islam. Kewujudan dan kedudukan fatwa di tengah-tengah masyarakat Aceh amat penting bagi mengawal masyarakat supaya sentiasa berada di atas landasan Islam yang benar. Atas dasar itu, kajian ini memberi tumpuan kepada kaedah penggunaan sumber hukum yang diguna pakai dalam berfatwa oleh badan yang berautoriti, iaitu MPU Aceh. Hal ini perlu kerana ketiadaan sumber hukum yang jelas dan tetap dalam berfatwa akan membawa kepada keraguan dan kebimbangan masyarakat Islam terhadap pengamalan sesuatu fatwa, lebih dari itu menjadikan mereka menganggap ringan terhadap perlaksanaannya.

## **BAB DUA**

### **KAEDAH PENGGUNAAN SUMBER HUKUM DALAM BERFATWA**

#### **2.1 Pendahuluan**

Perbahasan dalam bab ini merangkumi pengertian fatwa dari sudut bahasa dan istilah. Selain itu, bab ini akan memperkatakan secara ringkas tentang kedudukan fatwa dalam Islam. Puncak perbahasan bab ini ialah membincangkan tentang kaedah penggunaan sumber hukum serta pengertian dan kedudukannya yang terdapat dalam perbendaharaan Islam, bermula daripada zaman penurunan wahyu sehingga ke hari ini.

#### **2.2 Pengertian Fatwa**

Mengikut kamus Dewan, fatwa ialah keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Quran, hadis, dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti (atau mereka yg berwenang tentang keputusan hukum syarak) (Kamus Dewan, 2010: 408). Menurut kamus Bahasa Indonesia pula, fatwa ialah keputusan perkara agama Islam yang diberikan oleh mufti atau alim ulama tentang suatu masalah (Kamus Bahasa Indonesia, 2008: 406).

Secara umumnya pengertian di atas menyatakan bahawa setiap keputusan agama yang diberikan oleh ulama terhadap sesuatu persoalan disebut fatwa. Sama ada diberikan sebagai jawapan atas sesebuah pertanyaan ataupun tidak. Sama ada jawapan itu disandarkan kepada dalil atau pun tidak.

Para ulama banyak mengetengahkan definisi fatwa, baik dari sudut bahasa mahupun dari sudut istilah syarak. Berikut ini dinukilkan beberapa definisi fatwa dari kedua sudut tersebut.

### 2.2.1 Pengertian Fatwa dari Sudut Bahasa

Pada dasarnya perkataan fatwa terdapat dalam al-Quran, antaranya ialah firman Allah S.W.T:

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِّ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ . . .

Ertinya: “Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad mengenai masalah *kalālat*). Katakanlah: Allah memberikan fatwa kepada kamu dalam perkara *kalālat* itu...”

(Surah al-Nisā'(4): 176)

Berpandukan ayat al-Quran ini didapati bahawa fatwa ialah satu penjelasan dan penerangan dalam sesuatu masalah. Perkara ini jelas apabila diteliti beberapa definisi yang dibuat oleh ulama muktabar dalam bidang perkamusan. Antara mereka ialah Ibn Manzūr al-Misrī (t.t) dan Al- Fayrūz Abādī (2005). Menurut mereka fatwa ialah memberikan penjelasan terhadap sesuatu permasalahan. Sepertimana yang mereka sebutkan: (Al-Misrī, t.t, j.15: 147; Abādī, 2005, j.2: 1320).

"أفتاه في الأمر : أبانه له و أفتى الرجل في المسألة"

"وأفتاه في الأمر : أبانه له . والفتيا والفتوى : ما أفتى به الفقيه "

Manakala Khālid Ramaḍān Hassān (1988: 205) pula mendefinisikan fatwa sebagai satu nama untuk menjelaskan hukum-hakam bagi yang bertanya di dalam agama Islam:

" الفتوى .. والفتيا : بمعنى واحد . وهي اسم لتبيين الأحكام في الدين لمن  
سأل عنها "

“*Fatwa* dan *futya* adalah dua perkataan yang memiliki satu pengertian, iaitu sebuah nama untuk menerangkan hukum-hakam dalam agama Islam terhadap orang yang bertanya.”

Berpandukan pengertian fatwa dari sudut bahasa yang dinyatakan di atas, dapat dikatakan bahawa fatwa ialah penjelasan dan penerangan dalam menjawab permasalahan terhadap sesuatu pertanyaan atau persoalan.

### 2.2.2 Pengertian Fatwa dari Sudut Istilah

Fatwa dari sudut istilah pula telah dikemukakan oleh ulama dalam kepelbagaian pengertian. Antaranya, fatwa ialah menjelaskan hukum syarak bagi sesuatu perkara berdasarkan dalil kepada yang bertanya (Al-Mawsū‘at al-Fiqhiyyat, 2006, j.32: 20). Antaranya juga, fatwa ialah menyampaikan hukum syarak dengan cara tidak mengikat (Al-Ajfan, 1985: 68). Selain itu fatwa juga diberi pengertian sebagai pemberitahuan tentang hukum Allah berdasarkan dalil syarak bagi orang yang bertanya terhadap permasalahan yang berlaku (Al-Asyqar, 1976: 9). Terdapat juga pengertian yang menyebutkan bahawa fatwa ialah penjelasan hukum Allah S.W.T berdasarkan kepada dalil syarak secara umum dan menyeluruh (al-Fatāwā al-Islāmiyyat, 1980, j.1: 9). Fatwa juga didefinisikan sebagai penjelasan seorang fakih terhadap hukum-hukum dan masalah-masalah yang ditanya tentangnya (Sanu, 2000: 312).

Berdasarkan pengertian-pengertian yang telah dinyatakan, terdapat beberapa unsur yang ditekankan oleh para ulama dalam mengemukakan definisi fatwa, antaranya ialah:

- a) Pertama: Fatwa merupakan penjelasan dan penerangan hukum syarak terhadap permasalahan yang berlaku<sup>12</sup>.
- b) Kedua: Fatwa ialah penjelasan hukum syarak berdasarkan dalil kepada orang yang bertanya. Sesuatu hukum atau jawapan yang diberikan tidak berdasarkan kepada dalil syarak tidak dikira sebagai fatwa<sup>13</sup>.
- c) Ketiga: Pihak pertama iaitu orang yang memberikan fatwa, merupakan seorang yang faham dalam hukum-hukum.
- d) Keempat: Fatwa tidak bersifat mengikat bagi orang yang bertanya atau orang lainnya. Seseorang boleh menerima fatwa seorang mufti jika ia merasa hukum itu tepat. Seseorang juga boleh meninggalkan fatwa seorang mufti jika ia merasa fatwa itu tidak tepat dan dia mengambil fatwa mufti yang lain.
- e) Kelima: Fatwa yang diberikan bersifat umum dan menyeluruh. Ini bermaksud hukum berdasarkan fatwa tidak dikhususkan kepada orang tertentu seperti orang yang bertanya itu sahaja, atau kes yang khusus sahaja. Tetapi bersifat umum dan boleh dipakai atau diamalkan oleh orang yang bertanya dan yang tidak bertanya, kes khusus yang menimbulkan kemusykilan dan juga kes yang mempunyai persamaan yang sedang atau

---

<sup>12</sup> Mengajarkan sesuatu penjelasan atau hukum tanpa disoal adalah *Irsyād*, dan memberitahukan sesuatu penerangan hukum bukan pada perkara yang berlaku adalah *ta'lim* (Al-Asyqar, 1976: 9).

<sup>13</sup> Disebut "*hikāyah dan naql*", seperti memberikan sebuah penjelasan hukum dengan cara *bertaqlid* kepada orang lain bukan berdasarkan kepada dalil syarak (Al-Asyqar, 1976: 10).

mungkin berlaku pada masa dan di tempat yang lain (Mohammad Saedon, 1998: 82).

Kesimpulan yang dapat dirumuskan bahawa fatwa bermaksud penjelasan atau penerangan tentang sesuatu hukum syarak berdasarkan dalil kepada pihak yang bertanya terhadap sesuatu permasalahan yang berlaku dan bersifat tidak mengikat. Sesebuah fatwa yang diberikan bersifat umum dan menyeluruh. Fatwa perlu diberikan oleh seseorang yang berkeelayakan dan memenuhi syarat-syarat atau ketentuan-ketentuan yang diperlukan untuk memberi fatwa.

### **2.3 Kedudukan Fatwa Dalam Islam**

Kepentingan fatwa dalam Islam memang tidak dapat dinafikan atau dipertikaikan. Oleh itu, adalah menjadi satu kewajipan bagi pemerintah untuk menyediakan perkara-perkara penting bagi mempersiapkan para mufti dalam rangka menciptakan kemaslahatan bagi masyarakat, sekaligus melarang mereka yang tidak mempunyai keahlian dalam berfatwa (Al-Baghdādī, 1996, j.2: 324).

Ulama telah banyak memperkatakan tentang kedudukan fatwa dalam Islam. Imam Al-Nawāwī (t.t) umpamanya dalam kitab *al-Majmū'* sebagai syarah kepada kitab *al-Muhadzdzab*, mengatakan:

“Ketahuilah bahawa tugas memberi fatwa adalah besar bahayanya, tinggi kedudukannya dan banyak kelebihannya, kerana mufti itu dikira sebagai pewaris para Nabi, ia memenuhi peranan fardu kifayah yang mesti ada dalam sesebuah masyarakat, tetapi ia sentiasa terdedah kepada kesilapan. Oleh sebab itu para ulama mengatakan jawatan mufti adalah satu kedudukan dari Allah S.W.T” (Al-Nawāwī, t.t, j.1: 72).

Imam al-Syātibī menyifatkan bahawa fuqaha Islam adalah mewarisi kedudukan Nabi s.a.w. Beliau melandaskan kepada beberapa sandaran, iaitu; Pertama: ulama adalah pewaris kepada para Nabi, sepertimana sabda Baginda s.a.w. yang bermaksud, “Sesungguhnya ulama adalah pewaris para Nabi”. Kedua: Mufti merupakan penolong bagi Rasul s.a.w. dalam menyampaikan hukum. Ketiga: Mufti merupakan orang yang memikul amanah, kerana mereka menyampaikan syariat Allah. Adakalanya mereka menyampaikan hukum sepertimana dalam sumber asalnya, adakalanya juga mereka berijtihad untuk mengeluarkan sesebuah hukum (Al-Syātibī, t.t, j.5: 253-255).

Ibn Qayyim Al-Jawziyyah menggambarkan tentang kedudukan mufti di tengah umat umpama bintang di langit. Keperluan umat terhadap ulama lebih penting daripada keperluan mereka terhadap makanan dan minuman. Taat umat terhadap ulama lebih utama daripada taat terhadap ibu bapa mereka (Al-Jawziyyah, 1423 H, j.2: 14; Al-Ajfan, 1985: 78).

Di samping agungnya kedudukan memberi fatwa dalam Islam, di sisi lain bahayanya juga besar. Fuqaha *salaf al-ṣāliḥ* sangat berhati-hati dalam memberi fatwa. Ramai di kalangan mereka yang menghindar daripada memberi fatwa, bahkan menyuruh untuk bertanya kepada orang lain. Ibnu Abbas umpamanya mengatakan: “*Sesiapa yang menjawab setiap pertanyaan dari manusia adalah gila*”. Imam Malik pernah meriwayatkan bahawa gurunya yang bernama Rabī‘ah suatu ketika menangis disebabkan oleh para *mufti* yang bertanya kepada orang yang tidak layak untuk memberi fatwa. Imam Malik sendiri kadang-kadang menolak untuk memberi fatwa. Beliau tidak mendedahkan diri dalam berfatwa melainkan setelah diakui oleh 70

orang alim bahawa beliau layak untuk berfatwa. Begitu juga Imam Syafi'i, beliau tidak menjawab ketika ditanya tentang suatu masalah sehingga mengerti mana lebih baik antara jawab atau diam. Diriwayatkan dari Athram berkata: "Aku mendengar Ahmad Ibn Hanbal sering berkata: aku tidak tahu" (Al-Ajfan, 1985: 79-81).

Contoh lain juga dapat dilihat ketika peristiwa yang berlaku kepada 120 orang kaum *Anṣār* dalam kalangan sahabat Rasul s.a.w, apabila ditanya tentang suatu masalah kepada salah seorang daripada mereka, mereka menolak untuk menjawab dan menyuruh bertanya kepada yang lain. Begitulah seterusnya seorang demi seorang menolak sehingga persoalan itu kembali semula kepada orang yang pertama (Al-Qāsimī, 1986: 44).

Daripada beberapa sikap para ulama yang dipaparkan di atas, dapat difahami bahawa fatwa mempunyai kedudukan tersendiri dalam Islam. Di samping itu, amalan berfatwa sangat terdedah kepada bahaya jika tidak memenuhi tuntutan yang diperlukan.

Adapun dari segi sumber hukum, fatwa juga merupakan salah satu sumber hukum yang digunapakai oleh imam-imam besar terutama imam-imam mazhab yang empat. Mereka menjadikan *fatwa al-ṣahābaṭ* sebagai salah satu sumber hukum, walaupun mereka berselisih dalam meletakkan autoritinya. Al-Imam Abu Hanifah meletakkan *fatwa al-ṣahābaṭ* sebagai sumber hukumnya selepas al-Quran dan al-sunnah (Abū Zahrah, t.t: 354; Khallāf, t.t: 84; Al-Qaṭṭān, 2001: 332) Imam Malik pula menempatkan *fatwa al-ṣahābaṭ* sebagai salah satu sumber hukum selepas al-Quran, al-sunnah dan '*amal ahl al-Madīnaṭ*' (Abū Zahrah, t.t: 400; Al-Qaṭṭān, 2001: 353).

Manakala al-Imām al-Syāfi‘ī menggunakan *fatwa al-ṣahābat* di peringkat ketiga selepas al-Quran dan al-sunnah serta ijmak sebagai sumber hukum (Abū Zahrah, t.t: 430; Al-Qaṭṭān, 2001: 371). Imam Ahmad Ibn Hanbal pula menjadikan *fatwa al-ṣahābat* diperingkat kedua sebagai salah satu sumber hukum selepas al-Quran dan al-sunnah (Abū Zahrah, t.t: 491; Al-Qaṭṭān, 2001: 387).

Daripada huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa kedudukan fatwa dalam Islam adalah sangat tinggi dan mulia. Amalan berfatwa merupakan amalan yang sangat besar ganjarannya di sisi Allah. Bahkan fatwa termasuk salah satu sumber hukum dalam perundangan Islam.

Walaupun ramai dalam kalangan ulama dan *salaf al-ṣāliḥ* yang menolak untuk memberi fatwa, namun ini tidak bererti mereka tidak mahu berfatwa. Sebaliknya, sikap mereka tersebut menunjukkan bahawa dalam amalan berfatwa dituntut untuk berhati-hati dan memenuhi segala persyaratan yang diperlukan.

#### **2.4 Kaedah Penggunaan Sumber Hukum Dalam Berfatwa**

Hakikat sebenar hukum Islam adalah bersumberkan kepada wahyu Allah S.W.T, iaitu al-Quran dan al-sunnah. Dengan kata lain, tidak ada sesuatu yang boleh dijadikan sebagai sumber hukum selain al-Quran dan al-sunnah. Namun apabila diteliti dan dikaji dalam sejarah perundangan Islam, mendapati bahawa beberapa perkembangan telah pun berlaku dalam hal penggunaan sumber hukum, terutamanya dalam keadaan ketiadaan nas (wahyu) daripada Allah S.W.T baik di dalam al-Quran atau pun al-sunnah.

Oleh itu, sebelum meneliti perkembangan dan bentuk kaedah penggunaan sumber hukum MPU Aceh dalam berfatwa, adalah perlu dikaji secara ringkas sejarah perkembangan sumber hukum syarak dalam perundangan Islam. Ini kerana, nadi penggerak kepada keadaan fatwa yang terdapat sekarang ini tidak lepas daripada sumber hukum syarak di zaman lampau, terutamanya zaman Rasul s.a.w, para sahabat r.a, zaman Tabiin dan Tabi Tabiin.

Sepanjang sejarah Islam, bermula selepas kewafatan Rasul s.a.w hingga kini telah berlaku beberapa perkembangan dalam hal penggunaan sumber hukum yang diguna pakai dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa. Perbincangan ini adalah mengenai penggunaan sumber hukum pada zaman-zaman berikut.

- Pertama** : Zaman Rasulullah s.a.w.
- Kedua** : Zaman Sahabat r.a
- Ketiga** : Zaman Tabiin dan Tabi Tabiin
- Keempat** : Zaman Imam-Imam Mujtahid
- Kelima** : Zaman Taqlid
- Keenam** : Zaman Sekarang

#### **2.4.1 Zaman Rasulullah s.a.w.**

Meskipun zaman ini pendek, iaitu tidak lebih dari 22 tahun dan beberapa bulan, namun kesannya sangat besar terhadap perundangan Islam. Ini kerana zaman ini telah meninggalkan nas di dalam al-Quran atau al-sunnah, dan beberapa prinsip umum perundangan. Seterusnya zaman ini telah menemukan beberapa sumber dan dalil yang boleh dijadikan sandaran untuk mengetahui perkara-perkara yang belum

ada ketentuan hukumnya dalam al-Quran dan al-sunnah. Dengan ini bererti zaman ini telah meninggalkan asas-asas perundangan yang lengkap (Khallāf, t.t: 9).

Pada zaman ini sumber hukum hanya terpulang kepada Rasulullah s.a.w. sendiri tanpa ada campur tangan sesiapa pun. Sumber hukum pada zaman ini adalah wahyu daripada Allah S.W.T yang terbahagi kepada dua, iaitu wahyu yang diturunkan dengan lafaz serta maknanya (al-Quran), dan wahyu yang diturunkan dengan maknanya sahaja (al-sunnah). Manakala *ijtihād bi al-ra'y* yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w ketika ketiadaan nas, tidak lepas daripada bersandarkan kepada al-Quran dan al-sunnah (Zaydān, t.t: 108; Al-Mallah, 2001: 44-45). Terdapat juga dalam kalangan para sahabat yang berijtihad dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan pada zaman ini, seperti yang dilakukan oleh Mu'az bin Jabal, Ali bin Abi Talib, Huzaifah al-Yamani, Amr bin 'As dan lainnya. Namun, hasil ijtihad mereka tidak dikira sebagai sumber hukum (al-sunnah) kecuali setelah diperakui oleh Rasulullah s.a.w (Khallāf, t.t: 13).

Apabila berlaku sesuatu perkara yang menghendaki hukum sama ada berupa perbalahan, kejadian, persoalan, atau permintaan fatwa, Allah S.W.T mewahyukan kepada Rasul-Nya ayat-ayat al-Quran yang diperlukan. Lalu Rasulullah s.a.w. menyampaikannya kepada muslimin sebagai hukum atau undang-undang yang wajib diikuti. Sekiranya berlaku sesuatu permasalahan dalam keadaan ketiadaan wahyu daripada Allah S.W.T, Rasulullah s.a.w. sendiri berijtihad<sup>14</sup> <sup>15</sup> untuk mengetahui

---

<sup>14</sup> Ijtihad Rasulullah s.a.w. adakalanya dipandu dengan *ilham* daripada Allah S.W.T, ini digolongkan kedalam wahyu, iaitu al-Sunnah dan merupakan sumber hukum. Adakalanya juga ijtihad Baginda s.a.w. tidak berdasarkan kepada *ilham*, ini tidak digolongkan kedalam al-Sunnah dan bukan sebagai sumber hukum, melainkan setelah diperakui oleh Allah S.W.T. (Zaydān, t.t: 116)

<sup>15</sup> Sebenarnya ijtihad pada zaman ini, sama ada yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ataupun para sahabat r.a adalah pada batasan yang sempit. Ini kerana wahyu daripada Allah S.W.T terus saja

suatu hukum syarak yang diperlukan. Keputusan hukum dari hasil ijtihad baginda s.a.w. juga merupakan sebagai hukum syarak, yang wajib ditaati sepertimana wajib mentaati wahyu daripada Allah S.W.T. (Khallāf, t.t: 13-14).

Beberapa contoh berkenaan dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang berlaku di zaman ini, dapat dilihat pada ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan hukum, yang dikenali dengan *al-āyāt al-aḥkām*, antaranya ialah:

a) Firman Allah S.W.T:

وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ ۗ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهِنَّ

Ertinya: “Dan mereka meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (hak dan kewajiban) kaum perempuan. Katakanlah olehmu: Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka”.

(Surah al-Nisā’ (4): 127)

b) Firman Allah S.W.T:

يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ

Ertinya: “Mereka (orang-orang Islam umatmu) meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad mengenai masalah al-kalalah). Katakanlah: Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara al-kalalah itu”.

(Surah al-Nisā’ (4): 176)

---

diturunkan. Hasil ijtihad yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. atau sahabat r.a digunapakai untuk sementara sahaja. Wahyu kemudiannya akan turun menentukan hukum yang sebenarnya, samada tepat ataupun tidak tepat dengan hasil ijtihad yang mereka lakukan itu. Pengamatan terhadap kekeliruan pada hasil ijtihad Rasulullah s.a.w, ternyata terdapat tiga perkara yang perlu diberi perhatian. Pertama: sekiranya kekeliruan ijtihad Rasulullah s.a.w. berlaku pada prinsip syarak yang dikenali dengan *mabdā’ al-syar’*, maka Allah terus membetulkannya dengan menurunkan wahyu. Ini bermakna pada prinsip syarak tidak boleh berlaku kesalahan atau kekeliruan sedikitpun. Kedua: Kekeliruan ijtihad Rasulullah s.a.w boleh berlaku pada perkara yang bukan prinsip syarak, seperti yang berlaku pada penerapan hukum antara dua golongan yang bertelagah. Ketiga: kekeliruan ijtihad Rasulullah s.a.w. berlaku pada perkara keduniawian, seperti yang berlaku pada *ta’bīr al-nakhl* (Abū Zahrah, t.t: 227-229).

Seterusnya, dapat dilihat pada beberapa hadis Rasulullah s.a.w, antaranya ialah sabdanya:

"قا لوا يا رسول الله : إنا نركب البحر ونحمل معنا القليل من الماء فإن  
توضأنا به عطشنا أفتتوضأ بماء البحر؟ فقال النبي : " هو الطهور ماؤه  
الحل ميتته"

“Para sahabat bertanya kepada Rasulullah s.a.w: kami berlayar di lautan dan kami membawa sedikit air, jika kami berwudlu dengannya, kami akan dahaga, bolehkah kami berwudlu dengan air laut? Rasulullah s.a.w. menjawab: Airnya (laut) adalah bersih suci, segala bangkainya adalah halal” (Al-Syāfi‘ī, 2001, j.2: 6).

Manakala contoh ijtihad yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam keadaan ketiadaan atau kelewatan wahyu dapat dilihat pada beberapa hadis, antaranya ialah hadis tentang seorang lelaki yang bertanya tentang puasa ibunya yang telah mati, Rasulullah s.a.w. menjawab dengan sabdanya:

"لو كان على أمك دين أقت قاضيه عنها ؟ قال نعم قال فدين الله أحق  
أن يقضى"

“Sekiranya ibumu mempunyai hutang, adakah kamu akan membayarnya? Dia berkata: Ya. Rasulullah s.a.w. bersabda: (jika demikian) maka hutang Allah lebih berhak untuk ditunaikan” (Al-Nawāwī, t.t: 710).

Selain itu, Rasulullah s.a.w juga melakukan ijtihad dengan cara bermesyuarat sesama para sahabat. Sepertimana yang berlaku dalam kisah tawanan perang Badar. Sebahagian sahabat memberi pendapat supaya membebaskan tawanan tersebut tanpa syarat. Manakala sebahagian sahabat yang lain pula berpendapat agar membunuh

semua tawanan tersebut. Rasulullah s.a.w. tidak bersetuju dengan kedua-dua pendapat tersebut, lalu mengambil jalan tengah iaitu mengembalikan semua tawanan itu kepada keluarganya dengan syarat membayar *fidyat* kepada umat Islam (Abū Zahrah, t.t: 227).

Dari huraian di atas ternyata bahawa kaedah penggunaan sumber hukum pada zaman Rasulullah s.a.w. adalah merujuk kepada wahyu Allah S.W.T semata-mata. Wahyu Allah S.W.T yang dimaksud ialah: Pertama: Al-Quran. Kedua: Al-sunnah, termasuk kedalam perkataan al-sunnah ialah hasil ijtihad Rasulullah s.a.w. yang mendapat pengiktirafan daripada Allah S.W.T.

#### **2.4.2 Zaman Sahabat r.a**

Zaman ini bermula dengan kewafatan Rasulullah s.a.w, iaitu tahun 11 H sehingga tahun 40 H (Hassan bin Haji Salleh, 1979: 76; Zaydān, t.t: 132). Manakala menurut Syaikh Abd Wahhāb Khallāf, zaman ini berakhir hingga penghujung abad pertama H, iaitu sekitar tahun 93 H. Ini terbukti dengan kewafatan seorang sahabat iaitu Anas bin Malik pada tahun tersebut (Khallāf, t.t: 29-30).

Setelah Baginda s.a.w. wafat, para sahabat merupakan generasi pertama yang melanjutkan perjuangan beliau. Misi dakwah (risalah) yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. telah pun sempurna, sepertimana dinyatakan dalam firman Allah S.W.T:

... أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ  
الْإِسْلَامَ دِينًا ۗ ﴿٥٦﴾

Ertinya: “Pada hari ini telah aku sempurnakan bagimu agamamu, telah aku cukupkan kepadamu nikmatku dan telah aku ridhai Islam itu sebagai agamamu”.

(Surah al-Mā'idah (5): 3)

Berikutan perluasan negeri-negeri baharu yang disebut dengan *fath al-Islām* pada zaman ini, Islam telah pun menguasai Farsi, Syam, Mesir dan utara Afrika. Kesannya budaya Islam telah bercampur dengan budaya negeri-negeri yang baharu dikuasai itu. Seterusnya berlaku peristiwa atau permasalahan baharu yang belum pernah terjadi ketika baginda s.a.w. masih hidup. Keadaan ini mendesak para sahabat untuk melakukan sesuatu yang dapat memberi manfaat atau maslahat kepada umat Islam, terutamanya dalam hal hukum-hakam agama (Abū Zahrah, t.t : 232).

Para sahabat telah pun meletakkan kaedah penggunaan sumber hukum ketika berhadapan dengan sesuatu permasalahan. Mereka merujuk kepada al-Quran, iaitu mendahulukan al-Quran sebagai sumber hukum dalam setiap permasalahan. Kemudian merujuk kepada al-sunnah, seterusnya melakukan ijtihad dengan pendapat mereka sendiri (Zaydān, t.t: 119; Khallāf, t.t: 33; Al-Qattān, 2001: 189).

Sebagai contoh berkaitan dengan kaedah merujuk kepada al-Quran, dapat dilihat ketika terjadi perbezaan pendapat tentang tanah yang terhasil daripada kemenangan perang (*fath al-Islām*). Umar r.a sebagai pemimpin ketika itu berpendapat bahawa tanah tersebut tidak harus dibahagikan kepada tentera Islam. Sebaliknya, para tentera Islam menolak pendapat Umar r.a, yang menyebabkan berlakunya perdebatan sampai tiga hari. Sehingga pada hari ketiga Umar r.a bertemu dan membacakan ayat al-Quran kepada mereka, iaitu firman Allah S.W.T:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَى  
 وَالْيَتَامَى وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ  
 مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ  
 إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Ertinya: “Apa yang telah Allah kurniakan kepada Rasulnya dari harta musuh penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulnya, dan bagi kaum kerabat (rasul), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar diantara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua suruhan yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka ambillah akan dia serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat azab siksanya (bagi orang-orang yang melanggar perintahnya)”.

(Surah al-Hasyr (59): 7)

Setelah mendengar Umar r.a membaca ayat tersebut, barulah mereka bersetuju dengan pendapat Umar r.a itu (Abū Zahrah, t.t: 233).

Bagi contoh merujuk kepada al-sunnah pula dapat dilihat dalam sebuah riwayat tatkala seorang nenek perempuan (*umm al-um*) meminta harta warisan daripada harta cucu lelaki (anak lelaki dari anak perempuannya). Abu Bakar r.a. merujuk kepada sahabat lain, dan salah seorang sahabat iaitu al-Mughīraṭ bin Syu‘baṭ memberikan jawapannya, iaitu satu perenam seperti yang ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. (Abū Zahrah, t.t: 233-234).

Manakala berkenaan dengan ijtihad sahabat pada zaman ini, kebanyakan ulama usul al-fiqh mengatakan mereka menggunakan qiyas. Akan tetapi sebenarnya ijtihad

mereka lebih luas dari itu. Mereka juga menggunakan *maṣlaḥat* dan *sad zarā'i*'. Sebagai contoh ijtihad dengan menggunakan qiyas ialah permasalahan 'awl<sup>16</sup> dalam pembahagian harta warisan<sup>17</sup>. Contoh bagi ijtihad menggunakan *sad zarā'i*' pula seperti isteri berhak mendapat harta warisan daripada harta suami yang menceraikannya dalam keadaan sakit mati. Seterusnya contoh bagi ijtihad menggunakan *maṣāliḥ mursalaṭ* atau *sad zarā'i* ialah hukum *qiṣāṣ* terhadap sekumpulan orang yang membunuh (walaupun seorang yang dibunuh) (Zaydān, t.t: 121).

Selain itu, adakalanya para sahabat berijtihad secara berjamaah, adakalanya juga mereka melakukan secara persendirian. Bentuk ijtihad secara berjamaah ialah dengan mengumpulkan tokoh-tokoh Islam lalu diajak bermesyuarat untuk melahirkan suatu hukum berdasarkan kesepakatan. Hasil kesepakatan daripada mesyuarat itu mereka jadikan sebagai hukum atas sesuatu permasalahan yang berlaku, dan wajib diikuti oleh seluruh umat Islam. Pada dasarnya kesepakatan para sahabat ini bukanlah semata-mata bergantung kepada pendapat mereka, akan tetapi ianya lahir bersandarkan kepada al-Quran dan al-sunnah. Pada zaman ini kesepakatan cukup mudah untuk dicapai, kerana Umar r.a melarang para sahabat keluar dari Madinah sehinggalah akhir *khilāfat* Usman bin Affan r.a. Mungkin inilah yang dimaksudkan dengan ijtihad secara berkelompok atau yang lebih dikenali dengan istilah *ijmā' al-ṣahābat* (Zaydān, t.t: 119; Al-Mallah, 2001: 59).

---

<sup>16</sup> 'Awl dalam permasalahan pembahagian harta warisan bermaksud bahagian-bahagian yang diterima oleh ahli waris lebih banyak daripada asal masalaahnya, sehingga asal masalaahnya mesti ditambah atau diubah. Sebagai contoh 1/2 (suami tanpa anak) dan 2/3 (dua saudara perempuan). Asal masalah pada pembahagian ini ialah 6, namun terpaksa diubah menjadi 7 disebabkan berlaku penambahan pada bahagian-bahagian yang diterima oleh ahli waris (Al-Zuhaylī, 1985, j.8: 353).

<sup>17</sup> Keterangan lebih lanjut sila rujuk kitab *al-Madkhal li Dirāsah al-Syarī'ah al-Islāmiyyah* karangan Abd. Karim Zaydan (t.t) muka surat 121.

Manakala bentuk ijtihad secara persendirian pula dapat dilihat daripada beberapa perkara yang berlaku, sepertimana yang diriwayatkan bahawa Abu Bakar r.a. berijtihad dengan pendapatnya sendiri, beliau berkata: *“Ini adalah pendapatku, sekiranya benar maka itu adalah dari Allah, dan sekiranya salah maka itu adalah daripadaku, aku memohon ampun dari Allah”*. Sepertimana juga yang diriwayatkan bahawa Umar bin Khattab r.a berijtihad dengan pendapatnya. Beliau berkata kepada penulisnya: *“ini adalah pendapat Umar bin al-Khattab”*. Terdapat juga riwayat tentang langkah-langkah yang ditempuh oleh Abdullah bin Mas‘ud yang terdapat dalam kata-katanya iaitu: *“Sesiapa di antara kamu yang terdedah untuk memutuskan suatu hukum syarak, maka hendaklah dia memutuskannya dengan apa yang ada dalam kitab Allah. Jika tidak terdapat dalam kitab Allah, maka hendaklah dia menghukum dengan ketentuan Rasulullah s.a.w. Lalu jika datang suatu perkara yang tidak ada hukumnya dalam kitab Allah dan sunnah Rasul s.a.w. maka hendaklah dia menghukum dengan apa yang telah diputuskan oleh orang-orang salih. Seterusnya, jika datang suatu perkara yang tidak ada dalam kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w. dan belum diputuskan oleh orang-orang salih, maka hendaklah dia berijtihad dengan pendapatnya sendiri. Jika tidak mampu hendaklah dia berdiri dan jangan malu.”* (Zaydān, t.t: 119-120).

Hujah para sahabat mengutamakan al-Quran dan al-sunnah sebelum merujuk kepada selain daripada keduanya ialah ayat-ayat al-Quran yang menyuruh untuk taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Namun jika setelah merujuk kepada dua sumber hukum tersebut, persoalan masih juga belum terungkaikan (selain bertanya kepada sahabat yang lain seperti yang dilakukakn oleh Abu Bakar r.a), melakukan ijtihad adalah satu-satunya cara yang dapat dilakukan oleh para sahabat r.a. Hujah sahabat dalam

melakukan ijtihad adalah: Pertama: Mereka melihat Rasulullah s.a.w. berijtihad dalam sesuatu permasalahan yang tiada turun wahyu bagi menyelesaikannya. Kedua: Berpedoman kepada kisah Mu'az bin Jabal ketika diutus oleh Rasulullah s.a.w ke Yaman (Khallāf, t.t: 34; Zaydān, t.t: 121).

Berdasarkan huraian di atas, dapat difahami bahawa kaedah penggunaan sumber hukum yang digunakan oleh sahabat dalam memutuskan sesuatu fatwa adalah merujuk kepada al-Quran, kemudian al-sunnah dan akhir sekali melakukan ijtihad. Termasuk kedalam ijtihad mereka ialah ijmak, qiyas, *maṣāliḥ mursalaṭ* dan *sad zarā'i'*. Mereka tidak berpaling kepada sumber hukum lain kecuali dalam keadaan tidak terdapat penyelesaiannya dalam dua sumber hukum yang utama, iaitu al-Quran dan al-sunnah.

### **2.4.3 Zaman Tabiin dan Tabi Tabiin**

Zaman ini bermula tahun 40/41 H sehingga awal abad kedua H, iaitu tahun 101 H (Hassan bin Haji Salleh, 1979:109; Zaydān, t.t:132)<sup>18</sup>. Tabiin<sup>19</sup> ialah orang Islam yang pernah bertemu (hidup) dengan sahabat r.a dan mati dalam keadaan beragama Islam. Tabiin terbahagi kepada dua, iaitu *kibār al-tābi'īn* dan *ṣiḡhār al-tābi'īn*. *Kibār al-tābi'īn* ialah mereka yang paling banyak meriwayatkan hadis-hadis daripada para sahabat r.a. Manakala *ṣiḡhār al-tābi'īn* ialah mereka yang paling banyak

---

<sup>18</sup> Ini berbeza dengan pendapat Dr. Abd. Wahhab Khallaf, yang menggolongkan zaman ini kedalam zaman Sahabat r.a. Ini kerana selepas zaman sahabat r.a beliau tidak membincangkan zaman Tabiin, akan tetapi terus membincangkan zaman pembukuan dan Imam-imam mujtahid. Namun dalam membincangkan zaman pembukuan dan Imam-imam mujtahid, beliau menyebutkan bahawa Tabiin murid kepada Sahabat r.a, dan pengikut Tabiin murid kepada Tabiin (Khallāf, t.t: 57-62).

<sup>19</sup> Mengikut kamus Dewan, Tabiin ialah (jamak bagi tabi) pengikut (menurut ilmu hadis, mereka ialah orang yg bertemu dan berguru dengan para sahabat tetapi tidak bertemu dengan Rasulullah SAW) (Kamus Dewan, 2010: 1562).

meriwayatkan hadis-hadis daripada saudara mereka, iaitu *tābi'īn* (Al-Mallah, 2001: 78).

Kaedah penggunaan sumber hukum pada zaman ini tidak jauh beza dengan zaman para sahabat. Mereka menggunakan kaedah para sahabat dalam mengeluarkan suatu hukum, iaitu merujuk kepada al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas. Ini kerana para Tabiin bertemu langsung dengan para sahabat. Hampir boleh dikatakan tidak ada perbezaan antara kaedah para tabiin dengan kaedah para Sahabat r.a dalam berpegang kepada sumber hukum dan *istinbāt*. Sedikit perbezaan pada rujukan mereka kepada ijmak ulama sebelumnya (*ijmā' al-ṣahābah*) dan melakukan *pentarjihān* antara pendapat ulama-ulama tersebut (Zaydān, t.t: 132; Al-Mallah, 2001: 98).

Para tabiin merujuk kepada fatwa-fatwa sebelumnya yang berkemungkinan berlaku ijmak. Jika ada, mereka mengambilnya untuk menyelesaikan masalah. Sekiranya tidak berlaku ijmak dalam sesuatu masalah, tetapi ada fatwa yang berbeza, mereka memilih fatwa-fatwa tersebut dengan melihat kepada kekuatan dalil dan kaedahnya. Pada akhirnya, sekiranya masih tidak ada nas atau fatwa yang boleh digunakan, para tabiin berselisih dalam pendekatan mereka. Ada dalam kalangan mereka yang berijtihad dengan menggunakan qiyas, ada juga yang berpandukan kehendak dan *maqāṣid al-syar'*, dan ada pula yang mengambil jalan tidak berijtihad dengan cara itu, kerana mereka tidak menyutujui cara mengkaji dan mencari *'illat*. Mereka hanya cuba memahami nas-nas daripada petunjuk yang ada pada dalil itu sahaja (Al-Mallah, 2001: 99-101).

Para tabi tabiin pula mengikuti langkah-langkah yang ditempuh oleh guru mereka, iaitu tabiin dalam menggali sesuatu hukum. Mereka membuat perbandingan antara fatwa-fatwa tabiin dengan fatwa-fatwa sahabat dan mendalami fatwa-fatwa tersebut serta memadankan dengan dalil-dalilnya (Al-Mallah, 2001: 101).

Dapat disimpulkan bahawa kaedah penggunaan sumber hukum yang diguna pakai oleh tabiin dan tabi tabiin ialah merujuk kepada al-Quran, kemudian kepada al-sunnah, seterusnya melihat kepada ijmak. Jika tidak berlaku ijmak, mereka tidak pula meninggalkan fatwa-fatwa sahabat r.a begitu saja, akan tetapi mereka memilih fatwa-fatwa sahabat dengan melihat kekuatan dalil. Seterusnya mereka berijtihad serta memperhatikan *'illat* hukum, seperti menggunakan qiyas, menjaga *maṣlahah* dan menolak (mencegah) *mafsadaṭ* (kerosakan).

#### **2.4.4 Zaman Imam-Imam Mujtahid**

Zaman ini bermula tahun 101 hingga pertengahan abad ke empat, iaitu sekitar tahun 350 H (Hassan bin Haji Salleh, 1979: 148; Zaydān, t.t: 141; Khallāf, t.t: 57). Zaman ini sebenarnya masih tergolong kedalam zaman tabi tabiin. Ini kerana yang dimaksud dengan perkataan tabi tabiin sebenarnya ialah golongan yang paling berpengaruh dan membawa kesan-kesan tertentu kepada fiqh Islam secara khusus dengan sistemnya tersendiri (Hassan Bin Haji Salleh, 1979: 148).

Zaman ini merupakan zaman emas dan kegemilangan bagi perkembangan fatwa dan ijtihad. Para ulama bebas menyatakan pendapat melalui pelbagai cara, antaranya ialah perbahasan dan penulisan. Pada zaman inilah berlakunya banyak pembukuan yang membuka lembaran baru kepada perundangan Islam, antaranya pembukuan al-

Sunnah dan juga fatwa-fatwa daripada para sahabat, tabiin dan tabi tabiin. Pada zaman ini juga lahir sarjana-sarjana Islam antaranya yang kita kenali seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafi'i dan Imam Ahmad Ibn Hanbal dan ramai lagi. Pendek kata, zaman ini adalah puncak bagi kegemilangan fiqh (Khallāf, t.t: 58; Zaydān, t.t: 141-145).

Puncak kegemilangan zaman ini disebabkan oleh banyak faktor, antaranya ialah:

- a) Perhatian besar penguasa *al-khulafā' al-'abbāsiyyīn* terhadap fiqh dan para fuqaha. Ini terlihat pada pendekatan mereka dengan para fuqaha, sepertimana yang dilakukan oleh khalifah Harun al-Rasyid ketika meminta Abu Yusuf - sahabat Imam Abu Hanifah - untuk menyusun undang-undang Islam yang berkenaan dengan urusan harta benda sebagai panduan bagi pentadbiran negara. Sepertimana juga yang dilakukan oleh khalifah al-Manşūr yang cuba menjadikan kitab *al-Muwatta'* karangan Imam Malik sebagai undang-undang negara. Kesan daripada perhatian, sokongan dan kebebasan yang diberikan oleh penguasa kepada para fuqaha menjadikan mereka lebih bersemangat dalam berijtihad, sehingga melahirkan suatu hukum atau fatwa sesuai metode ijtihad masing-masing.
- b) Berikutan perluasan negara Islam, kepelbagaian adat dan budaya dari Sepanyol sampai ke China adalah perlu dijaga selama mana tidak bertentangan dengan nas-nas syarak. Perkara ini mendesak para fuqaha untuk bekerja lebih dalam berijtihad menggali hukum-hukum syarak

yang membawa kepada tumbuh, berkembang dan meluasnya cakupan fiqh dalam segala segi dan bidang kehidupan.

- c) Kemunculan para Imam mujtahid besar yang berbakat dan pakar dalam ilmu fiqh. Mereka meninggalkan kesan yang sangat berpengaruh terhadap pertumbuhan dan kemajuan fiqh, disamping itu juga mereka meninggalkan mazhab-mazhab fiqh, yang sebahagiannya masih kekal hingga ke hari ini (Zaydān, t.t: 142-143).
- d) Kemudahan dalam mendapatkan sumber hukum. Para mujtahid di zaman ini tidaklah susah dalam melakukan ijtihad, ini kerana al-Quran telah pun dibukukan dan tersebar dalam kalangan orang Islam. Demikian juga al-sunnah, fatwa-fatwa sahabat r.a dan juga fatwa-fatwa Tabiin.
- e) Keperihatinan umat Islam terhadap segala kandungan syariat, seperti ibadat, muamalat, jual-beli dan tindak-tanduk mereka supaya selari dengan kehendak syariat Islam. Mereka menjadikan para ulama dan fuqaha sebagai tempat rujukan dalam segala segi kehidupan yang berkaitan dengan agama. Faktor ini mendorong para mujtahid bersemangat dalam melakukan ijtihad terus-menerus, sehingga menjadikan fiqh tumbuh dan berkembang dengan pantas (Khallāf, t.t:60).

Sepertimana yang telah dinyatakan di atas bahawa zaman-zaman sebelumnya, iaitu zaman para sahabat dan tabiin r.a, telah meninggalkan pengaruh dan peranan yang besar terhadap fatwa dan ijtihad. Di tangan mereka telah lahir generasi-generasi penerus sebagai pewaris amalan berfatwa dan ijtihad, iaitu para tabi tabiin. Kesenambungan antara zaman sahabat r.a, tabiin dan tabi tabiin ini berpengaruh besar

terhadap lahirnya mazhab-mazhab fiqh dalam Islam, yang dipelopori oleh mujtahid-mujtahid besar, seperti para imam mazhab yang empat. Kendatipun mereka terdidik oleh satu sumber atau saluran yang sama, kita dapati para imam mazhab ini sedikit berbeza dari segi sumber hukum yang mereka gunapakai selain al-Quran dan al-sunnah. Oleh itu, adalah penting kajian ini memperkatakan sedikit tentang sumber hukum yang digunapakai oleh para imam mazhab empat tersebut, mengingat amat besar pengaruh mereka terhadap perkembangan fiqh atau fatwa dalam perundangan Islam.

#### **2.4.4.1 Imam Abu Hanifah**

Nama beliau adalah *al-Nu'mān Ibn Thābit Ibn Zuwayy al-Kūfī*. Dilahirkan pada tahun 80 H dan wafat pada tahun 150 H. Beliau merupakan fuqaha tabi tabiin. Ada yang berpendapat beliau tergolong dalam Tabiin (Al-Zuhaylī, 1985, j.1: 29). Kaedah penggunaan sumber hukum beliau dalam berijtihad ialah; Pertama: merujuk kepada al-Quran. Kedua: merujuk kepada al-sunnah. Manakala yang ketiga: mengambil daripada perkataan-perkataan para sahabat yang dikehendaki, dan meninggalkan perkataan mereka yang tidak dikehendaki. Sekiranya suatu perkara sampai kepada perkataan para tabiin seperti Ibrahim al-Nakha'i, al-Sya'biy, Ibn Sirin, al-Hasan, 'Ata' dan Sa'id Ibn al-Musayyib, beliau akan berijtihad sepertimana mereka berijtihad. Ini bermakna beliau tidak menggunapakai perkataan para tabiin sebagai sumber hukum.

Kaedah beliau ini dapat dilihat dalam satu riwayat daripada perkataannya, iaitu:

“Aku mengambil dengan apa yang ada dalam kitab Allah (iaitu al-Quran). Jika tiada, aku mengambil daripada sunnah Rasulullah s.a.w. Jika tiada daripada kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w, aku

mengambil daripada perkataan para sahabat r.a yang aku kehendaki dan meninggalkan perkataan mereka yang tidak aku kehendaki. Aku tidak keluar dari perkataan mereka (sahabat) kepada perkataan orang lain. Adapun jika sampai sesuatu perkara itu kepada perkataan Ibrahim al-Nakha'i, al-Sya'biy, Ibn Sirin, al-Hasan, 'Ata' dan Sa'id Ibn al-Musayyib, mereka adalah suatu kaum yang berijtihad, maka aku akan berijtihad sepertimana mereka berijtihad" (Zaydān, t.t: 158; Abū Zahrah, t.t: 354; Ibn Bayyah, 2007: 92).

Berkaitan dengan ijtihad, beliau melakukan qiyas, istihsān, melihat kepada *mu'amalat* masyarakat itu sendiri (*'urf*). Hal ini dapat dilihat dalam riwayat lain yang menyatakan:

“Kalam Abu Hanifah diambil dari orang yang *thiqat*, lari (menjauhkan diri) dari perkara yang buruk, melihat/mempertimbangkan *mu'amalat* dan pegangan masyarakat...menjalankan setiap perkara dengan qiyas, sekiranya tidak dapat melakukan qiyas, beliau melakukan *istihsān*, sekiranya tidak dapat melakukannya, beliau kembali kepada *mu'amalat* masyarakat Islam itu sendiri. Beliau menyampaikan hadis *ma'rūf* yang telah menjadi ijmak. Kemudian beliau melakukan qiyas dengan hadis itu selama masih dapat dilakukan, seterusnya kembali kepada *istihsān*: mana yang lebih sesuai dari kedua itu (qiyas atau *istihsān*) kesitulah dikembalikan”. Sahl berkata: “Inilah ilmu Abu Hanifah dan ianya adalah ilmu semua orang” (Abū Zahrah, t.t: 355; al-Mallah, 2001: 121).

Dapat disimpulkan bahawa kaedah penggunaan sumber hukum Imam Abu Hanifah ialah merujuk kepada al-Quran, al-sunnah, ijmak, *qawl al-ṣahābī*, qiyas, *istihsān* dan *'urf*. Manakala *qawl al-tābi'īn* tidaklah menjadi sumber hukum bagi beliau.

#### 2.4.4.2 Imam Malik bin Anas

Nama beliau adalah *Mālik Ibn Anas Ibn Abī 'Āmir al-Aṣḥabī*. Beliau dilahirkan pada tahun 93 H dan meninggal pada tahun 179 H (Zaydān, t.t: 162; Al-Zuhaylī, 1985, j.1: 31; Abū Zahrah, t.t: 366).

Sumber hukum beliau dalam berfatwa ialah menggunakan al-Quran sebagai sumber hukum pertama dalam setiap permasalahan. Jika al-Quran tidak menjelaskan, beliau merujuk kepada al-sunnah. Termasuk dalam al-sunnah adalah hadis-hadis Rasulullah s.a.w, fatwa-fatwa dan keputusan para sahabat r.a serta *'amal ahl al-Madīnat*. Jika permasalahan belum terungkaikan beliau melakukan qiyas, *maṣlaḥat*, *sad zarā'i* dan *'urf* (Abū Zahrah, t.t: 397).

Al-Syaikh Wahbah Al-Zuhaylī menambahkan dengan *ijmak*, *istiṣḥāb*, mempertimbangkan *khilāf* dan *syar' man qablanā* (Al-Zuhaylī, 1985, j.1: 32). Manakala Abd. Karim Zaydān pula menyebutkan bahawa sumber hukum beliau ialah: *al-kitāb*, *al-sunnah*, *ijmak*, *ijmā' ahl al-Madīnat*, *qiyas*, *qawl al-ṣaḥābī*, *maṣāliḥ mursalaṭ*, *'urf* dan *sad zarā'i*, *istiḥsān* dan *istiṣḥāb* (Zaydān, t.t: 164).

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa sumber hukum Imam Malik ialah merujuk kepada al-Quran, al-sunnah, *'amal ahl Madīnat*, *qawl al-ṣaḥābī*, *ijmak*, *qiyas*, *maṣāliḥ mursalaṭ*, *istiḥsān*, *istiṣḥāb*, *sad zarā'i*, *'urf* dan *syar' man qablanā*.

#### 2.4.4.3 Imam Syafi'i

Beliau adalah *Muhammad Ibn Idrīs Ibn al-'Abbās Ibn Uthmān Ibn Syāfi'*. Dilahirkan pada tahun 150 H di *Ghazzah*, Palestin bertepatan dengan tahun kewafatan Imam Abu Hanifah (Al-Zuhaylī, 1985, j.1: 35).

Sumber hukum beliau dalam berfatwa dapat kita lihat dalam kata-kata beliau, iaitu:

“Ilmu itu mempunyai beberapa tingkat, yang pertama adalah al-kitab (al-Quran) dan al-sunnah sekiranya jelas dan tetap (*thabat*), yang kedua adalah ijmak dalam perkara yang tiada nas pada al-Quran dan al-sunnah, yang ketiga adalah kata-kata sahabat r.a yang tiada pertentangan diantara mereka, yang keempat adalah kata-kata sahabat r.a yang ada pertentangan antara mereka dan yang kelima adalah qiyas, dan aku tidaklah berpindah kepada selain al-kitab dan al-sunnah, sedangkan keduanya (al-kitab dan al-sunnah) ada, dan sesungguhnya ilmu itu diambil dari yang paling tinggi” (Abū Zahrah, t.t: 430; Ibn Bayyah, 2007: 126).

Berdasarkan kepada perkataan beliau, dapat difahami bahawa sumber hukum beliau ialah merujuk kepada al-Quran dan al-sunnah, kata-kata sahabat r.a yang tidak ada pertentangan antara mereka, kata-kata sahabat r.a yang ada pertentangan antara mereka, dan qiyas<sup>20</sup>. Imam Syafi'i tidak sependapat dengan Imam Malik yang menjadikan *'amal ahl al-Madīnat*, *istihsān* dan *maṣālih mursalaṭ* sebagai hujah (Zaydān, t.t: 169).

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa kaedah penggunaan sumber hukum Imam Syafi'i dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa ialah merujuk kepada Al-Quran, al-sunnah, ijmak, *qawl al-ṣahābī* dan qiyas.

---

<sup>20</sup> Al-Syaikh Wahbah al-Zuhaylī menyebutkan bahawa al-Imam Syafi'i tidak mengambil kata-kata para sahabat, sama ada yang ada pertentangan antara mereka ataupun tidak (Al-Zuhaylī, 1985, j.1: 36).

#### 2.4.4.4 Imam Ahmad bin Hanbal

Beliau dikenal dengan Imam fuqaha dan *muhaddithīn*. Dilahirkan pada bulan Rabi'ulawal tahun 164 H di Baghdad. Hanbal adalah nama datuk beliau. Nama bapa beliau ialah Muhammad bin Hanbal bin Hilal. Sedangkan nama beliau ialah Ahmad. Beliau meninggal pada tahun 241 H (Abū Zahrah, t.t : 430; Al-Zuhaylī, 1985, j.1: 38).

Sumber hukum beliau dalam berfatwa atau berijtihad ialah merujuk kepada *al-nuṣūṣ* (al-Quran dan al-sunnah), seterusnya merujuk kepada fatwa sahabat r.a yang tiada pertentangan, kemudian memilih fatwa sahabat r.a yang ada pertentangan, dengan cara mengambil yang paling dekat dengan al-Quran dan al-sunnah, beliau juga mengambil hadis *mursal* dan hadis *ḍa'īf*, akhir sekali beliau menggunakan qiyas ketika dharurat<sup>21</sup> (Al-Jawziyyah, 1423 H, j.2: 50-59; Zaydān, t.t : 171-172).

#### 2.4.5 Zaman Taqlid

Zaman ini bermula daripada selepas kejatuhan Baghdad, iaitu sekitar pertengahan abad ke 4 H hingga akhir abad ke 13 H (Al-Mallah, 2001: 324). Jika zaman sebelumnya merupakan puncak kegemilangan bagi perkembangan fiqh, fatwa dan ijtihad, sebaliknya keadaan berubah pada zaman ini. Zaman ini merupakan zaman kemerosotan bagi ulama. Mereka tidak lagi mementingkan dan mengutamakan jalan ijtihad dalam menerangkan segala permasalahan yang diajukan kepada mereka. Mereka memilih memberi jawapan bagi setiap permasalahan agama yang berlaku dalam masyarakat dengan merujuk kepada penyelesaian-penyelesaian yang telah

---

<sup>21</sup> Al-Syaikh Wahbah Al-Zuhaylī menyebutkan bahawa beliau juga menggunakan *istishāb*, *masālih mursalah* dan *sad zara'ī* (Al-Zuhaylī, 1985, j.1: 39).

dilakukan oleh imam-imam bagi mazhab masing-masing. Ulama pengikut mazhab Hanafi akan berfatwa mengikut penyelesaian masalah yang telah diterangkan oleh imam-imam besar dalam mazhab itu tanpa menyepak sandaran yang digunakan, begitulah juga ulama pengikut mazhab-mazhab lain. Antara sebab kemunduran ijtihad pada zaman ini ialah:

- a) Terbahaginya daulah Islamiyah kepada beberapa kerajaan. Hal ini menjadikan para penguasa sibuk mempertahankan kerajaan dan kedudukan mereka dengan melibatkan masyarakat, sehingga menyebabkan berkurangnya keinginan melakukan ijtihad dan terhentinya *ḥarakaṭ al-tasyrī'*.
- b) Fanatik terhadap mazhab tertentu. Kemunculan kepelbagaian mazhab mendorong para pengikutnya melakukan pembelaan terhadap mazhab mereka masing-masing. Ini menyebabkan para ulama lebih mementingkan mempertahankan mazhab mereka daripada merujuk kepada sumber asasi syariat, iaitu al-Quran dan al-sunnah, sehingga mereka lupa mengkaji hukum dari sumber yang aslinya.
- c) Berlakunya pencerobohan dalam perkara ijtihad. Apabila ijtihad dilakukan oleh mereka yang tidak layak, iaitu mereka yang tidak memenuhi syarat-syarat seseorang mujtahid, menyebabkan ulama mengumandangkan ungkapan pintu ijtihad sudah tertutup bagi mengelak daripada berlakunya kerosakan yang lebih besar. Dari segi lain perkara ini menjadikan fatwa dan ijtihad terhenti (Khallāf, t.t: 96-98).

Walaupun demikian, kemerosotan yang terjadi pada zaman ini tidaklah bermakna para ulama tidak lagi melakukan sesuatu apa pun berkaitan dengan ijtihad. Sebenarnya mereka juga melakukan ijtihad dalam menjawab persoalan-persoalan yang diajukan kepada mereka, sama ada dalam batasan mazhab mereka atau pun mazhab-mazhab yang lain. Namun ijtihad ini tidaklah mencapai taraf mujtahid *mutlaq* sepertimana Imam mazhab yang empat. Kenyataan ini terlihat pada permulaan zaman *taqlīd*, iaitu sekitar pertengahan abad keempat hingga pertengahan abad ketujuh H (Al-Mallah, 2001: 324). Antara bentuk-bentuk ijtihad yang mereka lakukan ialah:

- a) Melakukan ijtihad dengan menggunakan *uṣūl al-ijtihād* yang telah ditetapkan oleh imam-imam mereka, sehingga kadangkala hukum yang terhasil dari ijtihad mereka berlawanan dengan hukum hasil ijtihad imam-imam mereka sebelumnya. Antara mereka ialah al-Imam al-Hasan bin Ziyad yang bermazhab Hanafi, Ibn al-Qasim dan Asyhab yang bermazhab Maliki, dan al-Buwayti serta al-Mazanī yang bermazhab Syafi'i. Mereka ini sebenarnya mampu menggali hukum dari sumber aslinya, akan tetapi mereka memilih untuk mengikuti metode-metode imam mereka (Khallāf, t.t: 99).
- b) *Ta'īl al-Aḥkām* iaitu satu usaha mencari '*illat*'<sup>22</sup> pada hukum terdahulu yang diambil daripada imam-imam mazhab yang mereka ikuti untuk dipadankan dengan masalah baru (al-Mallah, 2001: 327).
- c) *Al-tarjīh bayna al-ārā'*. Langkah ini ialah satu usaha memilih pendapat yang terbaik di antara pendapat-pendapat ulama samada daripada mazhab yang diikutinya, ataupun membandingkannya dengan mazhab yang lain.

---

<sup>22</sup> '*Illat*' ialah makna (alasan hukum) yang bergantung padanya hukum pada suatu nas (Al-Zuhaylī, 1986:1002).

Kaedah yang mereka gunakan ialah pertama: mengkaji dari segi *al-riwāyat*, dan yang kedua, ialah mengkaji dari segi *al-dirāyat* (Al-Mallah, 2001: 327; Khallāf, t.t: 101).

- d) Membantu dan mempertahankan mazhab yang mereka ikuti (al-Mallah, 2001: 327).
- e) Menggali dan mengeluarkan hukum pada permasalahan yang belum ada hukumnya daripada imam-imam mereka, namun tetap dalam batasan mazhab mereka masing-masing (Khallāf, t.t: 100).

Manakala pada pertengahan abad ke 7 hingga ke 13 H, sifat jumud telah menyelimuti dan menguasai akal fikiran ulama dan masyarakat, menyebabkan terpadamnya perkataan ijtihad. Malah yang lebih menyedihkan lagi telah diisytiharkan tertutupnya pintu ijtihad (Al-Mallah, 2001: 330).

Ulama pada abad ini lebih menumpukan kepada usaha mempelajari dan mengkaji perkara-perkara *furū'*, iaitu buku-buku dan fatwa-fatwa yang ditinggalkan oleh ulama sebelum mereka. Kenyataan ini menyebabkan mereka terlupa merujuk kepada sumber perbendaharaan ilmu-ilmu peninggalan para *ṣāliḥīn* terdahulu yang telah memupuk kekuatan kepada para mufti.

Begitupun, terdapat fenomena yang menarik telah berlaku pada zaman kemerosotan ini. Fenomena itu ialah pembukuan fatwa-fatwa sesetengah mufti yang telah berijtihad dengan merujuk kepada sumber-sumber muktabar dalam berfatwa selain *mentarjīh* pendapat tertentu. Antara buku-buku fatwa itu ialah:

- a) *Al-Fatāwa al-Khānniyyat* atau yang lebih dikenali dengan Fatawa *Qādi Khān*, meninggal pada tahun 592 H.
- b) *Fatāwa al-Nawāwī* yang melibatkan fatwa-fatwa al-Imam al-Nawāwī, meninggal pada tahun 676 H.
- c) *Al-Fatāwa al-Kubra* oleh Syaikh al-Islam Ibn Taymiyyah, meninggal pada tahun 728 H.
- d) *Fatāwa Syihāb al-Dīn al-Ramlī*, yang lebih dikenali dengan Syaikh al-Islam *al-Ramlī al-Syāfi‘i*, meninggal pada tahun 971 H.
- e) *Al -Fatāwa al-Hindiyyat* yang dibukukan oleh ulama India atas perintah Sultan India ketika itu, iaitu Abu al-Muzaffar Mahy al-Dīn, dan banyak lagi (al-Mallah, 2001: 332-337).

Sekalipun budaya *taqlīd* telah menguasai masyarakat Islam pada zaman ini, namun pada penghujung era ini muncul usaha-usaha baru yang mengajak umat Islam untuk meninggalkan *taqlīd* agar kembali mengambil ijtihad sebagai langkah dalam berfatwa dan menggali hukum-hukum baru, seperti yang dilakukan oleh al-Imam Ibn Taymiyyah dan muridnya Ibn Qayyim pada abad ke 8 H. Seterusnya seperti yang dilakukan oleh Syaikh Jamal al-Din al-Afghānī serta muridnya yang terkenal al-Imam Muhammad ‘Abduh (Syalabī, 1962: 108).

Akhirnya dapat disimpulkan bahawa sumber hukum pada zaman ini ialah pertama: bagi sesetengah ulama yang masih lagi melakukan ijtihad, mereka merujuk kepada sumber hukum yang telah digunapakai oleh imam-imam mereka masing-masing, kedua: manakala bagi mereka yang *bertaqlīd* semata-mata, mereka merujuk kepada

hukum-hukum atau fatwa-fatwa peninggalan ulama-ulama panutan mereka sebelumnya.

#### **2.4.6 Zaman Sekarang**

Sebagaimana yang telah diuraikan, perjalanan fiqh dan ijtihad telah pun berlalu dalam beberapa peringkat, dan setiap peringkat mempunyai ciri-ciri tersendiri. Peringkat pertama merupakan peringkat pembentukan asas-asas atau prinsip-prinsip syariat, yang terdiri daripada nas-nas al-Quran dan al-sunnah. Nas-nas al-Quran berkenaan dengan *āyāt al-aḥkām* tidaklah banyak, hanya berjumlah sekitar 340 ayat. Manakala nas-nas al-sunnah yang berkenaan dengan hukum-hakam berjumlah 4500 hadis, sepertimana yang disebutkan oleh Ibn Qayyim Al-Jawziyyah (Khallāf, t.t: 24-25).

Pada peringkat kedua pula merupakan peringkat penafsiran terhadap nas-nas al-Quran dan al-sunnah yang dilakukan sahabat r.a, disamping meninggalkan fatwa-fatwa hasil ijtihad mereka terhadap permasalahan-permasalahan yang tidak ada penyelesaiannya daripada nas al-Quran dan al-sunnah. Manakala pada peringkat seterusnya kita dapati telah berlaku pembukuan al-sunnah, fiqh serta ilmu usul fiqh, yang dipelopori oleh para imam mujtahid *muṭlaq* secara khususnya, juga para pengikut mereka secara amnya. Kendatipun telah berlaku budaya jumud dan *taqlīd* pada zaman selepas imam-imam mujtahid tersebut, namun kenyataannya pada akhir zaman tersebut telah ada usaha-usaha yang menyeru kepada ijtihad semula.

Hasil kesinambungan itu ternyata menjadi pelajaran penting terhadap perkembangan fiqh dan fatwa pada zaman seterusnya, iaitu pada zaman sekarang. Ulama pada masa

kini telah bangkit dan sedar akan perlunya gerakan ijtihad semula dan bebas dari belenggu *taqlīd* dan fanatik mazhab<sup>23</sup>. Dengan segala keterbatasan kemampuan dan kemudahan yang ada, ulama zaman kini berusaha melakukan sesuatu yang baharu dalam menghasilkan sesebuah hukum atau fatwa yang bersesuaian dengan suasana zamannya. Antara usaha yang dilakukan ialah *al-ijtihād al-jamā'ī*<sup>24</sup>, ianya merupakan suatu mesyuarat para ulama dalam menghasilkan sesebuah keputusan hukum atau fatwa, tetapi tidak digolongkan sebagai ijmak (Al-Qahtānī, 2000, j.1: 251).

Selain itu, usaha yang mereka lakukan ialah mengambil manfa'at daripada seluruh mazhab-mazhab fiqh yang ada, dengan menggunakan pendekatan *fiqh al-muqāran*, iaitu suatu cara menghimpunkan pendapat (*qawl*) yang berbeza dalam sesebuah permasalahan fiqh berserta dalil atau hujah yang digunapakai, kemudian melakukan *tarjih*<sup>25</sup> bagi melahirkan suatu pendapat yang kuat berdasarkan dalil atau hujah yang disandarkan (Shoman, 2000: 137; Syalabī, 1962: 115). Seterusnya ulama pada zaman ini juga menggunakan pendekatan *al-takyīf al-fiqhī*<sup>26</sup> dalam menyelesaikan permasalahan baharu.

Terdapat juga sesetengah ulama kini yang melakukan ijtihad secara persendirian, seperti mufti negara Mesir, iaitu Sheikh 'Ali Juma'ah. Beliau memiliki kaedah

---

<sup>23</sup> Zaman sekarang dapat dikatakan sebagai zaman (peringkat) yang terbebas daripada fanatik mazhab. Kendatipun para ulama pada zaman ini masih lagi mengikuti (*bertaqlīd*) kepada mana-mana pendapat yang terdapat dalam mazhab terdahulu, namun tidaklah sampai berlaku fanatik terhadap mazhab seperti zaman-zaman terdahulu. *Taqlid* yang berlaku pada zaman ini ialah ijtihad dalam *bertaqlīd*. Ijtihad dalam *bertaqlīd* ini termasuk dalam kategori ijtihad juga (Syalabī, 1962: 115-117).

<sup>24</sup> *Al-ijtihād al-jama'ī* ialah usaha para majoriti ulama dengan segala kemampuan yang ada untuk memahami dan menyepakati terhadap sesebuah hukum syarak (Al-Qahtānī, 2000, j.1: 253).

<sup>25</sup> *Tarjih* ialah mengutamakan salah satu pendapat terhadap pendapat yang lain atas dasar kekuatan dalil atau hujah yang dimilikinya (Sanu, 2000: 130; Al-Qahtānī, 2000: 214).

<sup>26</sup> *al-takyīf al-fiqhī* ialah satu penggambaran yang sempurna (jelas) terhadap sesuatu permasalahan baru (berlaku) dan memadankannya dengan perkara yang sudah ada hukum (asalnya) dalam masalah fiqh (Al-Qahtānī, 2000:384). Definisi lain *al-takyīf al-fiqhī* ialah satu proses saringan bagi sesuatu masalah baru dengan memadankannya pada perkara yang sudah ada asalnya dalam masalah fiqh (Sanu, 2000: 145; Mohd. Akram, 2005: 61).

penggunaan sumber hukum tersendiri dalam amalan berfatwa. Beliau merujuk kepada al-Quran, al-sunnah, *fatāwa al-sahābat wa al-tābi‘īn*, ijmak, qiyas, *istihsān*, *istishāb*, *maṣāliḥ mursalaṭ*, *al-‘urf* dan *qawā‘id al-fiqhiyyaṭ*. Selain itu beliau juga merujuk kepada penulisan ulama-ulama terdahulu yang terdapat dalam kitab *turāth* (Wan Mohd. Khairul Firdaus, 2011: 195).

Ulama terkini lainnya ialah Sheikh Yusuf al-Qaradawi yang mempunyai kaedah penggunaan sumber hukum tersendiri dalam amalan berfatwa. Kaedah beliau sekurang-kurangnya dapat dilihat dalam kata-katanya berkaitan dengan ijtihad pada zaman sekarang, iaitu: (al-Qaradāwī, 1993: 242-243).

"ليس معنى الإجتهد - إذن - إهمال الفقه الموروث أو الغض من قيمته وفائدته ، إنما المقصود من الإجتهد عدة أمور أساسية : أولا : إعادة النظر في تراثنا الفقه العظيم بمختلف مدارسه ومذاهبه وأقواله المعتمدة (بخاصة أقوال الصحابة والتابعين ) في شتى الأعصار لاختيار الأرجح الأقوال فيه وأليقها بتحقيق مقاصد الشريعة وإقامة مصالح الأمة في عصرنا في ضوء ما جد من ظروف وأوضاع . ثانيا : العودة إلى المنابع : أعني إلى النصوص الثابتة والفقه فيها على ضوء المقاصد العامة للشريعة. ثالثا : الإجتهد في المسائل و الأعضاء الجديدة التي لم يعرفها فقهاءنا الماضون ولم يصدروا في مثلها حكما وذلك لاستنباط حكم مناسب لها في ضوء الأدلة الشرعية" .

“Ijtihad bukan bermakna mengabaikan fiqh warisan (ulama) terdahulu atau menutup mata daripada nilai dan faedahnya. Apa yang dimaksudkan daripada ijtihad ialah meliputi beberapa aspek utama: Pertama: melakukan peninjauan semula terhadap fiqh yang diwariskan kepada kita daripada kepelbagaian madrasah dan mazhab serta pendapat yang diterima (terutamanya pendapat para sahabat dan tabiin) sepanjang zaman untuk memilih pendapat yang paling kuat dan menepati kehendak (*maqāṣid*) syarak serta menegakkan kepentingan

umat pada zaman ini sesuai dengan suasana dan keadaan. Kedua : kembali kepada sumber (hukum) asli, iaitu nas-nas (al-Quran dan al-sunnah) dan (usaha) memahaminya berdasarkan kepada *maqāsid* syarak yang umum. Ketiga: Berijtihad terhadap permasalahan baru yang belum dikenalpasti oleh ulama terdahulu dan belum terdapat sesuatu hukum serupa terhadapnya, iaitu dengan mengeluarkan (mengistinbatkan) sesuatu hukum yang bersesuaian berdasarkan kepada dalil syarak”.

Daripada kata-kata di atas dapat difahami bahawa sumber hukum beliau dalam amalan berfatwa ialah merujuk kepada pendapat daripada ulama muktabar terdahulu terkuat (berdasarkan dalil) terutamanya dari kalangan sahabat r.a. dan tabiin, seterusnya merujuk kepada sumber asli (al-Quran dan al-sunnah), serta melakukan ijtihad terhadap permasalahan baharu yang belum diketahui hukum terhadapnya.

Berdasarkan kepada pemaparan di atas, dapat disimpulkan bahawa sumber hukum pada zaman sekarang ialah merujuk kepada semua sumber hukum yang telah digunapakai oleh ulama-ulama sebelumnya. Bahkan ulama zaman kini menjadikan hukum atau fatwa ulama sebelumnya sebagai sumber hukum dengan cara berijtihad dalam *bertaqlīd* tanpa terikat atau fanatik terhadap pendapat atau mazhab tertentu.

Dengan demikian, kaedah penggunaan sumber hukum yang telah diguna pakai dalam berfatwa sejak zaman penurunan wahyu sehingga hari ini ialah seperti berikut:

- a) Merujuk kepada wahyu, iaitu al-Quran dan al-sunnah semata-mata. Metode ini berlaku pada zaman ketika Baginda s.a.w. masih hidup. Setiap permasalahan yang berlaku pada zaman ini baginda terus merujuk kepada wahyu.

- b) Merujuk kepada al-Quran dan al-sunnah. Seterusnya melakukan ijtihad, iaitu dengan melakukan qiyas, *maṣāliḥ mursalaṭ* dan *sad zarā'i*. Hasil daripada ijtihad mereka berbentuk ijmak atau *qawl al-ṣaḥābī*. Ijmak terhasil daripada ijtihad mereka bersandarkan al-Quran dan al-sunnah. Manakala qiyas, *maṣāliḥ mursalaṭ* dan *sad zarā'i* pula merupakan langkah atau pendekatan mereka dalam berijtihad. Metode ini telah pun berlaku pada zaman sahabat r.a.
- c) Merujuk kepada al-Quran, al-sunnah, ijmak, qiyas, *istiḥsān*, *maṣāliḥ mursalaṭ*, *'urf*, *qawl al-ṣaḥābī*, *syar' man qablanā* dan *istishāb*. Metode ini berlaku pada zaman tabi'in dan tabi tabi'in, termasuk zaman imam mujtahid pengasas mazhab empat. Sumber hukum yang disepakati ulama pada zaman ini ialah al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas. Manakala yang selebihnya berlaku perselisihan pendapat dikalangan mereka.
- d) Merujuk kepada hukum-hukum peninggalan imam-imam ikutan mereka, tanpa melihat atau memperhatikan dalil atau sumber hukum yang digunakan. Keadaan ini berlaku pada zaman *taqlīd*.
- e) Merujuk kepada seluruh hukum-hukum warisan ulama terdahulu dan kini dengan memperhatikan dan mempertimbangkan sumber hukum yang digunakan oleh mereka, tanpa terikat atau fanatik terhadap pendapat atau mazhab tertentu. Selain itu, ulama tidak menjadikan pendapat atau mazhab tertentu sebagai sumber hukum tanpa memperhatikan dalil atau hujah yang digunakan, kecuali yang berlaku pada zaman *taqlīd*. Ini kerana sesuatu pendapat atau mazhab tertentu bukanlah hujah terhadap syari'at agama ini kecuali ianya bersandarkan kepada dalil. Sepertimana yang ditegaskan oleh Dr. Abd Karim Zaydān dengan katanya: "Syariat

adalah hujah terhadap mazhab, bukan sebaliknya, kerana mazhab itu adalah suatu bentuk atau hasil yang difahami daripada penafsiran nas-nas serta cara mengeluarkan hukum daripada sumber-sumbernya” (Zaydān, t.t: 150-151).

Seterusnya sesetengah ulama tidak menerima sumber hukum yang digunapakai ulama lainnya iaitu sumber hukum yang tidak disepakati (*istihsān, maṣāliḥ mursalaṭ, sad zarā’i’, ‘urf, qawl al-ṣahābī, syar’ man qablanā dan istiṣḥāb*).

## **2.5 Sumber Hukum dan Kedudukannya.**

Pada perbahasan sebelumnya telah pun dikemukakan perkembangan kaedah penggunaan sumber hukum dalam mengeluarkan sesebuah fatwa, yang bermula daripada zaman Rasulullah s.a.w. sehingga ke zaman kini. Berdasarkan kepada perbahasan itu dapat disimpulkan bahawa secara umumnya terdapat beberapa sumber hukum yang telah digunapakai dalam berfatwa, iaitu al-Quran, al-sunnah, ijmak, qiyas, *istihsān, maṣāliḥ mursalaṭ, qawl al-ṣahābī, sad zarā’i’, ‘urf, syar’ man qablanā* dan *istiṣḥāb*. Berikut ini akan dibincangkan secara ringkas berkenaan dengan keseluruhan sumber hukum tersebut, serta pendapat para ulama terhadap penggunaannya sebagai sumber hukum dalam berfatwa.

### **2.5.1 Al-Quran**

#### **2.5.1.1 Pengertian Al-Quran**

Selain dari nama yang lebih popular ini, al-Quran juga mempunyai nama-nama lain. Antaranya ialah *al-Furqān, al-Kitāb* dan *al-Zikr*. Nama-nama ini selalu digunakan

oleh al-Quran sendiri, dan ternyata penggunaan nama-nama itu berasaskan kepada fungsi dan sifat al-Quran itu sendiri (Mahmood Zuhi, 1998: 40).

Terdapat pelbagai pengertian al-Quran yang telah didefinisikan oleh ulama. Bagi meringkaskan, kajian ini memilih salah satu daripada pengertian-pengertian yang ada, atas pertimbangan pengertian tersebut mencakupi kepelbagaian pengertian yang ada, iaitu: (Al-Zuhaylī, 1986: 421).

“Al-Quran adalah wahyu Allah S.W.T (*kalāmullah*) yang diturunkan kepada Rasul-Nya Nabi Muhammad s.a.w. dalam bahasa arab, sebagai mukjizat, termaktub didalam *mashaf*, dinukilkan kepada kita secara *mutawātir*, pembacaanya adalah ibadah, dimulai dengan surah al-Fātiḥah dan diakhiri dengan surah al-Nās”.

Berdasarkan kepada pengertian di atas dapat disimpulkan bahawa al-Quran mempunyai beberapa ciri, antaranya:

- a) Al-Quran merupakan *Kalāmullah*. Ini bermakna seluruh kandungan al-Quran adalah perkataan Allah S.W.T, samada lafaz mahupun maknanya. Rasulullah s.a.w. hanya sebagai penyampai sahaja (Zaydān, t.t: 184).
- b) Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Dalam al-Quran tidak terdapat bahasa selainnya. Al-Quran sendiri telah menyebutkan beberapa ayat bahawa ianya diturunkan dalam bahasa arab<sup>27</sup>, antaranya ialah firman

---

<sup>27</sup> Walaubagaimanapun, tidak dinafikan juga bahawa dalam al-Quran terdapat bahasa selain bahasa arab, seperti kata-kata: *al-misykat*, *al-istabraq* dan lain-lain. Akan tetapi kata-kata tersebut berkemungkinan juga bahasa arab yang tidak diketahui maknanya oleh sebagian orang Arab, dan kata-kata tersebut berkemungkinan juga serupa dari segi lafaz dan maknanya dengan bahasa Arab. Oleh itu, ini tidak dapat dijadikan sebagai bahan bukti bahawa kata-kata tersebut bukan bahasa Arab, sepertimana yang telah diperkatakan oleh Imam al-Syafi'i diatas. Kemudian, tidak dinafikan juga bahawa kata-kata tersebut berkemungkinan serupa dengan bahasa arab, namun berbeza maksud atau maknanya dengan maksud atau makna dalam bahasa Arab. Oleh itu, jika kata-kata tersebut disandarkan kepada bahasa Arab, maksud atau maknanya mestilah bersesuaian dengan bahasa arab, dan jika disandarkan kepada bahasa selain arab, maksud atau maknanya mestilah bersesuaian dengan

Allah S.W.T dalam surah al-Syu'arā' ayat 192 hingga 195. Perkara ini juga ditegaskan oleh al-Imam al-Syafi'i dengan katanya: (Al-Zuhaylī, 1986: 442)

“...sebahagian orang berkata: sesungguhnya didalam al-Quran itu terdapat bahasa arab dan bahasa selain arab (*'ajam*), sedangkan al-Quran menunjukkan bahawa tidak terdapat didalam kitab Allah (al-Quran) melainkan bahasa arab”.

“Kejahilan sebahagian orang arab terhadap sebahagian dari lafaz-lafaz atau perkataan asing bagi mereka yang terdapat dalam al-Quran bukanlah dalil atau bukti dalam al-Quran itu terdapat bahasa selain bahasa arab...”.

- c) Diriwayatkan secara *mutawātir* bukan secara *āḥād*. Maksud *mutawātir* ialah diriwayatkan oleh sekumpulan orang yang tidak mungkin berbohong kepada sekumpulan yang lain (yang juga tidak mungkin berbohong) sekalipun berbilang-bilang jumlah mereka dan berlainan asal mereka, demikianlah seterusnya sehinggalah sampai kepada kita (Zaydān, t.t: 185).
- d) Al-Quran merupakan mukjizat. Bermaksud bahawa jin dan manusia tidak mampu untuk mendatangkan seumpamanya ataupun sebahagian daripadanya. Kegagalan mereka membuktikan bahawa al-Quran adalah mukjizat (Zaydān, t.t: 185-186).

---

bahasa selain arab itu. Selain itu, kata-kata tersebut berkemungkinan juga pada asalnya bukan bahasa Arab, namun kemudiannya kata-kata tersebut di-*arabkan* (digunakan) kedalam bahasa Arab, maka jadilah ia sebagai bahasa arab (Al-Jizānī, t.t: 108). Seterusnya, bahasa arab yang dimaksud ialah bahasa arab yang diturunkan oleh Jibril a.s daripada Allah S.W.T kepada Nabi s.a.w. Oleh itu, jika suatu surah atau ayat diubah kepada bahasa Arab yang bukan bahasa Arab al-Quran (sekali pun sama dari segi makna dan maksudnya), ianya tidak dikira sebagai al-Quran. Demikian juga halnya segala bentuk alih bahasa atau terjemahan dari bahasa al-Quran kepada bahasa-bahasa lain (Al-Zuhaylī, 1986: 423).

- e) Terpelihara isi kandungannya. Al-Quran sejak diturunkan sehinggalah ke hari ini terpelihara kemurniannya dari segala unsur-unsur penambahan atau pun pengurangan. Allah S.W.T berjanji dalam al-Quran surah al-Hijr (15) ayat 9.

### **2.5.1.2 Kedudukan Al-Quran Sebagai Sumber Hukum**

Para ulama sepakat bahawa al-Quran adalah sumber hukum pertama dalam Islam dan ianya merupakan hujah atas manusia serta wajib beramal dengan segala hukum-hakam yang terdapat didalamnya. Jika berlaku sesuatu permasalahan yang memerlukan penyelesaian hukum, maka mestilah merujuk kepada al-Quran terlebih dahulu dan tidak boleh berpaling kepada selainnya, kecuali jika setelah melakukan pengkajian padanya dan tidak terdapat penyelesaian hukum di dalamnya.

Dalilnya ialah al-Quran diturunkan daripada Allah S.W.T. Bukti al-Quran diturunkan daripada Allah S.W.T ialah ianya merupakan mukjizat. Jika sudah terbukti al-Quran diturunkan daripada Allah S.W.T, maka semua makhluk wajib mengikuti dan mengambil hukum-hakam daripada nasnya (Zaydān, t.t: 184; Al-Zuhaylī, 1986: 431).

## **2.5.2 Al-Sunnah**

### **2.5.2.1 Pengertian al-Sunnah**

Secara bahasa perkataan al-sunnah bermaksud jalan. Dalam bahasa Arab diterjemahkan dengan kata-kata *al-ṭarīqat*. Pengertian ini bersesuaian dengan maksud dalam sebuah hadis, yang bermaksud: “Sesiapa yang membuat sesuatu jalan kebaikan, maka baginya pahalanya dan pahala orang yang mengamalkan dengannya hingga ke hari kiamat” (Shoman, 2000: 52)

Dari segi syarak, pengertian al-sunnah ialah sesuatu yang pasti/tetap (*thābit*) daripada Nabi Muhammad s.a.w, sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan ataupun pengakuan. Al-sunnah dalam bentuk perkataan adalah hadis-hadis yang diucapkan oleh Nabi s.a.w. yang dinukilkan kepada kita dengan lafaznya. Seperti hadis riwayat Bukhari iaitu:

" إنما الأعمال بالنيات، وإنما لكل امرئ ما نوى، فمن كانت هجرته إلى دنيا يصيبها،  
أو إلى امرأة ينكحها، فهجرته إلى ما هاجر إليه"<sup>28</sup>

Al-Sunnah dalam bentuk perbuatan pula ialah segala perbuatan yang lahir daripada Nabi s.a.w. yang dinukilkan kepada kita oleh para sahabatnya r.a. Seperti hadis tentang cara mengerjakan ibadah sembahyang, haji dan lainnya. Manakala al-Sunnah dalam bentuk pengakuan adalah pengiktirafan atau tiada bantahan daripada baginda s.a.w. terhadap segala perkataan atau perbuatan yang berlaku dihadapannya. Seperti pengiktirafan Nabi s.a.w. terhadap jawapan yang diberikan oleh Mu'az bin Jabal tatkala baginda mengutusnyanya ke Yaman (Shoman, 2000: 52-53).

### 2.5.2.2 Kedudukan al-Sunnah Sebagai Sumber Hukum

Al-Sunnah menempati urutan kedua sebagai sumber hukum dalam Islam selepas al-Quran. Sudah semestinyalah al-Quran mendahului al-sunnah, kerana al-Quran bersifat *qat'ī al-thubūt*, manakala al-sunnah bersifat *zannī al-thubūt*<sup>29</sup>. Maka *qat'ī* hendaklah mendahului *zannī*. Seterusnya al-sunnah adalah sebagai pemberi

<sup>28</sup> Al-Bukhārī(2002), Sahīh Al-Bukhārī, Bab Kaifa Bada' al-Wahy Ila Rasul Allah, no.hadis 1.

<sup>29</sup> Di dalam kitab al-Taqrīb karangan Imam Al-Nawāwī disebutkan bahawa semua hadis yang diriwayatkan oleh keduanya (Bukhari dan Muslim) atau salah seorang daripada keduanya adalah sah secara *qat'iy*, namun pendapat ini dibantah oleh ulama (*Muhaqqiq wa al-Aktharūn*), mereka berpendapat bahawa ianya sah secara *zanniy* selama tidak diriwayatkan secara mutawātir (Al-Nawāwī, 1985:28)

penerangan terhadap al-Quran. Kedudukan al-sunnah pada urutan kedua selepas al-Quran jelas terlihat pada riwayat tentang jawapan Mu‘az bin Jabal ketika diutus oleh Rasulullah s.a.w. ke Yaman. Begitu juga riwayat tentang Abu Bakar r.a, seterusnya riwayat tentang pesan Umar r.a kepada Syuraih (Al-Zuhaylī, 1986: 460-461).

Seterusnya, para ulama sejak zaman sahabat r.a sehinggalah ke hari ini sepakat bahawa al-sunnah sebagai sumber hukum. Hujah mereka adalah ayat-ayat al-Quran yang menyuruh agar patuh dan taat kepada Baginda s.a.w. atau ayat-ayat seumpamanya. Antaranya ialah Surah al-Najm (53) ayat 3, Surah al-A‘rāf (7) ayat 158, Surah al-Ahzāb (33) ayat 36, Surah al-Nisā’(4) ayat 80, Surah al-Nisā’(4) ayat 59, Surah al-Hasyr (59) ayat 7, Surah al-Nisā’(4) ayat 65 (Shoman, 2000: 56-57).

Hujah lainnya adalah ijmak sahabat r.a sama ada ketika Baginda s.a.w. masih hidup mahupun selepas wafat tentang kewajipan mengikut dan mengamalkan segala sunnahnya. Mereka tidak pernah membezakan antara hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran dengan hukum-hukum yang bersumberkan daripada Nabi s.a.w, sepertimana yang berlaku pada kisah Mu‘az bin Jabal dan Abu Bakar r.a. (Al-Zuhaylī, 1986: 456-457).

Dengan demikian, ternyatalah bahawa al-sunnah adalah sumber hukum yang kedua, berkedudukan selepas al-Quran. Penafian al-sunnah sebagai sumber hukum mengakibatkan terhalang pelaksanaan syari’at Islam. Ini kerana kebanyakan ayat-ayat al-Quran hanya menyebutkan sesuatu hukum secara umum tanpa memperincikannya, seperti perintah mendirikan sembahyang atau membayar zakat, lalu datang al-sunnah memperincikan cara pelaksanaannya.

### 2.5.3 Ijmak

Awal kemunculan ijmak pada dasarnya disebabkan oleh keperluan kepada sesuatu kepastian hukum terhadap sesuatu permasalahan baru yang berlaku selepas kewafatan baginda s.a.w, iaitu pada zaman sahabat r.a. Ianya lahir hasil daripada ijtihad para sahabat r.a secara berjama'ah. Sekalipun ijtihad secara individu dibolehkan jika telah mencukupi syarat, namun para sahabat memilih untuk berijtihad secara berjama'ah dengan maksud supaya terhindar daripada terdedah kepada kesalahan. Hukum-hukum yang lahir hasil daripada ijmak wajib diikuti oleh seluruh umat Islam. Atas dasar itu, para ulama perlu menjadikan ijmak sebagai sumber hukum selepas al-Quran dan al-sunnah (Al-Zuhaylī, 1986: 486).

#### 2.5.3.1 Pengertian Ijmak

Dari segi bahasa ijmak bermaksud kesepakatan. Dalam bahasa Arab diterjemahkan dengan *al-ittifāq* atau *al-'azam*. Dari segi istilah pula ijmak adalah kesepakatan umat Nabi Muhammad s.a.w. daripada kalangan para ulama (*mujtahidīn*) selepas kewafatan baginda s.a.w. pada sesuatu masa terhadap sesuatu hukum syarak (Al-Zuhaylī, 1986: 489-4810; Shoman, 2000: 63; al-Jīzanī, 1996: 162).

Berdasarkan kepada pengertiannya dari segi istilah, ijmak mempunyai beberapa ciri, antaranya ialah:

- a) Kesepakatan hanya boleh berlaku atas dua pendapat atau lebih.
- b) Kesepakatan yang dimaksud ialah kesepakatan para ulama (*mujtahidīn*) yang mampu berijtihad menggali hukum-hakam daripada al-Quran dan al-sunnah.

- c) Para ulama (*mujtahidīn*) yang dimaksud hanyalah umat Nabi Muhammad s.a.w.
- d) Kesepakatan itu berlaku selepas kewafatan baginda s.a.w.
- e) Kesepakatan itu berlaku terhadap hukum syarak. Kesepakatan yang berlaku pada selain hukum syarak tidak dikira sebagai ijmak (Shoman, 2000: 64).

Dengan demikian ternyatalah bahawa ijmak adalah kesepakatan para ulama umat Nabi Muhammad s.a.w. terhadap sesuatu hukum syarak yang berlaku selepas kewafatan baginda s.a.w.

### **2.5.3.2 Kedudukan Ijmak Sebagai Sumber Hukum**

Secara umumnya, majoriti<sup>30</sup> ulama usul dan fuqaha berpendapat bahawa ijmak adalah sumber hukum syarak berkedudukan selepas al-Quran dan al-sunnah (Al-Zuhaylī, 1986: 538; Shoman, 2000: 65; Al-Jīzanī, 1996: 165). Mereka berhujah dengan beberapa dalil, antaranya ialah:

- a) Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Nisā'(4) ayat 115, iaitu:

---

<sup>30</sup> Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa ijmak tidak dikira sebagai sumber hukum syarak. Mereka adalah Ibrahim al-Nizam dan al-Qasyani dari puak Muktazilah dan Khawarij. Mereka berhujah dengan menggunakan firman Allah S.W.T surah al-Nisā' (4) ayat 59, dengan keterangan mereka bahawa jika berlaku perselisihan diantara umat Islam hendaklah mereka mengembalikan permasalahan tersebut kepada Allah dan Rasul-Nya, bukan menyerahkan kepada umat Islam. Namun hujah mereka dibantah bahawa sebenarnya ayat al-Quran yang mereka jadikan sebagai hujah adalah bantahan terhadap mereka sendiri. Ini kerana dengan mengembalikan (perbezaan pendapat yang berlaku terhadap ijmak sebagai hujah) kepada Allah dan Rasul-Nya, maka jelaslah itu adalah ijmak. Mereka juga berhujah dengan kisah jawapan Muaz bin Jabal ketika diutus oleh Rasul s.a.w. ke Yaman, yang tidak menyebutkan Ijmak selepas al-Quran dan al-sunnah. Namun hujah tersebut dibantah bahawa Muaz bin Jabal hanya menyebutkan sumber hukum yang boleh digunapakai pada zaman baginda s.a.w. masih hidup sahaja. Sedangkan ijmak adalah sumber hukum yang hanya boleh digunakan selepas kewafatan baginda s.a.w. (Al-Zuhaylī, 1986: 546-547).

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ  
 الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّىٰ وَنُصَلِّهِ ۖ جَهَنَّمَ ۖ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ﴿١١٥﴾

Ertinya: “Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah s.a.w. sesudah terang nyata kepadanya kebenaran petunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) kami akan memasukannya kedalan api neraka jahannam, dan neraka jahannam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali”.

(Surah al-Nisā’ (4): 115)

Para ulama mengulas bahawa hukum mengikut selain jalan orang beriman adalah haram berdasarkan kepada nas ayat tersebut, dan meninggalkan ijmak adalah mengikut jalan orang yang tidak beriman (Shoman, 2000: 65; al-Jīzanī, 1996: 165).

b) Sabda Baginda s.a.w, antaranya:

" إِنَّ أُمَّتِي لَا تَجْتَمِعُ عَلَىٰ ضَلَالَةٍ " <sup>31</sup>

" من خرج من الطاعة وفارق الجماعة فمات مات ميتة جاهلية " <sup>32</sup>

c) *Athār*, seperti berlaku ijmak dalam kalangan para sahabat r.a pada beberapa permasalahan, antaranya permasalahan membunuh orang yang murtad. (Shoman, 2000: 65-66)

Berdasarkan kepada huraian di atas ternyatalah bahawa ijmak adalah salah satu sumber hukum yang berkedudukan selepas al-Quran dan al-sunnah. Perbincangan lebih

<sup>31</sup> Ibn Mājah (t.t), Sunan Ibn Mājah. Bab al-Sawād al-‘A’zam, no.hadis 3950.

<sup>32</sup> Al-Nawāwī (t.t), Al-Minhāj Fi Syarh Sahīh Muslim, Bab Wujūb Mulāzamah al-muslimīn, no. hadis 1848.

luas berkenaan dengan ijmak telah dibahas oleh para ulama dalam kitab-kitab usul al-fiqh yang muktabar.

#### **2.5.4 Qiyas**

Perbahasan tentang qiyas dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya sangatlah luas. Bermula dari pengertian dan rukun-rukunnya, kedudukannya sebagai sumber hukum syarak, syarat-syaratnya, bantahan-bantahan terhadapnya, pembahagiannya dan lainnya telah pun dibincangkan oleh para ulama usul al-fiqh dalam kitab-kitab muktabar.

##### **2.5.4.1 Pengertian Qiyas**

Qiyas secara bahasa bermaksud mencari persamaan, membandingkan atau mengukur. Dalam bahasa Arab diterjemahkan dengan *al-taqdīr wa al-musāwat*. Seperti seseorang yang mengukur sesuatu dengan meter, iaitu mencari ukurannya atau seseorang tidak dapat disamakan dengan seseorang yang lain, kerana tidak terdapat persamaannya (Shoman, 2000: 67).

Dari sudut istilah, pelbagai definisi telah diketengahkan oleh para ulama dalam kitab-kitab muktabar, khususnya kitab usul al-fiqh, namun intinya tetap sama. Kajian ini memilih pengertian yang menyatakan bahawa qiyas adalah menghubungkan sesuatu perkara yang tidak ada dalil syarak terhadap hukumnya dengan perkara yang telah ada dalil syarak terhadap hukumnya, kerana keduanya memiliki persamaan pada *'illat* (Al-Zuhaylī, 1986: 603).

Berdasarkan kepada pengertian di atas, dapat difahami bahawa qiyas terdiri dari empat unsur atau yang lebih dikenali dengan rukun qiyas, iaitu pertama: *al-aṣl* (*al-maqīs ‘alaiḥ*)<sup>33</sup>, kedua: *ḥukm al-aṣl*<sup>34</sup>, ketiga: *al-far‘* (*al-maqīs*)<sup>35</sup>, dan keempat: *illaṭ*<sup>36</sup> (al-Jīzānī, 1996: 186).

Satu unsur lain juga terdapat pada qiyas ialah *natījaṭ al-qiyās*. Ia merupakan suatu hukum terhadap *al-far‘* (*al-maqīs*) yang terhasil daripada proses pelaksanaan qiyas, seperti hukum haram pada *nabīdz*. Seseengah ulama tidak menggolongkannya dalam rukun qiyas, sebaliknya seseengah ulama lain menggolongkannya dalam rukun qiyas (Al-Zuhaylī, 1986: 605-606).

Seterusnya, qiyas tidak dapat dilakukan kecuali pada hukum yang dapat diketahui atau dikesan ‘illaṭ-nya dengan akal fikiran manusia, seperti hukum-hukum mu‘amalat. Dengan demikian qiyas tidak dapat dijalankan pada hukum-hukum yang tidak dapat dikesan ‘illaṭ-nya seperti rakaat sembahyang atau seumpamanya (Khallāf, 1993: 25).

Selain itu, qiyas bukanlah pembuat sesuatu hukum. Ia hanya menyatakan sesuatu hukum terhadap perkara yang belum terang hukumnya berdasarkan kepada kesamaan ‘illaṭ yang terdapat pada keduanya, iaitu ‘illaṭ yang terdapat pada perkara yang belum ada dalil syarak dengan ‘illaṭ yang terdapat pada perkara yang telah ada dalil syarak terhadap hukumnya. Kerana sebenarnya *al-maqīs* sudah mempunyai

---

<sup>33</sup> *Al-aslu* (*al-maqīs ‘alaihi*) adalah objek qiyas (pengukur/timbangan), iaitu sesuatu perkara yang telah ditetapkan hukumnya berdasarkan kepada dalil, seperti khamar.

<sup>34</sup> *Hukmu al-asli* adalah hukum asal, iaitu hukum syarak yang telah ditetapkan dengan dalil, yang terdapat dalam *al-Aslu*, seperti hukum ‘*haram*’ pada khamar.

<sup>35</sup> *Al-far‘u* (*al-maqīs*) adalah sesuatu yang diqiyaskan (sesuatu yang diukur/ sesuatu yang ditimbang) kepada objek qiyas (*maqīs ‘alaihi*), kerana tidak terdapat dalil yang menyatakan hukumnya, seperti *nabīz*.

<sup>36</sup> *Al-‘illah* adalah sifat hukum yang terdapat pada *al-aslu* dan *al-far‘u*, iaitu memabukkan (*al-iskār*).

hukum yang tetap (*thābit*), namun terlambat pernyataannya sehingga mujtahid menemukannya dengan wasilah yang wujud pada persamaan *'illat* (Khallāf, 1993: 27; Al-Zuhaylī, 1986: 603).

Dengan demikian, ternyatalah bahawa qiyas adalah satu pendekatan yang ditempuh oleh mujtahid untuk memperjelaskan sesuatu hukum syarak yang tidak terdapat dalilnya, dengan cara membandingkan *'illat* pada keduanya. Ianya bukanlah pembuat atau penetap sesuatu hukum syarak, akan tetapi qiyas hanya mempernyatakan sesuatu hukum terhadap sesuatu perkara yang belum nyata hukumnya daripada dalil syarak. Seterusnya, ia hanya dapat dilakukan pada sesebuah hukum yang dapat dikesan *'illat*nya sahaja.

#### **2.5.4.2 Kedudukan Qiyas Sebagai Sumber Hukum**

Secara umumnya, majoriti ulama usul al-fiqh, fuqaha dan ilmu kalam berpendapat bahawa qiyas adalah salah satu sumber hukum syarak. Namun terdapat juga kalangan ulama seperti Nizām, Dāwūd al-Zahirī dan sekumpulan puak Syi'ah berpendapat bahawa qiyas tidak dikira sabagai salah satu sumber hukum dan tidak sah menjadikannya sebagai dalil dalam mengeluarkan sesebuah hukum syarak (Al-Zuhaylī, 1986: 610; Khallāf, 1993: 29-30).

Golongan pertama menggunakan dalil daripada al-Quran, al-sunnah, ijmak, perbuatan sahabat r.a dan dalil secara akal fikiran (*ma'qūl*). Sekalipun dalil yang mereka gunakan tidak luput daripada bantahan, namun pada akhirnya semua bantahan dapat dijawab dan dalil tersebut dapat dipertahankan dengan selamat.

Sehingga pendapat kelompok ini menjadi pendapat yang kuat atau terpilih (Al-Zuhaylī, 1986: 621-633; Khallāf, 1993: 30-35).

Manakala golongan yang kedua juga menggunakan dalil daripada al-Quran, al-sunnah, ijmak, *aqwāl al-ṣahābat* dan *ma'qūl*. Namun dalil yang mereka gunakan tidak dapat dipertahankan daripada segala bantahan, sehingga pendapat mereka tergolong lemah dan tidak terselamatkan (Al-Zuhaylī, 1986: 610-621; Khallāf, 1993: 35-42).

Dengan demikian ternyatalah bahawa qiyas adalah termasuk salah satu sumber hukum syarak dalam mengeluarkan fatwa. Pendapat yang menolak qiyas sebagai sumber hukum sebenarnya keliru ketika tidak menjadikan *'illat* sebagai salah satu dasar dalam mengeluarkan sesuatu hukum terhadap sesuatu perkara yang tidak mempunyai dalil (Abū Zahrah, t.t: 227).

### **2.5.5 Istiḥsān**

Jika berlaku permasalahan dan terdapat hukum secara umum yang dikehendaki sama ada oleh al-Quran, al-sunnah, atau qiyas yang nyata, akan tetapi ternyata kepada mujtahid bahawa permasalahan tersebut berhadapan dengan sesuatu keadaan tertentu dan jika diterapkan hukum seperti yang telah jelas pada al-Quran, al-sunnah atau qiyas yang nyata akan membawa kepada kerosakan, lalu mujtahid beralih kepada hukum lain yang mengkehendaki pengkhususan atau pengecualian, maka ijthad seperti ini dinamakan dengan *istiḥsān* (Khallāf, 1993: 67-68).

### 2.5.5.1 Pengertian *Istihsān*

*Istihsān* secara bahasa bermaksud menduga dan meyakini sesuatu itu baik. Manakala dari sudut istilah, pelbagai definisi telah diketengahkan oleh para ulama. Namun pada kenyataannya perbezaan hanya pada lafaz (*khilāf lafzī*) sahaja, sedangkan intinya tetap bermaksud sama, sepertimana yang dinyatakan oleh al-Syaikh Wahbah al-Zuhaylī. Antara definisi *istihsān* secara istilah ialah menggunakan dalil yang kuat daripada dua dalil yang ada atau menggunakan *maṣlahat* yang sukar difahami (terperinci) terhadap dalil yang menyeluruh (Al-Zuhaylī, 1986: 739).

Maknanya, terdapat dua hal yang menjadi ciri *istihsān*, iaitu:

- a) Mengutamakan qiyas yang tidak terang daripada qiyas yang terang atas dasar dalil.
- b) Pengecualian masalah terperinci daripada asal yang menyeluruh atau ketentuan umum atas dasar dalil khusus yang mengkehendaki itu.

Dengan demikian dapat dikatakan bahawa *istihsān* adalah beralih daripada sesuatu hukum yang ada dalil kepada hukum yang setara dengannya atas dasar dalil yang lebih kuat. Seperti beralih daripada dalil yang umum atau qiyas kepada dalil khusus atau qiyas yang tidak nyata, disebabkan *'illat*nya yang sukar difahami dan jauh daripada jangkauan minda, dengan maksud menjaga *maṣlahat* atau menolak kerosakkan. Sebagai contoh ialah memperbolehkan akad pembinaan sesuatu bangunan sedangkan objek akadnya tidak wujud ketika akad dilakukan (Al-Zuhaylī, 1986: 740).

### 2.5.5.2 Kedudukan *Istiḥsān* sebagai Sumber Hukum

Majoriti ulama Hanafiyah, Malikiyah dan Hanabilah berpendapat bahawa *istiḥsān* adalah salah satu sumber hukum. Ianya dapat menentukan sesuatu hukum syarak yang berlawanan dengan hukum yang ditentukan oleh qiyas atau dalil umum. Manakala Mazhab Syafi'i, al-Zāhiriyyah, al-Mu'tazilah dan ulama Syi'ah berpendapat bahawa *istiḥsān* bukan sebagai sumber hukum syarak, malah ianya dianggap sebagai memberanikan diri dan mengikut hawa nafsu terhadap syari'at, dan ianya berlawanan dengan ketentuan dalil syarak. Imam Syafi'i berkata: "sesiapa yang melakukan *istiḥsān* sesungguhnya dia mencipta syari'at", "*istiḥsān* tidak sah (*bātil*)", "sesungguhnya *istiḥsān* adalah *al-taladhdhudh*, sekiranya *istiḥsān* dibolehkan dalam agama, niscaya ia dibolehkan kepada orang cerdik akal yang tidak berilmu, dan dibolehkan mereka-reka dalam agama pada semua bab, dan setiap orang akan mengeluarkan hukum sendiri sebagai syari'at". Berkata Ibn Hazm: "sesuatu yang benar itu adalah benar sekalipun dipandang salah oleh manusia, dan sesuatu yang salah adalah salah, sekalipun dipandang baik oleh manusia, sebenarnya *istiḥsān* itu adalah mengikut hawa nafsu dan sesat, kepada Allah kita berlindung daripada kelalaian" (Al-Zuhaylī, 1986: 748-749).

Manakala al-Syawkānī berpendapat bahawa *istiḥsān* adalah sumber hukum, tetapi ianya bukan dalil yang berdiri sendiri, bahkan ia kembali atau bersandar kepada dalil syarak yang lain (Khallāf, 1993: 77).

Semua mazhab di atas mempunyai hujah masing-masing dalam mempertahankan pandangan mereka. Bagi meringkaskan, kajian ini tidak membincangkan hujah-hujah mereka, sebaliknya hanya menukilkan kesimpulan yang telah dianalisis oleh para

ulama terkini seperti al-Syaikh Wahbah al-Zuhaylī dan al-Syaikh Abd al-Wahhāb al-Khallāf terhadap hujah mereka atau yang berkenaan dengan objek perbezaan pandangan mereka, yang lebih dikenali dengan istilah “*maḥall al-nizā’* ”. Kesimpulan daripada analisis mereka ialah sebenarnya tidak berlaku perbezaan pandangan terhadap penggunaan *istiḥsān* sebagai sumber hukum syarak, ini kerana perkara yang dihuraikan dalam mempertahankan pandangan mereka bukan pada permasalahan yang menjadi perbezaan pendapat. Sebahagian permasalahan yang dihuraikan sepakat diterima dalam kalangan mereka, sebahagian yang lain sepakat tidak diterima, dan sebahagian yang lain pula berada pada keadaan antara diterima atau pun tidak. Perkara yang sepakat diterima adalah beralih daripada ketentuan qiyas kepada kehendak qiyas yang lebih kuat. Seterusnya perkara yang sepakat tidak diterima adalah beralih daripada tuntutan dalil syarak, semata-mata kerana mengikut hawa nafsu dan tidak ada kejelasan *maṣlahat*. Manakala perkara yang berada pada keadaan antara diterima atau pun tidak adalah beralih daripada tuntutan dalil syarak kepada ‘urf atau *maṣlahat*. Sebenarnya, sekiranya ‘urf dan *maṣlahat* diakui oleh syarak, maka *istiḥsān* tersebut diterima. Seterusnya sekiranya keduanya tidak diakui, maka *istiḥsān* tersebut tidak diterima (Khallāf, 1993: 81).

Dengan demikian ternyatalah bahawa sekiranya para ulama yang berbeza pendapat memastikan masalah *maḥall al-nizā’* sebelum memperdebatkan hujah-hujah mereka, niscaya tidak perlulah umat Islam bersusah payah melakukan perbahasan panjang dalam banyak perbezaan dari segi *lafaz* (Khallāf, 1993: 83).

Berdasarkan huraian di atas dapat difahami bahawa *istiḥsān* termasuk salah satu daripada sumber hukum syarak dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa.

Perbahasan berkenaan *istihsān* sangat erat kaitannya bahkan tidak terlepas daripada perbahasan berkaitan *maṣāliḥ mursalaṭ* dan *‘urf*.

## **2.5.6 Maṣāliḥ Mursalaṭ atau Istiṣlāḥ**

### **2.5.6.1 Pengertian Maṣāliḥ Mursalaṭ**

Secara bahasa *istiṣlāḥ* bermaksud meminta perbaikan. Seperti perkataan *istifsār* yang bermaksud meminta penafsiran. Manakala dalam pengertian ulama usul al-fiqh, *istiṣlāḥ* bermaksud menentukan sesuatu hukum syarak pada sesuatu permasalahan yang tidak terdapat dalil (nas atau ijmak) atas dasar menjaga *maṣlahat mursalaṭ*, iaitu *maṣlahat* yang tidak terdapat dalil syarak dalam hal penerimaannya (diterima) atau penolakannya (ditolak). Sebahagian ulama usul al-fiqh, seperti ulama dalam Mazhab Hanbali menyebutnya dengan istilah *istiṣlāḥ*, dan sebahagian yang lain menyebutnya dengan istilah *maṣāliḥ mursalaṭ* (Khallāf, 1993: 86).

Pengertian lain tentang *maṣlahat mursalaṭ* adalah ciri atau sifat-sifat yang selaras dengan pengaturan (hukum) atau tindakan syarak dan tujuannya, tetapi tidak terdapat dalil syarak yang menyatakan tentang pengakuan atau penolakannya, dan hasil daripada pencantuman hukum syarak dengan sifat-sifat tersebut membawa kebaikan kepada manusia atau terhindar dari keburukan (Al-Zuhaylī, 1986: 757).

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa *istiṣlāḥ* adalah sesuatu usaha yang dilakukan oleh seseorang mujtahid dalam menentukan sesuatu hukum terhadap permasalahan yang tidak ada dalil syarak, berdasarkan kepada *maṣlahat mursalaṭ*, iaitu *maṣlahat* yang tidak ada pengakuan atau penolakannya oleh syarak, seperti usaha mengumpulkan al-Quran yang dilakukan oleh para sahabat r.a (Khalāf, 1993: 88).

### 2.5.6.2 Kedudukan Maṣāliḥ Mursalaṭ sebagai Sumber Hukum

Para ulama bersepakat bahawa tidak ada ruang untuk berijtihad dengan menggunakan qiyas, *istiḥsān* dan *istiṣlāḥ* dalam perkara ibadat dan perkara yang seumpamanya, seperti *ḥudūd*, *kifāraṭ*, ketentuan harta warisan dan *'iddaṭ* wanita yang dicerai atau ditinggal suami mati. Hal ini kerana akal fikiran manusia tidak dapat menjangkau *maṣlahat* yang terdapat dalam hukum-hakam tersebut (Khallāf, 1993: 89).

Adapun selain daripada perkara tersebut, para ulama berbeza pendapat dalam menjadikan *istiṣlāḥ* sebagai sumber hukum. Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal serta pengikutnya berpendapat *istiṣlāḥ* adalah salah satu cara yang diguna pakai dalam menggali hukum syarak pada perkara yang tidak terdapat dalil sama ada nas atau ijmak, dengan meletakkan beberapa syarat (Khallāf, 1993: 89; Abū Zahrah, t.t : 279-280).

Manakala *al-Zāhiriyyaṭ*, Syi'ah, *al-Syāfi'iyyaṭ* dan Ibn al-Ḥāḥib dari puak *al-Mālikiyyaṭ* berpendapat sebaliknya. Disebutkan oleh al-Āmidī dan al-Isnāwī bahawa para *al-Hanafiyyaṭ* juga seperti *al-Syāfi'iyyaṭ*. Namun begitu, menurut pandangan al-Syaikh Wahbah Al-Zuhaylī dan al-Syaikh Muhammad Abu Zahrah, bahawa *al-Syāfi'iyyaṭ* memasukkannya kedalam qiyas, dan *al-Hanafiyyaṭ* memasukkannya kedalam *istiḥsān* (Al-Zuhaylī, 1986: 760; Abū Zahrah, t.t: 280, Khallāf, 1993: 89).

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan kepada perbincangan yang dipaparkan oleh ketiga ulama di atas, dapat disimpulkan bahawa golongan yang membolehkan *istiṣlāḥ* sebagai hujah dalam menggali hukum syarak, iaitu Imam Malik dan ulama yang

sependapat dengannya, meletakkan beberapa syarat yang mesti diikuti. Manakala golongan yang menafikannya sebagai sumber hukum, seperti *al-Syāfi‘iyyat*, sebenarnya mereka mengguna pakai *istiṣlāḥ* dengan cara qiyas, namun dalam ruang lingkup yang sangat sempit. Sedangkan *al-Hanafīyyat* pula menggunakannya dengan cara *istiḥsān*. Kesimpulan tersebut dirumuskan berdasarkan kepada kajian terhadap hukum-hukum *furū‘* yang terdapat dalam kitab-kitab muktabar mereka (Al-Zuhaylī, 1986: 760; Abū Zahrah, t.t: 280, Khallāf, 1993: 89).

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa Imam Malik merupakan ulama yang paling banyak menggunakan *istiṣlāḥ*, diikuti Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Abu Hanifah dan akhir sekali Imam Syafī‘i. Selain itu dalam menggunakan *istiṣlāḥ* perlulah sangat berhati-hati, kerana padanya ada kesalahan (*ḥaraj*) dan perlu kepada pemahaman yang mendalam serta teliti dalam memutuskan sesuatu hukum (Al-Zuhaylī, 1986: 767).

## 2.5.7 ‘Urf

### 2.5.7.1 Pengertian ‘Urf

‘Urf ialah sesuatu perkataan atau tindakan yang sudah maklum dalam kalangan orang ramai dan menjadi kebiasaan yang terpelihara. Dari segi syarak, *al-‘urf* dan *al-‘ādat* adalah dua perkataan yang mempunyai makna serupa (Al-Zuhaylī, 1986: 828-829; Khallāf, 1993: 145).

Seterusnya *al-‘urf* terbahagi dua, iaitu *al-‘urf al-qawlī* dan *al-‘urf al-‘ilī*. *Al-‘urf al-qawlī* seperti kebiasaan orang ramai menggunakan perkataan daging sebagai sebutan pada selain ikan, dan perkataan *al-walad* sebagai sebutan bagi anak lelaki. *Al-‘urf al-*

*fi 'lī* pula seperti kebiasaan orang ramai melakukan transaksi jual-beli dengan serah terima tanpa mengucapkan lafaz ijab dan qabul.

Selain itu, *al- 'urf* berbeza dengan ijmak dalam beberapa segi, antaranya adalah ijmak terbina atas kesepakatan para mujtahid, sedangkan *al- 'urf* tidak disyaratkan demikian. Ia terbentuk cukup dengan tindakan majoriti orang ramai, sama ada dari golongan awam atau pun dari golongan tertentu (Al-Zuhaylī, 1986: 829). Seterusnya hukum bersandarkan kepada ijmak yang jelas sama seperti hukum yang bersandar kepada nas, dan tidak ada ruang untuk melakukan ijtihad padanya (Khallāf, 1993: 146).

#### 2.5.7.2 Kedudukan 'Urf Sebagai Sumber Hukum

Para ulama berpendapat bahawa *'urf* adalah hujah disisi syarak. Mereka menyandarkan kepada ayat al-Quran surah al-A' rāf (7) ayat 199:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ

Ertinya: “Terimalah apa yang mudah dilakukan dan suruhlah dengan perkara yang baik serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahatannya).”

(Surah al-A' rāf (7): 199)

Selain itu, para ulama juga menyandarkan kepada kata-kata Ibn Mas'ud yang bermaksud:

“Apa yang dipandang baik oleh orang Islam, ianya juga baik disisi Allah S.W.T, dan apa yang dipandang keji oleh orang Islam, ianya juga keji disisi Allah S.W.T”.

Atas dasar ini, para fuqaha terutamanya *al-Hanafīyyat* dan *al-Mālikīyyat* menjadikan ‘urf sebagai dalil syarak dan asas dalam menggali sesuatu hukum. Mereka menegaskan bahawa: “Adat perlu dipertimbangkan dalam menentukan sesuatu hukum syarak; sesuatu ketetapan yang bersandarkan urf tak ubahnya seperti ketetapan syarak; sesuatu yang disebutkan oleh syarak secara mutlak (tidak terikat) dan tidak ada ketetapan secara khusus sama ada secara syarak ataupun secara bahasa, ia dikembalikan kepada ‘urf”, seperti kadar haid dan masanya, menerokai tanah (hutan) yang tidak berpemilikan dan lainnya (Al-Zuhaylī, 1986: 831). Manakala *Al-Syāfi‘īyyat* hanya menerima *al-‘urf al-‘amalī* sebagai sandaran dalam menetapkan sesuatu hukum. ‘Urf yang disepakati para ulama sebagai sandaran adalah ‘urf yang benar, bersifat umum yang berkesinambungan dari zaman sahabat r.a dan selepasnya, yang tidak menyalahi nas syarak dan ketentuan asas syarak. Bahkan *al-Hanafīyyat* mendahulukannya daripada qiyas dan dapat dijadikan sebagai pengkhususan atas dalil syarak.

Adapun ‘urf yang menyalahi nas syarak, para ulama tidak menerimanya sebagai hujah disisi syarak, kerana akan menghilangkan syari’at seiring dengan perjalanan waktu atau pergantian zaman, seperti kebiasaan sesetengah orang meminum arak atau memakai pakaian sutera oleh sesetengah kaum lelaki, dan lainnya (Al-Zuhaylī, 1986: 831-832).

Dengan demikian dapat difahami bahawa ‘urf termasuk dalam salah satu hujah dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa. ‘Urf yang boleh dijadikan sebagai

hujah ialah *'urf* yang benar, bersifat umum yang berkesinambungan dari zaman sahabat r.a dan selepasnya, serta tidak menyalahi nas syarak dan ketentuan asas syarak. Sekalipun berlaku sedikit perbezaan pendapat dalam kalangan para ulama, namun pada intinya *'urf* yang tidak menyalahi nas dan ketentuan syarak adalah hujah dalam memutuskan sesuatu hukum atau fatwa.

### **2.5.8 Sad Zarā'i'**

*Zarī'at* secara bahasa bermaksud sesuatu perantaraan yang digunakan untuk mencapai sesuatu. *Zarā'i'* jamak daripada perkataan *zarī'at*. Menurut ulama usul al-fiqh, *zarī'at* adalah perantaraan atau jalan yang digunakan untuk mencapai ketaatan atau kemungkaran. Dengan demikian jalan menuju kepada haram adalah haram dan jalan menuju kepada *mubāḥ* adalah *mubāḥ* (Abū Zahrah, t.t: 288).

Sebagaimana *zarī'at* boleh ditutup, ianya juga boleh dibuka. *Zarī'at* ditutup sekiranya digunakan sebagai tipu daya bagi mencapai tujuan yang merosakkan, kerana perkara merosakkan adalah dilarang. Manakala *zarī'at* yang perlu dibuka dan dipakai ialah apabila perantaraan tersebut digunakan untuk mencapai kemaslahatan, kerana kemaslahatan adalah dituntut (Al-Zuhaylī, 1986: 873-874).

Sebagai contoh, al-Quran melarang mencaci berhala-berhala yang disembah oleh orang kafir bagi menghindar daripada mereka mencaci Allah. Demikian juga halnya seperti larangan terhadap pemberi hutang menerima hadiah daripada penerima hutang, agar tidak membawa kepada riba (Abū Zahrah, t.t: 288-289).

Para ulama sepakat bahawa tidak dibenarkan berkerjasama pada kerja-kerja dosa dan permusuhan secara mutlak, dan sesuatu yang boleh membawa kepada penderitaan orang Islam, seperti membuat telaga di jalanan awam. Selain itu mereka juga sepakat bahawa sesuatu perantaraan yang digunakan untuk kebaikan dan kejahatan, namun terdapat padanya manfaat bagi manusia adalah tidak dilarang, seperti penanaman anggur. Sekalipun ianya dapat dijadikan minuman yang memabukkan, namun tujuan asal penanamannya bukanlah untuk itu. Bahkan manfa'at daripada penanamannya lebih besar daripada kemudaratannya.

Adapun perkara yang menjadi perbezaan pendapat dalam kalangan mereka ialah pada perantaraan yang digunakan pada zahirnya tidak dilarang, namun cenderung kepada perkara yang dilarang, seperti *bay' al-ājil* atau *bay' al-ṭnaḥ*<sup>37</sup>, iaitu jual beli dengan cara menjual sesuatu barang dengan harga yang lebih mahal dalam tempoh pembayaran yang lama, kemudian membelinya semula dengan harga yang lebih murah dengan pembayaran tunai (Al-Zuhaylī, 1986: 892).

Dengan demikian ternyata bahawa para ulama sepakat bahawa *sad zarā'i* adalah salah satu dasar atau hujah dalam memutuskan sesuatu hukum syarak. Namun mereka berbeza pandangan pada akad jual beli seperti di atas, dan pada kadar sering

---

<sup>37</sup> Pada perkara ini, ulama terbahagi kepada tiga kelompok. Kelompok pertama, iaitu *al-Mālikiyyah* dan *al-Hanābilah* membatalkan jual beli tersebut, kerana akad jual beli tersebut membawa maksud riba dan sebenarnya akad tersebut adalah jual beli murah dengan harga mahal dalam tempoh pembayaran yang lama, sedangkan barang pada akad jual beli tersebut menjadi tidak mempunyai makna. Kelompok kedua adalah Imam Abu Hanifah, sekalipun beliau tidak berhujah dengan *zara'i*, akan tetapi beliau membatalkan akad ini atas dasar lain, iaitu jika pembayaran belum selesai, maka jual beli pertama belum sempurna. Jika jual beli pertama belum sempurna, maka akad jual beli yang kedua adalah batal. Beliau memasukkan akad ini kedalam *ribā fadl* dan *ribā nasā'*. Kelompok ketiga adalah Imam Syafi'i. Beliau membolehkan jual beli ini atas dasar melihat secara hukum zahirnya, sedangkan niat yang terselubung pada akad tersebut dianggap sebagai dosa dan balasannya di hari akhirat (Al-Zuhaylī, 1986: 892-893; Abū Zahrah, t.t: 292-293).

atau tidaknya yang mereka gunakan. Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal adalah yang terbanyak menggunakan *sad zarā'i*. Manakala Imam Abu Hanifah dan Imam Syafi'i menempati urutan berikutnya. Mereka tidak menolaknya secara keseluruhan dan tidak pula menjadikannya sebagai dasar atau hujah yang berdiri sendiri (Abū Zahrah, t.t: 293-294; Al-Zuhaylī, 1986: 898).

### 2.5.9 Qawl Al-Ṣaḥābī

Ulama sepakat bahawa *qawl al-ṣaḥābī* pada perkara yang tidak ada ruang untuk melakukan ijtihad atau menggunakan pendapat (*al-ra'y*) adalah boleh dijadikan sebagai hujah. Mereka juga sepakat bahawa fatwa sahabat r.a yang tidak ada pertentangan dalam kalangan mereka boleh dijadikan hujah dalam menentukan hukum syarak (Al-Zuhaylī, 1986: 850; Al-Jizānī, 1996: 223). Seterusnya, mereka juga sepakat bahawa fatwa (*qawl*) seseorang sahabat r.a. hasil daripada ijtihadnya sendiri bukanlah hujah terhadap sahabat lain (Al-Zuhaylī, 1986: 850-85).

Seterusnya adakah fatwa sahabat r.a. yang lahir hasil daripada ijtihad mereka secara persendirian dan tidak disepakati oleh para sahabat lain boleh menjadi hujah kepada orang-orang selepas mereka ?

Sebahagian ulama berpendapat bahawa ianya bukanlah hujah secara mutlak. Pendapat ini dipelopori oleh majoriti al-Asyā'irah, al-Mu'tazilah, Syi'ah, al-Syafi'i pada *qawl* yang kuat dalam kalangan *al-Syāfi'iyyah*, Ahmad Ibn Hanbal pada satu riwayat, dan sebahagian para ulama terkemudian *al-Hanafīyyah* dan *al-Mālikīyyah*. Manakala sebahagian ulama lain seperti *Imam-imam al-Hanafīyyah*, Imam Malik, Imam Syafi'i pada *qawl al-qadīm* dan Imam Ahmad bin Hanbal pada pendapat yang

kuat berpendapat bahawa ianya hujah yang mendahului qiyas. Mazhab Syafi'i pada *qawl al-jadīd* pula berpendapat bahawa ianya menjadi hujah apabila dapat digabungkan (disatukan) dengan qiyas. Sebaliknya ulama *al-Hanafiyyat* mengatakan bahawa ianya menjadi hujah jika berlawanan dengan qiyas (Al-Zuhaylī, 1986: 851-852).

Dengan demikian dapat dikatakan bahawa para ulama berbeza pendapat dalam menjadikannya sebagai hujah. Namun begitu, merujuk kepada analisis yang disimpulkan oleh al-Syaikh Muhammad Abu Zahrah bahawa sebenarnya para imam pengasas mazhab yang empat menerima *qawl al-ṣahābī* sebagai hujah, akan tetapi didapati para pengikut mereka ada yang menolaknya sebagai hujah (Abū Zahrah, t.t: 217).

#### **2.5.10 Syar' Man Qablanā**

Perbahasan pada tajuk ini berkenaan dengan sesuatu hukum atau syariat para Nabi sebelum Nabi Muhammad s.a.w. yang terdapat dalam al-Quran atau al-sunnah, namun tidak dinyatakan dengan jelas sama ada hukum tersebut menjadi syariat bagi umat Nabi Muhammad s.a.w. atau pun tidak.

Majoriti *al-Hanafiyyat*, sebahagian *al-Mālikiyyat* dan *al-Syāfi'iyyat* berpendapat bahawa ianya juga syariat umat Nabi Muhammad s.a.w, wajib atas mereka mengikuti dan menerapkannya, selama mana ianya disebutkan dalam al-Quran dan al-sunnah dan tidak terdapat dalil yang membatalkannya. Hal ini kerana hukum atau syariat tersebut ialah syariat-syariat Allah S.W.T yang diturunkan kepada para Rasul-Nya.

Manakala sebahagian ulama lain berpendapat bahawa ianya bukanlah syariat untuk umat Nabi Muhammad s.a.w, kerana syariat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. adalah membatalkan seluruh syariat-syariat sebelumnya. Namun pendapat ini dibantah bahawa syariat Nabi Muhammad s.a.w. hanya membatalkan syariat-syariat terdahulu yang menyalahinya saja.

Dengan demikian ternyatalah bahawa pendapat yang mengatakan bahawa syariat terdahulu juga merupakan syariat bagi umat Nabi Muhammad s.a.w, wajib diikuti dan diterapkan dalam kehidupan mereka, selama mana tidak terdapat dalil yang membatalkannya (Khallāf, t.t: 94).

### **2.5.11 Istiṣhāb**

Secara bahasa *istiṣhāb* bermaksud berterusan persahabatan atau penyertaan (penjagaan). Manakala dari segi istilah ulama usul al-fiqh *istiṣhāb* bermaksud berkekalan sesuatu perkara selama tidak ada sesuatu yang mengubahnya, iaitu sesuatu hukum yang tetap (*thābit*) dimasa lalu akan kekal pada masa sekarang atau pada masa yang akan datang. Seperti seseorang yang hilang dan tidak diketahui sama ada sudah mati atau pun masih hidup, maka akan dikira berkekalan hidupnya sehingga didapati dalil yang menunjukkan kematiannya (Abū Zahrah, t.t: 295-296; Al-Jizānī, 1996: 216).

Ulama membahagikan *istiṣhāb* kepada beberapa bahagian, antaranya ialah: Pertama: *Istiṣhāb al-barā'at al-aṣliyyat*, seperti bebas daripada beban atau tanggung jawab syarak (*taklīf*) sehingga terdapat dalil yang menyatakan tentang beban atau tanggung jawab tersebut, seperti usia kanak-kanak sehingga datang usia baligh. Kedua:

*Istiṣhāb* yang berdasarkan kepada syarak atau akal fikiran terhadap kewujudannya, seperti beban hutang sehingga terdapat bukti atas pembayarannya. Ketiga: *Istiṣhāb al-hukm*, seperti hukum *mubāḥ* atau larangan terhadap sesuatu perkara, maka hukum tersebut berkekalan sehingga terdapat dalil yang menyatakan sebaliknya. Keempat: *Istiṣhāb al-waṣf*, seperti menganggap (memberi hukum) hidup terhadap seseorang yang hilang dan tidak diketahui sama ada sudah mati atau pun masih hidup (Abū Zahrah, t.t: 297-299).

Ulama sepakat bahawa pada tiga bahagian *istiṣhāb* di atas boleh dijadikan sebagai hujah dalam memutuskan sesuatu hukum syarak. Manakala pada *istiṣhāb* bahagian keempat berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan mereka. Majoriti *al-Mālikiyyat*, *al-Syāfi'iyyah*, *al-Hanābilat* dan *al-Zāhiriyyat* berpendapat boleh dijadikan hujah secara mutlak. Ulama *al-Mutakallimīn* pula berpendapat tidak boleh secara mutlak. Manakala majoriti *al-Hanafīyyat* pula berpendapat boleh pada mempertahankan hak yang sedia ada, dan tidak boleh pada menetapkan hak yang baru<sup>38</sup> (Al-Zuhaylī, 1986: 867-868).

Kesimpulannya ialah ulama sepakat bahawa *istiṣhāb* adalah termasuk salah satu daripada hujah-hujah dalam mengeluarkan sesuatu hukum syarak. Namun mereka berbeza pendapat dalam menjadikan sebahagiannya sebagai sumber hukum. Selain itu pada dasarnya *istiṣhāb* bukanlah dalil, akan tetapi ianya adalah pengamalan terhadap dalil dan pengakuan atas hukum yang telah ditetapkan berdasarkan dalil yang tidak terdapat sesuatu yang mengubahnya. Seterusnya *istiṣhāb* didirikan atas

---

<sup>38</sup> Kesemua pendapat di atas pastinya disertakan dengan dalil mereka masing-masing. Perbincangan lebih lanjut berkenaan dengan *istiṣhāb* ini dapat dirujuk dalam kitab-kitab usul al-fiqh yang muktabar seperti karangan Wahbah al-Zuhaylī (1986), Abd al-Wahhāb Khallāf (1993), Muhammad Abū Zahrah (t.t.) dan lainnya.

tiga ketentuan berikut, iaitu: Pertama: Sesuatu yang ditetapkan dengan keyakinan sebenar, tidak boleh berubah kecuali dengan keyakinan yang seumpamanya. Kedua: Sesuatu hukum yang telah ditetapkan sama ada halal atau haram, tidak boleh berubah kecuali dengan dalil atau sesuatu yang mengubah sifatnya. Ketiga: Sesuatu yang tidak ada dalil syarak terhadap hukumnya, akan kekal hukumnya sepertimana asalnya (Abū Zahrah, t.t : 303-304).

## 2.6 Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbahasan yang telah dipaparkan di atas dapat disimpulkan bahawa fatwa ialah suatu cara yang digunakan oleh orang yang berkeelayakan (orang memenuhi syarat dan ketentuan) untuk menjelaskan sesuatu hukum syarak berdasarkan kepada dalil kepada pihak yang bertanya dengan tidak mengikat. Kedudukan fatwa dalam Islam amat penting. Ia berperanan dalam menyelesaikan permasalahan masyarakat Islam yang berkaitan dengan syarak. Amalan berfatwa yang tidak hati-hati serta tidak mencukupi persyaratan dan ketentuan boleh mendatangkan dosa. Sebaliknya, ia akan menjadi suatu amal salih, jika dilakukan oleh seseorang atau institusi yang berkeelayakan untuk itu.

Kaedah penggunaan sumber hukum mestilah mengutamakan merujuk kepada al-Quran dan al-sunnah terlebih dahulu dalam setiap permasalahan fatwa. Seterusnya merujuk kepada ijmak dan qiyas. Para ulama juga merujuk kepada *istihsān* atau *maṣāliḥ mursalaṭ* atau *sad zarā'i* atau '*urf*, atau *qawl al-ṣahābī*, atau *syar'* man *qablanā* atau *istiṣḥāb*. Selain itu, mereka juga tidak mengabaikan pendapat atau fatwa ulama yang muktabar dengan mempertimbangkan dalil, sepertimana yang ditegaskan oleh Al-Syaikh Yusuf Al-Qaradawi.

Para ulama sepakat bahawa Al-Quran adalah sumber hukum utama dalam amalan berfatwa. Mereka juga sepakat bahawa al-sunnah adalah sumber hukum yang berkedudukan di peringkat kedua selepas al-Quran. Sumber hukum pada urutan berikutnya ialah ijmak dan qiyas.

Para ulama tidak menentukan secara jelasnya tentang kedudukan *istihsān*, *maṣāliḥ mursalah*, *sad zarā'i*, *'urf*, *qawl al-ṣaḥābī*, *syar' man qablanā* dan *istiṣḥāb* sebagai sumber hukum. Hal ini mungkin disebabkan oleh ketidaksepakatan mereka terhadap penggunaannya sebagai sumber hukum. Selain itu, ulama yang menggunakan sumber hukum yang tidak disepakati tersebut, tidak lepas daripada meletakkan ketentuan atau pun syarat-syarat tertentu dalam penggunaannya.

Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa sumber hukum dalam berfatwa secara umumnya terbahagi kepada dua, iaitu sumber hukum yang disepakati oleh ulama, yang dikenali dengan *al-adillaṭ al-muttafaq 'alaihā*, iaitu: al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas, dan sumber hukum yang tidak disepakati oleh ulama yang dikenali dengan *al-adillaṭ al-mukhtalaf fihā*, iaitu: *istihsān*, *maṣāliḥ mursalah*, *sad zarā'i*, *'urf*, *qawl al-ṣaḥābī*, *syar' man qablanā* dan *istiṣḥāb*.

Jadual 2.1

*Senarai Jenis Sumber Hukum dan Namanya*

<b>Jenis Sumber Hukum</b>	<b>Bil</b>	<b>Nama Sumber Hukum</b>
<b>Sumber Hukum Yang Disepakati Ulama</b>	1	Al-Quran
	2	Al-sunnah
	3	ijmak
	4	qiyas
<b>Sumber Hukum Yang Tidak Disepakati Ulama</b>	5	istihsān
	6	maṣāliḥ mursalaṭ
	7	sad zarā'i
	8	'urf
	9	qawl al-ṣaḥābī
	10	syar' man qablanā
	11	istiṣḥāb

## **BAB TIGA**

### **PERKEMBANGAN FATWA DI ACEH**

#### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini akan membicarakan tentang perkembangan dan kedudukan fatwa di Aceh. Perbahasan dalam bab ini dimulai dengan fatwa dalam sejarah Aceh. Seterusnya ia akan membahas tentang institusi fatwa di Aceh, iaitu Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh yang merangkumi sejarah penubuhannya, landasan hukum dan kedudukannya, struktur organisasi, prosedur pengeluaran fatwa, perjalanan mesyuarat Dewan Paripurna Ulama (DPU) dan sumber hukumnya.

#### **3.2 Fatwa dalam Sejarah Aceh**

Meneliti kepada institusi fatwa di Aceh pada era sebelum penubuhan MPU, pada dasarnya tidak terdapat sumber catatan atau fakta berkenaan kewujudan institusi fatwa dalam sejarah Aceh. Kecuali sedikit maklumat yang terdapat dalam sejarah yang berkaitan dengan peranan ulama Aceh sepanjang sejarah.

Pada zaman Kesultanan Aceh Darussalam, seorang ulama atau mufti diberi jawatan *Qadi Malikul 'Adil* atau *Syaikh al-Islām* yang berperanan sebagai penasihat Sultan dalam perkara yang berkaitan dengan agama, politik dan sosial kemasyarakatan. Disamping itu ulama juga berperanan sebagai Ketua Mahkamah Agung yang memegang kekuasaan hukum. Sepertimana yang tersebut dalam sebuah filsafat politik Aceh era kesultanan atau yang lebih dikenali dengan sebutan '*Hadih Maja*' yang berbunyi:

*“Adat bak Poteu Meureuhoom, Hukoom bak Syiah Ulama, Kanun bak Putroe Phang, Reusam bak Lakseumana, Hukoom ngon adat, Lagee zat ngon sifeut”.*

Yang bermaksud:

Hukum adat ditangan raja, Hukum agama ditangan Ulama, Hak membuat undang-undang ditangan Puteri Pahang (*Putroe Phang*) yang melambangkan rakyat, Kekuasaan darurat (dalam keadaan perang) ditangan Laksamana sebagai- Panglima Tertinggi Angkatan Perang. Hukum agama dengan hukum adat seperti zat dengan sifat (yang tidak dapat dipisahkan).

*Hadih Maja* ini menggariskan pembahagian kekuasaan dalam Kerajaan Aceh Darussalam, iaitu:

- a) Sultan Imam Malikul ‘Adil sebagai Kepala Pemerintahan adalah pemegang kekuasaan politik (adat), atau pemegang kekuasaan eksekutif (pentadbiran).
- b) Qadi Malikul ‘Adil (Ulama) sebagai Ketua Mahkamah Agung adalah pemegang kekuasaan hukum.
- c) Rakyat adalah pemegang kekuasaan pembuatan undang-undang, yang dalam *Hadih Maja* ini dilambangkan oleh *Putroe Phang*, iaitu Puteri Pahang (Permaisuri Sultan Iskandar Muda) yang mempelopori pembentukan Majelis Mahkamah Musyawarah Rakyat.
- d) Ketika negara dalam keadaan bahaya/keadaan perang, pemegang segala kekuasaan dalam negara adalah Panglima tertinggi Angkatan Perang, yang dalam *Hadih Maja* ini disebut ‘*Lakseumana*’, iaitu Menteri Pertahanan yang menurut istilah Kanun Meukuta Alam<sup>39</sup> dikatakan

---

<sup>39</sup> Kanun Meukuta Alam atau Adat Meukuta Alam ialah sebuah konstitusi tertulis Kerajaan Islam Aceh Raya Darussalam. Nama konstitusi yang kemudiannya populer ini sebenarnya berasal daripada

*Wazirul Harb*. Ini bermakna dalam keadaan perang tidak berlaku pembahagian kekuasaan seperti di atas.

Sungguhpun ada pembahagian kekuasaan seperti tersebut di atas, namun ada satu ketentuan lain yang tidak boleh menyimpang daripadanya, sepertimana yang ditekankan pada akhir Hadih Maja tersebut, iaitu: “*Hukoom ngon adat, Lagee zat ngon sifeut*”, yang bermaksud bahawa politik (adat) dengan hukum Islam seperti zat dengan sifat; menjadi satu tidak boleh dipisahkan, sehingga antara pemegang kekuasaan politik (Sultan Imam Malikul ‘Adil) dengan pemegang kekuasaan hukum Islam (Qadi Malikul ‘Adil) mestilah selalu bekerjasama (Hasjmy, 1977: 40-42).

Jika pada era Kesultanan Aceh ulama mendapat kedudukan yang tinggi dan berwibawa dalam negara, ia berbeza pada zaman penjajahan Belanda. Pada era Kolonial ini, ulama dicurigai dan diperhatikan secara ketat oleh Belanda. Penjajah hanya memberi kebebasan kepada ulama dalam hal ibadat sahaja. Sedangkan dalam hal berkaitan dengan politik tidak sedikitpun diberi kebebasan. Ini kerana Belanda bimbang akan tumbuh dan berkembang gerakan anti penjajahan. Pada masa ini ulama tidak wujud lagi dalam birokrasi pemerintahan, kecuali dalam pemerintahan adat peringkat kampung. Barisan ulama sudah setaraf dengan masyarakat biasa dalam menentang Belanda.

Walaupun demikian, seorang ulama dari keluarga Sultan Tuanku Raja Keumala diangkat sebagai penasihat agama meskipun tidak disenangi oleh Belanda. Ulama ini

---

“Peraturan di dalam Negeri Aceh Bandar-Darussalam” yang disalin daripada daftar Paduka Sri Sultan Mahkota Alam Iskandar Muda. Sesuai dengan namanya, Adat Meukuta Alam yang ditulis dengan aksara Arab berbahasa Melayu ini berisi tentang adat (berbagai peraturan pemerintah, undang-undang) yang mesti dipatuhi dan dijalankan oleh Sultan dan para pembantunya (Sri Suyanta, 2005: 70).

berjaya menubuhkan Madrasah Khairiyah di Kutaraja (Banda Aceh) pada tahun 1916M dan berjaya mengirim delegasi ke berbagai kongres Sarekat Islam di Pulau Jawa. Usaha ini telah melahirkan idea-idea pembaharuan terutamanya kesedaran nasionalisme. Bahkan angin pembaharuan ini bertambah marak dengan hadirnya Muhammadiyah ke Aceh yang dipelopori oleh T. Muhammad Hassan Geuleumpang Payung dan T. Cut Hassan. Gerak laju pelbagai Organisasi Islam ini berjaya menubuhkan Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA) pada tanggal 5 Mei 1939M (Sri Suyanta, 2005: 76-78).

Pada zaman penjajahan Jepun pula, kedudukan ulama terutamanya ulama PUSA jauh lebih baik jika dibandingkan dengan zaman sebelumnya. Ini kerana mengikut fakta sejarah bahawa PUSA berperanan penting ketika Jepun dengan mudah memasuki Aceh, bahkan nyaris tanpa perlawanan. Atas sebab itu, setelah mengambil alih kekuasaan dari tangan Belanda, Jepun membuat kesepakatan untuk bekerjasama dengan ulama melalui Teungku Muhammad Daud Beureueh sebagai ketua PUSA. Kesan dari kesepakatan itu, maka pada bulan Mac 1943 M ditubuhkanlah *Sodan Yaku*, Majelis Agama Islam Buat Kebaktian Asia Timur Raya (MAIBKATRA) yang sebahagian besar anggotanya berasal dari Ulama PUSA dan Tokoh Muhammadiyah (Reid, 2003: 188-189; Sri Suyanta, 2005: 87).

Di samping itu, Jepun memberi kepercayaan kepada ulama terutamanya ulama PUSA dalam hal pengadilan khusus bagi persoalan agama, seperti hal perkahwinan, perceraian, zakat fitrah, perwalian dan status anak yatim. Hal ini bermaksud agar rakyat Aceh dapat membantu tenaga dan harta kepada Jepun dalam menghadapi tentera Sekutu (Sulaiman, 1998: 90; Sri Suyanta, 2005: 85).

Lebih jauh lagi Jepun memberi kebebasan kepada para pemimpin Islam untuk menerbitkan majalahnya sendiri dan mentadbir pejabat urusan agama. Bahkan diizinkan pula berdirinya pertubuhan Majelis Syura Muslimin Indonesia (MASYUMI) pada penghujung tahun 1943 M. Pada tahun ini juga lahirnya pertubuhan Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama (NU) (Benda, 1980: 184-242; Sri Suyanta, 2005: 86).

Sebenarnya, tidak semua ulama Aceh bersedia menerima apalagi bekerjasama dengan Jepun. Ada dalam kalangan mereka yang menentang Jepun, seperti Teungku Muhammad Hasan Krueng Kale (Ulama PERTI) dan Teungku Abdul Jalil Bayu pemimpin Dayah Cot Plieng. Namun kerana jumlahnya yang kecil, maka hal ini tidak berpengaruh terhadap kedudukan Ulama PUSA dalam pemerintahan Jepun. Dalam perkembangan selanjutnya, terutama menjelang tahun 1945 M, Jepun mula mengingkari kesepakatan yang telah dibuat. Sehingga kekejaman Jepun mula dirasakan oleh rakyat Aceh, seperti menerapkan kerja paksa (*rodi*) dan sebahagian tentara Jepun telah mengganggu nilai-nilai, adat istiadat dan agama.

Ulama Aceh yang sejak awal tidak setuju dengan sikap PUSA yang menerima Jepun tetap melakukan jihad melawan Jepun. Sepertimana yang dilakukan oleh Teungku Abdul Jalil Bayu pada tahun 1942 M, Teungku Ibrahim Peudada, Teungku Pang Akop, Teungku Nyak Isa, *Keuchik* Usman dan Teungku Abdul Jalil Jeunieb pada tahun 1945 M. Dengan fatwa “mati dalam perang melawan Jepun yang kafir dan kejam itu adalah mati syahid”, Teungku Abdul Jalil berjaya meyakinkan *Keuchik* Djohan dan rakyat setempat untuk mengangkat senjata melawan Jepun. Ini bermakna, pada masa ini Jepun menghadapi tantangan dari rakyat Aceh secara

khusus dan rakyat Indonesia secara umum. Selain itu pada Jepun juga menghadapi ancaman luar tentara Sekutu (gabungan) yang ditumpangi Belanda (Sri Suyanta, 2005: 88-89).

Selepas berlakunya pengeboman yang menghancurkan dua kota penting, Herosima dan Nagasaki, Jepun menyerah kalah tanpa syarat kepada Sekutu pada tanggal 14 Ogos 1945 M. Bagi rakyat Indonesia terutamanya kaum muda, masa “kekosongan pemerintahan” ini merupakan peluang yang dinanti-nantikan mempersiapkan diri untuk kemerdekaan Republik Indonesia yang terealisasi pada tanggal 17 Ogos 1945 M. Manakala Tentara Sekutu yang ditumpangi Belanda ingin menduduki kembali bumi Indonesia sepertimana sebelum pendudukan Jepun.

Di Aceh, ketika melihat Belanda dan Sekutunya tidak senang akan kemerdekaan Republik Indonesia yang telah di umumkan oleh Ir. Soekarno dan Drs. Mohammad Hatta, pada tanggal 15 Oktober 1945 PUSA atas nama ulama Aceh mengeluarkan pernyataan<sup>40</sup> (Sri Suyanta, 2005: 90-91).

---

<sup>40</sup> “Perang Dunia kedua yang mendahsyat telah tamat. Dan Indonesia tanah tumpah darah kita telah dimaklumkan kemerdekaannya kepada seluruh dunia serta berdiri Republik Indonesia di bawah pimpinan Paduka Yang Mulia Ir. Soekarno dan Drs. Mohammad Hatta. Belanda adalah satu kerajaan yang kecil dan miskin, satu negeri yang kecil, lebih kecil dari daerah Aceh dan telah hancur lebur. Bangsa dari negeri yang seperti ini kini bertindak melakukan kekhianatannya terhadap tanah air kita Indonesia yang sudah merdeka itu untuk dijajahnya kembali.

Kalau maksud yang jahanam itu berhasil, maka pastilah mereka akan memeras segala lapisan rakyat, merampas semua harta negara dan harta rakyat dan segala kekayaan yang telah kita kumpulkan selama ini musnah sama sekali. Mereka akan memperbudak rakyat Indonesia menjadi hamba sahayanya kembali dan menjalankan usaha untuk menghapus Agama Islam kita yang suci, serta menindas dan menghambat kemuliaan dan kemakmuran bangsa Indonesia. Di Jawa bangsa Belanda serta kaki tangannya telah melakukan keganasannya terhadap kemerdekaan Republik Indonesia, hingga terjadi pertempuran di beberapa tempat yang akhirnya kemenangan di pihak kita. Sungguhpun begitu belum juga insaf. Segenap lapisan rakyat yang telah bersatu padu, dengan patuh berdiri di belakang kedua pemimpin besar Soekarno-Hatta dan sedang menunggu perintah dan kewajiban yang akan dijalankan. Menurut keyakinan kami perjuangan seperti ini adalah perjuangan suci yang disebut Perang Sabil. Maka percayalah wahai bangsaku, bahwa perjuangan ini adalah sebagai sambungan

Pernyataan ulama ini merupakan sokongan terhadap kemerdekaan yang baru saja di proklamasikan. Disamping itu pernyataan ini juga merupakan seruan kepada rakyat Aceh agar bersatu padu dibelakang pemimpin Republik Indonesia Soekarno-Hatta dalam perjuangan melawan Belanda yang ingin menjajah Indonesia kembali.

Sokongan ulama Aceh tidak terhenti sampai di situ, pada tanggal 17 November 1945 M di Masjid Raya Baiturrahman telah ditubuhkan Laskar Mujahidin yang kemudiannya diketua oleh Teungku M. Daud Beureueh. Selain itu, Ulama PUSA juga aktif dalam pelbagai organisasi-organisasi penyokong kemerdekaan lainnya, seperti Pemuda Republik Indonesia (PRI) dan Pemuda Sosialis Indonesia (Pesindo).

Seterusnya, PUSA telah pun bubar dengan sendirinya ketika Teungku Muhammad Daud Beureueh menubuhkan Darul Islam/Tentara Islam Indonesia (DI/TII) pada tahun 1953 yang melawan Pemerintah Republik Indonesia untuk mendirikan negara Islam.

---

perjuangan dahulu di Aceh yang dipimpin oleh almarhum Teungku Chik di Tiro dan pahlawan-pahlawan kebangsaan yang lain.

Dari sebab itu, bangunlah wahai bangsaku sekalian, bersatu padu menyusun bahu mengangkat langkah maju ke muka, untuk mengikuti jejak perjuangan nenek-nenek kita dahulu. Tunduklah dan patuh akan segala perintah-perintah pemimpin kita, untuk keselamatan Tanah Air, Agama dan Bangsa”.

Kutaraja, 15 Oktober 1945.

Atas nama Ulama Seluruh Aceh.

Ttd. Tgk. H. M. Hasan Krueng Kalee.

Ttd. Tgk. M. Daud Beuerueh.

Ttd. Tgk. M. Dja'far Sidik Lamdjabat.

Ttd. Tgk. H. Ahmad Hasballah Indrapuri.

Dengan demikian dapat dikatakan bahwa sekalipun institusi fatwa dalam sejarah Aceh tidak dapat ditemukan secara terperinci dari suatu era ke era yang lain, namun ianya tetap wujud mengikut perkembangan politik dan pergantian penguasa bumi Aceh di masa silam. Fatwa atau seruan ulama pada masa itu amat berperanan terhadap masyarakat Aceh terutamanya dalam hal melawan penjajah.

### **3.3 MPU Aceh**

#### **3.3.1 Sejarah Penubuhan MPU Aceh**

##### **3.3.1.1 Awal Mula Penubuhan**

Sepertimana yang telah dihuraikan sebelumnya, sebelum MPU Aceh ditubuhkan, pada dasarnya himpunan ulama-ulama Aceh pernah wujud dalam sebuah organisasi, iaitu PUSA. Setelah PUSA bubar, lahirlah fatwa-fatwa persendirian dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh organisasi kemasyarakatan, seperti Persatuan Tarbiyah Islamiyah (PERTI), Nahdlatul Ulama (NU), Muhammadiyah dan lain-lain.

Pada tanggal 17-18 Disember 1965 M di Banda Aceh, sebuah mesyuarat Alim Ulama se-Daerah Istimewa Aceh telah pun diadakan. Dalam mesyuarat itu para ulama bersepakat untuk membentuk suatu wadah permusyawaratan ulama yang diberi nama dengan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh dengan Komisi pertamanya (A) ialah Komisi Ifta'. Di samping bersepakat menubuhkan MPU Aceh, mesyuarat itu juga mengeluarkan beberapa fatwa, antaranya ialah:

- a) Ajaran komunisme adalah kufur hukumnya dan haram dianut oleh umat Islam;
- b) Penganut ajaran Komunisme dengan keyakinan dan kesadaran adalah kafir dan haram jenazahnya diselenggarakan secara Islam (Kumpulan Fatwa, 2005: 2).

Berasaskan pembentukan itu, pada tanggal 5 Januari 1966 M rancangan pengurus Komisi Ifta' dengan susunan Kepengurusannya dibuat seperti berikut: (Kumpulan Fatwa, 2005: 3-4).

Jadual 3.1

*Susunan Kepengurusan Komisi Ifta'*

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1	Tgk. H. Abdullah Ujong Rimba	Ketua
2	Tgk. H. Hasan	Anggota
3	Drs. Tgk. H. Ismuha	Anggota
4	Tgk. H. Usman Yahya Tiba, LT	Anggota
5	Tgk. H. Zamzami Yahya T.Tuan	Anggota
6	Tgk. Abd Jalil Takengon	Anggota
7	Tgk. M. Idris Bireuen	Anggota
8	Tgk. M. Daud Zamzamy Aceh Besar	Anggota

Berdasarkan keterangan ini, jelaslah bahawa MPU Aceh mula ditubuhkan pada mesyuarat para alim ulama Aceh ketika itu. Pada masa yang sama tidak ada sesuatu peruntukan undang-undang baik dari Pemerintah Provinsi Daerah Istimewa Aceh mahupun dari Pemerintah Pusat Republik Indonesia berhubung penubuhan itu.

### **3.3.1.2 Dikuatkuasakan dengan Undang-undang**

Setelah berlalu beberapa bulan pasca penubuhan, pada tanggal 12 April 1966 lahirlah Peraturan Daerah (PERDA) Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nombor 1/1966 tentang Pedoman Dasar Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Daerah Istimewa Aceh, ianya merupakan dasar hukum pertama bagi penubuhan MPU Aceh.

PERDA tersebut memerintahkan bahwa MPU Aceh merupakan Lembaga Pembantu Pemerintah Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Ini dapat dilihat pada Bab I fasal 1 tentang Nama dan Bentuk, yang menyebut:

“Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Daerah Istimewa Aceh yang selanjutnya disebut ‘Majelis Ulama’ merupakan Lembaga pembantu dari Pemerintah Provinsi Daerah Istimewa Aceh”.

Jika diteliti pada fasal-fasal dalam PERDA tersebut, tidak ditemukan suatu peruntukan yang menyatakan bahwa MPU Aceh berfungsi/bertanggungjawab dalam memberikan fatwa. Bahkan susunan atau struktur organisasi lembaga itu pun tidak mencantumkan Komisi Ifta’/Fatwa. Ini dapat dilihat pada Bab III Fasal 6 yang menyebut:

“Majelis Ulama terdiri dari :

- a) Pimpinan
- b) Majelis Paripurna
- c) Sekretariat
- d) Komisaris
- e) Komisaris Kabupaten
- f) Panitia khusus” (Kumpulan Fatwa, 2006: viii-x).

Meskipun dalam PERDA tersebut tidak disebutkan fungsi MPU Aceh sebagai Lembaga Fatwa Pemerintah, namun kenyataannya pada tahun 1967 MPU Aceh pernah mengeluarkan beberapa fatwa, antaranya:

“Shalat Jum’at wanita di belakang pria adalah boleh dan sah hukumnya” (Kumpulan Fatwa, 2006: 21).

Fatwa-fatwa itu dikeluarkan berdasarkan kepada mesyuarat alim ulama Se-Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh, yang diadakan pada bulan Sya'ban 1387 H / 21-26 November 1967 M di Hotel Krueng Daroy Banda Aceh (Kumpulan Fatwa, 2006: 19).

Selain itu, mesyuarat itu juga menetapkan beberapa keputusan lain, antaranya tentang struktur organisasi Majelis Ulama; iaitu tentang status, fungsi dan lain-lain. Status Majelis Ulama adalah lembaga rasmi dari Pemerintah Daerah. Fungsi Majelis Ulama salah satunya adalah Lembaga Fatwa Pemerintah dalam bidang agama.

### **3.3.1.3 Perubahan Nama**

Kesan daripada beberapa hasil keputusan mesyuarat itu, mendorong lahirnya Surat Keputusan (SK) Gabenor Kepala Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nombor: 038/1968, bertarikh 18 Julai 1968 yang merubah PERDA sebelumnya<sup>41</sup>. Antara perubahan itu ialah nama Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) diganti dengan nama Majelis Ulama (MU). Ini dapat dilihat pada Bab I Fasal 1 yang menyebut:

“Nama Majelis Permusyawaratan Ulama diganti dengan nama Majelis Ulama” (Kumpulan Fatwa, 2006: xiii).

Perubahan lain terdapat pada bab III fasal 1, ayat 6 (A) bahawa Ketua Umum Majelis Ulama (MU) Aceh mesti menjadi Ketua Komisi “A” (Hukum/Fatwa), sepertimana yang disebutkan:

“Ketua Majelis Ulama Provinsi karena jabatannya menjadi Ketua Komisi “A” (Hukum/Fatwa)” (Kumpulan Fatwa, 2006: xv).

---

<sup>41</sup> Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor: 1/1966 tentang: Pedoman Dasar Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

Dengan lahirnya SK bertarih 18 Julai 1968 itu, barulah dinyatakan bahawa Majelis Ulama berfungsi sebagai Lembaga Fatwa Pemerintah Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh dalam bidang agama. Ini dapat dilihat pada bab I fasal 3 ayat 1 (b) yang menyebut:

“Majelis Ulama Berfungsi: Lembaga Fatwa Pemerintah Daerah Istimewa Aceh dibidang Agama“.

Seterusnya, susunan atau struktur organisasi lembaga tersebut juga turut diubah sehingga salah satu komisinya tercantum Komisi “A” (Hukum/Fatwa), sepertimana yang terdapat pada bab III fasal 6 ayat 4 (a) yang menyebutkan:

“Komisi terdiri dari : a. Komisi “A” (Hukum/Fatwa)<sup>42</sup>.”

Berdasarkan penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa MPU Aceh telah menjadi Lembaga Fatwa Pemerintah Provinsi Daerah Istimewa Aceh secara rasminya. Pada tahun 1974<sup>43</sup>, kepengurusan Komisi “A” tersebut berubah lagi. Perubahan berlaku pada jumlah/penambahan anggotanya.

Setahun setelah itu, iaitu pada 26 Julai 1975, Majelis Ulama Indonesia (MUI) pusat telah pun ditubuhkan di Jakarta. Dalam mesyuarat MUI kali pertama di Jakarta, disepakati bahawa istilah Majelis Ulama Indonesia (MUI) dipakai untuk seluruh

---

<sup>42</sup> Dari sumber lain disebutkan bahawa bersamaan dengan lahirnya PERDA pertama iaitu PERDA Nombor: 1/1966, ikut juga dikeluarkan Surat Keputusan Gubernur Kepala Daerah Istimewa Aceh, Nombor: 17.a/II/1966, tanggal 15 April 1966 tentang kepengurusan Majelis Permusyawaratan Ulama dan kepengurusan Komisi Ifta' yang diubah namanya menjadi Komisi “A” (Hukum/Fatwa). Setahun kemudian, kepengurusan Komisi “A” (Hukum/Fatwa) berubah lagi sesuai Surat Keputusan Gubernur Kepala Daerah Istimewa Aceh Nombor: 26/Kpts/II/1967, tanggal 13 Mei 1967 (Kumpulan Fatwa, 2005: 4-5). Ini menunjukkan bahawa Komisi Ifta' atau Komisi “A” (Hukum/Fatwa) telahpun ada.

<sup>43</sup> Sesuai Surat Keputusan (SK) Gabenor Kepala Daerah Istimewa Aceh Nombor: 437/1974 tanggal 26-8-1974.

Indonesia. ‘Istilah’ atau ‘nama’ itu secara rasminya digunakan pada bulan Julai 1982 (Kumpulan Fatwa, 2005: 7).

Atas sebab itu, sejak tanggal tersebut Majelis Ulama Daerah Istimewa Aceh berubah nama menjadi Majelis Ulama Indonesia (MUI) Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Berikutan perubahan ini, pada tanggal 1 Disember 1982 struktur Majelis Ulama Indonesia (MUI) Provinsi Daerah Istimewa Aceh berubah lagi melalui SK Gabenor<sup>44</sup>. Antara perubahan itu adalah: Komisi “A” (Hukum/Fatwa) menjadi Komisi “B” (Hukum/Fatwa) dan Ketua Umum Majelis Ulama (MU) Aceh tidak mesti menjadi Ketua Komisi Hukum/Fatwa, serta susunan Kepengurusan Komisi “B” juga turut berubah.

Selang beberapa tahun, sesuai Surat Keputusan Gabenor Kepala Daerah Istimewa Aceh, Nombor: 451.7/483/1993 tanggal 30 Oktober 1993, Kepengurusan Komisi “B” untuk periode 1993-1998 berubah lagi. Perubahan berlaku pada struktur dan jumlah Pimpinan dan Anggota Komisi “B” (Kumpulan Fatwa, 2005: 8-10).

Seterusnya, setelah berlaku perubahan demi perubahan pada ‘nama’ dan ‘struktur organisasi’, pada tahun 2000 telah lahir undang-undang baharu berkenaan dengan MPU Aceh, iaitu: Peraturan Daerah (PERDA) Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 3 Tahun 2000 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Daerah Istimewa Aceh.

---

<sup>44</sup> Surat Keputusan Gabenor Kepala Daerah Istimewa Aceh, Nomor: 451.7/1754/1982.

PERDA ini merupakan undang-undang kedua bagi pembentukan dan penguatkuasaan MPU Aceh. Dengan lahirnya PERDA ini, nama institusi fatwa tersebut dikembalikan semula kepada nama asalnya iaitu, Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh, sepertimana yang disebut dalam bab II fasal 2 PERDA tersebut:

“Dengan Peraturan Daerah ini dibentuk Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Daerah Istimewa Aceh”

PERDA tersebut tidak saja mengembalikan nama MUI kepada MPU, malahan juga memperkemas kedudukan, tugas, fungsi dan tanggungjawab institusi tersebut. Ini dapat dilihat pada bab III tentang: kedudukan, tugas, fungsi dan tanggungjawab, yang menyatakan:

Fasal 3 tentang kedudukan:

- 1) MPU merupakan suatu badan yang independen dan bukan unsur pelaksana Pemerintah Daerah dan DPRD.
- 2) MPU merupakan mitra sejajar Pemerintah Daerah dan DPRD.
- 3) MPU berkedudukan di Ibukota Provinsi Daerah Istimewa Aceh.
- 4) Di setiap Kabupaten/Kota dapat dibentuk MPU yang diatur lebih lanjut dengan Peraturan Daerah Kabupaten/Kota.

Ayat pertama menjelaskan bahawa dalam bekerja atau mengambil sesuatu keputusan, MPU Aceh tidak memihak kepada siapa-siapa dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, kerana MPU Aceh bukan Badan/Lembaga kerja di bawah Pemerintah Aceh dan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD<sup>45</sup>). Ayat kedua menerangkan bahawa MPU Aceh sahabat sejajar Pemerintah Aceh (Eksekutif<sup>46</sup>) dan DPRD/DPRA (Legislatif<sup>47</sup>). Ayat ketiga pula menjelaskan bahawa MPU Aceh

---

<sup>45</sup> Sekarang disebut dengan Dewan Perwakilan Rakyat Aceh (DPRA).

<sup>46</sup> Bermaksud: mempunyai kekuasaan menjalankan undang-undang (Kamus Bahasa Indonesia, 2008: 378).

<sup>47</sup> Bermaksud: dewan yang berhak dan berwenang membuat undang-undang (Kamus Bahasa Indonesia, 2008: 834).

bertempat di ibu negeri Provinsi Daerah Istimewa Aceh, yaitu Kota Banda Aceh. Manakala ayat ke empat menjelaskan bahawa di setiap Kabupaten/Kota<sup>48</sup> dapat dibentuk MPU Kabupaten/Kota yang selanjutnya akan diatur dengan Peraturan Daerah Kabupaten/Kota<sup>49</sup>.

Selain itu, PERDA tersebut juga memperuntukkan tugas dan fungsi MPU Aceh, sebagaimana yang disebutkan dalam fasal 4 dan 5, iaitu:

“MPU mempunyai tugas memberi masukan, pertimbangan, bimbingan dan nasehat serta saran-saran dalam menentukan Kebijakan Daerah dari aspek Syari’at Islam, baik kepada Pemerintah Daerah maupun kepada masyarakat di Daerah”.

“Untuk menyelenggarakan tugas sebagaimana dimaksud pada fasal 4, MPU mempunyai fungsi menetapkan Fatwa Hukum, memberikan pertimbangan baik diminta atau tidak terhadap Kebijakan Daerah, terutama dalam bidang pemerintahan, pembangunan dan pembinaan kemasyarakatan serta tatanan ekonomi yang Islami”.

Fasal di atas menjelaskan bahawa tugas dan fungsi MPU Aceh ialah mengeluarkan dan menetapkan fatwa atau hukum, memberi nasihat, saranan-saranan dan pertimbangan-pertimbangan kepada Pemerintah dan masyarakat Aceh, sama ada diminta atau pun tidak.

---

<sup>48</sup> Bermaksud: Daerah swatantra tingkat II yang dikepalai Bupati (Daerah ini setingkat dengan Kotamadya, merupakan bagian langsung dari Provinsi dan terdiri dari beberapa kecamatan) ( Kamus Bahasa Indonesia, 2008: 610).

<sup>49</sup> Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Kabupaten/Kota dalam Provinsi Aceh adalah tunduk kepada Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh. MPU Kabupaten/Kota ini tidak berhak mengeluarkan fatwa, hanya melaksanakan dan mengamankan fatwa/keputusan MPU Aceh sahaja, sebagaimana yang disebutkan dalam fasal 5 ayat 2 (c) Qanun Aceh Nomor 2 Tahun 2009.

Manakala fasal 6 PERDA ini menyebutkan, MPU bertanggung jawab terhadap wujudnya pemerintahan yang jujur, bersih dan berwibawa serta Islami. Ini jelas di sebutkan dalam fasal 6, yang menyatakan:

“MPU ikut bertanggung jawab atas terselenggaranya pemerintah yang jujur, bersih dan berwibawa serta Islami di Daerah”.

Manakala pada struktur organisasi MPU Aceh hanya terdiri dari Pimpinan, Sekretariat, Dewan Paripurna Ulama dan Komisi-komisi, sepertimana yang terlihat pada fasal 7 ayat (1):

“Organisasi MPU terdiri dari: Pimpinan, Sekretariat, Dewan Paripurna Ulama dan Komisi-komisi”

Peruntukan Komisi ‘B’ tetap dikekalkan dengan sedikit perubahan pada nama menjadi Komisi Hukum Fatwa Syari’at Islam, sepertimana yang disebutkan pada fasal (18):

“Komisi-komisi terdiri dari: 1. Komisi Hukum Fatwa Syari’at Islam;...”

Terdapat juga satu PERDA<sup>50</sup> yang merubah kandungan fasal 10, 15, 16 dan 20 PERDA sebelumnya<sup>51</sup>. Perubahan hanya menyentuh berkaitan Sekretariat, Jumlah dan Hak Dewan Paripurna Ulama serta Anggota Komisi Kefatwaan Hukum syari’at Islam.

---

<sup>50</sup> Iaitu PERDA Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 43 Tahun 2001 tentang Perubahan Pertama atas PERDA Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 3 Tahun 2000 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja MPU Aceh.

<sup>51</sup> Iaitu PERDA Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 3 Tahun 2000 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja MPU Aceh.

Selanjutnya pada tahun 2009, satu undang-undang baru telah dikeluarkan, yaitu Qanun Aceh nomor 2 tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama yang berkuatkuasa pada 26 Mei 2009 M / 1 Jamadil Akhir 1430 H.

Kelahiran Qanun ini telah membatalkan PERDA sebelumnya<sup>52</sup>. Pembatalan ini disebutkan pada fasal 41 Qanun tersebut, yang menyatakan:

“Dengan berlakunya Qanun ini, maka Peraturan Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 3 Tahun 2000 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Daerah Istimewa Aceh dan Peraturan Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 43 Tahun 2001 tentang Perubahan atas Peraturan Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 3 Tahun 2000 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Daerah Istimewa Aceh dicabut dan dinyatakan tidak berlaku”.

Secara umumnya tidak ada perubahan dalam bidang tugas, fungsi, kuasa dan tanggungjawab serta kedudukan MPU Aceh dengan undang-undang sebelumnya, malahan beberapa tugas MPU Aceh telah ditambah. Hanya saja fasal dan ayatnya yang berubah. Ini dapat dilihat pada fasal 4, 5, dan 6.

Selain itu pada bidang struktur organisasi, Qanun ini merubah undang-undang sebelumnya, yaitu dengan menambahkan Majelis Syuyukh, Panitia Musyawarah, Badan Otonom dan Panitia Khusus, serta menghilangkan Sekretariat dan Dewan Paripurna Ulama. Ini dapat dilihat pada fasal 7 ayat 1<sup>53</sup>.

---

<sup>52</sup> Iaitu membatalkan PERDA Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 3 Tahun 2000 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja MPU Aceh; dan PERDA Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 43 Tahun 2001 tentang Perubahan Pertama atas PERDA Provinsi Daerah Istimewa Aceh Nomor 3 Tahun 2000 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja MPU Aceh.

<sup>53</sup> Akan dijelaskan pada perbahasan struktur organisasi MPU Aceh.

Adapun Sekretariat MPU Aceh diperuntukan dengan undang-undang lain iaitu Peraturan Gubernur (PERGUB) Nangroe Aceh Darussalam Nomor 33 Tahun 2008 tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Sekretariat Lembaga Keistimewaan Aceh. Perlu dicatatkan bahawa dalam Qanun Aceh Nomor 2 Tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama, telah menghapuskan Dewan Paripurna Ulama (DPU) MPU Aceh.

Dengan demikian, Qanun Aceh yang berkuatkuasa pada 26 Mei 2009 M / 1 Jamadil Akhir 1430 H ini adalah undang-undang terbaharu bagi peruntukan MPU Aceh. Ini bermakna bahawa undang-undang inilah yang digunakan dan sah bagi peruntukan MPU Aceh sekarang.

Kesimpulannya ialah MPU Aceh mula ditubuhkan tidak berlandaskan kepada mana-mana peruntukan undang-undang. Penubuhan dilakukan atas dasar kesedaran bahawa pentingnya suatu wadah perhimpunan ulama di Aceh. Kesan dari penubuhan itu, Pemerintah Aceh telah membuat suatu peruntukan undang-undang bagi menguatkuasakan lembaga tersebut menjadikannya sebuah lembaga yang dilindungi oleh undang-undang. Lembaga tersebut juga merupakan pusat rujukan bagi segala hal yang berkaitan dengan hukum-hakam, terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan fatwa.

Walaupun MPU Aceh telah mengalami perjalanan yang berliku dalam hal nama, kedudukan, struktur organisasi dan lain sebagainya, namun pada akhirnya MPU Aceh tetap merupakan sebuah institusi rasmi dan sah yang dilindungi oleh undang-undang dalam mengeluarkan fatwa di bumi Aceh.

### 3.3.2 Landasan Hukum dan Kedudukan MPU Aceh

Terdapat beberapa undang-undang yang memerintahkan dan memperakui MPU Aceh sebagai sebuah wadah perhimpunan ulama bersifat bebas yang berfungsi sebagai pemberi pertimbangan terhadap hal-hal yang berkaitan dengan Islam dan pentadbiran negeri. Undang-undang tersebut ada yang dikuatkuasakan oleh Pemerintah Pusat, ada pula yang dikuatkuasakan oleh Pemerintah Daerah (Negeri).

Antaranya ialah Undang-undang Negara Republik Indonesia nombor 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh, iaitu pada Bahagian Kelima (Peranan Ulama dalam Penetapan Kebijakan Daerah ) fasal 9 ayat 1 dan 2 menyebutkan:

“1. Daerah membentuk sebuah Badan yang anggotanya terdiri atas para Ulama. 2. Badan sebagaimana yang dimaksud pada ayat (1) bersifat independen yang berfungsi memberikan pertimbangan terhadap kebijakan Daerah, termasuk bidang pemerintahan, pembangunan, dan kemasyarakatan serta tatanan ekonomi yang Islami”.

Seterusnya dalam undang-undang Negara Republik Indonesia nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh, fasal 1 ayat 16 dan fasal 138 ayat 3 juga menyebutkan:

“Majelis Permusyawaratan Ulama yang selanjutnya disingkat MPU adalah majelis yang anggotanya terdiri atas ulama dan cendikiawan muslim yang merupakan mitra kerja Pemerintah Aceh dan DPR Aceh “

“MPU berkedudukan sebagai mitra Pemerintah Aceh,...”

Keseluruhan undang-undang ini menjelaskan bahawa Provinsi Daerah Istimewa Aceh diberi hak untuk membentuk suatu badan atau lembaga yang anggotanya terdiri

daripada para ulama. Badan ini adalah *mitra* (sahabat) kerja Pemerintah Aceh/DPRA. Badan ini bersifat independen yang berfungsi memberikan pertimbangan terhadap pentadbiran negeri, termasuk bidang pemerintahan, pembangunan, dan kemasyarakatan serta ekonomi yang Islami.

Manakala undang-undang di peringkat Pemerintah Daerah (Pemerintah Negeri), antaranya ialah Peraturan Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh (Qanun) nombor 5 tahun 2000 tentang Pelaksanaan Syari'at Islam, fasal 1 ayat 5 yang menyatakan bahawa:

“MPU adalah Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Daerah Istimewa Aceh”

Terdapat juga sebuah undang-undang yang secara khusus memperakui, mengatur dan memberi panduan kepada MPU Aceh, iaitu Qanun Aceh nombor 2 tahun 2009 ‘tentang Majelis Permusyawaratan Ulama’, yang keseluruhan isi kandungannya adalah mengatur tentang MPU Aceh.

Berdasarkan kepada undang-undang di atas, dapat difahami bahawa kewujudan MPU Aceh ialah atas landasan hukum atau peruntukan undang-undang yang sah dan diperakui, sehingga terjamin, dilindungi dan sah dari segi undang-undang<sup>54</sup>. Manakala Kedudukan MPU Aceh dengan Pemerintah Daerah (negeri) dan DPRA adalah sebagai mitra (sahabat) kerja bertaraf sama, yang antara satu dengan yang lainnya saling memerlukan.

---

<sup>54</sup> Hal ini amat berbeza dengan kewujudan Majelis Ulama Indonesia (MUI) atas dasar bahawa MUI tidak diperuntukan oleh mana-mana undang-undang, sama ada undang-undang di peringkat Pusat mahupun undang-undang di peringkat negeri (Temu bual dengan Ketua MPU Aceh: 3 Disember 2010).

### 3.3.3 Struktur Organisasi MPU Aceh

MPU Aceh adalah sebuah institusi besar yang terdiri daripada beberapa bahagian. Antaranya ialah bahagian penasihat lembaga yang disebut dengan Majelis Syuyukh, Pimpinan MPU, Komisi-komisi, Panitia Musyawarah (Panmus), Badan Otonom dan Panitia Khusus (Pansus). Struktur MPU Aceh diperuntukan pada fasal 7 ayat 1<sup>55</sup> yang menyebutkan:

“ MPU terdiri atas:

- a) Majelis Syuyukh;
- b) Pimpinan;
- c) Komisi;
- d) Panitia Musyawarah (Panmus);
- e) Badan Otonom;
- f) Panitia Khusus.“


Manakala berkaitan dengan Sekretariat<sup>56</sup> MPU Aceh, diperuntukkan dengan undang-undang lain<sup>57</sup> dengan lebih terperinci. Bagi memperjelaskan lagi, berikut dicartakan Struktur Organisasi MPU Aceh sesuai Qanun tersebut.

---

<sup>55</sup> Qanun Aceh Nomor 2 Tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh.

<sup>56</sup> Bermaksud: Bagian organisasi yang menangani pekerjaan dan urusan yang menjadi tugas sekretaris (Kamus Bahasa Indonesia, 2008:1287).

<sup>57</sup> Iaitu: Peraturan Menteri Dalam Negeri Republik Indonesia Nomor 18 Tahun 2008 Tentang Organisasi dan Tata Kerja Sekretariat Lembaga Keistimewaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Manakala Struktur Organisasi Sekretariat MPU Aceh di peruntukan dengan Peraturan Gubernur (PERGUB) Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 33 Tahun 2008 tentang Susunan Organisasi dan Tata Kerja Sekretariat Lembaga Keistimewaan Aceh.



Keterangan :

BKH : Badan Kajian Hukum dan Perundang-undangan.  
 LP.POM : Lembaga Pengkajian Pangan Obat-obatan dan Kosmetika.  
 A : Komisi bidang Fatwa, kajian qanun dan perundang-undangan lainnya.  
 B : Komisi bidang pendidikan, penelitian dan pengembangan serta ekonomi umat.  
 C : Komisi bidang dakwah, pemberdayaan keluarga dan generasi muda.  
 — : Garis komando.  
 --- : Garis pembinaan (bimbingan).

Rajah 3.1. Carta Struktur Organisasi MPU Aceh

### 3.3.4 Majelis Syuyukh MPU Aceh

Majelis Syuyukh merupakan lembaga kehormatan yang berfungsi memberikan pertimbangan dan nasihat kepada Pimpinan MPU Aceh, iaitu ketua dan wakil ketua MPU Aceh. Jumlah mereka terdiri dari sembilan orang ulama kharismatik<sup>58</sup>(karismatik). Majelis Syuyukh tidaklah termasuk sebagai anggota MPU Aceh. Keanggotaan Majelis Syuyukh ini ditetapkan dengan Surat Keputusan Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh nombor: 903/007/SK/2009<sup>59</sup>, seperti di bawah:

Jadual 3.2

#### *Senarai Nama Anggota Majelis Syuyukh*

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1	Prof. Dr. Ahmad Daudi, MA	Mantan Rektor IAIN Ar-Raniry
2	Tgk. H. Muhammad Amin (TuMin)	Pimpinan Dayah Madinatul Diniyah Bireuen
3	Tgk. H. Ibrahim Bardan (Abu Panton)	Pimpinan Dayah Malikussaleh Aceh Utara
4	Tgk. H. Usman Kuta Krueng (Abu Kuta)	Pimpinan Dayah Darul Munawarah Ulee Gle, Pidie Jaya
5	Tgk. H. Adnan (Abu Bakongan)	Pimpinan Dayah
6	Tgk. Mahmud Ibrahim	Ulama
7	Tgk. H. Zamzami Syam	Pimpinan Dayah Darul Hasanah, Aceh Singkil
8	Tgk. H. M. Daud Ahmadi	Pimpinan Dayah Darul Huda, Lueng Angen

<sup>58</sup> Bermaksud: teristimewa (Kamus Bahasa Indonesia, 2008:717).

<sup>59</sup> Sepertimana dalam fasal 8 ayat 1 dan 2 Qanun Aceh Nomor 2 Tahun 2009 tentang MPU Aceh yang menyatakan:1. Majelis Syuyukh adalah lembaga kehormatan yang berfungsi memberikan pertimbangan dan nasehat kepada pimpinan MPU. 2. Keanggotaan Majelis Syuyukh terdiri dari Ulama kharismatik yang bukan anggota MPU sebanyak-banyaknya sembilan orang yang ditetapkan dengan keputusan MPU.”

Sepanjang kajian dijalankan hanya terdapat lapan orang sahaja anggota Majelis Syuyukh, sepertimana yang disebutkan dalam Surat Keputusan MPU nombor: 903/007/SK/2009 di atas. Hasil dari temu bual dengan salah seorang wakil Ketua MPU Aceh, beliau mengatakan bahawa salah seorang dari anggota Majelis Syuyukh telah meninggal dunia (Temu bual dengan Wakil Ketua I MPU Aceh, Drs. Tgk. H. Ismail Yakob: 7 Jun 2011).

### **3.3.5 Anggota MPU Aceh**

Keanggotaan MPU Aceh terdiri dari para ulama dan cendikiawan muslim utusan Provinsi (Aceh) dan utusan Kabupaten/Kota dalam Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Selain itu, keanggotaan MPU Aceh juga mengambilkira wakil daripada kaum perempuan. Seterusnya jumlah anggota MPU Aceh adalah dua kali ganda daripada jumlah Kabupaten/Kota<sup>60</sup> yang ada di dalam Provinsi Aceh, dan ditambah seorang. Artinya keseluruhan anggota MPU Aceh terdiri daripada 50% daripada utusan Kabupaten/Kota, dan 50% daripada utusan Provinsi (Aceh) serta ditambah seorang. Ketentuan ini dijelaskan dengan fasal 14 Qanun nombor 2 tahun 2009, iaitu:

- 1) Anggota MPU terdiri dari ulama dan cendikiawan muslim utusan Provinsi dan kabupaten/kota dengan memperhatikan keterwakilan perempuan.
- 2) Anggota MPU sebanyak 2 (dua) kali jumlah Kabupaten/Kota, terdiri dari utusan masing-masing kabupaten/kota 1(satu) orang dan utusan Provinsi sejumlah Kabupaten/Kota ditambah 1 (satu) orang.

Seterusnya, calon anggota MPU Aceh dari utusan Provinsi (Aceh) yang akan dipilih melalui mesyuarat besar ulama hendaklah berjumlah tiga kali ganda daripada jumlah

---

<sup>60</sup> Mengikut data yang terdapat pada laman web *Biro Humas Pemerintah Aceh*, Aceh hingga saat ini mempunyai dua puluh tiga Kabupaten/Kota (<http://humas.acehprov.go.id/index.php/kabupatenkota>).

yang akan dipilih. Manakala calon anggota MPU Aceh utusan Kabupaten/Kota yang akan dipilih ialah dua orang setiap Kabupaten/Kota. Ketentuan ini dijelaskan dengan fasal 16 yang menyebutkan:

- a) Calon anggota MPU utusan Aceh ditetapkan oleh MPU dengan mempertimbangkan kualifikasi dan domisili.
- b) Calon anggota MPU sebagaimana dimaksud pada ayat (1) sebanyak-banyaknya 3 (tiga) kali jumlah yang dipilih.
- c) Anggota MPU utusan Aceh dipilih melalui Musyawarah Besar Ulama yang diikuti oleh seluruh pimpinan MPU Aceh, utusan MPU Kabupaten/Kota masing-masing 2 (dua) orang dan seluruh calon anggota MPU sebagaimana dimaksud pada ayat (2).

Adapun nama-nama Anggota MPU Aceh terkini (sejauh kajian dijalankan) yang telah terpilih dan dikuatkuasakan dengan Surat Keputusan Gabenor Aceh nombor 451.7/314/2010 tentang Pengukuhan Pengurus Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh tahun 2010-2012 pada tarikh 10 Jun 2010 ialah berjumlah 47 orang (termasuk Pimpinan MPU) sepertimana terlampir<sup>61</sup>. Jumlah ini adalah bersesuaian dengan jumlah yang disebutkan pada fasal 14 ayat 2 di atas.

Kesemua Anggota MPU Aceh tersebut dibahagi kepada tiga, iaitu: Pimpinan MPU<sup>62</sup>, Komisi-komisi<sup>63</sup> dan Panitia Musyawarah (Panmus)<sup>64</sup> yang dikuatkuasakan dengan Surat Keputusan MPU Aceh.

Daripada keseluruhan anggota dan Pimpinan MPU Aceh yang terbahagi tersebut, terdapat beberapa orang dalam kalangan mereka yang merangkap jawatan dengan Komisi dan Panitia Musyawarah (Panmus), iaitu:

---

<sup>61</sup> Lihat lampiran.

<sup>62</sup> Lihat lampiran.

<sup>63</sup> Lihat lampiran.

<sup>64</sup> Lihat lampiran.

- a) Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA ialah Ketua MPU Aceh, anggota Komisi A, dan juga Ketua Panitia Musyawarah (Panmus) merangkap anggota.
- b) Drs. Tgk. H. Ismail Yakob ialah Wakil Ketua I MPU Aceh, Koordinator Komisi A dan juga Wakil Ketua Panitia Musyawarah (Panmus) merangkap Anggota.
- c) Tgk. H. M. Daud Zamzami ialah Wakil Ketua II MPU Aceh, Koordinator Komisi B dan juga Wakil Ketua Panitia Musyawarah (Panmus) merangkap Anggota.
- d) Drs. Tgk. H. Gazali Mohd. Syam ialah Wakil Ketua III MPU Aceh, Koordinator Komisi B dan juga Wakil Ketua Panitia Musyawarah (Panmus) merangkap Anggota.

Catatan seterusnya ialah terdapat juga beberapa anggota MPU Aceh yang merangkap jawatan, iaitu:

- a) Prof. Dr. Tgk. H. Azman Ismail, MA ialah Ketua Komisi A juga anggota Panitia Musyawarah (Panmus).
- b) Prof. Dr. H. Warul Walidin AK, MA ialah Ketua Komisi B juga anggota Panitia Musyawarah (Panmus).
- c) DR. Tgk. H. Syamsul Rijal, M.Ag ialah Ketua Komisi C juga anggota Panitia Musyawarah (Panmus).
- d) Tgk. H. Faisal Ali ialah Sekretaris Komisi A juga anggota Panitia Musyawarah (Panmus).
- e) Prof. Dr. H. Amirul Hadi, MA ialah Sekretaris Komisi B juga anggota Panitia Musyawarah (Panmus).
- f) Dra. Hamdiah A. Latif, MA ialah Sekretaris Komisi C juga anggota Panitia Musyawarah (Panmus).
- g) Tgk. H. Ibrahim Hasyim Samahani ialah anggota Komisi A juga anggota Panitia Musyawarah (Panmus).
- h) Dr. Tgk. Muhibbuththabari, M.Ag ialah anggota Komisi A juga anggota Panitia Musyawarah (Panmus).

- i) Dr. Nurjannah Ismail, M.Ag ialah anggota Komisi B juga anggota Panitia Musyawarah (Panmus).

Dengan demikian dapat dikatakan bahawa setiap Pimpinan MPU Aceh merangkap jawatan dengan Komisi dan Panmus. Ini bermakna setiap bidang tugas yang terdapat dalam tubuh badan MPU Aceh tidak lepas daripada peranan pimpinan MPU Aceh. Seterusnya terdapat juga beberapa Anggota MPU Aceh yang merangkap jawatan, iaitu jawatan Komisi dan Panmus.

### **3.3.6 Prosedur Pengeluaran Fatwa**

Merujuk kepada fasal 47 ayat 1 Keputusan MPU Aceh nombor 1 tahun 2001 tentang Peraturan Tata Tertib MPU Nanggroe Aceh Darussalam, menyebutkan:

“Semua surat masuk setelah diberikan nomor agenda oleh Sekretariat disampaikan kepada Pimpinan MPU”

Ini bermaksud bahawa semua surat yang diajukan kepada MPU Aceh mestilah melalui Sekretariat MPU Aceh. Termasuk juga persoalan yang berkenaan dengan permintaan fatwa. Secara tegasnya bermaksud bahawa proses permintaan fatwa secara rasmi mestilah melalui Sekretariat MPU Aceh. Ini juga bermakna bahawa segala proses permintaan fatwa atau lainnya yang tidak melalui Sekretariat MPU Aceh dianggap tidak rasmi.

Meneruskan kajian berkenaan dengan prosedur pengeluaran fatwa MPU Aceh, kajian ini telah pun melakukan temu bual dengan Ketua MPU Aceh, Prof. Dr. Tgk. H.

Muslim Ibrahim<sup>65</sup> dan Setiausaha Komisi A, Tgk. H. Faisal Ali<sup>66</sup>. Hasil temu bual dengan mereka dapat disimpulkan seperti berikut:

Proses pengeluaran fatwa bermula daripada dua sumber permasalahan, iaitu pertama: permasalahan yang diajukan oleh masyarakat, sama ada perseorangan, lembaga pemerintah atau swasta kepada Pimpinan MPU Aceh melalui Sekretariat. Kedua: permasalahan yang timbul dari kalangan anggota MPU Aceh sendiri.

Seterusnya permasalahan ini, dikumpulkan dan diagendakan oleh Sekretariat seterusnya diserahkan kepada Pimpinan MPU. Setelah itu, pimpinan MPU bersama Panmus melakukan *inventarisasi*<sup>67</sup> untuk memilih masalah yang perlu dibahas atau pun tidak. Setelah diputuskan untuk dibahas, Panmus melalui Sekretariat MPU Aceh melimpahkan permasalahan tersebut kepada Komisi Fatwa, iaitu Komisi A.

Seterusnya Komisi A melakukan perbincangan terhadap permasalahan yang diterima. Langkah pertama yang dilakukan oleh Komisi A ialah mencuba untuk mengenalpasti inti permasalahan tersebut. Dalam usaha untuk mengenalpasti sesuatu permasalahan, pelbagai cara dilakukan. Antaranya ialah jika permasalahan itu memerlukan tinjauan/kajian ke lapangan (tempat permasalahan berlaku), maka akan dibentuk suatu jawatankuasa yang akan turun untuk memantau ke tempat itu. Selain itu, jika sesebuah permasalahan memerlukan sesuatu disiplin ilmu tertentu, akan diundang para pakar berkenaan sesuatu perkara untuk ikut berbincang dan bertukar-tukar pengetahuan tentang permasalahan. Komisi A juga meminta bantuan dari Panmus

---

<sup>65</sup> Temubual dilakukan pada 03 Disember 2010.

<sup>66</sup> Temubual dilakukan pada 07 Jun 2011.

<sup>67</sup> Bermaksud: pencatatan atau pendaftaran barang-barang milik kantor, rumah tangga dsb (Kamus Bahasa Indonesia, 2008:562)

atau komisi-komisi lain, Pansus, ataupun Badan Otonom. Demikianlah seterusnya untuk setiap permasalahan akan dibahas dan dikaji sehingga mendapatkan suatu kepastian tentang inti sesuatu permasalahan.

Setelah inti permasalahan dikenal pasti, langkah seterusnya yang dilakukan Komisi A ialah mencari hukumnya dalam perbendaharaan hukum Islam dan undang-undang pemerintahan yang sah. Seperti dengan cara merujuk kepada al-Quran, al-Sunnah, atau kitab-kitab mazhab. Di samping itu, Komisi A juga memastikan dalil-dalilnya, sama ada *dalīl naqlī* ataupun *dalīl ‘aqlī* dan hujah-hujah yang lain yang dianggap sah.

Langkah seterusnya ialah menyusun permasalahan tersebut berserta hukum dan hujah-hujahnya dalam bentuk sebuah buku yang dinamakan makalah. Setelah itu, Komisi A melalui Sekretariat MPU Aceh menyerahkan makalah tersebut kepada Panmus.

Seterusnya, Panmus akan mempelajari dan mengkaji secara terperinci kandungan makalah tersebut. Kajian dan penelitian Panmus memberi tumpuan dan memfokuskan pada inti permasalahan, dalil-dalil dan *wajh al-dalālat*-nya serta hujah-hujah lain yang dijadikan sebagai sandaran. Jika setelah dikaji dan ternyata makalah tersebut sudah memadai dan dianggap sempurna, langkah seterusnya ialah menjadikan makalah tersebut sebagai sebuah buku dan secara rasmi ditetapkan sebagai risalah. Risalah tersebut ditetapkan dengan Surat Keputusan (SK) MPU Aceh. Risalah yang telah ditetapkan itu diserahkan kepada Sekretariat MPU Aceh

untuk dijadikan sebagai ‘buku panduan’ dalam sidang<sup>68</sup> Dewan Paripurna Ulama<sup>69</sup> (DPU). Sekiranya makalah tersebut dianggap belum memadai dan tidak layak untuk dibahas dalam mesyuarat DPU, maka permasalahan yang ada dalam makalah tersebut akan dilakukan pengkajian semula. Begitulah seterusnya sehingga setiap makalah yang dibuat oleh Komisi A akan menjadi sebuah risalah untuk dibincangkan sebagai panduan dalam mesyuarat DPU sehingga melahirkan sebuah fatwa. Fatwa yang terhasil daripada mesyuarat DPU ditandatangani oleh pimpinan MPU Aceh. Seterusnya melalui Sekretariat MPU fatwa tersebut di hantar kepada peminta fatwa dan diberitakan melalui media.

### **3.3.7 Perjalanan Mesyuarat DPU**

Sepertimana yang telah dihuraikan di atas, permasalahan yang sudah sempurna dijadikan sebagai sebuah risalah untuk dibahas dalam mesyuarat DPU. Risalah tersebut diedarkan kepada seluruh anggota MPU Aceh dalam masa enam hari sebelum mesyuarat DPU diadakan. Ini bermaksud supaya mereka dapat membacanya terlebih dahulu. Seterusnya mesyuarat DPU dilakukan bagi memastikan suatu fatwa dapat dikeluarkan atau pun tidak.

Proses perbincangan risalah dalam mesyuarat DPU dibahagi kepada tiga sesi. Sesi pertama ialah sesi Acara Pembukaan, kedua ialah sesi Perbincangan risalah dan ketiga ialah sesi Acara Penutupan.

---

<sup>68</sup> Bermaksud mesyuarat. Dalam pemakaian lain digunakan kata ‘rapat’ dan ‘musyawarah’ juga bermaksud mesyuarat.

<sup>69</sup> Sidang Dewan Paripurna Ulama ialah mesyuarat yang dihadiri oleh semua Anggota MPU Aceh dalam membincangkan masalah-masalah besar, seperti fatwa, keputusan MPU dan lain-lain. Mesyuarat ini sekurang-kurangnya diadakan 6 (enam) kali dalam setahun (Temubual dengan Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim dan Tgk. H. Faisal Ali). Namun begitu berdasarkan kepada teks-teks fatwa yang dikeluarkan, mesyuarat tersebut mempunyai dua istilah iaitu *Sidang Dewan Paripurna* dan *Sidang paripurna ulama*.

**a. Sesi Acara Pembukaan**

Sesi ini akan melihat surat-surat masuk oleh Setiausaha mesyuarat DPU (Kepala Sekretariat MPU Aceh). Kemudiannya dilanjutkan dengan ucapan *Khutbah Iftitah* yang disampaikan oleh Ketua MPU Aceh.

**b. Sesi Perbincangan Risalah**

Sesi ini adalah bahagian inti daripada proses perjalanan mesyuarat DPU dalam menghasilkan sesebuah fatwa. Pada awal sesi ini Pimpinan MPU akan membentangi isi kandungan risalah yang telah disediakan kepada seluruh anggota mesyuarat DPU yang hadir.

Setelah mendengar pembentangan isi kandungan risalah, anggota mesyuarat akan mula berbincang permasalahan tersebut. Kesemua peserta diberikan kesempatan untuk memberi pendapat masing-masing berdasarkan kepada hujah-hujah sama ada *naqliyyat* atau pun *'aqliyyat*.

Setelah semua anggota mesyuarat memberi pendapat bersandarkan hujah masing-masing, perbincangan dilanjutkan dengan meneliti dan mengkaji hujah-hujah yang diutarakan. Kekuatan hujah akan menentukan sesebuah kekuatan pendapat yang diberikan oleh masing-masing Anggota DPU (menentukan pendapat yang akan dipilih).

Perbincangan ini biasanya memakan waktu dua hari, sehingga pada akhirnya tercapai suatu kesepakatan dan melahirkan sesebuah fatwa. Namun, jika tidak tercapai

sesuatu kesepakatan, maka Pimpinan MPU Aceh akan membentuk Jawatankuasa Perumus untuk melakukan penyatuan atau penggabungan dari perbezaan-perbezaan pendapat yang terjadi dalam perbahasan risalah itu tadi. Hasil rumusan daripada Jawatankuasa Perumus diserahkan kepada pimpinan MPU untuk memutuskan sama ada sesuatu fatwa dikeluarkan atau pun tidak.

**c. Sesi Acara Penutupan.**

Sesi ini adalah pembacaan hasil-hasil mesyuarat oleh Setiausaha DPU. Kemudiannya dilanjutkan dengan ucapan *Khutbah Ikhtitam* yang disampaikan oleh Ketua MPU Aceh.

**3.3.8 Sumber Hukum**

Sepertimana yang telah diutarakan sebelumnya, MPU Aceh tidak mempunyai sesuatu ketetapan atau undang-undang sebagai panduan berkaitan kaedah penggunaan sumber hukum dalam mengeluarkan fatwa. Oleh itu, bagi mendapat sedikit sebanyak maklumat berkaitan perkara itu, temu bual telah dilakukan dengan beberapa orang pimpinan dan anggota MPU Aceh. Antara mereka adalah:

- a) Ketua MPU Aceh, Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, yang merangkap sebagai Ketua Panmus dan Anggota Komisi A.
- b) Wakil Ketua I MPU Aceh, Drs. Tgk. H. Ismail Yakob yang merangkap sebagai Wakil ketua Panmus dan Koordinator Komisi A.
- c) Setiausaha Komisi A, Tgk. H. Faisal Ali yang merangkap sebagai Anggota Panmus.
- d) Salah seorang Anggota Komisi A, iaitu Prof. Dr. H. Alyasa' Abubakar.

Berdasarkan kepada temu bual yang telah dijalankan, terdapat dua kaedah dalam penggunaan sumber hukum oleh MPU Aceh. Salah satunya ialah merujuk kepada al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas. Namun begitu, dalam menjawab persoalan fatwa yang diajukan, terlebih dahulu melihat latar belakang peminta fatwa tersebut. Maksud latar belakang di sini ialah memperhatikan mazhab yang menjadi ikutan sesetengah orang atau masyarakat di suatu tempat. Disebabkan masyarakat Aceh majoritinya bermazhab Syafi'i, maka dalam usaha mencari hukum terhadap sesuatu permasalahan, pihak MPU Aceh mengutamakan merujuk kepada kitab-kitab yang terdapat dalam mazhab tersebut, dengan memperhatikan dalil-dalil atau hujah-hujah yang digunakan. Alasan mereka mendahulukan merujuk kepada mazhab tersebut bahawa hukum-hukum yang terdapat di dalamnya sebenarnya tidak lepas daripada dalil-dalil daripada al-Quran atau al-sunnah atau ijmak atau qiyas. Seterusnya, dalam keadaan tertentu pula, MPU Aceh juga merujuk kepada mazhab lain, seperti Hanafi, Maliki atau Hanbali, dengan menegaskan bahawa pandangan mazhab yang digunakan terbatas pada mazhab-mazhab yang berfahaman *ahlussunnah waljama'ah* sahaja (Temubual dengan Ketua MPU Aceh dan Setiausaha Komisi A).

Manakala kaedah lainnya ialah dengan merujuk terus kepada kepada al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas tanpa mendahulukan mana-mana mazhab dalam mengeluarkan sesuatu fatwa. Lebih lanjut, Prof. Dr. H. Alyasa' Abubakar mengatakan bahawa sebenarnya terdapat usaha-usaha dikalangan anggota MPU Aceh yang cuba mendahulukan mazhab Syafi'i dalam mencari sesuatu hukum (Temubual dengan Wakil Ketua I MPU Aceh dan Prof. Dr. H. Alyasa Abubakar).

Dapat disimpulkan bahawa terdapat dua kaedah penggunaan sumber hukum dalam kalangan anggota MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa. Sebahagian mereka berkeinginan untuk merujuk terus kepada sumber hukum, seperti al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas. Manakala sebahagian yang lain berkeinginan untuk merujuk kepada pandangan hukum yang terdapat dalam mazhab tertentu dengan tetap merujuk kepada dalil yang digunakan. Dengan demikian ternyata bahawa terdapat dua kecenderungan dalam kaedah penggunaan sumber hukum dalam kalangan anggota MPU Aceh dalam berfatwa, ini bererti MPU Aceh tidak mempunyai suatu ketetapan atau undang-undang yang menetapkan berkaitan kaedah penggunaan sumber hukum sebagai panduan untuk digunakan dalam mengeluarkan sesuatu fatwa.

### **3.4 Kesimpulan**

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa MPU Aceh merupakan sebuah institusi fatwa yang sah dan mempunyai kuasa yang dikuatkuasakan dengan peruntukan undang-undang dalam provinsi Aceh-Indonesia. Seterusnya keanggotaan MPU Aceh terdiri dari para alim ulama utusan setiap kabupaten/kota serta provinsi yang terdapat dalam provinsi Aceh, malahan turut mengambil kira perwakilan dari kalangan kaum wanita. Selain itu, dalam hal proses perbincangan bagi memutuskan dan mengeluarkan fatwa, seluruh anggota institusi tersebut dilibatkan tanpa dihadkan pada komisi fatwa sahaja. Manakala berkenaan dengan kaedah penggunaan sumber hukum, MPU Aceh tidak mempunyai sesuatu peruntukan atau undang-undang yang tetap sebagai sebuah panduan untuk digunakan dalam memutuskan dan mengeluarkan sesebuah fatwa.

## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS KAEDAH PENGGUNAAN SUMBER HUKUM OLEH MPU ACEH**

#### **4.1 Pendahuluan**

Fokus kajian ini ialah bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci tentang kaedah penggunaan sumber hukum yang dipraktikkan oleh MPU Aceh dalam kerangka menghasilkan fatwa di Aceh. Oleh itu, analisis dilakukan hanya melibatkan sumber hukum. Bagi tujuan analisis ini, teks-teks fatwa terpilih yang dikeluarkan oleh MPU Aceh dari tahun 2006-2010 digunakan.

#### **4.2 Fatwa MPU Aceh Tahun 2006-2010**

Berdasarkan penelitian yang dilakukan ke atas fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh MPU Aceh dari tahun 2006-2010, terdapat sebanyak 44 fatwa telah berjaya dikumpulkan. Fatwa-fatwa tersebut dapat dikategorikan kepada tiga bidang permasalahan utama iaitu bidang tauhid/akidah, syariah dan akhlak.

Jadual 4.1

*Senarai Fatwa MPU Aceh tahun 2006-2010*

<b>Bil</b>	<b>Senarai Fatwa</b>	<b>Tahun Dikeluarkan</b>
1	Administrasi dan Kependudukan ( <i>al-Idarah al-sukkaniyah-pencatatan sipil</i> )	2006
2	Pupuk bokashi	2007
3	Pedoman identifikasi ajaran sesat	2007
4	Thariqat naqsyabandiyah di Kebun Ubi Aceh Tamiang	2008

5	Tentang ayat-ayat al-Quran	2008
6	Tentang tafsir al-Quran	2008
7	Tentang hukum memperjual belikan babi/anjing serta memakan harganya adalah haram apalagi digunakan untuk ongkos naik haji (ONH)	2008
8	Tidak ada halangan bekerja, termasuk menangkap ikan pada hari sabtu	2008
9	Berijtihad bagi yang mampu hukumnya boleh, malah dalam keadaan tertentu hukumnya menjadi wajib	2008
10	Hukum mengikuti pendapat hasil ijtihad ulama adalah boleh, malah wajib bagi orang yang tidak mampu berijtihad	2008
11	Hukum mengikuti madzhab yang sudah Ijmak keabsahannya, seperti madzhab Syafi'ie, Hanafie, Malikie dan Hanbali adalah wajib bagi yang tidak mampu berijtihad	2008
12	Pengertian Ibnu sabil pada ayat 60 sura Al-Baqarah bukan hanya lelaki tapi juga perempuan	2008
13	Untuk dapat memahami Al-quran dengan benar, mutlak diperlukan seperangkat ilmu, antara ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bahasa arab, seperti nahu, sharaf, bayan, ma'ani, badi' dan sebagainya	2008
14	Fatihah sebagai rukun shalat wajib dibaca setelah iftitah-sebelum ruku'	2008
15	Mengkafirkan sesama muslim tidak dibenarkan dalam akhlak Islami. Kecuali apabila sudah terbukti kekafirannya. Bila terjadi perbedaan pendapat terhadap sesuatu, Islam mewajibkan bertanya kepada ahlinya	2008
16	Ajaran Islam telah mengatur tatacara berdiskusi dan berdakwah	2008
17	Penyampaian ajaran agama yang tidak sesuai dengan pemahaman keagamaan yang sudah ada dalam Al-quran, Hadits, Ijmak dan Qiyas akan menimbulkan fitnah yang berakibat terganggunya ketenteraman umum	2008
18	Tidak menerima pendapat yang berbeda dan bahkan cenderung tidak mau bermujadalah dengan orang di luar kelompoknya	2008
19	Pengalihan status tanah wakaf	
20	Aliran Sempalan di Kecamatan Indra Makmoe Aceh Timur	2009

21	Hukum nikah liar	2009
22	Hukum nikah Pelaku Meusum	2009
23	Ungkapan “ Manusia berasal dari Allah ”	2009
24	Ungkapan “ Beritikat Ada wujud diri dosa”	2009
25	Ajaran tentang shalat terdiri dari 4 (empat) unsur	2009
26	Ajaran tentang “Ajaran tentang mengenal tuhan baru dianggap sah dengan cara menfanakan wujud dan sifat”	2009
27	Pengertian لا اله الا الله “ Tiada maujud pada hakikat kecuali Allah ”	2009
28	Ungkapan “Kamu adalah saya, saya adalah kamu, kamu bagian dari saya dan saya bagian dari kamu”	2009
29	Ungkapan “Shalat tidak akan diterima Allah apabila kita mengatakan bahwa: yang melakukan shalat itu adalah kita sendiri, maka itu adalah syirik, dan bila kita mengatakan tuhan yang sembahyang adalah murtad”	2009
30	Orang yang mengatakan, Tuhan yang sembahyang	2009
31	Uraian kalimat الله : alif artinya: zat, lam pertama artinya: sifat, lam kedua artinya: asma, dan ha artinya: af’al	2009
32	Ajaran yang menyebutkan, bahwa “Muhammad adalah sifat Allah, dan bukan Manusia.	2009
33	Ungkapan “Ada Nabi setelah Nabi Muhammad”	2009
34	Ungkapan ”Orang yang tidak mengenal Tuhan, tidak wajib shalat”	2009
35	Ungkapan ”Orang yang mati malam Jum’at, atau waktu yang mulia atau tempat yang mulia, tidak ada perbedaan dengan meninggal pada waktu dan tempat yang lainnya”	2009
36	Titi Sirathal Mustaqim tidak ada	2009
37	Beribadah dengan mengharapkan pahala adalah syirik	2009
38	Mentauhidkan orang supaya keramat	2009
39	Mikraj Nabi Muhammad bukan tubuh Nabi, tapi ilmu pada hakikat	2009
40	Nikah Siri	2010
41	Terorisme	2010
42	Kriteria Thariqat Mu’tabarah	2010

43	Pendangkalan Aqidah dan Pemurtadan	2010
44	Penguatan Ekonomi Syariah dan Praktek Multi Level Marketing (MLM)	2010

---

### **4.3 Proses Penetapan Fatwa**

Merujuk kepada teks fatwa yang telah dikeluarkan oleh MPU Aceh, mendapati bahawa institusi tersebut mempunyai kaedah penetapan fatwa tersendiri. Kaedah tersebut terdiri daripada beberapa tahap yang dilalui satu persatu sehingga pada akhirnya ditetapkan satu keputusan tentang sesebuah fatwa yang dicapai. Terdapat enam tahap yang dilalui pada setiap penetapan fatwa dengan menggunakan beberapa istilah, iaitu: membaca, mendengar, menimbang, mengingat, memperhatikan dan memutuskan/menetapkan. Namun begitu, terdapat juga pada sesetengah proses penetapan fatwa tidak melalui semua tahap dan istilah tersebut, terutamanya jika berlainan tahun fatwa tersebut (sepertimana yang akan dibincangkan pada fatwa-fatwa selepas ini), malahan format penulisan fatwa pula turut berbeza antara satu tahun dengan tahun lainnya. Seterusnya, tidak semua istilah yang terdapat pada tahap-tahap tersebut mengemukakan perkara yang sama. Sebaliknya, terdapat juga istilah yang sama digunakan, namun kandungannya mengemukakan hal yang berbeza. Oleh itu, di sini akan dihuraikan secara umum kandungan yang terdapat pada istilah-istilah tersebut.

Secara umumnya pada istilah “membaca” mengandungi faktor utama yang mendorong MPU Aceh untuk melakukan perbincangan berkenaan fatwa tersebut, seperti membaca surat dari peminta fatwa. Seterusnya pada istilah “mendengar” ia mengemukakan ucapan ketua MPU Aceh dan pembentangan beberapa makalah. Pada istilah “menimbang” pula sebahagiannya mengetengahkan fungsi MPU Aceh,

sedangkan pada sebahagian yang lain mengetengahkan faktor pendorong MPU Aceh untuk melakukan perbahasan terhadap sesuatu permasalahan yang memerlukan kepada fatwa. Berikutnya pada istilah “mengingat” ia mengutarakan sumber hukum atau dalil. Manakala pada istilah “memperhatikan” ia memuatkan fikiran-fikiran atau tanggapan anggota mesyuarat serta rujukan terhadap fatwa daripada institusi lain dan sebagainya. Akhir sekali pada istilah “memutuskan dan menetapkan” ia mengemukakan isi fatwa.

Selain itu, secara umumnya dalam setiap mesyuarat MPU Aceh hanya satu fatwa sahaja yang dikeluarkan. Namun, terdapat juga beberapa fatwa dikeluarkan dalam setiap satu mesyuarat.

#### **4.4 Analisis Kaedah Penggunaan Sumber Hukum Oleh MPU Aceh Berdasarkan Beberapa Fatwa Terpilih dari Tahun 2006 – 2010**

Bagi tujuan menganalisis kaedah penggunaan sumber hukum, sebanyak sepuluh fatwa telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Oleh itu, sepuluh fatwa yang telah dipilih akan dinilai dan dianalisis bagi mendapatkan hasil. Fatwa-fatwa tersebut dilampirkan tanpa dibuat sebarang perubahan pada tulisan dan bahasa yang digunakan, sama ada pada isi fatwa, dalil (serta barisnya-jika ada) dan terjemahan (jika ada) serta ulasan (jika ada) yang diberikan.

Berikut adalah fatwa-fatwa tersebut:

- a) *Administrasi Kependudukan (Al-Idarah al-sukkaniyah - Pencatatan Sipil)*. Fatwa nombor 1 tahun 2006 ini dikeluarkan pada ”*Sidang Dewan Paripurna Ulama*” MPU Provinsi NAD yang berlangsung di Banda Aceh

selama tiga hari, iaitu bermula tarikh 20 hingga 22 November 2006. Ia ditetapkan dan ditandatangani oleh pimpinan MPU Aceh, iaitu ketua dan dua orang wakil ketua. Proses penetapan fatwa tersebut melalui enam tahap, iaitu mendengar, menimbang, mengingat, memperhatikan, memutuskan dan menetapkan.

- b) *Pupuk Bokashi*. Fatwa nombor 2 tahun 2007 ini dikeluarkan pada 3 Rajab 1428 H bersamaan 18 Julai 2007 M di Banda Aceh. Fatwa ini ditetapkan dan ditandatangani oleh pimpinan MPU Aceh, iaitu ketua dan tiga orang wakil ketua. Proses penetapan fatwa tersebut melalui enam tahap, iaitu membaca, menimbang, mengingat, memperhatikan, memutuskan dan menetapkan.
- c) *Hukum memperjual-belikan babi/anjing serta memakan harganya adalah haram apalagi digunakan untuk Ongkos Naik Haji (ONH)*. Fatwa nombor 3 Tahun 2008 ini dikeluarkan pada mesyuarat “*Sidang Dewan Paripurna Ulama (DPU) III ke III*” yang berlangsung selama tiga hari, iaitu bermula dari tarikh 22 hingga 24 September 2008 di Pejabat MPU NAD Banda Aceh. Fatwa tersebut ditetapkan dan ditandatangani oleh pimpinan MPU Aceh, iaitu ketua dan tiga orang wakil ketua. Bersamaan dengan ditetapkan fatwa tersebut, pada mesyuarat itu juga ditetapkan beberapa fatwa lain. Seterusnya proses penetapan fatwa tersebut melalui lima tahap, iaitu menimbang, mengingat, memperhatikan, memutuskan dan menetapkan.
- d) *Berijtihad bagi yang mampu hukumnya adalah boleh, malah dalam keadaan tertentu hukumnya menjadi wajib*. Fatwa ini dikeluarkan bersamaan dengan dikeluarkan fatwa sebelumnya, iaitu fatwa nombor 3

tahun 2008 tentang “Hukum memperjual-belikan babi/anjing serta memakan harganya adalah haram apalagi digunakan untuk Ongkos (perbelanjaan) Naik Haji (ONH)”. Proses penetapan dan pengesahannya juga sama.

- e) *Titi Sirathal Mustaqim tidak ada.* Fatwa nombor 6 Tahun 2009 ini dikeluarkan pada mesyuarat “*Sidang Dewan Paripurna Ulama*” yang berlangsung selama tiga hari, iaitu bermula dari tarikh 28 hingga 30 Oktober 2009 di Banda Aceh. Fatwa tersebut ditetapkan dan ditandatangani oleh pimpinan MPU Aceh, iaitu ketua dan wakil ketua. Selain menetapkan fatwa tersebut, mesyuarat itu juga menetapkan beberapa fatwa lain. Seterusnya proses penetapan fatwa tersebut melalui empat tahap, iaitu tahap menimbang, mengingat, memperhatikan dan memutuskan/menetapkan.
- f) *Ajaran Mengenal Tuhan baru dianggap sah dengan cara memfanakan wujud dan sifat.* Proses penetapan fatwa ini sama dengan proses penetapan fatwa nombor 6 tahun 2009 sebelumnya. Ini kerana fatwa di atas dikeluarkan bersamaan dengan fatwa tahun 2009 tersebut.
- g) *Manusia berasal dari Allah, dengan menggunakan dalil: إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ (Surah Al-Baqarah, ayat 156).*  
Proses penetapan fatwa ini sama dengan proses penetapan fatwa nombor 6 tahun 2009 sebelumnya. Ini kerana fatwa ini dikeluarkan bersamaan dengan fatwa tahun 2009 tersebut.
- h) *Nikah Siri.* Fatwa nombor 1 tahun 2010 ini dikeluarkan pada mesyuarat “*Sidang Paripurna I*”, bermula pada tarikh 5–7 Jamadil Akhir 1431 H bersamaan 19-21 Mei 2010 M di Banda Aceh. Fatwa tersebut ditetapkan dan ditandatangani oleh ketua dan tiga orang wakil ketua MPU Aceh.

Proses penetapan fatwa ini melalui lima tahap, yaitu: menimbang, mengingat, memperhatikan dan memutuskan/menetapkan.

- i) *Terorisme*. Fatwa nomor 2 tahun 2010 ini pada mesyuarat “*Sidang Paripurna II*” di Banda Aceh selama tiga hari, bermula pada tarikh 16–18 Rajab 1431 H bersamaan 28–30 Jun 2010 M. Fatwa tersebut ditetapkan dan ditandatangani oleh pimpinan MPU Aceh iaitu ketua dan tiga orang wakil ketua. Proses penetapan fatwa ini sama seperti proses penetapan fatwa sebelumnya.
- j) *Penguatan Ekonomi dan Praktek Multi Level Marketing (MLM)*. Fatwa nomor 8 tahun 2010 ini dikeluarkan pada mesyuarat “*Sidang Paripurna VI*” di Banda Aceh, yang berlangsung selama tiga hari, iaitu bermula daripada tarikh 3-5 Muharram 1432 H bersamaan 9-11 Disember 2010 M. Seterusnya ditandatangani oleh pimpinan MPU Aceh, iaitu ketua dan tiga orang wakil ketua. Proses penetapan fatwa tersebut melalui enam tahap, iaitu tahap membaca, menimbang, mengingat, memperhatikan, memutuskan dan menetapkan.

Dalam menganalisis keseluruhan fatwa terpilih yang disebutkan di atas, terdapat beberapa aspek yang menjadi asas kepada kajian ini, iaitu:

- i. Meneliti sumber-sumber hukum yang digunakan oleh MPU Aceh pada setiap fatwa terpilih.
- ii. Membandingkan dengan sumber-sumber hukum yang telah digunakan dalam sejarah perundangan Islam pada setiap fatwa.

- iii. Membuat kesimpulan terhadap keseluruhan sumber hukum yang diguna pakai pada setiap fatwa.
- iv. Memberi penilaian terhadap keseluruhan sumber hukum yang terhasil daripada analisis sepuluh fatwa tersebut, dan membandingkannya dengan sumber-sumber hukum yang telah diguna pakai disepanjang sejarah perundangan slam.

Hal ini bermaksud agar terhasil sesuatu kaedah penggunaan sumber hukum yang dapat dijadikan sebagai pedoman dalam mengeluarkan sesuatu fatwa oleh institusi tersebut.

#### 4.4.1 Fatwa Tentang “Administrasi Kependudukan (*Al-Idarah al-sukkaniyah*-Pencatatan Sipil)”.

##### a) Fatwa

<p><b>F A T W A</b>  <b>MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA</b>  <b>PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM</b>  <b>N O M O R : 1 TAHUN 2006</b>  <b>TENTANG</b>  <b>ADMINISTRASI KEPENDUDUKAN</b>  <b>(AL IDARAH AL-SUKKANIYAH-PENCATATAN SIPIL)</b></p> <p>-----</p> <p style="text-align: center;"></p> <p>Sidang Dewan Paripurna Ulama MPU Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam yang berlangsung di Banda Aceh tanggal 20 s/d 22 Nopember 2006.</p> <p><b><i>Mendengar:</i></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Khutbah iftitah Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Prov. NAD;</li> <li>2. Makalah yang berjudul: Pencatatan Sipil Menurut Pandangan Syariat Islam oleh Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA;</li> <li>3. Makalah yang berjudul: Pencatatan Sipil dalam Pandangan Islam, oleh Tgk. H. M. Daud Zamzamy;</li> </ol>
---

4. Makalah yang berjudul: Pencatatan Sipil Menurut Pandangan Fiqh Islam oleh Drs. Tgk. H. Ismail Yacob;
5. Makalah yang berjudul : Hukum Dan Perundang-undangan Aceh oleh Prof. Dr. H. M. Rusjdi M. Ali Muhammad, SH.

***Menimbang:***

- a. bahwa fungsi MPU adalah menetapkan fatwa/hukum syari'at Islam; memberikan penyuluhan syari'at, pertimbangan, bimbingan dan saran kepada Eksekutif, Legislatif dan Yudikatif dalam menentukan Kebijakan Daerah, termasuk tatanan ekonomi yang Islami; serta memantau pelaksanaan Kebijakan Daerah agar sesuai dengan tuntunan Syari'at Islam;
- b. bahwa berdasarkan pertimbangan sebagaimana dimaksud dalam huruf a perlu ditetapkan dengan suatu fatwa hukum syari'at.

***Mengingat:***

1. Al-Qur'anul Karim;
2. Al-Hadits;
3. Undang-undang Nomor 44 Tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh (Lembaran Negara Republik Indonesia Tahun 1999 Nomor 172, Tambahan Lembaran Negara Nomor 3893);
4. Undang-undang Nomor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh (Lembaran Republik Indonesia Tahun 2006 Nomor 62, Tambahan Lembaran Negara Nomor 4633);
5. Permendagri Nomor 28 Tahun 2005 tentang Pencatatan Sipil;
6. Peraturan Daerah No. 03 Tahun 2000 jo. Peraturan Daerah Nomor 43 Tahun 2001 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam;
7. Qanun Prov. NAD No. 09 tahun 2003 tentang Hubungan tata kerja Majelis Permusyawaratan Ulama dengan Eksekutif, Legislatif dan Instansi lainnya;
8. Keputusan Gubernur No. 451/7/381/2001 tentang pengukuhan Pengurus Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh

Darussalam Periode 2001-2006;

9. Keputusan MPU No. 01 Tahun 2001, tentang Peraturan Tata Tertib Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

***Memperhatikan:***

Tanggapan dan saran anggota Dewan Paripurna Ulama (DPU) Prov. NAD dalam sidangnya pada hari Selasa tanggal 20 s/d 22 Nopember 2006 M, yang bertetapan dengan tanggal 28 s/d 30 Syawal 1427 H

**Dengan bertawakkal kepada Allah SWT dan persetujuan  
DEWAN PARIPURNA ULAMA MPU  
PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM  
MEMUTUSKAN**

- Menetapkan :** FATWA MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM TENTANG ADMINISTRASI KEPENDUDUKAN (AL IDARAH AL-SUKKANIYAH - PENCATATAN SIPIL).
- Pertama : Administrasi Kependudukan (Al Idarah Al-Sukkaniyah Pencatatan Sipil) ialah pencatatan peristiwa penting dalam kehidupan manusia yang berpengaruh terhadap hak dan kewajibannya.
- Kedua : Penyelenggaraan Administrasi Kependudukan menjadi kewajiban negara bagi perlindungan terhadap warganya.
- Ketiga : Pemerintah Aceh berkewajiban menyelenggarakan Administrasi Kependudukan atas beban Anggaran Pendapatan dan Belanja Daerah (APBD).
- Keempat : Setiap warga masyarakat Aceh berhak memiliki Akta Kependudukan (kelahiran, lahir mati, kematian, perkawinan, perceraian, pembatalan perkawinan, perubahan nama, pengakuan dan pengasuhan anak, perubahan kewarganegaraan dan peristiwa penting lainnya) dari instansi yang berwenang.
- Kelima : Semua Akta Kependudukan tersebut adalah tuntutan Syariat Islam dan mesti dilaksanakan oleh setiap masyarakat Aceh karena Islam sangat mementingkan ketertiban Administrasi Kependudukan.

Ditetapkan di : Banda Aceh

Tanggal :  $\frac{29 \text{ Syawal } 1427 \text{ H}}{21 \text{ Nopember } 2006 \text{ H}}$

MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA  
PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM

Ketua,

D.T.O

Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA

Wakil Ketua,

D.T.O.

Tgk. H. M. Daud Zamzamy

Wakil Ketua,

D.T.O.

Drs. Tgk. H. Ismail Yacob

**b) Analisis**

Dalam mengeluarkan fatwa ini MPU Aceh menggunakan al-Quran dan al-sunnah sebagai sumber hukum utama. Namun penggunaan keduanya hanya sekadar menyebutkan namanya sahaja tanpa memperincikannya. Walaupun kedua nama sumber hukum tersebut disebutkan dengan jelas, namun perkara ini akan menimbulkan persoalan daripada kalangan pembaca, seperti surah apa dan ayat berapa atau hadis dan riwayat siapa yang dijadikan sebagai dalil untuk mengeluarkan fatwa itu. Sepatutnya MPU Aceh perlulah memperincikan dalil yang mereka gunakan, sekurang-kurangnya nama surah dan nombor ayat serta hadis dan perawinya. Ini bertujuan untuk menyatakan dasar atau hujah mereka kepada pembaca. Jika tidak, hal ini akan memberi kesan kepada pembaca bahawa penggunaan sumber hukum tersebut hanya sebagai simbol sahaja.

Selain menggunakan al-Quran dan hadis, MPU Aceh juga mempertimbangkan beberapa undang-undang pemerintahan<sup>70</sup>, keputusan Gabenor<sup>71</sup> dan keputusan MPU Aceh<sup>72</sup> sebagai sandaran.

Merujuk kepada undang-undang pemerintahan yang digunakan, mendapati MPU Aceh mengambilkira peranan ulama dalam menentukan kebijakan dalam menyelenggarakan keistimewaan Aceh, sepertimana yang terdapat dalam undang-undang nombor 44 tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh, pada fasal 9 bahagian 5. Seterusnya mengambilkira undang-undang yang mengatur tata cara pemerintahan Aceh serta hak dan kewajiban rakyatnya, yang secara keseluruhannya terdapat dalam undang-undang nombor 11 tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh. Selain itu MPU Aceh juga turut merujuk kepada undang-undang yang mengatur tentang tata cara pendaftaran penduduk yang terdapat dalam Peraturan Menteri Dalam Negeri nombor 28 Tahun 2005 tentang pedoman penyelenggaraan pendaftaran penduduk dan pencatatan sipil di Daerah. Akhir sekali MPU Aceh merujuk kepada undang-undang yang mengatur tentang pembentukan organisasi dan tata kerja MPU Aceh serta hubungan tata kerja MPU Aceh dengan institusi lainnya, sepertimana yang terdapat dalam Peraturan Daerah nombor 3 tahun 2000 *bertalian dengan* Peraturan Daerah nombor 43 tahun 2001

---

<sup>70</sup> Undang-undang pemerintahan tersebut ialah Undang-undang Nomor 44 Tahun 1999 tentang Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh; Undang-undang Nomor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh; Peraturan Menteri Dalam Negeri Nomor 28 Tahun 2005 tentang Pedoman Penyelenggaraan Pendaftaran Penduduk dan Pencatatan Sipil Di Daerah; Peraturan Daerah No. 03 Tahun 2000 jo. Peraturan Daerah Nomor 43 Tahun 2001 tentang Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam; Qanun Prov. NAD No. 09 tahun 2003 tentang Hubungan tata kerja Majelis Permusyawaratan Ulama dengan Eksekutif, Legislatif dan Instansi lainnya.

<sup>71</sup> Keputusan Gaboner No. 451/7/381/2001 tentang pengukuhan Pengurus Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Periode 2001-2006.

<sup>72</sup> Keputusan MPU No. 01 Tahun 2001, tentang Peraturan Tata Tertib Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

tentang Pembentukan Organisasi dan tata kerja Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, serta Qanun Prov. NAD nombor 9 tahun 2003 tentang hubungan tata kerja Majelis Permusyawaratan Ulama dengan *Eksekutif*, *Legislatif* dan Institusi yang lain.

Secara umumnya kaedah penggunaan sumber hukum MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini bertepatan dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam, iaitu dengan mencuba merujuk terus kepada sumber asal hukum syarak (al-Quran dan al-sunnah). Namun, kelemahan yang terdapat di sini ialah tidak menyatakan dengan jelas ayat dan surah serta hadis dan riwayatnya. Perkara ini memberi ruang kepada masyarakat untuk mempertikaikan fatwa tersebut atas dasar tidak ada penjelasan dalil yang terperinci. Keadaan ini pula memberi kesan kepada pembaca bahawa MPU Aceh tidak mengambil berat berkaitan penggunaan sumber hukum dalam proses pengeluaran fatwa tersebut.

Sebenarnya, jika MPU Aceh mempunyai kaedah penggunaan sumber hukum yang jelas dan tetap secara bertulis sebagai panduan dalam proses pengeluaran sesuatu fatwa, tentunya sumber hukum akan disebutkan secara jelas dan terperinci yang diguna pakai pada setiap fatwa. Perkara ini penting bagi meyakinkan pembaca seterusnya mengamalkannya.

Kelemahan lainnya ialah MPU Aceh tidak merujuk kepada sumber hukum lainnya seperti qiyas atau *sad zara'i*. Dengan menggunakan qiyas sekurang-kurangnya dapat mengukur antara *'illat* yang terdapat pada sesuatu permasalahan yang telah

ditetapkan hukumnya dengan permasalahan yang belum ternyata dengan jelas hukumnya, seperti permasalahan ini. Seterusnya dengan menggunakan *sad zara'i* pula dapat dijadikan sebagai hujjah bagi mengelak daripada terabaikan hak-hak seseorang jika tidak memiliki perkara-perkara yang ditetapkan oleh pemerintah dalam permasalahan ini.

Seterusnya pengambilkiraan kepada undang-undang pemerintahan juga tidak bercanggah dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam perundangan Islam. Sekalipun tidak wujud penggunaan undang-undang pemerintahan sebagai sumber hukum dalam sejarah perundangan Islam, namun ianya dapat digolongkan dalam sumber hukum yang tidak disepakati para ulama, iaitu *'urf* atau *maṣāliḥ mursalaṭ*, selagi tidak bercanggah dengan ketentuan umum syarak. Penggolongan ini atas dasar bahawa dari satu segi setiap undang-undang yang dibuat oleh pemerintah untuk kepentingan atau kemaslahatan orang ramai, iaitu *maṣāliḥ mursalaṭ*. Dari segi lain pula ia dapat digolongkan dalam *'urf*, tatkala undang-undang tersebut menjadi suatu amalan (kebiasaan) masyarakat di sesuatu tempat.

### c) **Kesimpulan**

Sekalipun terdapat kelemahan kaedah penggunaan sumber hukum MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini seperti yang telah dinyatakan, namun secara umumnya kaedah penggunaan sumber hukum yang diguna pakai oleh MPU Aceh bertepatan dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan islam, iaitu dengan berusaha merujuk kepada sumber hukum yang disepakati para ulama (al-Quran dan al-sunnah). Manakala merujuk undang-undang pemerintahan

dapat digolongkan dalam sumber hukum yang tidak disepakati para ulama, yaitu *'urf* atau *maṣāliḥ mursalaṭ*.

Dengan demikian sumber hukum yang diguna pakai dalam mengeluarkan fatwa ini ialah al-Quran, al-sunnah dan *'urf* atau *maṣāliḥ mursalaṭ*.

#### **4.4.2 Fatwa tentang Pupuk Bokashi**

##### **a) Fatwa**

**F A T W A**  
**MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA**  
**NANGGROE ACEH DARUSSALAM**  
**NOMOR : 2 TAHUN 2007**

**TENTANG**  
**PUPUK BOKASHI**



**MAJELIS PEMUSYAWARATAN ULAMA**  
**PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM**

**MEMBACA:**

1. Surat dari IOM (Livelihood) Banda Aceh nomor 02/IOM-LSP/VII/2007 tanggal 6 Juli 2007 tentang pertanyaan hukum Fiqh tentang pupuk bokashi yang telah menimbulkan keresahan sejumlah masyarakat;
2. Leaflet dan mendengar penjelasan tentang tata cara pembuatan pupuk tersebut dan pemanfaatannya untuk tanaman.

**MENIMBANG :**

- a. bahwa fungsi MPU adalah:
  1. Menetapkan fatwa/hukum Syari'at Islam,
  2. Memberikan penyuluhan syari'at kepada masyarakat;
  3. Memberikan pertimbangan, bimbingan, dan saran kepada Eksekutif, Legislatif dan Yudikatif dalam menentukan Kebijakan Daerah, terutama bidang pemerintahan, pembangunan, kemasyarakatan dan

tatanan ekonomi yang Islami;

4. Memantau pelaksanaan Kebijakan Daerah agar berjalan sesuai dengan tuntunan Syari'at Islam.

- b. bahwa akibat dari kekurang jelasan masalah tersebut di atas telah timbul kegelisahan bagi sebagian masyarakat;.
- c. bahwa sehubungan dengan pertimbangan sebagaimana dimaksud dalam huruf a, perlu ditetapkan fatwa hukum dengan Keputusan Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam;.

**MENGINGAT :**

- 1. Al-Qur'anul Karim;
- 2. Al-Hadits;
- 3. Kitab kitab Fiqh mu'tabar, antara lain:
  - a. Mughniyyul Muhtaaj;
  - b. Al-Mahally;
  - c. Al-Bujairimi 'aial (*sic*) Khathiib;
  - d. Al-Fiqhul Islami Wa Adillatuhu;
  - e. Al-Fiqh'Alal Mazhaahibil Ar-Ba'ah.

**MEMPERHATIKAN:**

- 1. Hasil Musyawarah para Ulama, Teungku serta Tokoh Masyarakat dalam Kecamatan Muara Tiga Kabupaten Pidie di Kantor Sekretariat MPU Kecamatan tersebut pada tanggal 25 Juni 2007;
- 2. Fatwa MPU-NAD Nomor 451.7.7/80S/HFIVIIIU203, tanggal 17 Agustus 2003.

**MEMUTUSKAN :**

**MENETAPKAN :**

- Pertama : Memproduksi pupuk dari kotoran ternak, jerami, dedak, gula merah, kapur, sekam padi dan air dan memanfaatkannya untuk tanaman hukumnya adalah boleh (mubah).
- Kedua : Kalau pupuk tersebut masih dominan unsur kenajisannya (kotoran ternak) maka hukum memperjual-belikannya adalah haram.
- Ketiga : Hukum mengambil biaya produksi, pemasaran dan lain-

lainnya sebagai **Kompensasi Produksi Saja** adalah boleh (mubah).

Ditetapkan di : Banda Aceh  
Banda Aceh, 03 Rajab 1428 H  
18 Juli 2007 M

MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA  
PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM

Ketua,

D.T.O

Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA

Wakil Ketua,

D.T.O

Drs. Tgk. H. Ismail Yacob

Wakil Ketua,

D.T.O

Tgk. H. M. Daud Zamzamy

Wakil Ketua,

D.T.O

Drs. Tgk. H. Gazali Mohd. Syam

## b) Analisis

Dalam mengeluarkan fatwa di atas MPU Aceh menggunakan al-Quran dan al-sunnah sebagai sumber hukum. Namun penggunaan kedua sumber hukum tersebut hanya sebatas menyebutkan namanya sahaja tanpa memperincikannya. Hal ini pastinya menimbulkan persoalan sepertimana yang telah dipaparkan pada fatwa nombor 1 tahun 2006 sebelumnya.

Selain itu, MPU Aceh juga menggunakan beberapa kitab fiqh muktabar sebagai sandaran. Namun penggunaan kitab-kitab tersebut juga hanya menyebutkan nama-namanya sahaja tanpa memperincikannya. Malahan nama-nama kitab tersebut tidak dinyatakan nama pengarangnya. Keadaan ini akan menimbulkan persoalan tatkala

pembaca hendak merujuk secara langsung kepada kitab-kitab tersebut, terutamanya dari segi nama kitab dan pengarangnya bahkan tajuk perbahasan terhadap permasalahan yang berkaitan. Sepatutnya MPU Aceh perlu menyatakan dengan jelas, terutamanya dalam keadaan institusi tersebut tidak mempunyai satu kaedah penggunaan sumber hukum yang dijadikan sebagai panduan dalam mengeluarkan sesebuah fatwa.

Secara umumnya langkah yang ditempuh oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa di atas ialah berusaha merujuk kepada sumber hukum utama, iaitu al-Quran dan al-sunnah. Selain itu, MPU Aceh juga merujuk kepada pendapat-pendapat ulama muktabar sebelumnya. Langkah ini bertepatan dengan kaedah penggunaan sumber hukum dalam berfatwa yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Namun kelemahan yang terdapat di sini ialah sumber hukum yang dirujuk tidak diperincikan penggunaannya secara jelas, seperti surah apa dan ayat berapa serta hadis riwayat siapa. Demikian pula penggunaan kitab-kitab muktabar sebagai rujukan. Keadaan ini memberi kesan kepada pembaca bahawa MPU Aceh tidak mengambil berat berkaitan penggunaan sumber hukum dalam proses pengeluaran fatwa tersebut sepertimana yang telah dinyatakan pada analisis fatwa sebelumnya.

### **c) Kesimpulan**

Sekalipun terdapat beberapa kelemahan dalam kaedah penggunaan sumber hukum oleh MPU Aceh dalam proses pengeluaran fatwa tersebut, namun secara umumnya menepati kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Langkah yang ditempuh ialah merujuk kepada al-Quran, al-sunnah dan pendapat para ulama sebelumnya.

**4.4.3 Fatwa tentang “Hukum memperjual-belikan babi/anjing serta memakan harganya adalah haram apalagi digunakan untuk Ongkos Naik Haji (ONH)”.**

**a) Fatwa**

**F A T W A**  
**MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA**  
**PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM**  
**NOMOR : 03 TAHUN 2008**  
**TENTANG**  
**BEBERAPA MASALAH**  
**AQIDAH, SYARI’AH (FIQH) DAN AKHLAK**

Sidang Dewan Paripurna Ulama (DPU) III ke III Tahun 2008 yang berlangsung di Kantor MPU NAD tanggal 22 s.d 24 September 2008;

**MENIMBANG:**

- a. bahwa telah berkembang di dalam masyarakat Aceh sejumlah masalah dalam bidang Akidah, Syariah (Fiqh) dan Akhlak yang dapat menjurus kepada pendangkalan akidah, karaguan dalam pengamalan syari’ah dan melunturkan nilai-nilai akhlak karimah.
- b. bahwa masalah – masalah seperti tersebut di atas perlu dikaji dan dipelajari secara mendalam oleh yang berwenang untuk itu.
- c. bahwa yang berwenang untuk itu adalah MPU, karena tupoksi MPU adalah:
  1. Menetapkan fatwa/hukum syariat Islam;
  2. Memberikan penyuluhan syariat kepada masyarakat;
  3. Memberikan pertimbangan, bimbingan dan saran kepada eksekutif, Legislatif dan Yudikatif dalam menentukan kebijakan daerah, terutama bidang pemerintahan, pembangunan, kemasyarakatan dan tatanan ekonomi yang islami;
  4. memantau pelaksanaan kebijakan daerah agar berjalan sesuai dengan tuntunan syariat Islam.
- d. bahwa sehubungan dengan pertimbangan sebagai dimaksud dalam huruf a, b dan c perlu ditetapkan dalam bentuk fatwa hukum Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

**MENGINGAT:**

1. Al-Qur'anul Karim
2. Al-Hadits
3. Ijmak
4. Qiyas
5. Fatwa MPU Nomor 04 Tahun 2007 Tentang Pedoman Identifikasi Aliran Sesat.

**MEMPERHATIKAN:**

1. Khutbah iftitah disampaikan oleh ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam;
2. Laporan Komisi A (Bidang Aqidah, Syari'ah dan Akhlak);
3. Pikiran – pikiran yang berkembang dalam sidang Dewan Paripurna Ulama tanggal 22 s/d 24 September 2008.

**Dengan bertawakkal kepada Allah dan Persetujuan  
DEWAN PARIPURNA ULAMA MPU  
PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM  
MEMUTUSKAN:**

**MENETAPKAN:**

**Fatwa Tentang “Hukum memperjual-belikan babi/anjing serta memakan harganya adalah haram apalagi digunakan untuk Ongkos Naik Haji (ONH)”**

**Dalilnya:**

1. Al-Quran, antara lain firman Allah SWT dalam surat al-Maidah ayat 3:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أَلْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ  
وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى  
النُّصَبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ۚ ذَٰلِكُمْ فِسْقٌ ۗ الْيَوْمَ يَيسُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ  
دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنَ ۗ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ  
نِعْمَتِي ۗ وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا ۗ فَمَنْ أَضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ

فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣﴾

## 2. Hadits.

### a. Hadits Riwayat al-Jama'ah.

إِنَّ اللَّهَ حَرَّمَ بَيْعَ الْحَمْرِ وَالْمَيْتَةِ وَالْحِنْزِيرِ وَالْأَصْنَامِ فَقِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ شُحُومَ الْمَيْتَةِ فَإِنَّهُ يُطْلَى بِهَا السُّنْفُ وَيُدْهَنُ بِهَا الْجُلُودُ وَيَسْتَصْبِحُ بِهَا النَّاسُ فَقَالَ لَا هُوَ حَرَامٌ ثُمَّ قَالَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ ذَلِكَ قَاتَلَ اللَّهُ الْيَهُودَ إِنَّ اللَّهَ لَمَّا حَرَّمَ شُحُومَهَا جَمَلُوهُ ثُمَّ بَاعُوهُ فَأَكَلُوا ثَمَنَهُ (رَوَاهُ الْجَمَاعَةُ).

### b. Hadits Riwayat Imam Malik.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ ثَمَنِ الْكَلْبِ وَمَهْرِ الْبَغِيِّ وَخُلُوانِ الْكَاهِنِ يَعْنِي بِمَهْرِ الْبَغِيِّ مَا تُعْطَاهُ الْمَرْأَةُ عَلَى الزَّانَا وَخُلُوانِ الْكَاهِنِ رَشْوَتُهُ وَمَا يُعْطَى عَلَى أَنْ يَتَكَهَّنَ (رواه مالك عن أبي مسعود الأنصاري)

### c. Hadits Riwayat Bukhari.

حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ رَأَيْتُ أَبِي اشْتَرَى عَبْدًا حَجَّامًا فَسَأَلْتُهُ فَقَالَ نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ثَمَنِ الْكَلْبِ وَثَمَنِ الدِّمِّ وَنَهَى عَنْ الْوَأْشِمَةِ وَالْمَوْشُومَةِ وَآكِلِ الرَّبَا وَمُوكِلِهِ وَلَعَنَ الْمُصَوِّرَ (رواه البخاري عن عَن عَوْنِ بْنِ أَبِي جُحَيْفَةَ)

## 3. Pendapat Ulama, antara lain dalam kitab Al-Um jilid 6, halaman 155, disebutkan harga babi dan anjing haram bagi kita, meskipun boleh bagi orang-orang nonmuslim.

Ditetapkan di : Banda Aceh  
Banda Aceh, 23 Ramadhan 1429 H  
23 September 2008

PIMPINAN  
MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH  
K e t u a,  
D.T.O  
Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA

Wakil Ketua, D.T.O Drs. Tgk. H. Ismail Yacob	Wakil Ketua, D.T.O Tgk. H. M. Daud Zamzamy
Wakil Ketua, D.T.O Drs. Tgk. H. Gazali Mohd. Syam	

## b) Analisis

Dalam mengeluarkan fatwa ini MPU Aceh menggunakan al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas sebagai sumber hukum. Namun kesemua sumber hukum itu hanya disebutkan namanya sahaja tanpa memperincikannya, sepertimana yang terlihat pada tahap “mengingat” yang terdapat pada teks fatwa tersebut. Keadaan ini pastinya menimbulkan persoalan bagi pembaca jika tidak disertakan dengan dalil secara terperinci.

Selain menyebutkan sumber hukum secara umum, pada tahap “menetapkan” iaitu setelah dikemukakan isi fatwa juga disebutkan dalil secara terperinci. Dalil-dalil tersebut ialah:

- i. Ayat al-Quran yang terdapat dalam surah al-Mā'idah ayat 3. Dalil tersebut memperkatakan dengan jelas tentang hukum memakan daging babi.
- ii. Selain al-Quran, MPU Aceh juga menggunakan beberapa hadis sebagai dalil pada bahagian berikutnya. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Jamā'ah<sup>73</sup> yang memperkatakan tentang hukum jual beli babi.

<sup>73</sup> Al-Bukhārī (2002), *Sahīh Al-Bukhārī*. Bab Bay'u al-Maytah wa al-Asnām, no. hadis 2236; Al-Nawāwī (t.t), *Al-Minhāj*. Bab Tahrīm Bay'u al-Khamr Wa al-Maytah wa al-Khinzīr Wa al-Asnām, no. hadis 1581; Al-Turmuzī (t.t), *Al-Jāmi' al-Sahīh* J.3. Bab Mā Jā'a Fī Bay'i Julūd al-Maytah Wa al-

Seterusnya hadis riwayat Imam Mālik<sup>74</sup> dan hadis riwayat Bukhari<sup>75</sup> yang memperkatakan tentang larangan memakan harga jual beli anjing.

- iii. Akhir sekali MPU Aceh berhujah dengan pendapat ulama yang terdapat dalam kitab *al-Um*. Merujuk kepada pendapat ulama yang dijadikan sebagai sandaran, didapati bahawa pendapat tersebut bersandarkan kepada beberapa hadis, antaranya hadis yang memperkatakan tentang larangan memakan harga penjualan anjing, perintah membunuh anjing dan larangan memelihara anjing kecuali bagi para pemburu atau seumpamanya (Al-Syāfi‘ī, 2001, J.4: 23-27).

Secara umumnya kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai oleh MPU Aceh dalam proses pengeluaran fatwa ini bertepatan dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Perkara ini jelas tatkala MPU Aceh merujuk kepada sumber utama hukum syarak, iaitu al-Quran dan al-sunnah. Malahan pendalilannya dinyatakan dengan jelas menerusi penyebutan surah dan ayat yang digunapakai. Demikian pula al-sunnah, hadis-hadis yang digunapakai disebutkan secara jelas disertakan dengan perawinya. Perkara ini tentunya memberi gambaran yang memuaskan kepada pembaca tentang dalil yang digunapakai untuk mengeluarkan fatwa berkenaan.

Langkah MPU Aceh yang turut merujuk kepada pendapat ulama yang terdapat dalam kitab muktabar juga bertepatan dengan kaedah penggunaan sumber hukum semasa.

---

Asnām no. hadis 1297; Al-Sījastānī (2009), Sunan Abī Dāwūd. J.5. Bab Fī Thaman al-Khamr Wa al-Maytah no. hadis 3486.

<sup>74</sup> Ibn Anas (1985), Al-Muwattā'. J.2. Kitāb al-Buyū', no. hadis 68.

<sup>75</sup> Al-Bukhārī (2002), Sahīh al-Bukhārī. Bab Thaman al-Kalb, no. hadis 2238.

Ia dapat memberi penjelasan tambahan kepada pembaca berkaitan hujjah yang digunapakai dalam memutuskan fatwa berkenaan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga kelemahan dalam penggunaan sumber hukum oleh MPU Aceh dalam memutuskan fatwa berkenaan. Antaranya ialah kaedah penggunaan ijmak dan qiyas hanya sekadar penyebutan namanya sahaja, tanpa dibuktikan dengan penggunaannya secara jelas. Perkara ini tentunya memberi kesan kepada pembaca bahawa MPU Aceh tidak sepenuhnya menggunakan ijmak dan qiyas sebagai sumber hukum dalam memutuskan fatwa berkenaan.

### **c) Kesimpulan**

Secara umumnya kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini selari dengan kaedah sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Ini terbukti dengan menjadikan al-Quran, al-sunnah dan pendapat ulama muktabar sebagai sumber hukum. Penggunaan kedua sumber hukum tersebut diperincikan dengan jelas. Demikian juga penggunaan pendapat ulama dinyatakan dengan jelas. Namun terdapat juga kelemahan tatkala penggunaan ijmak dan qiyas tidak dapat dibuktikan penggunaannya secara jelas.

Seterusnya, kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai untuk mengeluarkan fatwa ini lebih mantap berbanding dengan sumber hukum yang digunapakai pada fatwa yang dianalisis sebelumnya. Dengan demikian, sumber hukum yang digunapakai dalam mengeluarkan fatwa ini ialah al-Quran, al-sunnah, dan pendapat ulama, serta ijmak dan qiyas sekalipun tidak wujud penggunaannya secara jelas.

**4.4.4 Fatwa tentang “Berijtihad bagi yang mampu hukumnya adalah boleh, malah dalam keadaan tertentu hukumnya menjadi wajib”.**

**a) Fatwa**

**F A T W A**  
**MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA**  
**PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM**  
**NOMOR : 03 TAHUN 2008**  
**TENTANG**  
**BEBERAPA MASALAH**  
**AQIDAH, SYARI’AH (FIQH) DAN AKHLAK**

Sidang Dewan Paripurna Ulama (DPU) III ke III Tahun 2008 yang berlangsung di Kantor MPU NAD tanggal 22 s.d 24 September 2008;

**MENIMBANG:**

- a. bahwa telah berkembang di dalam masyarakat Aceh sejumlah masalah dalam bidang Akidah, Syariah (Fiqh) dan Akhlak yang dapat menjurus kepada pendangkalan akidah, karaguan dalam pengamalan syari’ah dan melunturkan nilai-nilai akhlak karimah.
- b. bahwa masalah–masalah seperti tersebut di atas perlu dikaji dan dipelajari secara mendalam oleh yang berwenang untuk itu.
- c. bahwa yang berwenang untuk itu adalah MPU, karena tupoksi MPU adalah:
  1. Menetapkan fatwa/hukum syariat Islam;
  2. Memberikan penyuluhan syariat kepada masyarakat;
  3. Memberikan pertimbangan, bimbingan dan saran kepada eksekutif, Legislatif dan Yudikatif dalam menentukan kebijakan daerah, terutama bidang pemerintahan, pembangunan, kemasyarakatan dan tatanan ekonomi yang islami;
  4. memantau pelaksanaan kebijakan daerah agar berjalan sesuai dengan tuntunan syariat Islam.
- d. bahwa sehubungan dengan pertimbangan sebagai dimaksud dalam huruf a, b dan c perlu ditetapkan dalam bentuk fatwa hukum Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

**MENGINGAT:**

1. Al-Qur'anul Karim
2. Al-Hadits
3. Ijmak
4. Qiyas
5. Fatwa MPU Nomor 04 Tahun 2007 Tentang Pedoman Identifikasi Aliran Sesat.

**MEMPERHATIKAN:**

1. Khutbah iftitah disampaikan oleh ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam;
2. Laporan Komisi A (Bidang Aqidah, Syari'ah dan Akhlak);
3. Pikiran – pikiran yang berkembang dalam sidang Dewan Paripurna Ulama tanggal 22 s/d 24 September 2008.

**Dengan bertawakkal kepada Allah dan Persetujuan  
DEWAN PARIPURNA ULAMA MPU  
PROVINSI NANGGROE ACEH DARUSSALAM  
MEMUTUSKAN:**

**MENETAPKAN:**

**Fatwa Tentang "Berijtihad bagi yang mampu hukumnya adalah boleh, malah dalam keadaan tertentu hukumnya menjadi wajib".**

**Dalilnya:**

**1. Firman Allah S.W.T dalam surat Al-Hasyar ayat 2:**

هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ دِيَارِهِمْ لِأَوَّلِ الْحَشْرِ مَا  
ظَنَّتُمْ أَنْ تَخْرِجُوهُمْ وَظَنُّوا أَنَّهُمْ مَانِعَتُهُمْ حُصُونُهُمْ مِنَ اللَّهِ فَأَتَتْهُمْ  
حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ تَخْرِبُونَ بُيُوتَهُمْ بِأَيْدِيهِمْ  
وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِيَ الْأَبْصَارِ ﴿٢﴾

Disepakati menjadi dalil tentang ada dan perintah melakukan Qiyas bagi orang yang memenuhi syarat (Ulul Abshar). Qiyas adalah salah satu metode berijtihad.

**2. Hadits Riwayat Turmuzi.**

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا أَرَادَ أَنْ يَبْعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ كَيْفَ تَقْضِي إِذَا عَرَضَ لَكَ قَضَاءٌ قَالَ أَقْضِي بِكِتَابِ اللَّهِ قَالَ فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فِي كِتَابِ اللَّهِ قَالَ فَسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَا فِي كِتَابِ اللَّهِ قَالَ أَحْتَهُدُ رَأْيِي وَلَا أَلُو فَضَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدْرَهُ وَقَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ اللَّهِ لِمَا يُرْضِي رَسُولَ اللَّهِ (رواه الترمذي عن عَنْ أَنَسٍ مِنْ أَهْلِ حِمَصَ مِنْ أَصْحَابِ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ)

Hadits ini menunjukkan ada dan sahnya ijtihad orang yang mampu, semisal Mu'adz bin Jabal r.a.

### 3. Pendapat Ulama, antara lain:

Dalam kitab Al-Mahshul jilid 4 halaman 201, disebutkan:

أن الصحابة أجمعوا على أن كل مسألة لا تكون مجمعا عليها فإنه يجوز الاجتهاد فيها

Ditetapkan di : Banda Aceh  
Banda Aceh, 23 Ramadhan 1429 H  
23 September 2008

PIMPINAN  
MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH  
K e t u a,

D.T.O

Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA

Wakil Ketua,  
D.T.O

Drs. Tgk. H. Ismail Yacob

Wakil Ketua,  
D.T.O

Tgk. H. M. Daud Zamzamy

Wakil Ketua,

D.T.O

Drs. Tgk. H. Gazali Mohd. Syam

### b) Analisis

Kaedah penggunaan sumber hukum dalam mengeluarkan fatwa ini sama dengan fatwa nombor 3 tahun 2008 sebelumnya, iaitu menggunakan al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas sebagai sumber hukum yang disebutkan secara umum pada tahap “mengingat” dan mempernyatakan dalil-dalil lain secara terperinci pada tahap “menetapkan” setelah mengemukakan isi fatwa.

Dalil-dalil yang dikemukakan itu ialah surah al-Hasyr ayat 2 yang memperkatakan tentang perintah mengambil pelajaran daripada perkara yang telah berlaku. Seterusnya MPU Aceh memberi ulasan bahawa ayat tersebut disepakati sebagai dalil yang menyuruh untuk melakukan qiyas bagi orang-orang yang memenuhi syarat.

Selain al-Quran, MPU Aceh juga menggunakan sebuah hadis riwayat Turmuzi<sup>76</sup>, yang memperkatakan tentang pengiktirafan (pengakuan) Rasul s.a.w terhadap ijtihad seorang sahabat, iaitu Mu’az bin Jabal tatkala diutus ke Yaman. Seterusnya MPU Aceh menggunakan pendapat ulama yang terdapat dalam kitab al-Maḥṣūl sebagai sandaran. Merujuk kepada pendapat ulama yang terdapat dalam kitab tersebut, mendapati bahawa pendapat tersebut ialah hujah kelompok yang menafikan berlaku ijmak selepas zaman para sahabat r.a, namun pendapat ini tidak menyatakan dalil (Al-Rāzī, t.t, J.4: 201).

Secara umumnya, kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini bersesuaian dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Hal ini dapat dilihat pada langkah MPU Aceh yang merujuk kepada al-Quran dan al-sunnah. Seterusnya,

---

<sup>76</sup> Al-Turmuzi (t.t), Al-Jāmi’ al-Sahīh, J.3. Bab Mā Jā’ā Fī al-Qādī Kaifa Yaqdī, no. hadis 1327.

langkah MPU Aceh merujuk kepada pendapat ulama muktabar juga bersesuaian dengan kaedah penggunaan sumber hukum zaman sekarang. Namun tatkala pendapat ulama tersebut yang dijadikan sebagai hujjah tidak disokong oleh dalil, maka hal ini menjadi satu kelemahan dalam penggunaan sumber hukum. Sewajarnya setiap pendapat ulama mestilah disokong oleh mana-mana dalil untuk dijadikan sebagai hujjah.

Selain itu, pada ulasan MPU Aceh berkaitan maksud surah al-Hasyr ayat 2, dapat difahami bahawa ijmak ulama membolehkan amalan berijtihad dengan melakukan qiyas. Secara tidak langsung di sini MPU Aceh juga turut merujuk kepada ijmak dan qiyas sebagai sumber hukum. Hal ini juga bersesuaian dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sepanjang perundangan Islam.

### **c) Kesimpulan**

Secara umumnya kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini selari dengan kaedah sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Ini terbukti dengan menjadikan al-Quran, al-sunnah dan pendapat ulama muktabar sebagai sumber hukum. Penggunaan kedua sumber hukum tersebut diperincikan dengan jelas. Demikian juga penggunaan pendapat ulama dinyatakan dengan jelas. Penggunaan ijmak dan qiyas pula disebutkan pada ulasan terhadap maksud ayat al-Quran yang digunapakai sebagai dalil. Namun sedikit kelemahan tatkala MPU Aceh tidak menyatakan sumber ijmak.

Seterusnya, kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai untuk mengeluarkan fatwa ini lebih mantap berbanding dengan sumber hukum yang

digunapakai pada fatwa yang dianalisis sebelumnya. Dengan demikian, sumber hukum yang digunapakai dalam mengeluarkan fatwa ini ialah al-Quran, al-sunnah, dan pendapat ulama, serta ijmak dan qiyas sekalipun tidak wujud penggunaannya secara terperinci.

#### **4.4.5 Fatwa tentang “Titi Sirathal Mustaqim tidak ada”**

##### **a) Fatwa**

<p style="text-align: center;"><b>KEPUTUSAN</b> <b>MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH</b> <b>NOMOR : 06 TAHUN 2009</b> <b>FATWA</b> <b>TENTANG</b> <b>PEMAHAMAN BID’AH DAN SYUBHAT</b> <b>MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA</b></p> <p><b>MENIMBANG :</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>a. bahwa telah berkembang di dalam masyarakat Aceh sejumlah masalah yang dapat menjurus kepada penyelewengan aqidah, keraguan dalam pengamalan syari’ah dan melunturkan nilai-nilai akhlakul karimah;</li><li>b. bahwa masalah-masalah seperti tersebut di atas perlu dikaji dan dipelajari secara mendalam oleh yang berwenang untuk itu;</li><li>c. bahwa yang berwenang untuk itu adalah MPU, sebagaimana amanat UUPA Nomor 11 Tahun 2006 Tentang Pemerintahan Aceh dan Qanun No 2 Tahun 2009 Tentang MPU Aceh;</li><li>d. bahwa oleh karena maksud dalam huruf a, b dan c, Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh memandang perlu menetapkan fatwa hukum mengenai sejumlah masalah tersebut.</li></ol> <p><b>MENINGGAT :</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Al-Qur’anul Karim</li><li>2. Al-Hadits</li><li>3. Ijmak</li><li>4. Qiyas</li><li>5. Fatwa MPU Nomor 04 Tahun 2007 Tentang Pedoman Identifikasi Aliran Sesat.</li></ol> <p><b>MEMPERHATIKAN :</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Khutbah iftitah yang disampaikan oleh ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh;</li><li>2. Laporan Komisi A (Bidang Fatwa, Kajian Qanun dan Perundang-</li></ol>
--

- Undangan);
3. Pikiran-pikiran yang berkembang dalam sidang Dewan Paripurna Ulama tanggal 28 s/d 30 Oktober 2009.

**Dengan  
bertawakkal kepada Allah SWT dan Persetujuan  
DEWAN PARIPURNA ULAMA MPU ACEH**

**MEMUTUSKAN :**

**MENETAPKAN :**

**Fatwa tentang “Titi Sirathal Mustaqim tidak ada” adalah:**

**a. Hukum : sesat dan menyesatkan**

**b. Dalil :**

**1. Al-Qur’an.**

**a. Surat Yaasiin ayat 66.**

﴿٦٦﴾ وَلَوْ نَشَاءُ لَطَمَسْنَا عَلَىٰ أَعْيُنِهِمْ فَاسْتَبَقُوا الصِّرَاطَ فَأَنَّىٰ يُبْصِرُونَ

*Artinya:*

*Dan jikalau kami menghendaki pastilah kami hapuskan penglihatan mata mereka; lalu mereka berlomba-lomba (mencari) jalan, maka betapakah mereka dapat melihat(nya).*

**b. Surat Maryam ayat 71-72.**

﴿٧١﴾ وَإِن مِّنكُمْ إِلَّا وَارِدُهَا كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ حَتْمًا مَّقْضِيًّا ﴿٧٢﴾ ثُمَّ نُنَجِّي الَّذِينَ اتَّقَوْا وَنَذَرُ الظَّالِمِينَ فِيهَا جِثِيًّا ﴿٧٢﴾

*Artinya :*

*Dan tidak ada seorangpun dari padamu, melainkan mendatangi neraka itu. hal itu bagi Tuhanmu adalah suatu kemestian yang sudah ditetapkan. kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertakwa dan membiarkan orang-orang yang zalim di dalam neraka dalam Keadaan berlutut.*

**2. Hadits.**

Hadits Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh Bukhari.

عن أبي هريرة أن الناس قالوا : يا رسول الله ! هل نرى ربنا يوم القيامة فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم ... فإذا جاءنا ربنا عرفناه فيأتيهم الله في صورته التي يعرفون فيقول أنا ربكم فيقولون أنت ربنا فيتبعونه ويضرب الصراط بين ظهري جهنم فأكون أنا وأمتي أول من يجيزها ولا

يتكلم يومئذ إلا الرسل ... رواه البخاري . ( صحيح البخاري : الجزء  
الثامن من صحيفة 288).

### 3. Pendapat Ulama.

Disebutkan dalam kitab Al-Syarqawy ala Al-Hudhudi, halaman 128:

قوله والصراط : هو جسر ممدود على متن جهنم أرق من الشعرة  
وأحد من السيف فهو مثل موسى كما ورد في بعض الأخبار يجوز  
عليه الأولون والآخرين من الأنبياء والملائكة وغيرهم ذاهبين إلى الجنة  
لأن جهنم بين الموقف والجنة فأوله في الموقف وأخره على باب الجنة.

Ditetapkan di Banda Aceh  
Pada Tanggal, 30 Oktober 2009

PIMPINAN  
MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH

K e t u a,

D.T.O

Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA

Wakil Ketua,

D.T.O

Drs. Tgk. H. Ismail Yacob

Wakil Ketua,

D.T.O

Tgk. H. M. Daud Zamzamy

Wakil Ketua,

D.T.O

Drs. Tgk. H. Gazali Mohd. Syam

### b) Analisis

Kaedah penggunaan sumber hukum dalam pengeluaran fatwa ini sama dengan fatwa nombor 3 tahun 2008 sebelumnya<sup>77</sup>, iaitu menyebutkan sumber hukum secara umum pada tahap “mengingat”, serta memperincikannya pada tahap “memutuskan” dan “menetapkan”. Dalil-dalil yang dikemukakan pada tahap “memutuskan” dan “menetapkan” (setelah mengemukakan isi fatwa) ialah ayat-ayat al-Quran yang

<sup>77</sup> Sila rujuk fatwa tersebut.

memperkirakan tentang titi *sirāt al-mustaqīm*, yang semua manusia mesti melaluinya pada hari kiamat, iaitu surah Yāsīn ayat 66 dan surah Maryam ayat 71 hingga 72.

Selain menggunakan al-Quran sebagai sumber hukum, MPU Aceh juga menggunakan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari<sup>78</sup>. Seterusnya satu pendapat ulama juga dijadikan sebagai sandaran dalam mengeluarkan fatwa tersebut, iaitu pendapat yang terdapat dalam kitab karangan Syaikh al-Syarqāwī. Merujuk kepada pendapat ulama yang terdapat dalam kitab tersebut, mendapati bahawa pendapat tersebut juga disandarkan kepada hadis (*al-akhbār*), namun tidak menyebutnya secara terperinci (Al-Syarqāwī, 1338H : 131).

Secara umumnya, kaedah penggunaan sumber hukum dalam mengeluarkan fatwa ini bersesuaian dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Sumber hukum yang dirujuk oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini ialah al-Quran, al-sunnah dan pendapat ulama muktabar. Ayat-ayat al-Quran disebutkan secara terperinci dan jelas. Demikian pula hadis dinyatakan dengan perawinya. Manakala pendapat ulama juga dapat diterima pakai sebagai sumber hukum, kerana ia juga disandarkan kepada hadis. Sumber-sumber hukum yang diguna pakai pada permasalahan ini amat wajar, memandangkan pada permasalahan ini tidak dapat dilakukan ijtihad oleh para ulama, atas dasar perkara ini termasuk dalam perkara-kara *sam'īyyāt*, iaitu perkara-perkara yang hanya dapat dijelaskan sepertimana yang tersebut dalam *nas* wahyu semata-mata.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga kelemahan apabila MPU Aceh tidak merujuk kepada ijmak ulama secara terperinci. Kemungkinan ijmak ulama telah memutuskan

---

<sup>78</sup> Al-Bukhārī (2002), *Sahīh al-Bukhārī*. Bab Wujūhūn Yawmaizin Nāzirah..., no hadis 7437.

perkara ini secara jelas. Kelemahan lainnya ialah memasukkan qiyas sebagai sumber hukum pada permasalahan ini, sekalipun hanya menyebutkan namanya sahaja. Qiyas sewajarnya tidak sesuai untuk diguna pakai pada permasalahan yang tidak dapat dikesan *'illatnya*.

### c) **Kesimpulan**

Secara umumnya kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini sejalan dengan kaedah sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Ini terbukti dengan menjadikan al-Quran, al-sunnah dan pendapat ulama muktabar sebagai sumber hukum. Penggunaan kedua sumber hukum tersebut diperincikan dengan jelas. Demikian juga penggunaan pendapat ulama dinyatakan dengan jelas. Namun sedikit kelemahan wujud pada penggunaan ijmak dan qiyas, iaitu ijmak hanya disebutkan namanya sahaja tanpa merujuknya secara terperinci. Manakala penggunaan qiyas sebagai sumber hukum tidak bertepatan dengan permasalahan ini. Dengan demikian, sumber hukum yang digunapakai dalam mengeluarkan fatwa ini ialah al-Quran, al-sunnah, dan pendapat ulama, serta ijmak dan qiyas sekalipun hanya menyebutkan namanya sahaja.

#### **4.4.6 Fatwa tentang “Ajaran Mengenal Tuhan baru dianggap sah dengan cara memfanakan wujud dan sifat”.**

##### **a) Fatwa**

**KEPUTUSAN**  
**MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH**  
**NOMOR : 06 TAHUN 2009**  
**FATWA**  
**TENTANG**  
**PEMAHAMAN BID'AH DAN SYUBHAT**  
**MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA**

**MENIMBANG :**

- a. bahwa telah berkembang di dalam masyarakat Aceh sejumlah masalah yang dapat menjurus kepada penyelewengan aqidah, keraguan dalam pengamalan syari'ah dan melunturkan nilai-nilai akhlakul karimah;
- b. bahwa masalah-masalah seperti tersebut di atas perlu dikaji dan dipelajari secara mendalam oleh yang berwenang untuk itu;
- c. bahwa yang berwenang untuk itu adalah MPU, sebagaimana amanat UUPA Nomor 11 Tahun 2006 Tentang Pemerintahan Aceh dan Qanun No 2 Tahun 2009 Tentang MPU Aceh;
- d. bahwa oleh karena maksud dalam huruf a, b dan c, Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh memandang perlu menetapkan fatwa hukum mengenai sejumlah masalah tersebut.

**MENGINGAT :**

1. Al-Qur'anul Karim
2. Al-Hadits
3. Ijmak
4. Qiyas
5. Fatwa MPU Nomor 04 Tahun 2007 Tentang Pedoman Identifikasi Aliran Sesat.

**MEMPERHATIKAN :**

1. Khutbah iftitah yang disampaikan oleh ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh;
2. Laporan Komisi A (Bidang Fatwa, Kajian Qanun dan Perundang-Undangan);
3. Pikiran-pikiran yang berkembang dalam sidang Dewan Paripurna Ulama tanggal 28 s/d 30 Oktober 2009.

**Dengan**  
**bertawakkal kepada Allah SWT dan Persetujuan**  
**DEWAN PARIPURNA ULAMA MPU ACEH**

**MEMUTUSKAN :**

**MENETAPKAN :**

**Fatwa tentang "Ajaran Mengenal Tuhan baru dianggap sah dengan cara memfanakan wujud dan sifat" adalah:**

a. Hukum : sesat dan menyesatkan

b. Dalil :

1. Al-Qur'an:

a. Surat Ar-Rahman ayat 27.

وَيَبْقَىٰ وَجْهٌ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾

Artinya:

Dan akan kekalah zat Tuhannu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.

b. Surat Al-A'raf, 143.

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَىٰ لِمِيقَاتِنَا وَكَلَّمَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّ أَرِنِي إِلَيْكَ قَالَ  
لَنْ تَرِنِي وَلَكِنِ أَنْظِرْ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنِ اسْتَفْرَغَ مَكَانَهُ فَسَوْفَ تَرِنِي فَلَمَّا  
جَعَلَىٰ رَبُّهُ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقًا فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ  
سُبْحَانَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٤٣﴾

Artinya :

Dan tatkala Musa datang untuk (munajat dengan Kami) pada waktu yang telah Kami tentukan dan Tuhan telah berfirman (langsung) kepadanya, berkatalah Musa: "Ya Tuhanku, nampakkanlah (diri Engkau) kepadaku agar aku dapat melihat kepada Engkau". Tuhan berfirman: "Kamu sekali-kali tidak sanggup melihat-Ku, tapi lihatlah ke bukit itu, Maka jika ia tetap di tempatnya (sebagai sediakala) niscaya kamu dapat melihat-Ku". tatkala Tuhannya Menampakkan diri kepada gunung itu, dijadikannya gunung itu hancur luluh dan Musa pun jatuh pingsan. Maka setelah Musa Sadar kembali, Dia berkata: "Maha suci Engkau, aku bertaubat kepada Engkau dan aku orang yang pertama-tama beriman".

2. Al-Hadits:

a. Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ الْمُسْنَدِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو رَوْحٍ الْحَرَمِيُّ بْنُ  
عَمَارَةَ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ وَاقِدِ بْنِ مُحَمَّدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبِي يُحَدِّثُ عَنْ  
ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ « أُمِرْتُ أَنْ  
أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ،  
وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ ، وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ ، فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ  
وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ ، وَحَسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ »

**b. Hadist riwayat Muslim, Abu Daud, Turmuzi dan Nasai:**

..... ثُمَّ قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ قَالَ بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- ذَاتَ يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ -صلى الله عليه وسلم- فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فِخْذَيْهِ وَقَالَ يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- « الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتُحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا. قَالَ صَدَقْتَ. قَالَ فَعَجِبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّقُهُ. قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ. قَالَ « أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ ». قَالَ صَدَقْتَ. قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ. قَالَ « أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ ». قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ. قَالَ « مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ ». قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ أَمَارَتِهَا. قَالَ « أَنْ تَلِدَ الْأُمَةُ رَبَّتَهَا وَأَنْ تَرَى الْحَفَاةَ الْعُرَاةَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّيْءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ ». قَالَ ثُمَّ انْطَلَقَ فَلَبِثْتُ مَلِيًّا ثُمَّ قَالَ لِي « يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مِنَ السَّائِلِ ». قُلْتُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ « فَإِنَّهُ جِبْرِيلُ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ ».

**c. Hadis riwayat Ahmad:**

فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَخْبِرْنِي مَا الْإِيمَانُ أَوْ عَنِ الْإِيمَانِ قَالَ « تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنُ بِالْقَدْرِ

Rasulullah memberikan jaminan hidup (terpelihara darah dan harta) dengan mengucap syahadat. Ini menunjukkan ianya diterima sebagai mukmin, adapun iman didalam hati seseorang tak ada yang sanggup menjenguknya kecuali Allah. *Wahisabuhum alallah.*

Mengenal tuhan adalah dengan mengenal sifat-sifatnya yang tecantum dalam al Quran dan kitab-kitab tauhid *mu'tabarrah.*

Tidak ada Nash al-Qur'an, Al-Hadits, Ijmak dan Qiyas yang menjadi rujukan serta bertentangan dengan i'tiqad Ahlussunnah Wal Jama'ah.

Ditetapkan di Banda Aceh  
Pada Tanggal, 30 Oktober 2009

PIMPINAN  
MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH  
K e t u a,

D.T.O

Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA

Wakil Ketua,

Wakil Ketua,

D.T.O

D.T.O

Drs. Tgk. H. Ismail Yacob

Tgk. H. M. Daud Zamzamy

Wakil Ketua,

D.T.O

Drs. Tgk. H. Gazali Mohd. Syam

## b) Analisis

Dalam mengeluarkan fatwa ini MPU Aceh menyebutkan nama-nama sumber hukum secara umum pada tahap “mengingat” sepertimana pada fatwa sebelumnya. Seterusnya pada tahap “memutuskan dan menetapkan” MPU Aceh mengemukakan dalil lain secara terperinci. Dalil-dalil tersebut ialah surah al-Rahmān ayat 27 yang memperkatakan tentang zat Allah S.W.T yang kekal, sedangkan selain-Nya akan musnah. Seterusnya ialah ayat al-Quran yang menceritakan kisah Nabi Musa a.s tatkala ingin melihat tuhannya, iaitu surah al-A'rāf ayat 143.

Selain menggunakan al-Quran sebagai sumber hukum, MPU Aceh juga menggunakan beberapa hadis. Secara umumnya mereka menggunakan hadis yang memperkatakan tentang rukun Iman dan rukun Islam, seperti hadis riwayat

Bukhari/Muslim<sup>79</sup> <sup>80</sup>, hadis riwayat Muslim<sup>81</sup>, hadis riwayat Abu Dāwūd<sup>82</sup>, hadis riwayat Turmuzi/Nasai<sup>83</sup>, dan akhir sekali ialah hadis riwayat Aḥmad<sup>84</sup>.

Seterusnya MPU Aceh berhujah bahawa tidak terdapat dalil sama ada daripada al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas sebagai sandaran bagi ajaran tersebut dan ia bertentangan dengan iktikad *Ahlu al-Sunnat wa al-Jamā'at*.

Secara umumnya, kaedah penggunaan sumber hukum dalam mengeluarkan fatwa ini bersesuaian dengan kaedah yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Hal ini jelas apabila MPU Aceh menggunakan ayat al-Quran dan hadis sebagai dalil utama dalam permasalahan ini. Namun kelemahan wujud pada penggunaan ijmak dan qiyas. Kedua sumber hukum tersebut tidak dinyatakan secara terperinci penggunaannya, hanya sekadar menyebut nama saja secara umum. Sekali lagi perkara ini memberi kesan kepada pembaca bahwa MPU Aceh tidak sungguh-sungguh dalam menggunakan kedua sumber hukum tersebut. Malah timbul persoalan apa tujuan sebenarnya kedua sumber hukum tersebut disebutkan bersama-sama dengan al-Quran dan hadis, sedangkan penggunaannya tidak wujud secara jelas.

### c) Kesimpulan

Secara umumnya kaedah penggunaan sumber hukum yang digunakan oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini sejalan dengan kaedah penggunaan sumber

---

<sup>79</sup> Al-Bukhārī (2002), *Sahīh al-Bukhārī*. Bab Fa'in Tābū Wa Aqāmu al-Salāh Wa Ātū al-Zakāh Fa Khallū Sabīlahum, no. hadis 25.

<sup>80</sup> Al-Nawāwī (t.t), *Al-Minhāj*. Bab al-Amr bi qitāl al-Nās Hatta Yaqūlu Lā ilāha Illallāhu, no.hadis 22

<sup>81</sup> Al-Nawāwī (t.t), *Al-Minhāj*. Bab Bayān al-Īmān wa al-Islām wa al-Ihsān, no hadis 8.

<sup>82</sup> Al-Sijastānī (2009), *Sunan Abī Dāwūd*. J.7. Bab Fī al-Qadar, no hadis 4695.

<sup>83</sup> Al-Nasā'ī (t.t), *Sunan al-Nasā'ī*. Bab Na'tu al-Īslām, no hadis 4990.

<sup>84</sup> Ibn Hanbal (1998), *Musnad Imam Ahmad*. *Musnad al-Khulafā' al-Rāsyidīn - Musnad Umar al-Khattāb*, no. hadis 374.

hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Ini terbukti dengan menjadikan al-Quran dan al-sunnah sebagai sumber hukum utama. Penggunaan kedua sumber hukum tersebut diperincikan dengan jelas. Namun sedikit kelemahan wujud pada penggunaan ijmak dan qiyas, iaitu hanya menyebutkan namanya sahaja. Dengan demikian, sumber hukum yang digunapakai dalam mengeluarkan fatwa ini ialah al-Quran dan al-sunnah, serta ijmak dan qiyas sekalipun tidak wujud penggunaan keduanya secara terperinci.

**4.4.7 Fatwa tentang “Manusia berasal dari Allah”, dengan menggunakan dalil: *إنا لله وإنا إليه راجعون* (Surah Al-Baqarah, ayat 156).**

**a) Fatwa**

<p><b>KEPUTUSAN</b>  <b>MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH</b>  <b>NOMOR : 06 TAHUN 2009</b>  <b>FATWA</b>  <b>TENTANG</b>  <b>PEMAHAMAN BID’AH DAN SYUBHAT</b>  <b>MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA</b></p> <p><b>MENIMBANG :</b></p> <p>a. bahwa telah berkembang di dalam masyarakat Aceh sejumlah masalah yang dapat menjurus kepada penyelewengan aqidah, keraguan dalam pengamalan syari’ah dan melunturkan nilai-nilai akhlakul karimah;</p> <p>b. bahwa masalah–masalah seperti tersebut di atas perlu dikaji dan dipelajari secara mendalam oleh yang berwenang untuk itu;</p> <p>c. bahwa yang berwenang untuk itu adalah MPU, sebagaimana amanat UUPA Nomor 11 Tahun 2006 Tentang Pemerintahan Aceh dan Qanun No 2 Tahun 2009 Tentang MPU Aceh;</p> <p>d. bahwa oleh karena maksud dalam huruf a, b dan c, Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh memandang perlu menetapkan fatwa hukum mengenai sejumlah masalah tersebut.</p> <p><b>MENINGAT :</b></p> <p>1. Al-Qur’anul Karim  2. Al-Hadits  3. Ijmak  4. Qiyas</p>
---

5. Fatwa MPU Nomor 04 Tahun 2007 Tentang Pedoman Identifikasi Aliran Sesat.

**MEMPERHATIKAN :**

1. Khutbah iftitah yang disampaikan oleh ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh;
2. Laporan Komisi A (Bidang Fatwa, Kajian Qanun dan Perundang-Undangan);
3. Pikiran-pikiran yang berkembang dalam sidang Dewan Paripurna Ulama tanggal 28 s/d 30 Oktober 2009.

**Dengan  
bertawakkal kepada Allah SWT dan Persetujuan  
DEWAN PARIPURNA ULAMA MPU ACEH**

**MEMUTUSKAN :**

**MENETAPKAN :**

**Fatwa Tentang Ungkapan “Manusia berasal dari Allah” dengan menggunakan dalil (Al-Baqarah : 156) *إنا لله وإنا إليه راجعون* adalah:**

**a. Hukum : sesat dan menyesatkan**

**b. Dalil :**

**A. Penafsiran yang mu'tabar:**

**a. Tafsir Al-Maraghy:**

" إنا لله " إقرار بالعبودية والملك dan " وإنا إليه راجعون " إقرار بالفناء والبعث من القبور.

**b. Tafsir Ibnu Katsir:**

قال: { الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ } أي: تسلّوا بقولهم هذا عما أصابهم، وعلموا أنّهم ملك لله يتصرف في عبيده بما يشاء، وعلموا أنه لا يضيع لديه مثقال ذرّة يوم القيامة، فأحدث لهم ذلك اعترافهم بأنهم عبيده، وأنهم إليه راجعون في الدار الآخرة.

**c. Tafsir Fathul Qadir:**

وقوله : { إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ } فيه بيان أن هذه الكلمات ملجأ للمصابين ، وعصمة للممتحنين ، فإنها جامعة بين الإقرار

بالعبودية لله ، والاعتراف بالبعث ، والنشور.

**d. Tafsir Al-Khazin:**

{ الذين إذا أصابتهم مصيبة { أي نائبة وابتلاء { قالوا إنا لله { أي  
عبيداً وملكاً { وإنا إليه راجعون { يعني في الآخرة.

**e. Tafsir Al-Jalalain:**

{ الذين إذا أصابتهم مُصِيبَةٌ { بلاء { قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ { ملكاً وعبيداً  
يفعل بنا ما يشاء { وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ { في الآخرة فيجازينا

Dari tafsir-tafsir diatas jelaslah bahwa penafsiran surat al-Baqarah; 156 adalah ikrar kita sebagai miliknya dan kepadanya kita dikembalikan pada suatu saat untuk diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang telah kita kerjakan, bukan menyatakan kita bahagian dari zatnya.

**B. Al-Qur'an:**

**a. Surat An-Nisa ayat 1.**

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا  
زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً<sup>١</sup> وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ  
وَالْأَرْحَامَ<sup>٢</sup> إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

*Artinya:*

*Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu.*

**b. Surat Al-Mukminum ayat 16.**

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبْعَثُونَ ﴿١٦﴾

*Artinya:*

*Kemudian, sesungguhnya kamu sekalian akan dibangkitkan*

(dari kuburmu) di hari kiamat.

**c. Surat As-Sajadah ayat 7-9.**

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقَهُ ۖ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنسَانِ مِن طِينٍ ﴿٧﴾ ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُ مِن سُلَالَةٍ مِّن مَّاءٍ مَّهِينٍ ﴿٨﴾ ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِ ۗ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ ۗ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٩﴾

Artinya:

Yang membuat segala sesuatu yang Dia ciptakan sebaik-baiknya dan yang memulai penciptaan manusia dari tanah, kemudian Dia menjadikan keturunannya dari saripati air yang hina, kemudian Dia menyempurnakan dan meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan)-Nya dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati; (tetapi) kamu sedikit sekali bersyukur.

**d. Surat Ali-'Imran ayat 59-60**

إِن مِّثْلَ عَيْسَىٰ عِندَ اللَّهِ كَمِثْلِ ءَادَمَ ۗ خَلَقَهُ ۖ مِن تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ كُن فَيَكُونُ ﴿٥٩﴾ ۗ الْحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَلَا تَكُن مِّنَ الْمُمْتَرِينَ ﴿٦٠﴾

Artinya :

Sesungguhnya misal (penciptaan) Isa di sisi Allah, adalah seperti (penciptaan) Adam. Allah menciptakan Adam dari tanah, kemudian Allah berfirman kepadanya: "Jadilah" (seorang manusia), Maka jadilah Dia. (apa yang telah Kami ceritakan itu), Itulah yang benar, yang datang dari Tuhanmu, karena itu janganlah kamu Termasuk orang-orang yang ragu-ragu.

**e. Surat Al-Isra' ayat 17.**

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ ۗ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٧﴾

Artinya :

Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakanlah: "Roh itu Termasuk urusan Tuhan-ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit".

**f. Surat Al- Hajj ayat 5**

مَا تَسْبِقُ مِنْ أُمَّةٍ أَجْلَهَا وَمَا يَسْتَجِرُونَ ﴿٥﴾

Artinya:

Tidak ada suatu umatpun yang dapat mendahului ajalnya, dan tidak (pula) dapat mengundurkan (Nya).

Ayat-ayat diatas selain menunjukkan bahwa manusia terdiri dari 2 unsur: tubuh kasar dari tanah dan tubuh halus yaitu roh. Dan roh tersebut urusan Allah swt' tidak ada seorang pun yang tau dari apa roh itu diciptakan juga sebagai pengakuan kita yang menghambakan diri kepada Allah swt dan menyatakan diri kita adalah milik Allah swt. Dan juga menyatakan bahwa kita ini semuanya akan fana dan sebagai pengakuan akan bangkit dari kubur.

Ditetapkan di Banda Aceh  
Pada Tanggal, 30 Oktober 2009

PIMPINAN  
MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH  
K e t u a,

D.T.O

Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA

Wakil Ketua,

Wakil Ketua,

D.T.O

D.T.O

Drs. Tgk. H. Ismail Yacob

Tgk. H. M. Daud Zamzamy

Wakil Ketua,

D.T.O

Drs. Tgk. H. Gazali Mohd. Syam

## b) Analisis

Dalam mengeluarkan fatwa di atas MPU Aceh menggunakan beberapa penafsiran al-Quran yang muktabar sebagai sumber hukum. Antara penafsiran yang digunakan ialah Tafsīr Al-Marāghī (1946), Tafsīr Al-Qurān al-‘Azīm (1999), Tafsīr Fath al-Qadīr (1994), Tafsīr Al-Khāzin (t.t.) dan Tafsīr Al-Imāmain Al-Jalālain (t.t). Merujuk kepada pendapat *mufasssirin* dalam menafsirkan ayat 156 surah al-Baqarah tersebut, mendapati mereka menyebutkan hadis-hadis Rasul s.a.w yang berkaitan dengan ayat tersebut sebelum mengemukakan penafsiran mereka (Al-Marāghī, 1946. J.2: 25; Al-Dimasyqī, 1999. J.1: 467-468; Al-Syawkānī, 1994. J.1: 298; Al-Khāzin,

t.t. J.1: 104; Al-Jalālain t.t: 24). Ini bermakna penafsiran tersebut tidak lepas daripada bersandarkan kepada dalil, iaitu hadis Rasul s.a.w.

Seterusnya MPU Aceh menggunakan beberapa ayat al-Quran. Secara umum ayat-ayat al-Quran yang digunakan ialah ayat-ayat yang memperkatakan tentang penciptaan manusia, seperti surah al-Nisā' ayat 1, surah al-Sajdah ayat 7 hingga 9 dan surah Āli 'Imrān ayat 59 hingga 60. Selain itu MPU Aceh juga menggunakan ayat-ayat al-Quran yang memperkatakan tentang kebangkitan manusia pada hari kiamat, seperti surah al-Mu'minūn ayat 16. Manakala Ayat al-Quran yang memperkatakan tentang roh juga dijadikan sebagai dalil, iaitu surah al-Isrā' ayat 17. Akhir sekali menggunakan ayat al-Quran yang memperkatakan tentang ketentuan ajal manusia, iaitu surah al-Hajj ayat 5.

MPU Aceh mendahulukan merujuk kepada beberapa kitab tafsir bertujuan untuk mempernyatakan pendapat *mufasssirīn* berkaitan maksud ayat 156 daripada surah al-Baqarah tersebut. Hal ini juga bertujuan untuk membantah pemahaman ungkapan bahawa “manusia berasal dari Allah”. Langkah ini sewajarnya tidak menyalahi kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Kerana dalam memahami maksud sebenar daripada ayat-ayat al-Quran mestilah merujuk kepada kitab-kitab tafsir muktabar. Manakala penggunaan beberapa ayat al-Quran sebagai dalil adalah selari dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Kerana al-Quran merupakan sumber hukum utama dalam Islam. Namun kelemahan wujud ketika al-sunnah (hadis), ijmak dan qiyas turut disebutkan namanya sahaja, tanpa menyatakan penggunaan keduanya

secara terperinci. Perkara ini menimbulkan persoalan sepertimana yang dikemukakan pada analisis fatwa sebelumnya.

### c) **Kesimpulan**

Secara umumnya kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini sejalan dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Ini terbukti dengan menjadikan al-Quran sebagai sumber hukum utama. Penggunaannya diperincikan dengan jelas. Manakala penggunaan pendapat *mufassirīn* juga tidak menyalahi kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sepanjang sejarah perundangan Islam. Namun sedikit kelemahan wujud pada penggunaan al-sunnah, ijmak dan qiyas. Al-sunnah, ijmak dan qiyas hanya disebutkan namanya sahaja. Dengan demikian, sumber hukum yang digunapakai dalam mengeluarkan fatwa ini ialah al-Quran, al-sunnah dan pendapat ulama, serta ijmak dan qiyas sekalipun tidak wujud penggunaan keduanya secara jelas.

#### 4.4.8 **Fatwa Tentang Nikah Siri**

##### a) **Fatwa**

<p style="text-align: center;"><b>F A T W A</b> <b>MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH</b> <b>NOMOR : 01 TAHUN 2010</b> <b>TENTANG</b> <b>NIKAH SIRI</b></p> <p style="text-align: center;"></p> <p>Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh, dalam Sidang Paripurna I, pada 5-7 Jumadil Akhir 1431 H / 19-21 Mei 2010 M, setelah:</p> <p><b>MENIMBANG:</b></p>
---

- a. bahwa akhir-akhir ini banyak praktek nikah siri dan semakin gencarnya pembicaraan tentang rancangan aturan yang mengenakan sanksi kepada pelaku nikah siri;
- b. bahwa hal tersebut telah meresahkan masyarakat karena belum ada kepastian hukum syari'at tentang itu;
- c. bahwa untuk itu, MPU memandang perlu menetapkan fatwa tentang hukum nikah siri.

**MENINGAT:**

**1. Firman Allah S.W.T, antara lain:**

**a. Surat An-Nisa ayat 21.**

وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنْكُمْ مِيثَاقًا

غَلِيظًا ﴿٢١﴾

Artinya:

*Bagaimana kamu akan mengambilnya kembali, padahal sebagian kamu telah bergaul (bercampur) dengan yang lain sebagai suami-isteri, dan mereka (isteri-isterimu) telah mengambil dari kamu perjanjian yang kuat.*

Disini Allah SWT menyifatkan aqad nikah sebagai *mitsaqan ghalizhan*: dengan makna:

إن النساء أخذن عهداً موثقاً على الرجال عند الزواج بمن أن يعاشروهن بالمعروف. ومع أن الأخذ لهذا العهد في الحقيقة هو الله إلا أنه سبحانه نسبه إلى النساء للمبالغة في المحافظة على حقوقهن حتى جعلهن الله كأنهن الآخذات لهذا العهد

Atas dasar ini pula, dokumen perjanjian-perjanjian besar dalam bahasa Arab diistilahkan dengan *watsiiqah*, seperti: الزواج عقد وثيقة:

**b. Surat An-Nisa' ayat 59.**

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن

تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Artinya:

*Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan ulil amri di antara kamu, kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian, yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.*

Termasuk ke dalam Ulil Amri adalah umara, yang dalam pengertian modern termasuk DPR-RI, DPRA dan Pemerintah.

**c. Surat Ar-Rum ayat 21.**

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Artinya:

*Dan diantara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.*

*Mawaddah dan rahmat adalah tujuan utama dari perkawinan dan kedua keadaan tersebut sangat sulit terwujud bila satu sama lain tidak diikat dengan ikatan termasuk ikatan yang tertulis sehingga menjadi alat bukti di Peradilan.*

**d. Surat Al-Baqarah ayat 279.**

فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

Artinya :

*Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), maka ketahuilah, bahwa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu, dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya.*

Untuk lebih terjamin tidak terjadinya kedhaliman dalam kehidupan termasuk kehidupan rumah tangga perlu adanya perikatan yang dapat dijadikan alat bukti di Peradilan.

**2. Hadits Nabi S.A.W, antara lain:**

**a. Hadits Riwayat Dar al-Quthni:**

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا نِكَاحَ إِلَّا بِوَلِيٍِّ وَشَاهِدَيْنِ عَدْلٍ (رواه الدارقطني)

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَا بُدَّ فِي النِّكَاحِ مِنْ أَرْبَعَةٍ: زَوْجٍ ، وَوَلِيِّ ، وَشَاهِدَيْنِ عَدْلٍ (رواه الدارقطني)

Hadits ini menjelaskan bahwa dalam suatu pernikahan harus ada calon suami, wali, dua saksi yang adil. Ini kurang lengkap, karena ulama telah Ijmak, dalam suatu aqad, disamping unsur-unsur tersebut mesti ada (ijab dan qabul).

**b. Hadits Riwayat Imam Ahmad dan Tirmizi :**

عن عائشة رضى الله عنهما أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: أَعْلِنُوا هَذَا النِّكَاحَ وَاضْرِبُوا عَلَيْهِ بِالذُّقُوفِ (رواه احمد والترمذى وحسنه)

Di dalam hadits ini Rasulullah saw memerintahkan untuk mengumumkan pernikahan dan memukul rebana, yang berarti melarang nikah sembunyi-sembunyi (siri).

**c. Hadits Riwayat Imam Malik.**

عن أبي الزبير المكي قال: أن عمر بن الخطاب أتى بنكاح لم يشهد عليه إلا رجل وامرأة. فقال: هذا نكاح السر، ولا أجزئه، ولو كنت تقدمت فيه لرجمت. (رواه مالك في الموطأ).

Dalam riwayat ini, dijelaskan, nikah yang hanya disaksikan oleh saksi seorang laki laki dan seorang perempuan adalah tidak memenuhi persyaratan saksi. Ini juga termasuk salah satu bentuk nikah siri, yang kalau dihadiri Umar bin Khaththab pasti beliau akan merajamnya.

**d. Hadits Riwayat Ibn Majah.**

أن النبي صلى الله عليه وسلم كان يكره نكاح السر حتى يضرب بدف ويقال: أتيناكم أتيناكم فحيناً نحييكم (رواه ابن ماجه)

Hadits ini menjelaskan bahwa Rasulullah saw membenci nikah siri, sehingga beliau menyarankan untuk dipukul duf dan menyanyi: Atainaakum, atainaakum, fahayyinaa nuhayyikum.

**e. Hadits Riwayat Ibnu Majah**

حدثنا عبد ربه خالد الدالميري أبو المغلس حدثنا فضيل بن سليمان حدثنا موسى بن عقبة حدثنا اسحاق بن يحيى بن الوليد عن عبادة بن الصامت أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قضى أن لا ضرر ولا ضرار (رواه ابن ماجه)

Hadits ini melarang seseorang berlaku aniaya terhadap atau dianiaya oleh orang lain. Untuk lebih terjaminnya tidak terjadinya penganiyaan.

### 3. Kaidah Fiqh, antara lain :

#### a. الضر يزال

Perlakuan sebagian besar suami yang melangsungkan nikah siri dapat menyusahkan atau memudharat isteri dan anak. Seandainya, tidak ada dalil dalil lain yang menyuruh catat dan permaklumkan aqad nikah, kaidah fiqhiyyah di atas pun sudah cukup adanya.

#### b. Menutup jalan menuju kepada larangan (سد الذريعة)

Untuk menutup jalan kepada kejahatan seperti tidak membayar nafkah tidak membiayai pendidikan anak dan sebagainya itulah sebetulnya perlu adanya pencatatan nikah.

### 4. Peraturan Perundang-undangan:

- a. Undang-Undang Nomor 1 Tahun 1974, tentang Perkawinan.
- b. Undang-undang Nomor 23 Tahun 2006 tentang Administrasi Kependudukan.
- c. Kompilasi Hukum Islam.

### MEMPERHATIKAN:

#### 2. Pendapat para ulama; antara lain :

- a. Lembaga Fatwa Al-Azhar Kairo memperhatikan Akte Nikah dalam berfatwa.
- b. Mufti Negara Mesir dalam melandaskan fatwanya kepada Akte Nikah.

#### 2. Kenyataan yang terjadi di tengah-tengah masyarakat, sebagai akibat negatif dari nikah yang tidak tercatat (siri), antara lain:

- b. Secara hukum isteri tidak di layani oleh pengadilan Agama karena tidak mempunyai bukti atas tuntutan nafkah bila ditelantarkan, tidak berhak atas warisan bila meninggal, tidak berhak atas harta bersama (gonogini), tidak berhak atas nafkah dalam iddah dan tidak berhak atas mut'ah bila terjadi perceraian.
- c. Anak-anak juga, secara hukum menerima akibat/kerugian yang

banyak, antara lain: tidak mempunyai bukti untuk menuntut hak mencatumkan nama ayah dibelakang namanya, ayahnya tidak dapat menjadi wali nikah; tidak dapat menuntut nafkah, bila ayahnya lalai; tidak dapat menerima warisan, bila ayahnya meninggal; karena ayahnya tidak diakui menurut hukum; dan hubungan kekerabatan hanyalah ke pihak ibu, karena tidak ada bukti tertulis seperti akte nikah.

**3. Pendapat dan pikiran yang berkembang dalam sidang Komisi Fatwa tanggal 28 April 2010, setelah membaca:**

- a. Makalah Nikah Siri (Dalam Pandangan Syariat Islam) Oleh Tgk. H. Muslim Ibrahim Ketua MPU Aceh.
- b. Tahkim dan Tauliyah oleh Tgk.H.M. Daud Zamzamy Wakil Ketua MPU Aceh.
- c. Nikah Siri (Tinjauan dari Segi Hukum dan Perundang-undangan serta Realita dalam Masyarakat) oleh Drs. Idris Mahmudy, SH, MH Ketua Mahkamah Syar'iyah Aceh

**4. Pendapat dan pikiran yang berkembang dalam Sidang Dewan Paripurna I tahun 2010, yang berlangsung di Banda Aceh, dari tanggal 19 sd 21 Mei 2010.**

**Dengan bertawakkal kepada Allah SWT**

**MEMUTUSKAN**

**MENETAPKAN: FATWA TENTANG HUKUM NIKAH SIRI**

- PERTAMA** : Nikah Siri adalah nikah yang dilaksanakan bukan dihadapan petugas pencatat nikah dan tidak didaftar pada Kantor Urusan Agama Kecamatan atau instansi lain yang sah.
- KEDUA** : Dalam pandangan Syara', nikah siri tersebut ada yang sah dan ada yang tidak sah;
- a. Nikah Siri yang sah adalah Nikah Siri yang lengkap rukun dan syarat-syaratnya;
  - b. Nikah Siri yang tidak sah adalah nikah siri yang tidak sempurna rukun dan syarat syaratnya.
- KETIGA** : a. Pencatatan nikah bukan rukun dan syarat sah nikah.  
b. Akad nikah siri yang sah wajib dilapor oleh mempelai (suami/isteri) untuk dicatat dan petugas pencatat nikah wajib mencatatnya.  
c. Pencatatan nikah siri yang sah dapat dilakukan setelah akad nikah dalam batas waktu tidak ditentukan dan kepada petugas pencatat wajib mempermudah pelaksanaannya.

d. Para pelaku nikah siri yang tidak sah perlu dikenakan sanksi.

Ditetapkan di : Banda Aceh  
Pada tanggal : 7 Jumadil Akhir 1431 H  
21 Mei 2010 M

PIMPINAN  
MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH

K e t u a,  
D.T.O  
Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA

Wakil Ketua, D.T.O Drs. Tgk. H. Ismail Yacob	Wakil Ketua, D.T.O Tgk.H. M. Daud Zamzamy
--	---

Wakil Ketua,  
D.T.O  
Drs. Tgk. H. Gazali Mohd. Syam

## b) Analisis

Dalam mengeluarkan fatwa ini, MPU Aceh menggunakan al-Quran sebagai sumber hukum. Ayat-ayat al-Quran yang digunakan ialah surah al-Nisā' ayat 21 yang menyatakan tentang akad nikah sebagai suatu perjanjian yang kuat. Seterusnya surah al-Nisā' ayat 29 yang menyeru orang-orang beriman untuk mentaati Allah dan Rasul-Nya serta para *ulī al-amr* dalam kalangan mereka sendiri. Ayat berikutnya ialah surah al-Rūm ayat 21 yang memperkatakan tentang *mawaddat wa rahmat* merupakan sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T dalam sesebuah ikatan perkahwinan. Seterusnya ialah ayat yang mengemukakan tentang larangan menganiaya dan dianiaya, iaitu surah al-Baqarah ayat 279.

Selain merujuk kepada al-Quran, MPU Aceh juga menggunakan beberapa hadis Rasul s.a.w. Antaranya ialah 2 hadis yang diriwayatkan oleh al-Dār Qutnī<sup>85</sup> dan Ibn Hibbān<sup>86</sup> yang memperkatakan tentang rukun-rukun nikah. Selain itu hadis riwayat Imam Aḥmad dan Turmuzi<sup>87</sup> serta hadis riwayat Ibn Mājah<sup>88</sup> yang menyeru agar mengumumkan sesebuah perkahwinan juga dijadikan sebagai dalil. Manakala hadis riwayat Ibn Mājah<sup>89</sup> yang mengemukakan tentang aniaya turut diguna. Di samping itu, MPU Aceh juga menggunakan *athār* riwayat Imam Malik<sup>90</sup> yang menyatakan bahawa Umar r.a mengingkari nikah tanpa saksi yang cukup.

Selain menggunakan dua sumber hukum tersebut, MPU Aceh juga menempatkan dua *qā'idaṭ al-fiqhiyyat* sebagai sandaran, iaitu kaedah “*al-darar yuzāl*”<sup>91</sup> dan kaedah “*sad zarā'i*”<sup>92</sup>. Kaedah pertama dapat digolongkan ke dalam sumber hukum yang disepakati para ulama, iaitu al-sunnah, atas dasar ianya bersumberkan daripada hadis. Manakala kaedah kedua pula ialah salah satu daripada sumber hukum yang tidak disepakati para ulama.

Seterusnya, MPU Aceh juga mempertimbangkan undang-undang pemerintahan<sup>93</sup>.

Merujuk kepada undang-undang tersebut, mendapati bahawa secara keseluruhan isi

---

<sup>85</sup> Al-Dār Qutnī (2001), Sunan Al-Dār Qutnī. J.3, Kitāb al-Nikāh, no hadis 3479; Al-Dār Qutnī (2001), Sunan Al-Dār Qutnī, j.3. Kitāb al-Nikāh, no. hadis 3475

<sup>86</sup> Al-Fārisī (1993), Sahīh Ibn Hibbān. Kitāb al-Nikāh, j.9, no.hadis 4075

<sup>87</sup> Al-Turmuzi (t.t), Al-Jāmi' al-Sahih. J.3, Bab Mā Jā'a Fī 'l'lān al- Nikāh, no. hadis 1089

<sup>88</sup> Ibn Mājah (t.t), Sunan Ibn Mājah. Kitāb al-Nikāh, Bab al-Ghinā' wa al-Duf, no. hadis 1900(dalam bentuk nas sedikit berbeza)

<sup>89</sup> Ibn Mājah (t.t), Sunan Ibn Mājah. Kitāb al-Ahkām, Bab Man Bana Fī Haqqihī Mā Yaḍurru Bi Jārihī, no. hadis 2340.

<sup>90</sup> Ibn Anas (1985), Al-Muwattā'. Kitāb al-Nikāh, j.2, no. hadis 26.

<sup>91</sup> Merujuk kepada *qa'idah* tersebut, pada dasarnya ianya dibina atas sebuah hadis, iaitu hadis riwayat Ibn Mājah dan lainnya (Al-Suyūṭī, 1997, j.1, h:140).

<sup>92</sup> Pada dasarnya “*sad zara'i*” ialah salah satu daripada sumber hukum yang tidak disepakati para ulama, sepertimana yang telah dibincangkan pada bab II. Sejauh kajian yang dijalankan, para ulama tidak menggolongkannya dalam *qawā'id al-fiqhiyyah*.

<sup>93</sup> Undang-undang Nomor 1 Tahun 1974, tentang Perkawinan; Undang-undang Nomor 23 Tahun 2006 tentang Administrasi Kependudukan; Kompilasi Hukum Islam.

kandungannya mengarah kepada kepentingan orang ramai. Oleh itu, dari satu segi ianya dapat digolongkan dalam sumber hukum yang tidak disepakati para ulama, iaitu *maṣāliḥ mursalaṭ*. Manakala melihat dari segi lain ianya merupakan suatu kebiasaan orang ramai, dapat digolongkan sabagai *'urf*.

Secara umumnya kaedah penggunaan sumber hukum yang digunapakai oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini selari dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Hal ini jelas terbukti dengan penggunaan beberapa ayat al-Quran dan beberapa hadis nabi s.a.w sebagai rujukan utama. Bahkan keseluruhan dalil-dalil tersebut dinyatakan dengan jelas dan terperinci secara satu persatu pada teks fatwa berkenaan. Seterusnya langkah MPU Aceh mengunapakai kaedah fiqh juga tidak menyalahi dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam, sepertimana yang terdapat pada kaedah penggunaan sumber hukum pada zaman sekarang. Manakala langkah MPU Aceh mempertimbangkan undang-undang pemerintahan pula dapat diterima selagi ianya selaras dengan kemaslahatan masyarakat dan tidak bercanggah dengan ketentuan hukum syarak.

Kaedah yang sebegini amat memudahkan bagi pembaca untuk memahami isi kandungan fatwa. Selain itu, kaedah penggunaan sumber hukum yang diguna pakai bagi mengeluarkan fatwa ini terlihat lebih mantap dan meningkat berbanding dengan fatwa sebelumnya. Hal ini dapat dilihat pada penggunaan beberapa ayat al-Quran, hadis dan kaedah fiqh. Seterusnya, pada teks fatwa ini MPU Aceh tidak menyebutkan sumber hukum yang tidak diguna pakai, seperti ijmak dan qiyas sepertimana yang terdapat pada fatwa-fatwa sebelumnya.

c) **Kesimpulan:**

Dapat disimpulkan bahawa kaedah penggunaan sumber hukum oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini ialah bertepatan dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Sumber hukum yang diguna pakai dalam mengeluarkan fatwa ini ialah al-Quran, al-sunnah, *sad zarā'i*, *maṣāliḥ mursalaṭ* dan *'urf*.

#### 4.4.9 Fatwa tentang Terorisme

a) **Fatwa**

<p style="text-align: center;"><b>F A T W A</b> <b>MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH</b> <b>NOMOR : 02 TAHUN 2010</b> <b>TENTANG</b> <b>TERORISME</b></p> <p style="text-align: center;">بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ</p> <p>Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) Aceh, dalam Sidang Paripurna II, pada 16–18 Rajab 1431 H /28 – 30 Juni 2010 M, setelah:</p> <p><b>MENIMBANG:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>a. bahwa tindakan terorisme dengan berbagai bentuknya yang terjadi akhir-akhir ini di beberapa negara, termasuk Indonesia, telah menimbulkan kerugian harta dan jiwa serta rasa tidak aman di kalangan masyarakat;</li><li>b. bahwa akhir-akhir ini semakin banyak tindakan kekerasan dan semakin gencarnya pembicaraan tentang terorisme yang telah menjadi isu dunia dan telah menimbulkan keresahan dalam masyarakat termasuk yang berada di Provinsi Aceh;</li><li>c. bahwa berdasarkan pertimbangan sebagaimana dimaksud huruf a dan b perlu menetapkan fatwa tentang hukum terorisme.</li></ul> <p><b>MENINGAT:</b></p> <p><b>1. Firman Allah SWT., :</b></p> <p><b>a. Surat Al-Haj ayat 39-40.</b></p> <p style="text-align: center;">أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾ الَّذِينَ</p>
--

أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ وَلَوْلَا دَفَعُ اللَّهُ  
النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ هُدًى مَّتَّ صَوَامِعُ وَبِيعُ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذَكَّرُ فِيهَا  
أَسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلِيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٤١﴾

Artinya:

Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, karena Sesungguhnya mereka telah dianiaya. dan Sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Kuasa menolong mereka itu. (yaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali karena mereka berkata: "Tuhan Kami hanyalah Allah". dan Sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebagian Manusia dengan sebagian yang lain, tentulah telah dirobuhkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid- masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha kuat lagi Maha perkasa.

#### b. Surat Al-Maidah ayat 32-33.

مَنْ أَجْلٍ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ  
فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا  
النَّاسَ جَمِيعًا ۗ وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُمْ بَعَدَ  
ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ﴿٣٢﴾ إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ  
وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ  
مِّنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ۚ ذَلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي  
الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾

Artinya:

Oleh karena itu Kami tetapkan (suatu hukum) bagi Bani Israil, bahwa: Barangsiapa yang membunuh seorang manusia, bukan karena orang itu (membunuh) orang lain atau bukan karena membuat kerusakan dimuka bumi, Maka seakan-akan Dia telah membunuh manusia seluruhnya. dan Barangsiapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, Maka seolah-olah Dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya. dan Sesungguhnya telah datang kepada mereka Rasul-rasul Kami dengan (membawa) keterangan-keterangan yang jelas, kemudian

banyak diantara mereka sesudah itu sungguh-sungguh melampaui batas dalam berbuat kerusakan dimuka bumi. Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan membuat kerusakan di muka bumi, hanyalah mereka dibunuh atau disalib, atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbal balik, atau dibuang dari negeri (tempat kediamannya). yang demikian itu (sebagai) suatu penghinaan untuk mereka didunia, dan di akhirat mereka beroleh siksaan yang besar.

Dalam ayat-ayat diatas, Allah mengecam tindakan membunuh orang lain yang tidak bersalah dan tidak haq. Hal ini erat kaitannya dengan aksi terorisme yang menyebabkan terbunuhnya banyak orang yang tidak bersalah. Sementara tindakan mempertahankan diri tidak termasuk sebagai tindakan terorisme sebagaimana dipahami dari pengertian ayat-ayat diatas.

### c. Surat Al-Baqarah ayat 195.

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ  
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Artinya:

Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, karena sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.

### d. Surat Al-Nisa ayat 29-30.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم بَيْنَكُم بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ  
تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ  
رَحِيمًا ﴿٢٩﴾ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ عُدْوَانًا وَظُلْمًا فَسَوْفَ نُصَلِّيهِ نَارًا وَكَانَ  
ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا ﴿٣٠﴾

Artinya:

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu dan barangsiapa berbuat demikian dengan melanggar hak dan aniaya, maka Kami kelak akan memasukkannya ke dalam neraka. yang demikian itu adalah

*mudah bagi Allah.*

Ayat-ayat diatas menegaskan bahwa menjerumuskan diri kedalam kebinasaan adalah dosa besar. Bunuh diri seperti yang sering dilakukan teroris adalah termasuk kedalam menjerumuskan diri ke dalam kebinasaan itu.

**e. Surat Al-An'am ayat 151.**

قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبِّيَ عَلَيْكُمْ عَلَىٰ شَيْءٍ مِّنْ دُونِهَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ ۖ إِنَّكُمْ لَرِزْقِكُمْ مِنَّا ۖ وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ ۚ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٥١﴾

*Artinya:*

*Katakanlah: "Marilah kubacakan apa yang diharamkan atas kamu oleh Tuhanmu Yaitu: janganlah kamu mempersekutukan sesuatu dengan Dia, berbuat baiklah terhadap kedua ibu bapa, dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu karena takut kemiskinan, Kami akan memberi rezki kepadamu dan kepada mereka, dan janganlah kamu mendekati perbuatan-perbuatan yang keji, baik yang nampak di antaranya maupun yang tersembunyi, dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar demikian itu yang diperintahkan kepadamu supaya kamu memahaminya).*

**f. Surat Al-Nisa ayat 93.**

...وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا ﴿٩٣﴾

*Artinya:*

*Dan Barangsiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja maka balasannya ialah jahannam, kekal ia di dalamnya dan Allah murka kepadanya, dan mengutukinya serta menyediakan azab yang besar baginya.*

**h. Surat Al-Qashash ayat 77.**

... وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

*Artinya:*

Dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerusakan.

**i. Surat Al Baqarah ayat 11-12.**

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾ أَلَا  
إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِن لَّا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾

Artinya:

Dan bila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat kerusakan di muka bumi mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang-orang yang mengadakan perbaikan."Ingatlah, sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang membuat kerusakan, tetapi mereka tidak Sadar.

**k. Surat Al-Rum ayat 41.**

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي  
عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Artinya:

Telah nampak kerusakan di darat dan di laut disebabkan karena perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).

**l. Surat Al-A'raf ayat 85.**

...وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا

Artinya:

Dan janganlah kamu membuat kerusakan di muka bumi sesudah Tuhan memperbaikinya.

Ayat diatas menjelaskan bahwa hukum melakukan pengrusakan (fasad) adalah haram. Fasad yang haram itulah yang sering dilakukan teroris.

**m. Surat Al-Isra ayat 33.**

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

Artinya:

Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar.

Ayat diatas mengharamkan melakukan pembunuhan terhadap orang-orang yang tidak bersalah atau *bighairil haq*.

**n. Surat Al-Baqarah ayat 205.**

وَإِذَا تَوَلَّى سَعَىٰ فِي الْأَرْضِ لِيُفْسِدَ فِيهَا وَيُهْلِكَ الْحَرْثَ وَالنَّسْلَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ  
الْفُسَادَ ﴿٢٠٥﴾

*Artinya:*

*Dan apabila ia berpaling (dari kamu), ia berjalan di bumi untuk mengadakan kerusakan padanya, dan merusak tanam-tanaman dan binatang ternak, dan Allah tidak menyukai kebinasaan.*

Ayat di atas mengharamkan pengrusakan, sementara terorisme melakukan pengrusakan.

**o. Surat Al-Nur ayat 19.**

إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي  
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

*Artinya:*

*Sesungguhnya orang-orang yang ingin agar (berita) perbuatan yang amat keji itu tersiar di kalangan orang-orang yang beriman, bagi mereka azab yang pedih di dunia dan di akhirat. dan Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.*

Ayat ini mengecam orang-orang yang menyebarkan informasi-informasi kejahatan untuk menakut-nakuti masyarakat seperti yang dilakukan terorisme.

**p. Surat Al-Baqarah ayat 279.**

لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

*Artinya:*

*Tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya.*

Ayat ini melarang berlaku aniaya terhadap orang dan juga membiarkan orang menganiyai.

**3. Hadits Nabi S.A.W, antara lain:**

**a. Hadits Riwayat Bukhari Muslim.**

من تردى من جبل فقتل نفسه فهو في نار جهنم يتردى فيها خالدا

مخلدا (رواه البخاري ومسلم عن أبي هريرة)

*“Barangsiapa yang menjatuhkan diri dari sebuah gunung lalu ia terbunuh maka ia akan masuk neraka dalam keadaan terhempas didalamnya, kekal lagi dikekalkan di dalamnya selama-lamanya”* (HR. Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah)

**b. Hadits Riwayat Muslim.**

من أشار إلى أخيه بحديدة فإن الملائكة تلعنه حتى وإن كان أخاه لأبيه وأمه (رواه مسلم عن أبي هريرة)

*“Barang siapa mengacungkan senjata tajam kepada saudaranya (muslim) maka malaikat akan melaknatnya walaupun keatas saudara seayah ataupun seibu dengannya”* (HR. Muslim dan Abu Hurairah)

**c. Hadits Riwayat Abu Daud.**

لايجل لمسلم أن يروع مسلما (رواه أبو داود عن ابن عمر)  
*“Tidak halal bagi seseorang muslim menakut-nakuti orang muslim lainnya”* (HR. Abu Dawud)

**d. Hadits Riwayat Muslim.**

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :  
من خرج من الطاعة وفارق الجماعة ثم مات فمات ميتة جاهلية (رواه مسلم عن أبي هريرة)

**e. Hadits Riwayat Bukhari:**

المسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده (رواه البخاري عن ابن عمر)

**4. Kaidah Fiqh, antara lain:**

إذا تعارضت مفسدتان روعى أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما

*“Apabila terdapat dua mafsadat yang saling bertentangan, maka dipelihara mafsadat yang menimbulkan kemudharatan yang lebih besar dengan mengerjakan mafsadat yang kemudharatannya lebih ringan”*

درأ المفاسد أولى من جلب المصالح

*"Menghindari kerusakan dan kehancuran adalah lebih diutamakan daripada memperoleh kemaslahatan"*

يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام

*"Dharar yang bersifat khusus harus ditanggung untuk menghindarkan dharar yang bersifat umum (lebih luas)"*

الضرر يزال

*"Kemudharatan harus dihilangkan"*

الضرر لا يزال بالضرر

*"Suatu kemudharatan tidak boleh dihilangkan dengan kemudharatan lain"*

#### **5. Peraturan Perundang-undangan:**

1. UU No. 26 Tahun 2000 Tentang Pengadilan Hak Asasi Manusia.
2. UU No.15 Tahun 2003 Tentang Pemberantasan Tindak Pidana Terorisme yang menyatakan bahwa: *Setiap orang yang dengan sengaja menggunakan kekerasan atau ancaman kekerasan menimbulkan suasana teror atau rasa takut terhadap orang secara meluas atau menimbulkan korban bersifat massal, dengan cara merampas kemerdekaan atau hilangnya nyawa dan harta benda orang lain, atau mengakibatkan kerusakan atau kehancuran terhadap obyek-obyek vital yang strategis atau lingkungan hidup atau fasilitas Internasional.*

#### **MEMPERHATIKAN:**

##### **1. Pendapat para ulama dan pemakalah, antara lain:**

###### a. Kitab-kitab yang berkenaan dengan terorisme antara lain

1. Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu (terlampir)
2. Nihayat Al-Muhtaj (terlampir)
3. Syarah Minhaj Al-Thullab (terlampir)

###### b. Makalah Komisi A Berjudul:

1. Terorisme Dalam Tinjauan Hukum dan Perundang-undangan Oleh Kombes Pol. Drs. Esa Permadi (Direktur Reserse dan Kriminal Polda Aceh).

2. Jihad dan Terorisme oleh Prof. Dr. Rusjdi Ali Muhammad, SH.

c. Makalah Komisi B berjudul:

1. Pengertian dan Latar Belakang Munculnya Terorisme oleh Dra. H. Tri Qurnati, M. Ag dan Drs. Tgk.H. M. Ali Wari
2. Terorisme: Beberapa Catatan Historis dan Sosiologis oleh Prof. Dr.H. Amirul Hadi MA.
3. Terorisme dan Dampaknya terhadap Umat oleh Dr. Hj. Nurjannah Ismail, MA dan Drs.Tgk.H. RA. Syauqas Rahmatillah, MA
4. Terorisme menurut Perspektif Edukatif dan Psikologis oleh Prof. Dr. H. Warul Walidin A.K. MA.

d. Makalah Komisi C berjudul :

1. Pengertian dan Latar Belakang Munculnya Terorisme oleh Dra. Hamdiah A. Latif, MA. Dan Dra. Hj. Raihan Putri, M.Pd.
2. Strategi Penanganan Terorisme oleh Dr.Tgk.H. Syamsul Rijal, MA.

**3. Kenyataan yang terjadi di dalam masyarakat, sebagai akibat dari tindakan terorisme, antara lain:**

a. Aspek Keamanan dan Yuridis

Terorisme dapat menimbulkan suasana kacau, mencekam, anarkis yang dapat mengganggu keamanan kehidupan masyarakat. Munculnya undang-undang baru di banyak negara terkait dengan upaya penanggulangan terorisme, dapat memunculkan pula pelanggaran hukum baru yang juga sama mengkhawatirkan.

b. Aspek Politik

Dampak politik dari aksi terorisme dapat dilihat baik dalam skala nasional ataupun internasional. Secara nasional langsung ataupun tidak langsung terorisme dapat mengakibatkan ketegangan politik yang ada. Keragaman persepsi terhadap terorisme berpotensi menimbulkan konflik horizontal. Secara internasional terorisme dapat mempengaruhi kebijakan politik suatu negara untuk menyerang negara lain yang dituduh sebagai sarang teroris.

c. Aspek Ekonomi

Berbagai aksi terorisme dalam sebuah negara, secara langsung atau tidak, akan berpengaruh terhadap stabilitas ekonomi negara tersebut.

d. Aspek Keagamaan

Dalam aspek keagamaan, terorisme akan memperburuk citra suatu agama dan pemeluknya, terutama ketika aksi teror tersebut

menggunakan legitimasi agama sebagai tamengnya. Bahkan sebagai akibat lebih lanjut hal itu justru akan membuat perpecahan di kalangan ummat dan kemerosotan syi'ar agama itu sendiri.

e. Aspek Edukasi

Terorisme berakibat pada merosotnya pendidikan baik secara kelembagaan maupun pemahaman terhadap nilai-nilai kemanusiaan dan peradaban, dan hal ini menjadi ancaman serius terhadap generasi muda.

f. Aspek Psikologis

Secara psikologis terorisme memiliki dampak jangka panjang yang merugikan generasi muda kita:

1. Menumbuhkan generasi yang asosial

Aksi terorisme dapat mengubah sikap mental generasi muda menjadi generasi yang kurang *tasamuh*, kurang sabar, suka kekerasan, eksklusif dan memudahkan timbulnya sifat permusuhan terhadap orang lain.

2. Kehidupan yang depressif

Terorisme menimbulkan suasana mencekam, terintimidasi, tersebarinya ketakutan secara meluas, menimbulkan korban yang bersifat massal, yang dapat menyebabkan suasana batin masyarakat menjadi tertekan

**4. Khutbah iftitah Ketua Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh oleh Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA.**

**5. Pendapat dan pikiran yang berkembang dalam Sidang Dewan Paripurna Ulama II tahun 2010, yang berlangsung di Banda Aceh, dari tanggal 28 sd 30 Juni 2010.**

**Dengan bertawakkal kepada Allah SWT**

**M E M U T U S K A N**

**MENETAPKAN : FATWA TENTANG HUKUM TERORISME**

**KESATU :** Pengertian Terorisme

Terorisme adalah faham (ideologi) yang membenarkan pengrusakan, menimbulkan ketakutan dalam masyarakat, dilakukan dengan alasan yang tidak benar (*bighairil haq*) dan dengan tujuan yang bertentangan dengan syariat Islam.

**KEDUA :** Latar belakang lahirnya terorisme antara lain:

- a. Adanya rasa permusuhan dan kebencian terhadap pihak lain.
- b. Adanya kepentingan politik dan ekonomi.

c. Kesalah-pahaman dalam memaknai beberapa istilah dalam ajaran agama.

KETIGA : Hukum melakukan teror adalah haram dan perbuatan teror termasuk dosa besar.

**REKOMENDASI:**

1. Menyarankan kepada pemerintah untuk dapat berlaku lebih tegas dalam penegakan hukum termasuk penindakan terhadap aliran-aliran yang menyimpang dari syariat Islam.
2. Menyarankan kepada Pemerintah untuk bertindak tegas terhadap aliran-aliran yang dapat menimbulkan kesalah pahaman dalam masyarakat tentang jihad tujuan dan sasarannya.
3. Manyarankan kepada pemangku kepentingan bidang pendidikan untuk dapat memasukkan materi anti terorisme ke dalam muatan kurikulum.
4. Menghimbau masyarakat untuk tidak terpancing terhadap isu-isu negatif yang berkembang sebelum berkonsultasi dengan ulama, tokoh masyarakat dan pihak terkait lainnya.

Ditetapkan di : Banda Aceh  
Pada tanggal : 18 Rajab1431 H  
30 Juni 2010 M

PIMPINAN  
MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH  
K e t u a,  
D.T.O  
Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA

Wakil Ketua,  
D.T.O  
Drs. Tgk. H. Ismail Yacob

Wakil Ketua,  
D.T.O  
Tgk. H. M. Daud Zamzamy

Wakil Ketua,  
D.T.O  
Drs. Tgk. H. Gazali Mohd. Syam

## b) Analisis

Dalam mengeluarkan fatwa ini MPU Aceh menggunakan beberapa ayat al-Quran sebagai sumber hukum. Secara umumnya ayat-ayat al-Quran yang dijadikan sebagai dalil, boleh diklasifikasikan kepada enam, iaitu:

- i. Ayat al-Quran yang memperkatakan tentang keizinan berperang kerana mempertahankan aqidah mereka, iaitu surah al-Hajj ayat 39-40.
- ii. Ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan larangan membunuh, iaitu surah al-Mā'idah ayat 32-33, surah al-An'am ayat 151, surah al-Nisā' ayat 93, surah al-Isrā' ayat 33 dan surah al-Nisā' ayat 29-30.
- iii. Ayat al-Quran yang menyatakan larangan membinasakan diri, iaitu surah al-Baqarah ayat 195.
- iv. Ayat-ayat al-Quran yang melarang perbuatan pengrosakan (*fasād*) di muka bumi, iaitu surah al-Qasas ayat 77, Surah al-Baqarah ayat 11 dan ayat 205, surah al-Rūm ayat 41 dan surah al-A'rāf ayat 85.
- v. Ayat al-Quran yang menyatakan larangan menakut-nakuti orang lain, iaitu surah al-Nūr ayat 19.
- vi. Ayat al-Quran yang melarang aniaya, iaitu surah al-Baqarah ayat 279.

Seterusnya MPU Aceh menggunakan beberapa hadis Rasul s.a.w. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari<sup>94</sup> dan Muslim<sup>95</sup> yang menyatakan larangan bunuh diri. Hadis yang diriwayatkan Muslim<sup>96</sup> dari Abu Hurairah yang memperkatakan tentang larangan membunuh juga turut dijadikan sebagai dalil.

---

<sup>94</sup> Al-Bukhārī (2002), Sahīh al-Bukhārī. Bab Shurb al-Sam..., no. hadis 5778.

<sup>95</sup> Al-Nawāwī (t.t). Al-Minhāj, Bab Ghiladi Tahrīmi Qatli al-Insan Nafsahu..., no.hadis 109.

<sup>96</sup> Al-Nawāwī (t.t), Al-Minhāj. Bab al-Nahy 'ani al-Isyārah bi al-Silāh..., no. hadis 2616.

Selain itu hadis riwayat Abu Dāwūd<sup>97</sup> yang menyatakan tentang larangan menakut-nakuti sesama muslim dan hadis riwayat Muslim<sup>98</sup> yang melarang berpisah diri daripada sesama muslim juga turut diguna. Akhir sekali MPU Aceh menggunakan hadis riwayat Bukhari<sup>99</sup> yang menyuruh memelihara sesama umat Islam.

Selain itu, MPU Aceh juga menggunakan beberapa *qawā'id al-fiqhiyya*<sup>100</sup> sebagai sandaran. Keseluruhan *qawā'id al-fiqhiyya* tersebut pada dasarnya dibina daripada sebuah hadis riwayat Ibn Mājah dan lainnya<sup>101</sup>. Oleh itu, ianya dapat digolongkan dalam al-sunnah.

Seterusnya MPU Aceh mempertimbangkan undang-undang pemerintahan<sup>102</sup>. Merujuk kepada undang-undang tersebut, mendapati bahawa peraturan itu bertujuan menjaga dan melindungi hak-hak manusia. Hal ini bersesuaian dengan tujuan syariat Islam itu sendiri yang lebih dikenali dengan *al-maqāsid al-syar'iyya* (Shoman, 2000: 22-27; Al-Syātibī, 1997, j.2: 17). Dengan demikian, penggunaan undang-undang pemerintahan dalam memutuskan fatwa berkenaan dapat digolongkan dalam sumber hukum yang tidak disepakati para ulama, iaitu *maṣāliḥ mursala* atau *'urf*.

Akhir sekali MPU Aceh turut menyandarkan fatwa tersebut kepada pendapat para ulama yang terdapat dalam kitab-kitab muktabar<sup>103</sup>. Merujuk kepada pendapat ulama

---

<sup>97</sup> Al-Sījastānī (2009), Sunan Abī Dāwūd, j.7. Bab Man Ya'khuzu Syay'an 'ala al-Mizāh, no. hadis 5004.

<sup>98</sup> Al-Nawāwī (t.t), Al-Minhāj, Bab Wujūb Mulāzamah al-Muslimīn, no. hadis 1848

<sup>99</sup> Al-Bukhārī (2002), Sahīh al-Bukhārī. Bab al-Intihā' 'an al-Ma'āsi, no. hadis 6484

<sup>100</sup> Iaitu: إذا تعارضت مفسدتان روعي اعظمهما ضررا بارتكاب أحفهما , درأ المفاسد أولى من جلب المصالح , يتحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام , الضرر يزال , الضرر لا يزال بالضرر (Al-Du'ās, 1989:31-34; Al-Zarqā', 1989:179-206)

<sup>101</sup> Sila rujuk analisis fatwa nombor 1 tahun 2010.

<sup>102</sup> Iaitu: UU No. 26 tahun 2000 tentang Pengadilan Hak Asasi Manusia; UU No. 15 Tahun 2003 Tentang Pemberantasan Tindak Pidana Terorisme.

<sup>103</sup> Iaitu: Kitab Al-Fiqh Al-Islāmī wa Adillatuh (Al-Zuhaylī, 1985) dan Nihāyah Al-Muhtāj (Al-Ramlī, 2003).

yang terdapat dalam kitab-kitab tersebut, mendapati bahawa dalil-dalil yang diguna pakai ialah al-Quran, al-sunnah dan ijmak (Al-Zuhaylī, 1985, j.6: 218-219; Al-Ramlī, 2003, j.7: 245-247).

Secara umumnya kaedah penggunaan sumber hukum yang diguna pakai untuk mengeluarkan fatwa ini sejalan dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Hal ini terbukti dengan penggunaan beberapa ayat-ayat al-Quran dan beberapa hadis sebagai dalil utama. Ayat-ayat al-Quran yang dijadikan sebagai hujjah disebutkan secara jelas dan terperinci pada teks fatwa. Hadis-hadis nabi s.a.w. pula dinyatakan dengan jelas berserta perawinya. Selain itu, penggunaan beberapa kaedah fiqh juga dapat diterima sebagai hujjah bagi memperjelas lagi dasar permasalahan kepada pembaca. Manakala kaedah merujuk kepada undang-undang pemerintahan juga tidak menyalahi, selagi kandungan undang-undang tersebut selari dengan tuntutan hukum syarak. Seterusnya, kaedah menyandarkan fatwa ini kepada pendapat ulama muktabar juga dapat diterima, atas dasar pendapat-pendapat ulama tersebut juga bersandarkan kepada dalil, sepertimana yang telah dijelaskan di atas.

Dengan demikain, jelas terlihat bahawa kaedah penggunaan sumber hukum dalam mengeluarkan fatwa tahun 2010 ini lebih mantap berbanding dengan kaedah yang diguna pakai dalam mengeluarkan fatwa-fatwa tahun sebelumnya. Seterusnya tidak terdapat sumber hukum yang hanya menyebutkan namanya sahaja tanpa perinciannya.

c) **Kesimpulan**

Dapat disimpulkan bahawa kaedah penggunaan sumber hukum oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini ialah bertepatan dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Sumber-sumber hukum yang diguna pakai dalam mengeluarkan fatwa ini ialah al-Quran, al-sunnah, ijmak (secara tidak langsung) dan *maṣāliḥ mursalaṭ* atau 'urf.

**4.4.10 Fatwa Tentang Penguatan Ekonomi Syariah dan Praktek Multi Level Marketing (MLM)**

a) **Fatwa**

**F A T W A**  
**MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH**  
**NOMOR : 8 TAHUN 2010**  
**TENTANG**  
**PENGUATAN EKONOMI SYARIAH DAN**  
**PRAKTEK MULTI LEVEL MARKETING (MLM)**



Majelis Permusyawaratan Ulama Aceh, dalam Sidang Paripurna VI pada tanggal 3 s.d 5 Muharram 1432H / 9 – 11 Desember 2010M setelah:

**MEMBACA:**

Surat Pimpinan MPU Kabupaten Aceh Tengah No. 339/I.2/1431.H/2010.M perihal, mohon Fatwa tentang hukum bermuamalat dengan sistem Multi Level Marketing (MLM).

**MENIMBANG:**

- a. bahwa maraknya bermacam cara transaksi muamalah dalam masyarakat Aceh yang belum jelas baik sistem maupun kedudukan hukumnya seperti *Multi Level Marketing* (MLM);
- b. bahwa metode penjualan barang dan produk jasa dengan menggunakan *Multi Level Marketing* (MLM) telah dipraktikkan oleh masyarakat;
- c. bahwa praktik penjualan barang dan produk jasa seperti tersebut pada butir (b) telah berkembang sedemikian rupa dengan inovasi dan pola yang beragam, diantaranya penjualan dengan cara *Money Game* atau *penjualan barang kamufase* belum dapat dipastikan sesuai dengan prinsip syariah;

- d. bahwa praktik money game seperti tersebut di atas dapat berpotensi merugikan masyarakat dan mengandung hal-hal yang diharamkan;
- e. bahwa berdasarkan maksud pada butir a, b, c dan d MPU perlu menetapkan Fatwa tentang Hukum Penguatan Ekonomi Syariah dan prektek *Multi Level Marketing* (MLM).

## MENGINGAT :

### 1. Firman Allah SWT, antara lain:

- a. QS. An-Nisa (4): 29:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ  
تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

*"Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kalian saling memakan (mengambil) harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku sukarela di antaramu..."*

- b. QS. Al-Maidah (5): 2:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحْلُوا شَعْتِيرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْفَلَاحِيَّةَ وَلَا  
ءَامِينَ الْبَيْتِ الْحَرَامِ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا وَلَا  
تَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ أَنْ صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَنْ تَعْتَدُوا وَتَعَاوَنُوا  
عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ  
الْعِقَابِ ﴿٢﴾

*"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu melanggar syi'ar-syi'ar Allah[389], dan jangan melanggar kehormatan bulan-bulan haram[390], jangan (mengganggu) binatang-binatang had-ya[391], dan binatang-binatang qalaa-id[392], dan jangan (pula) mengganggu orang-orang yang mengunjungi Baitullah sedang mereka mencari kurnia dan keredhaan dari Tuhannya[393] dan apabila kamu Telah menyelesaikan ibadah haji, Maka bolehlah berburu. dan janganlah sekali-kali kebencian(mu) kepada sesuatu kaum Karena mereka menghalang-halangi kamu dari Masjidilharam, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka). dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. dan bertakwalah kamu kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya."*

- c. QS. Al-Baqarah (2): 275:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا<sup>ج</sup>

“... Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba...”

d. QS. Al-Baqarah (2): 279:

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ<sup>ط</sup> وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ  
أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

"Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), Maka Ketahuilah, bahwa Allah dan rasul-Nya akan memerangimu. dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), Maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya."

e. QS. Al-Maidah [5]:90:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ  
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

"Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, dan mengundi nasib dengan panah, adalah termasuk perbuatan keji, perbuatan setan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan."

## 2. Hadits Nabi SAW.; antara lain:

a. Hadits Riwayat Baihaqi:

المُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا أَحَلَّ حَرَامًا أَوْ حَرَّمَ حَلَالًا.»

(رواه البيهقي عن عائشة رضي الله عنها)

“...Kaum muslimin terikat dengan syarat-syarat mereka kecuali syarat yang mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram,” (HR Al-Baihaqi dari Aisyah ra)

b. Hadits Riwayat Dar Qutni, Ibn Majah dari Abu Said al Kudri:

قال رسول الله صلى الله عليه و سلم: لا ضرر و لا ضرار من ضار ضاره الله

ومن شاق شاق الله عليه (رواه الدارقطني و ابن ماجه عن ابي سعيد الخدري)

“Tidak boleh membahayakan diri sendiri maupun orang lain, Siapa saja yang memudharatkan orang, Allah akan memudharatkan dirinya. Dan Siapa yang menyulitkan orang, Allah akan menyulitkan dirinya ” (HR. Ad-Daru Quthny dan Ibnu Majah, dari Abu Sa’id al-Khudri).

c. Hadits Riwayat Muslim:

عن أبي هريرة قال : نهى رسول الله صلى الله عليه و سلم عن بيع الحصة وعن بيع الغرر (رواه مسلم عن ابي هريرة)  
قال مالك لا ينبغي أن يستثنى جنين في بطن أمه إذا بيعت لأن ذلك غرر لا يدري أذكر هو أم أنثى أحسن أم قبيح أو ناقص أو تام أو حي أو ميت وذلك يضع من ثمنها.

"Abu Hurairah berkata: Nabi SAW melarang jual beli dengan cara melempar batu dan dari jual beli gharar, (HR. Muslim dari Abu Hurairah). Mengomentari hadits ini, Imam Malik berkata: Karena itu tidak boleh mengecualikan janin dari induk binatang dalam penjualan, karena adanya gharar; ia tidak tahu apakah janin itu jantan atau betina; baik atau buruk; lengkap anggotanya ataupun kurang; hidup waktu lahir atau mati yang kesemuanya itu berpengaruh pada harganya."

d. Hadits Riwayat Muslim:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ...وَمَنْ غَشَّنَا فَلَيْسَ مِنَّا (رواه مسلم عن ابي هريرة)

“Barang siapa menipu kami, maka ia tidak termasuk golongan kami.” (Hadis Nabi riwayat Imam Muslim dari Abu Hurairah)

**3. Kaidah Fiqh:**

1. إن الأصل في المعاملات الإباحة حتى يدل دليل على خلافه

(صناعة الفتوى وفقه الأقليات ج. 1, ص. 23)

“Pada dasarnya, semua bentuk muamalah boleh dilakukan sampai ada dalil yang menyatakan sebaliknya”

2. الثواب على قدر المشقة (موسوعة أصول الفقه (18) ج. 36 ص. 293).

“Kompensasi sesuai dengan tingkat kesulitan (kerja)”

**4. Fatwa-Fatwa:**

a. Fatwa MUI Dista Nomor 451/111HF/1995, tgl.20 Sya’ban 1415 H /22

Januari 1995 tentang Arisan Berantai seperti Danasonik;

- b. Fatwa DSN Nomor 75/DSN-MUI/VII/2009, tgl. 3 Syakban 1430 H /25 Juli 2009 M, tentang Pedoman Penjualan Langsung Berjenjang Syariah (PLBS);
- c. Fatwa MUI Kota Bandung Nomor: 291/MUI-KB/E.1/VII, tentang: Hukum Bisnis Network Marketing/MLM.

**5. Peraturan Perundang-undangan:**

- a. Undang-undang Nomor 7 Tahun 1987 yang telah diubah dengan Undang-undang Nomor 3 Tahun 2006 tentang Perbankan;
- b. Undang-undang Nomor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh;
- c. Undang-undang Nomor 21 Tahun 2008 tentang Perbankan Syariah Tambahan Lembaran Negara RI Nomor 4867;
- d. Qanun Nomor 11 Tahun 2002 tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Aqidah, Ibadah, dan Syi'ar Islam;
- e. Qanun Nomor 2 Tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama.

**MEMPERHATIKAN :**

1. Khuthbah Iftitah Ketua MPU Aceh oleh Prof, Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA;
2. Risalah Sidang yang merupakan saripati dari 3 (tiga) makalah yang telah dibahas pada tanggal 25 November 2010 yaitu:
  - a. Problema Umat Dalam Kacamata Ekonomi, oleh: H. Kahnir Rajiun;
  - b. Konsep Ekonomi Islam, oleh: DR Nazaruddin AW;
  - c. Penguatan Ekonomi Ummat, oleh; Rusydi M. Adam.
3. Kesimpulan Musyawarah Lengkap MPU Kab. Aceh Tengah bersama Kakankemenag dan Kadis Syariat Islam Kab Aceh Tengah tanggal 18 Zulhijjah 1431 H / 25 November 2010 M;
4. Hasil rapat koordinasi MPU Benar Meriah, DPRK, Polres, Kejaksaan, Kemenag, Badan Kesbanglinmas, Dinas Syariat Islam, Majelis Adat, TVI Expres dan unsur masyarakat tentang TVI Expres pada tanggal 8 Desember 2010;
5. Pendapat dan pikiran yang berkembang dalam Sidang DPU-VI pada tanggal 3 s.d 5 Muharram 1432 / 9 s.d 11 Desember 2010.

**MEMUTUSKAN**

**MENETAPKAN: FATWA TENTANG HUKUM PENGUATAN EKONOMI SYARIAH DAN PRAKTEK MULTI LEVEL MARKETING (MLM)**

**PERTAMA : KETENTUAN UMUM**

1. MLM adalah Penjualan Langsung Berjenjang (PLB) merupakan cara penjualan barang atau jasa melalui jaringan pemasaran yang dilakukan oleh perorangan atau

badan usaha kepada sejumlah perorangan atau badan usaha lainnya secara berturut-turut.

2. Money Game adalah kegiatan penghimpunan dana masyarakat atau penggandaan uang dengan praktik memberikan komisi dan bonus dari hasil perekrutan/pendaftaran Mitra Usaha yang baru bergabung dan bukan dari hasil penjualan produk.
3. TVI Express adalah kegiatan penghimpunan dana masyarakat atau penggandaan uang dengan praktik memberikan komisi dan bonus dari hasil perekrutan/pendaftaran Mitra Usaha yang baru/bergabung dari hasil penjualan produk sebagai kamufase atau tidak mempunyai mutu/kualitas yang dapat dipertanggung jawabkan.

## **KEDUA : KETENTUAN HUKUM**

1. Hukum memperkuat penerapan syariat Islam di bidang ekonomi syariah adalah wajib sesuai dengan ketentuan al Qur'an, as Sunnah dan Ijma' Ulama.
2. Hukum berjualbeli dengan cara MLM adalah mubah bila memenuhi syarat-syarat sebagai berikut :
  - a. Adanya obyek transaksi riil yang diperjualbelikan berupa barang atau produk jasa;
  - b. Barang atau produk jasa yang diperdagangkan bukan sesuatu yang diharamkan dan atau yang dipergunakan untuk sesuatu yang haram;
  - c. Transaksi dalam perdagangan tersebut tidak mengandung unsur *gharar*, *maysir*, *riba*, *dharar*, *dzulm* dan maksiat;
  - d. Tidak ada kenaikan harga/biaya yang berlebihan (*excessive mark-up*), sehingga merugikan konsumen karena tidak sepadan dengan kualitas/manfaat yang diperoleh;
  - e. Komisi atau bonus yang diberikan oleh perusahaan kepada anggota baik besaran maupun bentuknya harus berdasarkan pada prestasi kerja nyata yang terkait langsung dengan volume atau nilai hasil penjualan barang atau produk jasa;
  - f. Bonus yang diberikan oleh perusahaan kepada anggota (mitra usaha) harus jelas jumlahnya ketika dilakukan transaksi (akad) sesuai dengan target penjualan barang dan atau produk jasa yang ditetapkan oleh perusahaan;
  - g. Tidak boleh ada komisi atau bonus secara pasif yang diperoleh secara reguler tanpa melakukan pembinaan dan atau penjualan barang dan atau jasa;
  - h. Pemberian komisi atau bonus oleh perusahaan kepada anggota (mitra usaha) tidak menimbulkan *ighra'*

(negatif).

- i. Dalam pembagian bonus antara anggota pertama dan anggota berikut harus proporsional;
  - j. Sistem perekrutan keanggotaan, bentuk penghargaan dan acara seremonial yang dilakukan tidak mengandung unsur yang bertentangan dengan aqidah, syariah dan akhlak mulia, seperti syirik, kultus, maksiat dan lain-lain;
  - k. Setiap mitra usaha yang melakukan perekrutan keanggotaan berkewajiban melakukan pembinaan dan pengawasan kepada anggota yang direkrutnya;
  - l. Memenuhi semua persyaratan akad yang digunakan seperti aqad bai', wakalah, ju'alah, Ijarah dan lain lain.
3. MLM yang tidak memenuhi syarat tersebut di atas seperti: Money game, TVI Express dan yang sejenisnya adalah Haram dan tidak sah;
  4. Sanksi bagi orang yang melakukan prektek money game, TVI Expres dan yang sejenis dikenakan hukuman sesuai dengan peraturan perundangan yang berlaku setelah diberikan peringatan oleh yang berwenang.

**KETIGA : TAUSHIAH**

1. Menyarankan kepada MPU untuk membentuk sebuah Badan Pemikir Ekonomi Islam (Syari'ah) di dalamnya terhimpun pakar, pelaku dan ahli Ekonomi Islam;
2. Problematika ekonomi umat agar dilaksanakan melalui kerjasama dari semua pihak baik pemerintah, swasta, ulama maupun cendikiawan muslim secara menyeluruh dan terpadu;
3. Menyarankan kepada Pemerintah Aceh melalui Dinas Pendidikan untuk dapat mengintegrasikan sistem ekonomi syari'ah dan materi pelajaran lainnya dalam kurikulum tingkat SLTP, SLTA dan perguruan tinggi;
4. Menyarankan kepada pihak perbankan syariah untuk meningkatkan sosialisasi dan penyuluhan kepada masyarakat tentang sistem perbankan syariat.

Ditetapkan di : Banda Aceh

Pada tanggal : 05 Muharram 1432 H  
11 Desember 2010 M

PIMPINAN

MAJELIS PERMUSYAWARATAN ULAMA ACEH

K e t u a,

D.T.O

Prof. Dr. Tgk. H. Muslim Ibrahim, MA

Wakil Ketua, D.T.O Drs. Tgk. H. Ismail Yacob	Wakil Ketua, D.T.O Tgk. H. M. Daud Zamzamy
Wakil Ketua, D.T.O Drs. Tgk. H. Gazali Mohd. Syam	

## b) Analisis

Dalam mengeluarkan fatwa ini MPU Aceh menggunakan beberapa ayat al-Quran sebagai dalil. Antaranya ialah surah al-Nisā' ayat 29 yang melarang memakan harta sesama manusia secara batil, kecuali dengan cara jual-beli atas dasar suka sama suka. Berikutnya ialah surah al-Mā'idah ayat 2 yang memperkatakan tentang larangan melanggar syiar Islam dan perintah untuk saling tolong menolong pada perkara kebaikan. Ayat lainnya ialah surah al-Baqarah ayat 275 yang menyatakan bahawa Allah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba. Seterusnya ialah surah al-Baqarah ayat 279 yang menegaskan larangan memakan riba dengan ancaman perang daripada Allah dan Rasul-Nya. Akhir sekali ialah surah al-Mā'idah ayat 90 yang mengemukakan tentang hukum mengundi nasib merupakan perbuatan syaitan.

Selain al-Quran, MPU Aceh juga menggunakan beberapa hadis. Antaranya ialah hadis riwayat Baihaqi<sup>104</sup> yang memperkatakan bahawa syarat/perjanjian dalam perniagaan dibolehkan dan terserah kepada pihak yang berkaitan, kecuali syarat/perjanjian yang menghalalkan sesuatu yang haram dan sebaliknya. Berikutnya ialah hadis riwayat al-Dār Qutnī dan Ibn Mājah<sup>105</sup> yang menyatakan tentang larangan

<sup>104</sup> Al-Turmuzī (t.t), Al-Jāmi' al-Sahīh. J.3. Bab Mā Zukira 'An Rasūlillah..., no.hadis 1352

<sup>105</sup> Ibn Mājah ( t.t ), Sunan Ibn Mājah. Kitāb al-Ahkām, Bab Man Bana Fi Haqqihi Mā Yadluru Bi Jārihi, no. hadis 2342

teraniaya dan menganiaya. Seterusnya ialah hadis riwayat Muslim<sup>106</sup> yang menegaskan larangan jual beli ‘*al-husāṭ*’ dan ‘*al-gharar*’. Akhir sekali ialah hadis yang menegaskan larangan menipu, juga diriwayatkan oleh Muslim<sup>107</sup>.

Seterusnya MPU Aceh juga menggunakan dua *qā’idah fiqhiyyat* sebagai sandaran, iaitu kaedah yang memperkatakan bahawa hukum asal *mu’āmalat* adalah dibolehkan (*mubāḥ*)<sup>108</sup> dan kaedah yang memperkatakan bahawa pahala diperoleh mengikut kesukaran sesuatu amalan<sup>109</sup>. Merujuk kepada kaedah pertama, mendapati bahawa kaedah tersebut disandarkan kepada beberapa ayat al-Quran dan hadis nabi s.a.w. (al-Tuwayjrī, 2009, j.2: 305).

Manakala pada kaedah kedua mendapati bahawa kaedah tersebut dipertikaian kesahihannya (Ibn Qāsim, 2004, j.10: 620). Meskipun begitu terdapat juga beberapa hadis yang menyokong maksud kaedah tersebut. Antaranya hadis riwayat Bukhari<sup>110</sup> daripada Aisyah r.a. yang berkaitan dengan pahala ibadah umrah (Al-Bukhārī, 2002: 430).

Selain itu MPU Aceh juga menyandarkan fatwa tersebut kepada fatwa-fatwa MUI<sup>111</sup> dan peraturan undang-undang pemerintahan<sup>112</sup>. Merujuk kepada undang-undang

---

<sup>106</sup> Al-Nawāwī (t.t), Al-Minhāj. Bab Butlān Bay’ul..., no. hadis 1513

<sup>107</sup> Al-Nawāwī (t.t), Al-Minhāj. Bab Qawl al-Nabiy..., no. hadis 101

<sup>108</sup> Iaitu *qa’idah* : الأصل في المعاملات والعادات الحل والإباحة (al-Tuwayjrī, 2009, j.2:305)

<sup>109</sup> Iaitu *qa’idah* : الثواب على قدر المشقة (Ibn Qasim, 2004, j.2:620)

<sup>110</sup> Al-Bukhārī (2002), Sahīh al-Bukhārī. Bab Ajr al-‘Umrah..., no. hadis 1787

<sup>111</sup> Iaitu: Fatwa MUI Dista Nomor 451/111HF/1995, tgl.20 Sya’ban 1415 H /22 Januari 1995 tentang Arisan Berantai seperti Danasonik; Fatwa DSN Nomor 75/DSN-MUI/VII/2009, tgl. 3 Syakban 1430 H /25 Juli 2009 M, tentang Pedoman Penjualan Langsung Berjenjang Syariah (PLBS); Fatwa MUI Kota Bandung Nomor: 291/MUI-KB/E.1/VII, tentang: Hukum Bisnis Network Marketing/MLM.

<sup>112</sup> Iaitu: Undang-undang Nomor 7 Tahun 1987 yang telah diubah dengan Undang-undang Nomor 3 Tahun 2006 tentang Perbankan; Undang-undang Nomor 11 Tahun 2006 tentang Pemerintahan Aceh; Undang-undang Nomor 21 Tahun 2008 tentang Perbankan Syariah Tambahan Lembaran Negara RI Nomor 4867; Qanun Nomor 11 Tahun 2002 tentang Pelaksanaan Syariat Islam Bidang Aqidah, Ibadah, dan Syi’ar Islam; Qanun Nomor 2 Tahun 2009 tentang Majelis Permusyawaratan Ulama.

tersebut didapati bahawa secara garis besar kandungannya memelihara kepentingan masyarakat khususnya dalam perkara muamalat. Hal ini dapat digolongkan dalam sumber hukum *maṣālih mursalat*.

Secara umumnya, kaedah penggunaan sumber hukum yang diguna pakai dalam mengeluarkan fatwa ini bersesuaian dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Hal ini dapat dibuktikan dengan penggunaan beberapa ayat al-Quran dan hadis.

Seterusnya, penggunaan dua *qā'idat al-fiqhiyyat* pula dapat diterima sebagai sandaran, kerana kedua kaedah tersebut juga berdasarkan kepada al-Quran dan hadis. Manakala langkah MPU Aceh menyandarkan fatwa ini kepada fatwa MUI dan undang-undang pemerintahan juga tidak menyalahi kaedah penggunaan sumber hukum, selama mana ianya bertepatan dengan ketentuan hukum syarak dan dapat digolongkan dalam *maṣālih mursalat*.

### c) **Kesimpulan**

Dapat disimpulkan bahawa kaedah penggunaan sumber hukum oleh MPU Aceh dalam mengeluarkan fatwa ini ialah bertepatan dengan kaedah penggunaan sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam. Sumber-sumber hukum yang diguna pakai dalam mengeluarkan fatwa ini ialah al-Quran, al-sunnah dan *maṣālih mursalat*.

#### 4.5 Kesimpulan

Berdasarkan kepada analisis yang telah dijalankan terhadap beberapa fatwa terpilih dari tahun 2006-2010 berkaitan dengan kaedah penggunaan sumber hukum MPU Aceh dalam berfatwa, dapat disimpulkan bahawa institusi tersebut secara umumnya mengutamakan merujuk kepada al-Quran dan al-sunnah sebagai sumber hukum pada setiap fatwa. Keduanya disebutkan dengan jelas dan terperinci pada setiap fatwa yang terpilih untuk dianalisis. Namun begitu terdapat juga keduanya hanya disebutkan namanya sahaja tanpa memperincikan ayat al-Quran, atau hadis berserta perawinya, seperti yang berlaku pada fatwa nombor 1 tahun 2006 dan fatwa nombor 2 tahun 2007.

Seterusnya MPU Aceh juga merujuk kepada ijmak dan qiyas, namun penggunaan keduanya tidak wujud secara terperinci. Penggunaan keduanya yang terdapat pada sebahagian teks-teks fatwa terpilih hanya sekadar penyebutan namanya sahaja.

Selain merujuk kepada al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas, MPU Aceh juga menggunakan beberapa *qā'idat al-fiqhiyyat* sebagai sandaran. Penggunaannya jelas dan terperinci sepertimana yang terdapat pada fatwa nombor 1, 2 dan 8 tahun 2010.

Selain itu, MPU Aceh juga merujuk kepada undang-undang pemerintahan, sepertimana yang terdapat pada fatwa nombor 1 tahun 2006 dan fatwa nombor 1, 2, & 8 tahun 2010. Seterusnya MPU Aceh juga merujuk kepada pendapat dan fatwa ulama-ulama sebelumnya, sama ada ulama-ulama terkini mahupun ulama-ulama terdahulu, sepertimana yang terdapat pada fatwa nombor 2 tahun 2007, fatwa

nombor 3 tahun 2008, fatwa nombor 6 tahun 2009 dan fatwa nombor 1, 2 & 8 tahun 2010.

Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa kaedah penggunaan sumber hukum MPU Aceh dalam berfatwa ialah merujuk kepada sumber hukum yang disepakati para ulama, iaitu al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas. Selain itu, terdapat juga penggunaan sumber hukum yang tidak disepakati para ulama, seperti *maṣāliḥ mursalat*, *'urf* dan *sad zarā'i*'. Secara umumnya, Al-Quran dan al-sunnah jelas dan terperinci penggunaannya. Manakala ijmak dan qiyas tidak terperinci penggunaannya. Seterusnya, *maṣāliḥ mursalat*, *'urf* dan *sad zarā'i*' tidak wujud penggunaannya secara langsung.

Jadual 4.5

*Kesimpulan kaedah penggunaan sumber hukum MPU Aceh*

Bil	Fatwa	Sumber Hukum Yang Disepakati Ulama					Sumber Hukum Yang Tidak Disepakati Ulama					
		Al-Quran	Al-Sunnah	Ijmak	Qiyas	Istihṣān	Maṣāliḥ Mursalat	Sad Zarā'ī'	'Urf	Qawl al-Sahābi	Syar' Man Qablanā	Istishāb
1	Fatwa 4.4.1	✓	✓				✓		✓			
2	Fatwa 4.4.2	✓	✓									
3	Fatwa 4.4.3	✓	✓	✓	✓							
4	Fatwa 4.4.4	✓	✓	✓	✓							
5	Fatwa 4.4.5	✓	✓	✓	✓							
6	Fatwa 4.4.6	✓	✓	✓	✓							
7	Fatwa 4.4.7	✓	✓	✓	✓							
8	Fatwa 4.4.8	✓	✓				✓	✓	✓			
9	Fatwa 4.4.9	✓	✓	✓					✓			
10	Fatwa 4.4.10	✓	✓				✓					

## BAB LIMA

### PENUTUP

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bahagian penutup kajian, mengandungi kesimpulan, saranan dan penutup. Perbincangan di bawah tajuk “Kaedah Penggunaan Sumber Hukum Dalam Berfatwa oleh Majelis Pemusyawaratan Ulama (MPU) Aceh” diawali dengan satu tajuk umum berkaitan dengan fatwa yang mencakupi takrifan-takrifan fatwa daripada sudut bahasa dan istilah, serta kedudukannya dalam Islam. Selain itu tajuk ini juga mengemukakan kaedah penggunaan sumber hukum yang telah diguna pakai dalam amalan berfatwa disepanjang sejarah perundangan Islam bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w. hinggalah ke hari ini, serta diteruskan dengan pengenalan berkaitan sumber-sumber hukum dan kedudukannya. Kesimpulannya mendapati bahawa secara umumnya sumber hukum yang telah diguna pakai dalam berfatwa dapat diklasifikasikan kepada dua, iaitu sumber hukum yang disepakati dan sumber hukum yang tidak disepakati. Sumber hukum yang disepakati terdiri daripada: al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas. Manakala sumber hukum yang tidak disepakati pula terdiri daripada: *istihsān*, *maṣāliḥ mursalaṭ*, *qawl al-ṣaḥābī*, *sad zarā’i*, *’urf*, *istiṣḥāb* dan *syar’ man qablanā*.

Seterusnya kaedah penggunaannya ialah mendahulukan merujuk kepada al-Quran, kemudian kepada al-sunnah, ijmak dan qiyas mengikut keutamaan. Manakala penggunaan sumber hukum yang tidak disepakati tidak wujud pengutamaan antara satu dengan yang lainnya.

Perbincangan seterusnya diperincikan dengan meneliti institusi fatwa di Provinsi Aceh-Indonesia, iaitu MPU Aceh. Penelitian itu merangkumi sejarah penubuhan institusi tersebut, struktur organisasinya, serta proses perbincangan dan pengeluaran fatwa serta sumber hukum yang diamalkan oleh institusi tersebut. Kesimpulannya bahawa MPU Aceh merupakan sebuah institusi fatwa yang mempunyai hak dan kuasa serta dilindungi oleh undang-undang dalam memberikan sesuatu fatwa kepada masyarakat Aceh. Selain itu proses perbincangan dan pengeluaran fatwa melibatkan pimpinan dan seluruh anggota MPU Aceh. Namun MPU Aceh tidak mempunyai sesuatu kaedah penggunaan sumber hukum yang tetap untuk dijadikan sebagai sebuah panduan dalam berfatwa.

Setelah melalui perbahasan demi perbahasan, analisis terhadap kaedah penggunaan sumber hukum yang digunakan oleh badan ini dalam mengeluarkan fatwa sekitar tahun 2006 hingga 2010 mula dikaji dan menyimpulkannya berdasarkan kepada sepuluh fatwa terpilih. Hasil yang dicapai ialah sebenarnya MPU Aceh mempunyai kaedah penggunaan sumber hukum tersendiri dalam berfatwa, namun kaedah tersebut tidak ditetapkan dengan mana-mana peruntukan atau pun undang-undang sebagai panduan dalam berfatwa. Kesan daripada itu menjadikan institusi tersebut terlalu bebas, tidak ada acuan dan tidak ada batasan dalam penggunaan sumber hukum. Kaedah penggunaan sumber hukum yang dapat dicapai berdasarkan analisis sepuluh fatwa terpilih ialah MPU Aceh merujuk kepada al-Quran, al-sunnah, ijmak, qiyas, *maṣāliḥ mursalat*, *sad zarā'ī* dan *'urf*.

## 5.2 Rumusan dan Kesimpulan

MPU Aceh merupakan satu-satunya organisasi yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan fatwa di provinsi Aceh-Indonesia. Setiap keputusan yang dikeluarkan akan menjadi hukum dan akan diikuti oleh masyarakat Islam. Ia memainkan peranan penting ke arah membentuk masyarakat memahami Islam dan mengamalkan kehidupan berlandaskan syarak. Seterusnya, ia menjauhkan masyarakat dari kejahilan apabila berhadapan dengan persoalan kehidupan seharian yang timbul.

Justeru itu, dengan peranannya yang sedemikian penting, sesuatu fatwa yang dikeluarkan mestilah berdasarkan kepada sumber hukum yang benar dan jelas sepertimana sumber hukum yang telah diguna pakai oleh para ulama muktabar yang terdapat disepanjang sejarah perundangan Islam.

Dalam konteks kajian ini, setelah melalui perbahasan demi perbahasan serta analisis kaedah penggunaan sumber hukum yang diguna pakai oleh badan ini dalam mengeluarkan fatwa sekitar tahun 2006 hingga 2010 berdasarkan sepuluh fatwa terpilih, terdapat beberapa dapatan telah dicapai. Antara dapatan tersebut ialah:

- a) Fatwa merupakan satu cara bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan agama yang berlaku di tengah masyarakat Islam. Fatwa juga menempati kedudukan tersendiri dan penting dalam perundangan Islam. Sekalipun amalan berfatwa mudah terdedah kepada kesalahan, namun ia termasuk suatu kerja yang boleh mendatangkan pahala dan manfaat yang besar bagi umat Islam jika dilakukan dengan memenuhi segala keperluan dan persyaratan. Satu hal yang amat penting dalam amalan berfatwa ialah berkaitan kaedah penggunaan sumber

hukum. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kaedah penggunaan sumber hukum yang disepakati para ulama dalam amalan berfatwa di sepanjang sejarah Islam ialah merujuk kepada al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas mengikut keutamaan. Para ulama di sepanjang sejarah perundangan Islam telah sepakat bahawa mesti merujuk kepada al-Quran terlebih dahulu, kemudian merujuk kepada al-sunnah, ijmak dan qiyas. Manakala kaedah penggunaan sumber hukum yang tidak disepakati para ulama ialah merujuk kepada *istihsān*, *maṣāliḥ mursalaṭ*, *sad zarā'i*, *'urf*, *qawl al-ṣaḥābī*, *syar' man qablanā* dan *istiḥāb*. Sebahagian ulama ada yang menerima semuanya untuk dijadikan sebagai sumber hukum seperti Imam Malik bin Anas, malahan beliau turut merujuk kepada *'amal ahl al-Madīnaṭ*. Sementara sebahagian ulama lain ada yang menerima sebahagiannya dan menolak selebihnya, seperti yang telah dijelaskan pada bab dua. Seterusnya sumber hukum yang tidak disepakati tersebut tidak ada keutamaan antara satu dengan yang lainnya.

- b) MPU Aceh adalah satu-satunya institusi yang mempunyai hak dan kuasa dalam berfatwa di Provinsi Aceh-Indonesia. Hak dan kuasa dalam berfatwa itu diakui dan ditetapkan dengan peruntukan undang-undang Pemerintahan. Pimpinan dan anggota institusi ini merupakan perwakilan daripada alim ulama seluruh Aceh yang dipilih melalui sebuah mesyuarat. Pimpinan dan anggota yang terpilih kemudiannya ditetapkan dengan undang-undang Pemerintahan Aceh. Proses perbincangan dan pengeluaran fatwa dalam institusi ini melibatkan seluruh pimpinan dan anggotanya.

- c) Dalam amalan berfatwa, MPU Aceh sebenarnya mempunyai kaedah penggunaan sumber hukum tersendiri, namun ianya tidak dijadikan sebagai sebuah ketetapan dengan sebuah peruntukan peraturan atau undang-undang untuk dijadikan sebagai panduan. Kaedah penggunaan sumber hukum tersebut ialah merujuk kepada sumber hukum yang disepakati para ulama iaitu al-Quran, al-sunnah, ijmak dan qiyas mengikut keutamaan. Secara umumnya penggunaan al-Quran dan al-sunnah dapat ditemukan dan dinyatakan dengan jelas dalam teks-teks fatwa, malahan turut disebutkan surah dan ayat (al-Quran) serta hadis dan perawinya. Manakala penggunaan ijmak dan qiyas hanya sebatas penyebutan namanya sahaja tanpa memperincikan penggunaannya.

Selain itu, kajian mendapati wujud penggunaan sumber hukum yang tidak disepakati para ulama oleh MPU Aceh, iaitu *maṣāliḥ mursalaṭ*, *sad zarā'i*' dan *'urf*. Namun penggunaannya tidak ditemukan secara langsung dalam teks-teks fatwa kecuali setelah melakukan pengkajian secara lebih terperinci. Sebagai contoh terhadap *sad zarā'i*' ialah dengan menganalisis penggunaan *qawā'id al-fiqhiyyaṭ*. Manakala *maṣāliḥ mursalaṭ* dan *'urf* dapat ditemui dengan menganalisis penggunaan undang-undang pemerintahan. Seterusnya MPU Aceh juga merujuk kepada pendapat dan fatwa ulama sebelumnya, sama ada pendapat ulama terdahulu yang terdapat dalam kitab-kitab *turāth* mahupun pendapat ulama kini.

Sekalipun MPU Aceh cuba merujuk terus kepada al-Quran dan al-sunnah, namun pada hakikatnya MPU Aceh tidak terus memutuskan sesuatu fatwa

berdasarkan kepada kedua sumber hukum tersebut, akan tetapi turut juga mempertimbangkan *qawā'id al-fiqhiyyat*, pendapat ulama dan undang-undang pemerintahan. Hal ini menunjukkan bahawa MPU Aceh tidak berijtihad secara mutlak dalam memutuskan sesebuah fatwa.

Seterusnya, kaedah penggunaan sumber hukum oleh MPU Aceh terlihat meningkat lebih mantap dari satu tahun ke tahun berikutnya. Hal ini jelas terlihat perbezaan berlaku pada tahun 2010 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

### **5.3 Cadangan**

Sebelum mengemukakan beberapa cadangan, kajian ini terlebih dahulu mengutarakan beberapa keunggulan yang ada dan perlu dilestarikan oleh institusi berkenaan. Antaranya ialah:

Pertama: Usaha yang dilakukan dengan cara mendahulukan merujuk terus kepada al-Quran dan al-sunnah dalam setiap permasalahan yang akan difatwakan. Perkara ini perlu diberi sokongan, atas dasar bahawa sumber hukum asasi dalam Islam ialah al-Quran dan al-sunnah. Sekalipun kemampuan ulama zaman ini tidak setaraf dengan ulama pada era kegemilangan fiqh dan ijtihad, namun setidaknya usaha tersebut merupakan ikutan terhadap *manhaj* Rasul s.a.w, para sahabat dan juga tabiin.

Kedua: Pengamalan merujuk kepada pendapat ulama sebelumnya, sama ada ulama terdahulu mahupun ulama terkini merupakan satu pendekatan bijak, atas dasar sesuatu ijtihad baru tidak lepas kaitannya dengan ijtihad sebelumnya, malahan

dengan itu boleh meningkatkan lagi kualiti ijtihad, namun mesti sentiasa memperhatikan dalil dan sumber hukum yang diguna pakai.

Ketiga: Proses perbincangan dan pengeluaran fatwa yang melibatkan seluruh pimpinan dan anggota MPU Aceh yang terdiri daripada pelbagai bidang komisi bahkan turut melibatkan kaum perempuan juga perlu dikekalkan, apalagi keseluruhan pimpinan dan anggota MPU Aceh merupakan perwakilan alim ulama daripada seluruh masyarakat Aceh, dan berbilang latar belakang pendidikannya.

Keempat: Keputusan terhadap sesebuah fatwa ditetapkan berdasarkan kepada suara majoriti (dua pertiga) daripada bilangan anggota mesyuarat juga merupakan suatu langkah yang perlu diteruskan bagi mengelak dan memperkecil kesalahan dalam amalan berfatwa.

Bagi menambahbaikkan lagi kaedah penggunaan sumber hukum dan memudahkan lagi proses perbincangan dan pengeluaran fatwa, kajian ini cuba mengemukakan beberapa cadangan kepada institusi tersebut, antaranya ialah;

Pertama: MPU Aceh perlu membuat suatu kaedah penggunaan sumber hukum yang jelas dan tetap untuk dijadikan sebagai panduan, agar tidak berlaku kekeliruan atau hambatan dalam mencari sumber hukum ketika mengeluarkan sesuatu fatwa. Sumber hukum itu dapat dirujuk secara satu persatu mengikut keutamaan dalam proses perbincangan dan pengeluaran fatwa.

Kedua: Mengingat sumber hukum yang terdapat dalam sejarah perundangan Islam terbahagi kepada dua, maka MPU Aceh perlu memperjelaskan sikap sama ada menggunakan sumber hukum yang tidak disepakati para ulama atau tidak. Ini kerana dalam kalangan para ulama sendiri berlaku perbezaan pendapat tentang penggunaannya.

Ketiga: MPU Aceh juga perlu memperjelaskan sikap terhadap penggunaan pendapat ulama yang terdapat dalam mazhab-mazhab fiqh. Hal ini kerana pada dasarnya hukum (pendapat atau pandangan ulama) yang terdapat dalam perbendaharaan fiqh Islam tidak semuanya bersifat *qat'iy*.

Keempat: MPU Aceh juga perlu memperjelaskan sikap terhadap penggunaan pendapat ulama dan *qawā'id fiqhiyyat* sebagai sandaran, kerana keduanya bukanlah sumber hukum kecuali berdasarkan kepada dalil yang berasal daripada sumber hukum.

Kelima: MPU Aceh juga perlu memperjelaskan sikap terhadap penggunaan undang-undang pemerintahan sebagai sandaran, kerana ianya tidak termasuk sebagai sumber hukum dalam amalan berfatwa dalam sejarah perundangan Islam.

Keenam: Dalam kes-kes tertentu, alangkah baiknya MPU Aceh tidak cukup dengan hanya merujuk kepada satu sumber hukum sahaja, sebaliknya ia perlu merujuk kepada sumber hukum lain (samada sumber hukum yang disepakati mahupun sumber hukum yang tidak disepakati) terutamanya dalam keadaan tidak terdapat dalil

*qat'iy al-thubūt* dan *qat'iy al-dalālat*. Hal ini penting bagi menghindar daripada kebuntuan dalam menyelesaikan permasalahan yang memerlukan kepada fatwa.

Perkara-perkara ini amat penting, kerana sesuatu fatwa yang dipersembahkan untuk diterima oleh masyarakat sangat bergantung kepada sumber hukum yang digunakan.

#### **5.4 Penutup**

Rasa syukur yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T, kerana dengan taufiq dan *'inayat*Nya kajian ini dapat disempurnakan. Kajian ini merupakan sebuah tinjauan semula terhadap kaedah penggunaan sumber hukum yang telah diguna pakai dalam sepanjang sejarah perundangan Islam, bermula sejak zaman penurunan wahyu hinggalah ke hari ini. Seterusnya, kajian ini meneliti kaedah penggunaan sumber hukum yang diguna pakai oleh MPU Aceh sebagai sebuah institusi yang berkuasa dalam mengeluarkan fatwa di bumi Aceh. Analisis menunjukkan bahawa ketiadaan kaedah penggunaan sumber hukum yang tetap dalam berfatwa mengakibatkan kecelaruan dan ketidakteraturan dalam penggunaan sumber hukum. Kajian ini terhenti sampai setakat ini saja, harapan seterusnya kajian lain dapat dibuat oleh para pengkaji lain demi menambahkan lagi perbendaharaan keilmuan yang berkitan dengan fatwa. Penulisan ini juga diharapkan menjadi salah satu sumbangan terhadap perkembangan ilmu sekali gus dapat membantu umat Islam agar sentiasa berada pada landasan yang diredhai Allah.

## BIBLIOGRAFI

Al-Qurān al-Karīm.

Abādī, Al-Fayrūz. (2005). *Al-Qāmūs al-Muḥīt*. Beirut: Muassasah al-Risālah.

Abdul Monir Yaacob & Wan Roslili Abd. Majid. (1998). *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Abū Zahrah, Muḥammad. (t.t). *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.

Abū Zahrah, Muḥammad. (t.t). *Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.

Al-Ajḡān, Muḥammad Abū. (1985). *Fatāwā al-Imām al-Syātībī*. Tunis: Al-Wardiyah.

Al-Asyqar, Muhammad Sulaimān ‘Abd Allah. (1976). *Al-Futyā wa Manāhij al-Iftā*. Kuwait: Maktabah Al-Manār Al-Islamiyyah.

Al-Baghdādī, Abū Bakr Aḡmad Ibn ‘Ali Ibn Thābit al-Khaṭīb. (1996). *al-Faqīh wa al-Mutafaqqih*, Dammam: Dār Ibn al-Jawziyyah.

Al-Bukhārī, Al-Imām Abū ‘Abd Allah Muḥammad Ibn Ismāil. (2002). *Saḡīḡ al-Bukhārī*. Damsyik: Dār Ibn Kathīr.

Al-Dār Qutnī, Al-Imām al-Ḥāfiz ‘Ali Ibn ‘Umar. (2001). *Sunan al-Dār Qutnī*. Beirut: Dār Makrifah.

Al-Dimasyqī, Abī al-Fidā’ Ismāil Ibn ‘Umar Ibn Kathīr Al-Qarsyī. (1999). *Tafsīr Al-Quran al-‘Azīm*. Riyāḡ: Dār Tayyibah.

Al-Du‘ās, Izzat ‘Abid. (1989). *Al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dār al-Turmuzi.

Al-Fārisī, Al-Amīr ‘Alā’ al-Dīn ‘Ali Ibn Balbān. (1993). *Saḡīḡ Ibn Hibbān Bi Tartīb Ibn Balbān*. Beirut: Muassasah al-Risālah.

*Al-Fatāwā al-Islāmiyyah Min Dār al-Iftā al-Misriyyah*. (1980). Kaherah: Wizārah al-Awqāf, Al-Majlis al-‘la Li al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah.

Alias bin Azhar. (2001). *Metodelogi Jawatankuasa Fatawa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian Dari Tahun 1985-1995*. Desertasi, Fakulti Syariah, Universiti Malaya.

Al-Jalālain, Jalāl al-Dīn Muḥammad Ibn Aḡmad Ibn Muḥammad al-Maḡallī dan Jalāl al-Dīn Abd al-Raḡmān Ibn Abī Bakr al-Suyūṭī. (t.t). *Tafsīr Al-Imāmāin Al-Jalālain*. Tanpa tempat: Dār Ibn Kathīr.

- Al-Jawziyyah, Ibn Al-Qayyim. (1423 H). *A'lām al-Muwaqqi'īn 'An Rab al-'Ālamīn*. Dammam: Dār Ibn Al-Jawziyyah.
- Al-Jizānī, Muhammad Ibn Husain Ibn Hassān. (1996). *Mu'ālim Usūl al-Fiqh 'Inda Ahl al-Sunnat Wa al-Jamā'at*. Dammam: Dār Ibn al-Jawziyyah.
- Al-Khāzin, 'Alā' al-Dīn 'Ali Ibn Muḥammad Ibn Ibrāhīm. (t.t.). *Tafsīr al-Khāzin*. Kaherah: Dar al-Kutub al-'Arabiyat al-Kubra.
- Al-Mallah, Al-Syaykh Ḥusin Muḥammad. (2001). *al-Fatāwā nasy'atuhā Wa Taṭawwuruha Uṣūluhā Wa Taṭbīqātuhā*. Beirut: Maktabah al-'Asriyyat.
- Al-Marāghī, Ahmad Mustafa. (1946). *Tafsīr al-Marāghī*. Kaherah: Mustafa al-Bābī al-Halbī Wa Awlādih.
- Al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyat*. (2006). Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyat.
- Al-Misrī, Ibn Manzūr Al-Afriqī. (t.t.). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Sādir.
- Al-Nasā'ī, Aḥmad Ibn Syu'ayb. (t.t.). *Sunan al-Nasā'ī*. Riyadh: Bait al-Afkār al-Dawliyyah.
- Al-Nawāwī, Al-Imām Al-Hāfiz Maḥy Al-Dīn Abu Zakaria Yahya Ibn Syaraf Ibn Murry. (t.t.). *Al-Minhāj Fī Syarh Ṣaḥīḥ Muslim Ibn Al-Ḥajjāj*. 'Amman: Bait al-Afkār Al-Dawliyyat.
- Al-Nawāwī, Maḥy Al-Dīn Ibn Syaraf. (1985). *Al-Taqrīb Wa al-Taysīr Li Makrifati Sunan Al-Basyīr Al-Nazīr*. Beirut: Dār Al-Kitāb Al-'Arabī.
- Al-Nawāwī, Maḥy Al-Dīn Ibn Syaraf. (t.t.). *Kitāb al-Majmū' Syarh al-Muhadhdhab Li al-Syīrazī*. Jeddah: Maktabat al-Irsyād.
- Al-Nawāwī, Yahya Ibn Syaraf. (1988). *Ādāb al-Fatwā*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Al-Qaḥṭānī, Musfir Ibn 'Ali Ibn Muḥammad. (2000). *Manḥāj Istinbāt Aḥkām al-Nawāzil al-Fiqhiyyat al-Mu'āṣarat*. Thesis, Fakulti Syariah dan Pelajaran Islam, Universiti Ummul Qura.
- Al-Qaradāwī, Yusuf. (1993). *Madkhāl Li Dirāsāt al-Syarī'at al-Islāmiyyat*. Beirut: Muassasat al-Risālat.
- Al-Qarāfī, Shihāb al-Dīn Abu al-'Abbas. (1995). *al-Ahkām Fī Tamyīz al-Fatāwā 'an al-Aḥkām*, Beirut: Maktab Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyyat.
- Al-Qāsimī, Jamal al-Dīn. (1986). *al-Fatwa Fī al-Islām*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Al-Qaṭṭān, Mannā'. (2001). *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī*. Kaherah: Maktabat Wahbat.

- Al-Ramlī, Syams al-Din Muḥammad Ibn Abi al-‘Abbās Aḥmad Ibn Ḥamzaṭ Ibn Syihāb al-Din. (2003). *Nihāyaṭ al-Muhtāj Ila Syarh al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyaṭ.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Umar Ibn Husain. (t.t.). *Al-Maḥṣūl Fī ‘Ilmi Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Muassasaṭ al-Risālaṭ.
- Al-Sijastānī, Abu Dāwūd Sulaimān Ibn Al-Asy‘athi al-Azdiy. (2009). *Sunan Abī Dāwūd*. Damsyik: Dār al-Risālaṭ al-‘Ālamiyyaṭ.
- Al-Suyūṭī, Al-Imām Jalāl al-Dīn Abd al-Raḥmān. (1997). *Al-Asybah Wa al-Nazāir*. Riyaḍ: Maktabaṭ Nazar Mustafa al-Bāz.
- Al-Syāfī‘ī, Muḥammad Ibn Idrīs. (2001). *Al-Um*. Manṣūraṭ: Dār al-Wafā’.
- Al-Syarqāwī, Syaikh al-Islām al-Syaikh Abd Allah. (1338 H). Hasyiyaṭ Imām al-Muḥaqqiqīn Wa Qudwaṭ al-Sālikīn. Kaherah: Mustafa al-Bābī al-Halbī Wa Awlādūh.
- Al-Syātibī, Abu Ishāq. (1997). *Al-Muwāfaqaṭ*. Al-Khubar: Dār Ibn ‘Affān.
- Al-Syawkānī, Muḥammad Ibn ‘Ali Ibn Muḥammad. (1994). *Fath al-Qadīr*. Tanpa Tempat: Dār al-Wafā’.
- Al-Turmuzī, Muḥammad Ibn ‘Isa Ibn Sawrah. (t.t.). *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*. Kaherah: Mustafa al-Bābī al-Halbī Wa Awlādūh.
- Al-Tuwayjrī, Muḥammad Ibrāhīm Ibn Abd Allah. (2009). *Mawsū‘aṭ al-Fiqh al-Islāmī*. Tanpa Tempat: Bait al-Afkār al-Dawliyyaṭ.
- Al-Zarqā’, Al-Syaikh Ahmad Ibn al-Syaikh Muhammad. (1989). *Syarh al-Qawā‘id al-Fiqhiyyaṭ*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Al-Zibārī, Amir Sa’īd. (1995). *Mabāḥith Fī Aḥkām al-Fatwa*, Beirut: Dār Ibn Hazm.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. (1985). *Al-fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Al-Zuhaylī, Wahbah. (1986). *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Asiah Sarji. (1999). Mengkaji Sejarah Penyiaran: Pendekatan Sejarah dan Analisis Isi Kandungan dlm. Syed Arabi Idid, *Analisis Kandungan*. Bangi: Jabatan Komunikasi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Abdul Aziz bin Juned. (1998). Perkembangan dan Peranan institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam dlm. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid, *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

- Benda, Harry J. (1980). *Bulan Sabit dan Matahari Terbit: Islam Indonesia Pada Masa Pendudukan Jepang*, Terjemahan dari *The Crescent and The Rising Sun, Indonesian Islam Under The Japanese Occupation* karangan Daniel Dakhidæ. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Fuady, M. Samir. (2007). *Legislasi Hukum Islam Di Era Modern (Tinjauan tentang Peranan MPU dalam Pembuatan Qanun Syari'at Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam)*. Tesis Program Pascasarjana, Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam-Banda Aceh.
- Hasjmy, A. (1997). *Sumbangan Kesusasteraan Aceh Dalam Pembinaan Kesusasteraan Indonesia*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Hassan bin Haji Salleh. (1979). *Sejarah Perundangan Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Ḥassān, Khālid Ramaḍān. (1998). *Mu'jam Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Al-Rawḍaṭ.
- Husni. (2000). *Metode Istinbath MUI Aceh (Suatu Kajian Terhadap Penyelesaian Kasus-kasus Dalam Komisi Fatwa)*. Tesis Program Pascasarjana, Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam-Banda Aceh.
- Ibn Anas, Mālik. (1985). *Al-Muwaṭṭā'*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Ibn Bayyah, Al-Syaikh Abd Allah Ibn al-Syaikh al-Mahfūd. (2007). *Sinā'at al-Fatwā wa fiqh al-Aqalliyyāt*. Beirut: Dār Manhāj.
- Ibn Ḥanbal, Aḥmad. (1998). *Musnad Al-Imām Al-Ḥāfiẓ Abī Abd Allah Ahmad Ibn Hanbal*. Riyāḍ: Bait al-Afkār al-Dawliyyaṭ.
- Ibn Mājah, Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwinī. (t.t.). *Sunan Ibn Mājah*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif.
- Ibn Qāsim, Abd al-Raḥmān Ibn Muḥammad. (2004). *Majmū' Fatāwā Ibn Taymiyyaṭ*. Madinah: Majamma' al-Mālik Fahd Liṭibā'aṭ al-Maṣḥaf al-Syarīf.
- Idris Awang. (2009). *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.
- Kamus Bahasa Indonesia*. (2008). Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khallāf, Abd Wahhāb. (1993). *Maṣādir al-Tasyrī' al-Islāmī Fī Mā Lā Naṣṣa Fī hi*. Kuwait: Dār al-Qalam.
- Khallāf, Abd Wahhāb. (t.t.). *Ilm Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Maktabah al-Dakwah al-Islāmiyyaṭ.

- Khallāf, Abd Wahhāb. (t.t.). *Khullāṣat Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī*. Kuwait: Dār al-Qalam.
- Kumpulan Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Daerah Istimewa Aceh Tahun 1965 S/D 31 Maret 1979*. (2006). Banda Aceh: Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.
- Kumpulan Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Daerah Istimewa Aceh*. (2005). Banda Aceh: Majelis Permusyawaratan Ulama Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (1998). *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohammad Saedon Awang Othman. (1998). Etika Mufti: Tugas dan Peranan Dalam Menghadapi Alaf Baru dlm. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid, *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd. Akram bin Dahaman @Dahlan. (2005). *Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa 1990-2000*. Desertasi, Fakulti Syariah, Universiti Malaya.
- Othman Ishak. (1981). *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Reid, Anthony. (2003). Pan Islamisme Abad Kesembilan Belas di Indonesia dan Malaysia dlm. Nico J.G. Kaptein (Editor), *Kekacauan dan Kerusuhan: Tiga Tulisan tentang Pan-Islamisme di Hindia Belanda Timur pada Akhir Abad Kesembilan Belas dan Awal Abad Kedua puluh*. Jakarta: INIS.
- Ruslan, Rosady. (2006). *Metode Penelitian: Public Relations & Komunikasi*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Salim, Peter & Salim, Yenni. Edisi Ketiga. (2002). *Kamus Bahasa Indonesia Kontemporer*. Jakarta: Modern English Press.
- Sanu, Qutub Mustafa. (2000). *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl Al-Fiqh*. Damsyik: Dār Al-Fikr.
- Shoman, 'Abbās. (2000). *Masādir al-Tasyrī' al-Islāmī*. Kaherah: al-Dār al-Thaqāfiyyaṭ.
- Sri Suyanta. (2005). *Pola Hubungan Ulama dan Umara (Kajian Tentang Pasang Surut Peran Ulama Aceh)*. Disertasi Program Pascasarjana Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*. Selangor: Yeohprinco Sdn. Bhd.

- Sulaiman, M. Isa. (1998). *Sejarah Aceh: Sebuah Gugatan Terhadap Tradisi*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- Syalabī, Muḥammad Mustafa. (1985). *Madkhal Fī al-Ta'rif Bi al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dār al-Jāmi'iyat.
- Wan Mohd Khairul Firdaus Bin Wan Khairuldin. (2011). *Metode Fatwa Sheik 'Ali Juma'ah Dalam Kitab Al-Kalim Al-Tayyib - Fatāwā 'Asriyyah*. Desertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Zaydān, Abd Karīm. (t.t). *al-Madkhal li Dirāsaṭ al-Syarī'at al-Islāmiyyat*. Alexandria: Dār Umar Ibn Khattāb.